




LAPORAN EKONOMI 2018/2019

NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM





LAPORAN EKONOMI 2018/2019

NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM



Senarai Kandungan

TAJUK	M/S	TAJUK	M/S
BAB 1 : EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018		PERIKANAN	44
PENDAHULUAN	6	TERNAKAN	45
EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2018	6	PERHUTANAN	47
Pertumbuhan Di Kalangan Ekonomi-Ekonomi Utama Dunia	9	PERTANIAN LAIN	48
Amerika Syarikat (AS)	10	Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Pertanian Negeri Johor	49
Kawasan Euro	10	SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN	50
Jepun	11	SEKTOR PEMBUATAN	51
China	11	Pengeluaran Industri Berorientasikan Domestik	52
Singapura	11	Pengeluaran Industri Berorientasikan Eksport	52
Pertumbuhan Di Kalangan Ekonomi-Ekonomi Asia	12	SEKTOR PEMBINAAN	53
EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2018	13	Pembinaan Unit Kediaman	55
Pertumbuhan KDNK	15	Pembinaan Bangunan Industri	58
PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018	15	Pembinaan Pejabat Binaan Khas	59
Pertumbuhan KDNK Negeri Johor Pada Tahun 2018	16	Pembinaan Kompleks Perniagaan	59
Prestasi Sektor-Sektor Pengeluaran Negeri Johor Di Tahun 2018	17	Pembinaan Kompleks Riadah	60
Sektor Utama	18	BAB 3 : SEKTOR-SEKTOR PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018	
Sektor Perindustrian	18	PENDAHULUAN	62
Sektor Perkhidmatan	19	SEKTOR UTILITI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018	62
PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018	19	Utiliti	62
Sumbangan Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Negeri Johor	19	Air	63
PERGERAKAN HARGA PENGGUNA DI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018	21	Elektrik	65
Harga Pengguna	21	PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, HOTEL DAN RESTORAN	67
TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018	24	Perdagangan Borong	68
Penawaran Tenaga Buruh	25	Perdagangan Runcit	68
Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Jenis Pekerjaan	26	Hotel dan Penginapan	70
Kadar Pengangguran	27	Perkhidmatan Restoran, Makanan dan Minuman	71
Kadar Pengangguran Mengikut Kumpulan Umur	27	SEKTOR PELANCONGAN	73
Kadar Pengangguran Mengikut Kelayakan Tertinggi	28	Kluster Pembangunan Pelancongan Negeri Johor (<i>Johor Tourism Development Cluster</i>)	74
Umur Tenaga Kerja	28	Arah Aliran Pelancongan dan Sumbangan Pelancongan Domestik	75
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	29	PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI	76
Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Ekonomi	30	Pengangkutan Darat	77
Trend Perkembangan Tenaga Buruh Negeri Johor	31	Pengangkutan Jalan Raya	77
SUASANA PELABURAN DI TAHUN 2018	32	Pengangkutan Rel	79
Perkembangan Pelaburan Ke Dalam Negara	32	Pengangkutan Laut	80
Sektor Perkhidmatan	33	Pengangkutan Udara	82
Pelaburan Ke Dalam Negeri Johor Dalam Tahun 2018	33	Telekomunikasi	84
BAB 2 : PRESTASI SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018		Penyimpanan dan Penghantaran	86
PENDAHULUAN	38	KEWANGAN, INSURANS, HARTANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN	87
PERTUMBUHAN SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018	38	Perkhidmatan Kewangan dan Insurans	88
PRESTASI PENGELUARAN SEKTOR UTAMA	39	Perkhidmatan Perniagaan Hartanah	89
SEKTOR PERTANIAN	39	Prestasi Jualan Hartanah dan Hartanah Tidak Terjual	91
TANAMAN UTAMA	39	Perkhidmatan Profesional, Saintifik dan Teknikal	91
Kelapa Sawit	39	PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN	92
Getah	43	PERKHIDMATAN KERAJAAN	94

ISI KANDUNGAN

LAPORAN EKONOMI NEGERI JOHOR 2018/ 2019

Senarai Kandungan

TAJUK	M/S	TAJUK	M/S
BAB 4 : PERKEMBANGAN EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DAN PEMBANGUNAN EKONOMI TIMUR JOHOR		MANFAAT PIPC KEPADA PETRONAS, NEGERI JOHOR DAN NEGARA	115
BAHAGIAN I : PERKEMBANGAN EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA	96	PIPC Sebagai Hab Petrokimia Serantau	116
Pengenalan	96	PIPC Sebagai Pemangkin Pembangunan	117
Kemajuan Ekonomi Iskandar Malaysia	96	KESIMPULAN	117
Kemajuan Ekonomi Iskandar Malaysia Dalam Tempoh 10 Tahun Pertama, 2006-2015	96	BAB 5 : EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2019	
PERKEMBANGAN TERKINI ISKANDAR MALAYSIA	97	Pengenalan	120
Sorotan Pelaburan Ke Dalam Iskandar Malaysia	97	EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2019	121
Pelaburan Asing di Iskandar Malaysia		EKONOMI-EKONOMI UTAMA PADA PERTENGAHAN TAHUN 2019	122
PEMACU DAN PENGUPAYA PERTUMBUHAN	97	Amerika Syarikat (AS)	123
Ekonomi Digital	99	Kawasan Euro	123
Revolusi Industri 4.0	99	Jepun	124
Aeroangkasa	100	China	124
KEPERLUAN KEPADA PERTANIAN MODEN DI ISKANDAR MALAYSIA	100	Singapura	125
Memperkenalkan Pertanian Moden di Iskandar Malaysia	101	Negara-Negara EMDE Secara Keseluruhan	126
Menyediakan Akses Kepada Pertanian Moden	101	Negara-Negara EMDE Pengeksport Komoditi	127
Menarik Petani Moden di Kalangan Anak Muda	102	Negara-Negara EMDE Pengimport Komoditi	128
Mengoptimumkan Penggunaan Tanah	102	Negara-Negara Berpendapatan Rendah	128
PENJAJARAN SEMULA MODAL INSAN	102	Tinjauan Pertumbuhan Ekonomi EMDE	129
PERTUMBUHAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA PADA TAHUN 2018	103	EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2019	130
Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi	104	Sektor Luaran	133
Sektor Perindustrian	105	Pasaran Pekerja	133
Sektor Perkhidmatan	106	Harga	133
Sumbangan Sektor-Sektor Pengeluaran kepada KDNK Iskandar Malaysia	107	Unjuran Pertumbuhan Ekonomi Malaysia Bagi Keseluruhan Tahun 2019	134
UNJURAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA PASCA 2018	107	Unjuran Pertumbuhan KDNK Malaysia Bagi Keseluruhan Tahun 2019	134
Prospek dan Risiko Pertumbuhan Ekonomi	108	EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2019	136
PASARAN PEKERJA DAN GUNATENAGA ISKANDAR MALAYSIA PADA TAHUN 2018	109	Unjuran Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi Negeri	137
Jumlah dan Taburan Penduduk	109	Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran kepada KDNK Negeri	138
Tenaga Buruh	109	Perkembangan Sektor Hartanah Negeri Johor Di Tahun 2019	139
Tenaga Kerja Mengikut Jenis Pekerjaan	110	Unjuran Taburan Tenaga Buruh Negeri Johor Di Tahun 2019	140
Taburan Tenaga Kerja Mengikut Jenis Industri	111	EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2019	142
BAHAGIAN II : PEMBANGUNAN EKONOMI TIMUR JOHOR: KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU Pengerang (PIPC)	112	Sumbangan Sektor kepada KDNK Iskandar Malaysia	143
Pengenalan	112	Risiko ke atas prospek pertumbuhan ekonomi Negeri Johor	144
Latarbelakang PIPC	112		
SEGMENT-SEGMENT DI KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU Pengerang (PIPC)	113		
Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC)	113		
Terminal Air Dalam Pengerang 2 (PDT2)	114		
Taman Perindustrian Maritim Pengerang (PMIP)	115		
Pengerang Integrated Development Project (PIDP)	115		



EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

LAPORAN EKONOMI 2018/2019 NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

PENDAHULUAN

Bab ini melaporkan prestasi ekonomi makro negeri Johor di Tahun 2018. Laporan dimulakan dengan suatu ringkasan mengenai prestasi dan arah aliran (*trend*) ekonomi dunia. Ini diikuti oleh laporan mengenai arah aliran ekonomi-ekonomi maju; Amerika Syarikat (AS), Rantau Euro, Republik Rakyat China (China), dan Jepun. Turut dilaporkan ialah ekonomi jiran terhampir negara - Singapura. Perbincangan di Bab ini adalah bertujuan memberikan suatu gambaran mengenai perkembangan ekonomi negara-negara yang berkait rapat dengan ekonomi Malaysia dan Johor yang amat terbuka.

EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2018¹

Pertumbuhan global menjadi sederhana apabila aktiviti perdagangan dan pembuatan mula perlahan. Ketegangan perdagangan di kalangan ekonomi utama yang digabungkan dengan kebimbangan prospek pertumbuhan global yang semakin lemah telah memberi kesan ke atas sentimen pelabur dan harga ekuiti global. Kos pinjaman di negara-negara sedang membangun yang layak digelar pasaran baru muncul; EMDE² telah meningkat, sebahagiannya akibat daripada beberapa tindakan oleh bank pusat sebilangan negara maju. Penguatan dolar Amerika Syarikat (AS), peningkatan di dalam ketidaktentuan pasaran kewangan (*financial market volatility*) serta peningkatan premium risiko (*risk premium*) telah meningkatkan aliran keluar modal dan tekanan ke atas mata wang di beberapa negara EMDE, dengan

sebilangannya terdedah kepada tekanan kewangan yang tinggi. Harga tenaga telah turun naik dengan ketara disebabkan terutamanya oleh faktor bekalan dengan kejatuhan menjelang akhir tahun 2018. Harga komoditi lain-lain, terutamanya logam, juga lemah, menzahirkan masalah yang sering berulang bagi negara-negara pengeksport komoditi.

Keaktifan ekonomi di negara-negara maju berbeza di antara satu dengan yang lain. Ekonomi AS kukuh manakala ekonomi negara-negara Kawasan Euro masing-masing agak lemah daripada yang dijangkakan, berikutan eksport bersih yang perlahan. Walaupun pertumbuhan di negara maju dianggarkan sedikit perlahan, iaitu 2.2% pada tahun 2018, ia masih sejajar dengan ramalan sebelumnya.

Kadar pertumbuhan ekonomi EMDE dianggarkan turun ke 4.2% pada tahun 2018; 0.3 titik peratusan di bawah unjuran sebelumnya. Beberapa negara yang mempunyai defisit akaun semasa yang tinggi mengalami tekanan pasaran kewangan dan kelembapan aktiviti. Secara amnya pemulihan ekonomi di beberapa negara pengeksport komoditi telah kehilangan momentum. Aktiviti ekonomi di kalangan negara-negara pengimport komoditi juga telah menjadi sedikit perlahan, mencerminkan kekangan kapasiti dan kemerosotan pertumbuhan eksport. Di kalangan negara-negara berpendapatan rendah (LIC³), pertumbuhan adalah semakin kukuh, hasil pelaburan infrastruktur yang berterusan dan pemulihan dalam output pertanian. Walau bagaimanapun, eksport logam di kalangan LIC menghadapi kesukaran akibat harga logam yang rendah.

¹ Petikan daripada *Global Economic Prospects*, World Bank yang dikeluarkan pada Jan. 2019 dan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2018 yang dikeluarkan pada Mac 2019.

² Akronim yang digunakan oleh Bank Dunia bagi negara-negara yang diklasifikasikan sebagai negara-negara pasaran baru muncul yang sedang membangun (*Emerging Markets And Developing Economies*). Mengikut *Morgan Stanley Capital International Emerging Market Index*, 24 negara membangun layak digelar *emerging markets*; Brazil, Chile, China, Colombia, Czech Republic, Egypt, Greece, Hungary, India, Indonesia, Korea, Malaysia, Mexico, Pakistan, Peru, Philippines, Poland, Qatar, Russia dan Afrika Selatan.

³ Akronim bagi "*Low Income Countries*" iaitu negara-negara yang mempunyai GNI per kapita bernilai US\$1,025 atau kurang. Di antara negara di dalam kumpulan ini ialah Burundi, Malawi, Niger, Afghanistan, Benin, Burkina Faso, Central African Republic, Chad, Democratic Republic of the Congo, Ethiopia dan Gambia.

Perdagangan global yang semakin perlahan dan keadaan pembiayaan yang lebih ketat dijangka menjadikan persekitaran luaran yang lebih mencabar untuk ekonomi negara-negara EMDE. Pertumbuhan EMDE dijangka tersekat di tahap 4.2% pada 2019 - 0.5 mata peratusan di bawah kadar yang diramalkan sebelumnya, sebahagiannya mencerminkan kesan tekanan kewangan baru-baru ini yang masih berlarutan di kalangan sebilangan ekonomi besar. Pertumbuhan ekonomi di kalangan EMDE dijangka mendatar pada purata 4.6% pada 2020-21, apabila pemulihan eksport komoditi menjadi sederhana. Pertumbuhan per kapita akan kekal lemah di beberapa kawasan EMDE - terutamanya, di kalangan negara yang banyak bergantung kepada eksport komoditi.

Kelembapan berperingkat-peringkat di dalam aktiviti ekonomi global yang telah dijangka berkemungkinan menjadi lebih sirius daripada yang dijangkakan memandangkan wujudnya risiko penurunan yang besar. Keadaan pembiayaan global yang lebih ketat dari yang dijangkakan atau peningkatan nilai mata wang dollar AS boleh terus menjadi tekanan ke atas ekonomi-ekonomi EMDE, terutama di kalangan negara EMDE yang mempunyai defisit akaun semasa yang besar dan dibiayai oleh portfolio dan aliran bank. Hutang kerajaan dan/atau swasta juga telah meningkat di sebahagian besar EMDE sejak beberapa tahun lepas. Ini menyempitkan peluang untuk memberi reaksi terhadap kejutan dan meningkatkan pendedahan kepada pergerakan sentimen pasaran dan peningkatan kos pinjaman.

Ketegangan perdagangan yang semakin meningkat adalah satu lagi risiko kepada prospek ekonomi global. Sekiranya semua tarif yang sedang dalam pertimbangan oleh AS dan China dilaksanakan, sekitar 5% aliran perdagangan global akan terkesan dengan menjejaskan pertumbuhan ekonomi di negara-negara yang terlibat sambil membawa kesan limpahan negatif. Walaupun sesetengah negara menerima manfaat daripada lencongan perdagangan dalam jangka pendek, peningkatan "protectionism" perdagangan akan menghalang pelaburan dan mengganggu rantai nilai global, menyumbang kepada harga yang lebih tinggi dan produktiviti yang lebih rendah. Risiko lain - seperti peningkatan ketidakpastian politik, peningkatan ketegangan geopolitik, dan konflik - berpotensi menjadikan keadaan lebih buruk.

Walaupun kemungkinan berlakunya kemelesetan ekonomi di AS adalah rendah, dan kelembapan ekonomi China dijangka beransur-ansur, aktiviti yang lebih lemah daripada dijangkakan di dua ekonomi terbesar dunia ini boleh memberi impak ke atas prospek ekonomi global. Langkah-langkah rangsangan telah meningkatkan prospek jangka pendek dalam kedua-dua negara ini tetapi masih berpotensi menyumbang kepada kelembapan jangka panjang. Kejadian serentak kemerosotan AS yang teruk dan lebih besar daripada yang dijangkakan serta kemerosotan pertumbuhan ekonomi China akan meningkatkan kebarangkalian kelembapan global yang mendadak dan dengan itu memberi impak negatif kepada prospek negara-negara EMDE lain melalui kaitan perdagangan, kewangan, dan saluran pasaran komoditi. Kemerosotan global akan menjejaskan negara-negara EMDE tanpa memberi ruang yang mudah untuk bertindak balas.

Ekonomi dunia yang pada awal tahun 2018 dijangka kukuh telah menyederhana pada separuh kedua tahun

Di awal tahun 2018 pertumbuhan ekonomi dunia dijangka akan lebih kukuh berbanding tahun 2017. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan 3.9%, suatu kadar yang tertinggi sejak tahun 2011. Walau bagaimanapun, tidak seperti yang dijangkakan, dalam tempoh seterusnya tahun itu ekonomi global telah terkesan oleh pelbagai rintangan. Peningkatan konflik perdagangan telah mengakibatkan peningkatan dalam tarif perdagangan dan ketidakpastian ekonomi dunia. Keadaan ini memberi tekanan kepada perdagangan dan pelaburan dunia. Selain itu, harga komoditi yang tidak menentu memberikan tekanan kepada momentum pertumbuhan dan harga. Perubahan dasar monetari oleh bank pusat beberapa negara maju mengwujudkan ketidakpastian di dalam pasaran kewangan beberapa ekonomi utama. Juga, beberapa ekonomi sedang pesat membangun mengalami aliran keluar modal yang besar. Ekonomi kebanyakan negara maju, kecuali AS, dan negara-negara ekonomi sedang pesat membangun berkembang dengan lebih perlahan. Pada Oktober 2018, IMF menurunkan unjuran kadar pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2018 kepada 3.7%. Walau bagaimanapun, unjuran ini masih tinggi berbanding dengan purata pertumbuhan 3.5% yang dicapai sebelum ini bagi tempoh 1980-2017.

Di awal tahun 2018 keadaan pasaran pekerja yang semakin pulih di negara maju telah merangsang penggunaan

Pada awal tahun 2018, perdagangan dan pertumbuhan ekonomi dunia menampilkan trend menaik. Trend ini, bagaimanapun, berubah pada separuh kedua tahun 2018 akibat daripada pelbagai isu; peningkatan di dalam ketegangan perdagangan global, ketidakpastian dasar akibat daripada rundingan *Brexit*, rasionalisasi di dalam tahap dan kadar dasar monetari AS serta volatility di dalam harga komoditi dunia. Susulan perkembangan-perkembangan ini, sebahagian besar ekonomi maju dan ekonomi serantau mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun 2018.

Di kalangan negara maju, pasaran pekerja yang pulih ditunjukkan oleh kenaikan upah dan guna tenaga yang merangsang aktiviti penggunaan. Kadar pengangguran di negara maju utama mencatat tahap yang rendah dengan diiringi oleh keyakinan pengguna yang tinggi. Ekonomi AS disokong oleh pasaran pekerja dan aktiviti pelaburan yang teguh. Pertumbuhan upah menghampiri kadar tertinggi sejak sebelum Krisis Kewangan Global. Ini dicerminkan oleh kekosongan jawatan dan kadar pengambilan pekerja menunjukkan trend yang menaik pada tahun 2018. Di samping itu, pembaharuan cukai pada tahun 2017 telah merangsang perbelanjaan perniagaan dan pelaburan modal bagi peralatan perindustrian dan pengangkutan. Di kawasan Euro, sentimen perniagaan yang baik dan keperluan untuk penambahan kapasiti mendorong peningkatan aktiviti pelaburan.

Inflasi lebih tinggi pada tahun 2018 disebabkan oleh bekalan yang berkurangan

Di dalam suasana permintaan global yang sederhana, kadar inflasi global meningkat kepada 3.7% pada tahun 2018 (2017: 3.2%), akibat terutamanya oleh faktor-faktor bekalan. Bekalan komoditi yang semakin berkurang berpunca daripada ketegangan geopolitik di Amerika Latin dan Timur Tengah. Bekalan juga terjejas oleh kekangan saluran pengeluaran minyak di Lembah Permian serta kekurangan pengeluaran oleh OPEC. Oleh kerana bekalan merupakan faktor utama yang mempengaruhi harga, kadar inflasi teras sederhana di kalangan negara-negara maju dan negara-negara ekonomi sedang pesat membangun. Ini mencerminkan tekanan permintaan yang lebih sederhana.

Indeks harga komoditi IMF mempamerkan trend menaik pada tahun 2018. Harga komoditi yang lebih tinggi adalah disebabkan terutamanya oleh tekanan bekalan minyak mentah, kitaran bekalan-permintaan yang tidak sepadan, dan gangguan cuaca di dalam pengeluaran makanan. Perlanjutan tempoh pengurangan pengeluaran oleh OPEC, sekatan semula AS terhadap Iran yang diburukkan lagi oleh eksport minyak Iran yang rendah daripada jangkaan, telah meningkatkan indeks harga minyak di hampir sepanjang tahun 2018. Walau bagaimanapun, pada akhir tahun, harga minyak mentah Brent menurun daripada USD76 setong kepada USD67 setong, disebabkan terutamanya oleh peningkatan semula pengeluaran minyak AS dan penarikan sekatan ke atas rakan-rakan perdagangan Iran. Bagi seluruh tahun 2018, harga minyak mentah Brent secara purata adalah lebih tinggi, iaitu pada USD72 setong (2017: USD55). Sementara itu bekalan gula dan tenusu yang berlebihan dalam pasaran dunia serta permintaan yang sederhana terhadap minyak sawit telah menyebabkan indeks harga makanan meningkat lebih perlahan. Cuaca buruk pada tahun 2018 telah menjejaskan bekalan bijirin dan ternakan. Walau bagaimanapun, bekalan bijirin utama seperti gandum yang masih mencukupi menyebabkan kenaikan yang perlahan di dalam harga makanan.

Harga logam meningkat berikutan penerusan dasar pengurangan kapasiti pengeluaran di dalam langkah reformasi penawaran di China. Penutupan beberapa pusat pengeluaran lama, tarif yang dikenakan ke atas import keluli dan aluminium AS pada Mac 2018, sedikit sebanyak telah mengakibatkan kenaikan harga dalam pasaran logam



Pada tahun 2018, negara-negara maju mencatatkan kenaikan kecil dalam inflasi, iaitu 1.9% (2017: 1.7%). Sementara itu kadar inflasi keseluruhan negara-negara ekonomi sedang pesat membangun adalah lebih tinggi, iaitu 4.9% (2017: 4.3%). Dalam beberapa negara ekonomi sedang pesat membangun, kebimbangan mengenai kelemahan di dalam dan luar negeri telah mewujudkan tekanan inflasi. Misalnya, Turki dan Argentina telah mengalami aliran keluar modal yang besar dan mata wang yang lebih lemah. Ini telah mengakibatkan harga import yang lebih tinggi. Sementara itu inflasi di rantau ASEAN, sebahagiannya, dipengaruhi oleh dasar domestik. Di Thailand, subsidi bahan api pada separuh kedua tahun 2018 untuk pengangkutan dan memasak telah sedikit sebanyak mengimbangi tekanan kenaikan harga minyak.

Dasar monetari dan dasar fiskal bercampur-campur

Pada tahun 2018, dasar monetari dalam sebahagian besar negara maju telah menjalani rasionalisasi. Pasaran pekerja yang lebih baik menyokong pertumbuhan upah dan permintaan dalam negeri dan memungkinkan rasionalisasi dasar monetari. *Federal Reserve AS* telah menaikkan sasaran kadar dana federal sebanyak 100 mata asas, empat kali pada tahun 2018 kepada 2.25%-2.50%. *Bank of England* telah menaikkan *Kadar Bank* sebanyak 25 mata asas kepada 0.75% berikutan kadar inflasi yang lebih tinggi, di dalam suasana tekanan kos ekoran harga tenaga yang tinggi dan nilai mata wang yang rendah. *European Central Bank* telah menamatkan pembelian aset bersih menjelang Disember 2018. Berbeza dengan bank pusat negara maju yang lain, *Bank of Japan* telah memperluas program rangsangan moneterinya bagi menaikkan kadar inflasi yang masih belum mencapai sasaran rasmi 2%. Keseluruhannya, jurang kadar faedah antara negara-negara maju dengan negara-negara ekonomi sedang pesat membangun telah menjadi semakin makin kecil. Ini telah menjadikan keadaan kewangan global lebih ketat pada tahun 2018. Di beberapa buah negara Asia, terutamanya Filipina, Indonesia dan India, faktor-faktor aliran keluar modal yang besar, inflasi yang lebih tinggi akibat harga komoditi, serta tekanan menaik permintaan dalam negeri telah menyebabkan kadar faedah tanda aras negara-negara tersebut naik secara mendadak. Sebaliknya, *People's Bank of China* telah memberikan kelonggaran pada mudah tunai dan syarat pemberian pinjaman di dalam usaha untuk menggalakkan pertumbuhan dalam keadaan ekonomi global yang lemah. Respons yang pantas dalam dasar monetari dan pasaran modal yang mendalam telah membolehkan ekonomi serantau berhadapan dengan keadaan kewangan yang lebih ketat.

Dasar fiskal juga telah mempengaruhi perkembangan makroekonomi negara-negara maju. Di AS, Akta Potongan Cukai dan Pekerjaan 2017, yang menyokong pelaburan swasta telah merangsang pertumbuhan yang didorong permintaan domestik. Di kawasan Euro, Perancis telah melaksanakan pelarasan cukai bagi dua golongan; pelabur dan rakyat berpendapatan sederhana di samping menaikkan gaji minimum kebangsaan untuk menggalak pelaburan dan penggunaan. Turut dilaksanakan ialah pembaharuan untuk meningkatkan kecekapan

pasaran pekerja. Ini termasuklah memberikan kuasa perundingan gaji kepada perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana, menurunkan had tertinggi bayaran ganti rugi bagi kes pemecatan pekerja yang tidak adil, mewajibkan penerbitan penunjuk jurang pendapatan antara jantina bagi syarikat sederhana dan besar serta memperluas program latihan sambil bekerja.



Rajah 1.1 Pertumbuhan KDNK Dunia Dan Beberapa Negara Terpilih, 2017 dan 2018
 Sumber : Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Pertumbuhan Di Kalangan Ekonomi-Ekonomi Utama Dunia

Pertumbuhan adalah sederhana di kebanyakan ekonomi maju kecuali di AS, di mana rangsangan fiskal berkesan mengaktifkan ekonomi. Dalam jangka panjang, pertumbuhan dalam semua ekonomi maju utama dijangka perlahan ke arah potensi masing-masing dengan kekangan keupayaan menjadi semakin mengikat. Di China, aktiviti masih kukuh, tetapi tanda-tanda ketegangan perdagangan sudah mulai jelas.

Data terkini di kalangan ekonomi maju walaupun tidak memberangsangkan masih berpotensi menghasilkan pertumbuhan yang positif. Kadar pengangguran terus menurun dengan banyak negara berada di bawah tahap pengangguran sebelum krisis kewangan global. Selepas sedikit menurun daripada 2.3% pada tahun 2017 kepada 2.2% di tahun 2018, ekonomi negara-negara maju dijangka akan terus perlahan, dengan kelembapan yang ketara dalam pelaburan dan jangkauan peralihan di dalam dasar fiskal AS daripada rangsangan kepada penguncupan.

Amerika Syarikat (AS)

Pertumbuhan ekonomi AS pada 2018 dianggarkan meningkat menjadi 2.9%, naik 0.2 mata peratusan dari unjuran sebelumnya⁴, sebahagian besarnya mencerminkan permintaan domestik yang lebih tinggi dari jangkauan. Aktiviti ekonomi disokong oleh dasar rangsangan fiskal prokitaran dan dasar kewangan yang terus akomodatif.

Pasaran buruh yang teguh menggalakkan penggunaan manakala kadar pengangguran telah jatuh kepada tahap yang paling rendah dalam masa hampir 50 tahun. Walaupun wujud kemasukan baru pekerja-kira-kira tiga perempat daripada lebih kurang 200,000 pekerjaan ditambah setiap bulan sedang diisi oleh peserta baru. Produktiviti buruh menunjukkan tanda-tanda peningkatan. Peningkatan upah telah melampaui batas inflasi. Hasilnya upah benar tumbuh dengan sederhana positif. Jangkauan inflasi jangka panjang telah meningkat tetapi masih terkekang.

Pada tahun 2018, pentadbiran AS telah meningkatkan tarif ke atas import yang bernilai \$300 bilion, kebanyakannya dari China. Beberapa negara lain telah membalas dendam dengan mengenakan tarif bagi eksport AS yang bernilai kira-kira \$150 bilion. Secara keseluruhan, tarif baru telah dikenakan ke atas kira-kira 12%, atau mungkin lebih, daripada barangan import AS. Ianya telah mengakibatkan harga yang lebih tinggi dan peningkatan ketidakpastian dasar.

Dalam jangka panjang, pertumbuhan dijangka menjadi perlahan apabila dasar monetari yang akomodatif dinyahkan. Seterusnya, apabila rangsangan fiskal menjadi pudar kadar pertumbuhan akan terkesan. Tarif perdagangan yang lebih tinggi dijangka akan terus memberi kesan ke atas eksport dan pelaburan. Secara keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi AS dijangka menjadi perlahan, sekitar 2.5%,

bagi tahun 2019 dan purata 1.7% bagi tahun-tahun 2020-21. Pihak Bank Dunia berpendapat bahawa jangkauan ini adalah konsisten dengan potensi ekonomi AS.

Kawasan Euro

Di separuh kedua tahun 2018, pertumbuhan ekonomi kawasan Euro menjadi perlahan akibat perkembangan di beberapa negara Euro yang telah memberikan kesan kepada kadar pertumbuhan. Pengubahan piawai pelepasan asap kenderaan ringan telah mengakibatkan pengeluaran kenderaan bermotor merosot pada separuh kedua tahun 2018. Konflik berkaitan belanjawan Itali telah menyebabkan sentimen pengguna merosot dan mengakibatkan kelembapan di dalam perbelanjaan pengguna. Permintaan luaran juga turut merosot akibat konflik perdagangan yang semakin meningkat. Ini telah menjejaskan eksport dan pengeluaran perindustrian di kawasan Euro. Di UK, ketidakpastian, khususnya yang berkaitan dengan Brexit, melemahkan sentimen perniagaan dan mengakibatkan penguncupan pelaburan pada separuh kedua tahun 2018.

Pertumbuhan Kawasan Euro adalah perlahan pada tahun 2018; dianggarkan pada kadar 1.9%, iaitu 0.2 mata peratusan di bawah unjuran sebelumnya. Khususnya, eksport adalah perlahan, mencerminkan peningkatan nilai mata wang Euro sebelumnya dan permintaan luaran yang perlahan.

Walaupun kadar pengangguran telah menurun, inflasi masih terus rendah. Indeks Harga Pengguna (CPI) meningkat tetapi sebahagian besarnya disebabkan oleh pecutan harga tenaga yang sementara. Inflasi teras (*core inflation*) kekal pada sekitar 1.0%, sementara jangkauan inflasi jangka panjang terus berlegar sekitar 1.6%, seperti di dalam tempoh tiga tahun lalu. Pinjaman sistem kewangan dan keuntungan terus meningkat, walaupun beberapa bank Eropah mungkin terdedah kepada tekanan kewangan di beberapa negara EMDE.

Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi Kawasan Euro dijangka terus menjadi perlahan ke arah potensinya selepas ufuk ramalan, iaitu ke arah 1.6% pada 2019 dan purata 1.4% bagi tahun-tahun 2020-21, selepas rangsangan kewangan ditarik balik dan pertumbuhan perdagangan global menjadi sederhana.

⁴Unjuran Bank Dunia

Jepun

Pertumbuhan ekonomi Jepun adalah perlahan; 0.8% pada tahun 2018. Ianya mencerminkan kemerosotan di awal tahun dan Suku Ke-3 akibat cuaca buruk dan bencana alam. Walau bagaimanapun, pasaran buruh Jepun tetap teguh, dengan kadar pengangguran berada pada 2.4%, peningkatan di dalam pendapatan, dan kadar penyertaan tenaga buruh meningkat melebihi 79%; peningkatan 1.5% mata peratusan sejak awal tahun 2017. Walau bagaimanapun, peningkatan tenaga buruh telah diiringi oleh produktiviti yang lemah.

Bank of Japan terus memberikan rangsangan dengan mengekalkan kadar jangka panjang yang hampir sifar. Ia kini memegang sekitar 40% daripada hutang kerajaan. Kerajaan Jepun telah mengumumkan pakej rangsangan sementara untuk mengimbangi kesan jangka pendek ke atas kenaikan VAT yang akan dikenakan pada akhir 2019.

Pertumbuhan ekonomi Jepun diunjurkan meningkat kepada 0.9% pada 2019, mencerminkan pemulihan dari gangguan sementara di tahun lepas. Apabila pertumbuhan pekerjaan lembab dan dasar fiskal ketat, pertumbuhan dijangka menyederhana kepada 0.7% pada tahun 2020 dan 0.6% pada tahun 2021.

China

Pertumbuhan ekonomi China dianggarkan menjadi lebih perlahan, iaitu pada kadar 6.5% pada 2018, disokong oleh penggunaan yang berdaya tahan. Pemulihan pelaburan persendirian tetap mengimbangi penurunan dalam perbelanjaan awam bagi infrastruktur dan perbelanjaan lain. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di dalam pengeluaran industri dan eksport telah mulai perlahan, mencerminkan pengurangan aktiviti pengeluaran global. Pertumbuhan import terus mengatasi pertumbuhan eksport, mengakibatkan pengecutan di dalam lebihan akaun. Aliran keluar modal bersih telah bermula dan rizab antarabangsa mula berkurangan. Harga saham dan nilai Renminbi mengalami tekanan ke bawah yang berterusan. Sementara itu penyebaran bon berdaulat telah meningkat di tengah-tengah ketegangan perdagangan yang berterusan dan kebimbangan mengenai prospek pertumbuhan ekonomi.

Peraturan baru mengenai pendedahan bank komersil kepada aktiviti-aktiviti yang tidak dikawal (*unregulated activities – shadow financing*) bersama-sama dengan peruntukan ketat untuk pinjaman luar bajet oleh kerajaan tempatan, telah melambat pertumbuhan kredit kepada sektor bukan kewangan. Walau bagaimanapun, mulai pertengahan 2018, pihak berkuasa mengulangi hasrat mereka untuk meneruskan dasar makroekonomi yang longgar untuk mengatasi potensi kesan ekonomi daripada pertikaian perdagangan dengan AS. Harga bangunan kediaman baru dibina telah pulih selepas beberapa tahun. Inflasi harga pengguna pada umumnya meningkat sejak pertengahan tahun 2018, sebahagiannya mencerminkan susut nilai mata wang dan harga tenaga dan makanan yang lebih tinggi, walaupun masih di bawah sasaran.

Pihak Bank Dunia menjangkakan pertumbuhan ekonomi China berkurangan kepada 6.2% pada tahun ini 2019, sedikit di bawah unjuran sebelumnya akibat daripada eksport yang lemah. Ianya diunjur lebih sederhana hingga 6% pada akhir hujung ramalan, selaras dengan kadar potensinya. Permintaan domestik dijangka kekal kukuh dibantu oleh dasar meningkatkan penggunaan. Dasar fiskal dan monetari yang bakal dilaksanakan atau diumumkan dijangka mengimbangi sebahagian besar kesan negatif dari tarif yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, tambahan rangsangan mungkin memberi kesan yang tidak diinginkan dengan memperlahankan proses-proses pengurangan hutang dan risiko.

Singapura⁵

Untuk keseluruhan tahun 2018, ekonomi Singapura berkembang 3.2%, lebih sederhana daripada pertumbuhan 3.9% yang dicatatkan pada tahun 2017. Sektor perkilangan berkembang 7.2%, lebih perlahan daripada pertumbuhan 10.4% pada tahun 2017. Pertumbuhan disokong oleh aktiviti kejuruteraan elektronik, kejuruteraan pengangkutan dan kelompok pembuatan bioperubatan. Sektor pembinaan menyusut 3.4%, kadar penurunan yang lebih sederhana daripada penguncupan 10.2% pada 2017. Keluaran sektor ini terkesan oleh kemerosotan dalam kerja pembinaan sektor awam, walaupun kerja pembinaan sektor swasta naik sedikit. Perkhidmatan pengeluaran industri berkembang 3.0%, lebih perlahan sedikit daripada pertumbuhan 3.2% pada

⁵Rujukan: Laporan-laporan Ministry of Trade and Industry Singapore (MTI)

2017. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh sektor kewangan & insurans, perkhidmatan perniagaan dan sektor perdagangan borong & runcit, yang berkembang, masing-masing, 5.9%, 3.0% dan 1.5%.

Pertumbuhan Di Kalangan Ekonomi-Ekonomi Asia


Permintaan luaran di sebahagian besar ekonomi Asia mula melembab menjelang tempoh separuh kedua tahun 2018, kesan daripada kitaran teknologi global yang lebih perlahan serta permintaan daripada ekonomi maju yang lebih sederhana. lanya telah diburukkan lagi oleh ketegangan perdagangan dalam kalangan ekonomi utama yang semakin meruncing sejak bulan April 2018. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi Asia digerakkan oleh permintaan domestik.

Tarif yang lebih tinggi oleh AS dan tindak balas daripada rakan-rakan perdagangan utamanya memberikan kesan langsung yang agak kecil kepada perdagangan global. Walau bagaimanapun situasi ini mencetuskan ketidakpastian yang ketara ke atas perniagaan di Asia. Kadar pertumbuhan eksport kebanyakan ekonomi Asia mengalami penurunan melebihi separuh pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya seiring dengan kemerosotan di dalam eksport elektronik dan elektrik (E&E). Negara-negara utama pengeksporth E&E Asia; China, China Taipei, Korea Selatan dan Hong Kong mencatat pertumbuhan eksport yang lebih rendah pada suku keempat 2018. Walau bagaimanapun, permintaan domestik ekonomi Asia terus bertahan dengan disokong oleh guna tenaga serta perbelanjaan

infrastruktur yang kukuh, terutamanya di negara ASEAN. Di Thailand dan Filipina misalnya, perbelanjaan infrastruktur telah meningkat dengan program “East Economic Corridor” dan “Build, Build, Build”. Ini telah menghasilkan ketahanan pertumbuhan KDNK Asia. Walaupun pembaharuan struktur di China terus memberi kesan pengembangan yang lebih sederhana di Asia, kitaran balas dasar-dasar fiskal dan monetari telah membantu mengawal aktiviti ekonomi daripada menjadi terlalu lembab.

Di Filipina, pengenalan cukai eksais ke atas produk petroleum dan pengangkutan telah meningkatkan kos pengeluar, lantas meningkatkan kadar inflasi keseluruhan. Sebaliknya, pemberian subsidi minyak diesel yang lebih meluas di Indonesia telah mengurangkan tekanan kos dan menjadikan kadar inflasi lebih rendah. Keseluruhan, trend inflasi di rantau ASEAN tidak selari dengan trend inflasi global. Rantau ini mencatatkan inflasi keseluruhan yang lebih rendah, iaitu 2.9% (2017: 3.1%).

Pertumbuhan KDNK pada harga malar di Asia Tenggara dan India (*Emerging Asia*) kekal kukuh pada tahun 2018, dengan purata pertumbuhan 6.5% (2016: 6.4%). Ekonomi India tumbuh 7.3%, lebih pantas daripada pertumbuhan di tahun 2017 (2016: 6.7%). Kawasan yang digelar *Emerging Asia* ini dianggarkan tumbuh 6.6% pada 2018, berdasarkan penggunaan dan pelaburan yang umumnya kukuh. Ekonomi-Ekonomi Asia Tenggara tumbuh positif pada 2018 berbanding tahun sebelumnya, dengan sebilangan besar ekonomi ASEAN memaparkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi (Rujuk Rajah 1.2).



Rajah 1.2 Pertumbuhan KDNK pada harga tetap di negara-negara ASEAN terpilih, 2017-2018.

Sumber : OECD

Pertumbuhan KDNK Asia didorong oleh permintaan dalam negeri yang berterusan. Sokongan daripada permintaan luaran berkurang menjelang akhir tahun 2018, disebabkan oleh kitaran teknologi global yang lebih perlahan berbanding dengan tahap kemuncaknya serta permintaan daripada ekonomi maju yang lebih sederhana. Permintaan luaran yang berada di bawah kitaran telah terjejas oleh ketegangan perdagangan di kalangan negara-negara ekonomi utama yang semakin meruncing sejak April 2018.

Walau pun tarif yang lebih tinggi dikenakan oleh AS dan tindak balas daripada rakan-rakan perdagangan utama AS memberikan kesan langsung yang kecil kepada perdagangan global, situasi ini mencetuskan ketidakpastian yang lebih ketara bagi perniagaan. Akibatnya, pertumbuhan eksport kebanyakan ekonomi Asia mengalami penurunan lebih daripada separuh pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Eksport keluaran elektronik dan elektrik (E&E) juga lebih rendah. Pengeksport E&E Asia yang utama seperti RR China, China Taipei, Korea Selatan dan Hong Kong mencatat pertumbuhan eksport E&E yang lebih lemah, terutamanya pada suku keempat 2018. Walau bagaimanapun, permintaan domestik ekonomi Asia terus bertahan dan menyokong pertumbuhan KDNK. Permintaan domestik disokong oleh guna tenaga yang kukuh serta diperkukuh oleh perbelanjaan infrastruktur, terutamanya di kalangan negara-negara ASEAN. Thailand dan Filipina telah meningkatkan perbelanjaan infrastruktur menerusi program “*East Economic Corridor*” dan “*Build, Build, Build*”. Walaupun pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan di China terus menyebabkan pengembangan yang lebih sederhana, kitaran balas dasar fiskal dan dasar monetari telah membantu mengawal aktiviti ekonomi daripada menjadi terlalu rendah.

EKONOMI MALAYSIA⁶ DI TAHUN 2018


Secara keseluruhan, pada tahun 2018, pertumbuhan yang sederhana baik telah dicapai meskipun ekonomi negara berdepan dengan pelbagai ketidakpastian. Sebahagian besarnya adalah hasil daripada asas-asas ekonomi yang kukuh dan struktur ekonomi yang pelbagai. Dasar yang fleksibel dan langkah awalan yang diambil telah memitigasi risiko. Pada masa yang sama, kedudukan luaran Malaysia kukuh hasil daripada lebihan dalam akaun semasa, rizab antarabangsa yang mencukupi serta dedahan hutang luar negeri yang terkawal.

Selepas mencatat pertumbuhan 5.7% pada tahun 2017, ekonomi Malaysia mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana pada tahun 2018. Banyak cabaran yang dihadapi oleh ekonomi Malaysia pada tahun 2018; perubahan dasar dan perkembangan politik dunia, sebahagiannya disebabkan oleh ketegangan perdagangan global, serta peralihan Kerajaan Malaysia yang menyebabkan ketidakpastian suasana ekonomi. Di samping itu, gangguan luar jangkaan bekalan sektor komoditi turut menjejaskan prestasi ekonomi Malaysia, mengakibatkan pertumbuhan ekonomi negara menjadi lebih sederhana daripada jangkaan awal. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.7% pada tahun 2018, sedikit mencerminkan daya tahan ekonomi negara di dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Pada awal tahun 2018 ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan positif, sebelum permintaan global mula merosot pada separuh tahun kedua. Ketegangan perdagangan dan ketidakpastian dasar telah menjejaskan sentimen dan perbelanjaan pelaburan di beberapa ekonomi utama dunia. Pelarasan dasar monetari di kalangan ekonomi maju turut menjadikan pasaran kewangan global tidak menentu, lantas mengakibatkan ekonomi sedang pesat membangun mengalami aliran keluar modal.

Di dalam ekonomi domestik, gangguan bekalan memberikan kesan terhadap aktiviti dalam perlombongan, pertanian dan eksport komoditi. Penutupan loji untuk penyenggaraan dan pembaikan saluran paip yang tidak dirancang telah mengakibatkan keluaran gas asli yang lebih rendah. Sementara itu, pengeluaran getah dan minyak sawit telah terjejas oleh kekangan pengeluaran dan cuaca buruk. Pertumbuhan KDNK menjadi perlahan dengan kadar di bawah 5.0%. Peralihan kuasa politik selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada Mei 2018 telah membawa sedikit ketidakpastian sementara yang berkaitan dengan perubahan dasar. Perubahan di dalam dasar kerajaan yang bertujuan melakukan pembaharuan dalam rangka kerja institusi dan tadbir urus, di samping memperuntukkan perbelanjaan mengikut keutamaan dijangka menghasilkan pertumbuhan mampan dalam jangka panjang. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sektor awam yang lebih rendah telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi jangka pendek. Penangguhan beberapa projek infrastruktur berskala besar dan kajian semula beberapa projek pembangunan telah mengakibatkan pelaburan awam yang lebih rendah dan telah menjejaskan sedikit pertumbuhan ekonomi selama beberapa bulan selepas PRU-14.

⁶ Perbincangan situasi ekonomi Malaysia adalah sedutan dan ringkasan daripada analisis, telahan dan perbincangan yang terdapat di dalam Laporan Ekonomi Malaysia serta Laporan Bank Negara 2018.




Rajah 1.3 Indeks Sentimen Pengguna dan Keadaan Perniagaan, 2015-2018
 Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Seperti di tahun-tahun sebelumnya perbelanjaan swasta terus menjadi teras kepada pengembangan permintaan dalam negeri di tahun 2018. Asas-asas ekonomi dan kewangan negara yang kukuh serta sentimen pengguna dan sektor perniagaan yang positif menyokong perbelanjaan swasta (Rujuk Rajah 1.3). Perbelanjaan akhir swasta berkembang pada kadar 8.0%, lebih tinggi daripada tahun sebelumnya (2017: 6.9%) dengan disokong oleh pertumbuhan di dalam upah dan guna tenaga. Perbelanjaan isi rumah telah mendapat rangsangan sementara dalam tempoh pelepasan cukai selama tiga bulan (Jun hingga Ogos), berikutan pelaksanaan GST kadar sifar. Permintaan positif dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan menyokong kegiatan pelaburan swasta yang, sebahagian besarnya, tertumpu kepada penambahan kapasiti dan peningkatan kecekapan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian di dalam perdagangan global dan persepsi ketidakpastian dasar kerajaan baharu telah menyebabkan pertumbuhan perbelanjaan modal sektor swasta tumbuh sederhana pada kadar 4.3% pada tahun 2018 (2017: 9.0%).

Di sektor luaran, eksport barangan terus menyokong pertumbuhan ekonomi, walaupun dengan pertumbuhan yang lebih rendah (2.2%) berbanding

yang dicatat pada tahun 2017 (8.7%). Ini adalah disebabkan oleh, di antara lain, momentum pertumbuhan global yang semakin sederhana. Eksport perkilangan didahului oleh permintaan untuk semikonduktor. Eksport barangan perkilangan juga disumbangkan oleh keluaran berorientasikan eksport dari kalangan kilang-kilang yang baru memulakan operasi. Selain itu hab pengedaran E&E global yang ditubuhkan di Malaysia juga menyokong eksport negara. Perkembangan ini menjadi membantu mengurangkan kelemahan dalam eksport komoditi.

Pada tahun 2018 import meningkat lebih perlahan (1.3%), sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan import barangan modal dan barangan pengantara. Import yang sederhana adalah sejajar dengan pertumbuhan sederhana dalam eksport dan pelaburan. Hasilnya, lebih perdagangan secara keseluruhan menjadi lebih besar pada tahun 2018. Wujud lebihan di dalam akaun semasa imbalan pembayaran hasil daripada defisit pendapatan yang telah lebih daripada diimbangi oleh lebihan barangan yang sederhana dan defisit perkhidmatan yang lebih kecil. Negara terus menerima aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) (2018: RM204.5 Billion; 2017: RM197.1 Billion) walaupun berlaku sedikit aliran keluar portfolio pegangan bukan pemastautin.



Rajah 1.4 Malaysia: Perbandingan Pertumbuhan KDNK, Perbelanjaan Swasta dan Eksport 2016-2018.

Pertumbuhan KDNK

Sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia Malaysia merekod pertumbuhan positif di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2018. Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2018 meningkat dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tumbuh 4.7% pada harga malar 2015 (2017: 5.7%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2018 meningkat ke RM1,361.5 billion (2017: RM1,299.9 billion) dalam harga malar 2015. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM1,429.8 billion (2017: RM1,353.4 billion). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM41,384 pada harga malar 2015 (2017: RM40,559), iaitu meningkat 2.0%. Dalam harga semasa, KDNK per

kapita meningkat ke RM43,460 (2017: RM42,228). Ini membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat 2.9% ke USD30,860 (2017: USD29,144) (Sila rujuk Jadual 1.2). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM1,390.4 billion bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2018 (2017: RM1,317.0 billion). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM42,262 pada harga semasa bagi tahun 2017 (2017: RM41,093). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita ini dianggarkan bernilai USD30,009 (2017: USD28,361).

Jadual 1.1 Ringkasan Prestasi Ekonomi Malaysia di Tahun 2018

Ukuran	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)	
	2017	2018	2017	2018
Penduduk ('000)	32,050	32,900	1.3%	2.7%
KDNK (Harga 2015) (RM Juta)	1,299,897	1,361,533	5.7%	4.7%
KDNK per kapita (Harga 2015) (RM)	40,559	41,384	4.4%	2.0%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	1,353,380	1,429,842	9.9%	5.6%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	42,228	43,460	8.5%	2.9%

Sumber : BPEN Johor/Jabatan Perangkaan Malaysia

PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

Kelestarian ekonomi negara memberi manfaat kepada ekonomi Johor yang mempunyai asas-asas kukuh dalam membentuk peningkatan yang lebih baik dengan penglibatan daripada sektor swasta dan awam. Kekuatan ekonomi Johor dipergiat dengan kewujudan Iskandar Malaysia yang merupakan rancangan pembangunan berimpak tinggi di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Iskandar Malaysia memainkan peranan penting dengan terbinanya projek-projek pemangkin antaranya seperti Johor Premium Outlet, Legoland, Taman Tema Puteri Harbour dan lain-lain lagi. Selain itu, pembangunan Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang (PIPC) akan menjadi koridor pertumbuhan utama negara dan dapat memastikan kemampunan pembangunan ekonomi secara strategik dan berkesan.

Ekonomi Negeri Johor tumbuh sederhana dan menyeluruh di semua sektor pengeluaran. Permintaan domestik yang menerima kesan daripada

pemulihan ekonomi dunia terus aktif. Ekonomi negeri telah mendapat manfaat daripada kelestarian ekonomi negara dengan asas-asas yang kukuh yang merangkumi ekonomi yang pelbagai serta peningkatan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan yang teguh. Pada 2018, ekonomi Negeri Johor dianggarkan berkembang 5.6% (2017: 5.9%). Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang mencerminkan peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta dan awam.

Ekonomi negeri Johor meraih manfaat daripada peningkatan eksport kasar negara hasil permintaan yang mampan daripada China, Kesatuan Eropah, AS dan Jepun, berikutan peningkatan pesat dalam kitaran teknologi global, pengembangan pelaburan dalam ekonomi maju dan pemulihan harga komoditi. Limpahan daripada sektor luaran negara telah memperkukuh permintaan domestik negeri dengan didorong oleh asas yang kukuh serta keadaan pasaran pekerja dan sentimen yang lebih baik yang menyokong pertumbuhan di tahun 2018.

Pertumbuhan KDNK Negeri Johor Pada Tahun 2018

Sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia dan ekonomi negara yang berkembang agak perlahan negeri Johor dianggarkan merekod pertumbuhan positif di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di tahun 2018. Jumlah nilai ditambah negeri bagi tahun 2018 meningkat dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tumbuh 5.6% pada harga malar 2015 (2017: 5.9%).

Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2018 dianggarkan meningkat kepada RM130,489 juta (2017: RM123,517 juta) dalam harga malar 2015. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM136,456 juta

(2017: RM130,586 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM34,803 pada harga malar 2015 (2017: RM33,410), iaitu meningkat 4.2%. Dalam harga semasa, KDNK per kapita meningkat ke RM36,394 (2017: RM35,322) (Sila rujuk Jadual 1.3) dan membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat 6.7% kepada USD25,446 (2017: USD23,840). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM129,724 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2018 (2017: RM124,271 juta). Ini menghasilkan anggaran GNI per kapita bernilai RM34,599 pada harga semasa bagi tahun 2018 (2017: RM33,614). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD24,191 (2017: USD22,687).

Jadual 1.2 Ringkasan Prestasi Ekonomi Johor di Tahun 2017-2018


Ukuran	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)	
	2017	2018	2017	2018
Penduduk ('000)	3,697	3,749	1.2%	1.4%
KDNK (Harga 2015) (RM Juta)	123,517	130,489	5.9%	5.6%
KDNK per kapita (Harga 2015) (RM)	33,410	34,803	4.6%	4.2%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	130,586	136,456	8.7%	4.5%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	35,322	36,394	7.4%	3.0%

Sumber : BPEN Johor/Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.3 Negeri Johor : KDNK, Penduduk dan KDNK per Kapita Dalam Harga Semasa, 2015-2018

Tahun	KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	Jumlah Penduduk ('000)	KDNK Per Kapita (RM)
2015	110,002	3,610	30,469
2016	120,119	3,652	32,893
2017	130,586	3,697	35,322
2018	136,456	3,749	36,394

Sumber: Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.



Rajah 1.5 Johor: KDNK Per Kapita (RM) Dalam Harga Semasa, 2010-2018
 Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Prestasi Sektor-Sektor Pengeluaran Negeri Johor Di Tahun 2018

Dari sudut pengeluaran semua sektor ekonomi negeri mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2018. Pertumbuhan keseluruhan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan perindustrian. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong oleh aktiviti penggunaan di subsektor perdagangan borong dan runcit, kediaman dan restoren. Pertumbuhan sederhana tinggi subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyokong peningkatan aktiviti berkaitan perdagangan. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan. Sementara itu sektor pembuatan tumbuh dengan disokong oleh permintaan luar untuk produk E&E manakala sektor pembinaan kembali berkembang positif pada kadar 9.6% setelah merosot pada kadar

-6.6% di dalam suasana “*property overhang*” yang agak tinggi dalam tahun 2017.

Pada tahun 2018, ekonomi Johor mencatatkan pertumbuhan melebihi angka pertumbuhan nasional, iaitu sebanyak 5.6% (2017: 5.9%). KDNK Johor pada harga malar 2015 merekodkan nilai sebanyak RM130.5 bilion berbanding RM123.5 bilion pada tahun 2017. Secara umumnya, semua sektor ekonomi Negeri Johor merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2018. Pertumbuhan disokong oleh peningkatan 7.3% di sektor Perkhidmatan (2017: 6.6%). Selain itu, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan 5.1% (2017: 6.9%) manakala sektor Pertanian tumbuh perlahan pada kadar 0.5% (2017: 7.6%). Sektor Pengeluaran berkembang sebanyak 4.8% (2017: 15.1%), manakala sektor Pembinaan dianggarkan tumbuh 9.6% selepas mengalami penguncupan 6.6% pada tahun 2017.


Jadual 1.4 KDNK Negeri Johor Bagi Tahun 2017 dan 2018

Sektor	Nilai Ditambah Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2017	2018	
Sektor Utama	16,821	16,937	0.7%
Pertanian	16,166	16,250	0.5%
Perlombongan dan Pengkuarian	656	687	4.8%
Sektor Perindustrian	44,872	47,550	6.0%
Pembuatan	36,465	38,334	5.1%
Pembinaan	8,407	9,216	9.6%
Sektor Perkhidmatan	59,959	64,353	7.3%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	14,461	15,921	10.1%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	17,523	18,909	7.9%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	11,960	12,681	6.0%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	6,168	6,552	6.2%
Perkhidmatan Kerajaan	9,847	10,289	4.5%
campur Duti import	1,864	1,650	-11.5%
KDNK pada Harga Pembeli (2015=100)	123,517	130,489	5.6%
Jumlah Penduduk ('000)	3,697	3,749	1.4%
KDNK Per Kapita (RM)	33,410	34,803	4.2%


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2018 pengeluaran ekonomi Negeri Johor didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 49.9% (2017: 49.3%). Sektor Pembuatan dan sektor Utama turut membantu dengan masing-masing menyumbang sebanyak 29.8% dan 13.1% (2017: 30.0%, 13.8%). Di samping itu, sektor Pembinaan yang berperanan di dalam membangunkan infrastruktur negeri menyumbang 7.2% (2017: 6.9%).

Sektor Perkhidmatan yang tumbuh 7.3% pada tahun 2018 merekodkan nilai ditambah sebanyak RM64.4 bilion dalam harga malar 2015. Pertumbuhan sektor ini disokong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit kediaman dan restoran yang mencatatkan peningkatan peratusan pertumbuhan yang sama dengan tahun 2017 (7.9%). Subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM12.7 bilion, iaitu pertumbuhan 6.0% (2017: RM12.0 bilion, 4.0%).



Rajah 1.6. Perbandingan Kadar Pertumbuhan Sektor-Sektor Pengeluaran Negeri Johor 2017, 2018



Rajah 1.7. Perbandingan Nilai Ditambah dan Sumbangan Sektor Kepada KDNK Negeri Johor 2017, 2018

Sektor Utama

Nilai ditambah sektor utama menyumbang sebanyak 13.0% kepada KDNK negeri Johor di tahun 2018 (2017: 13.6%). Nilai ditambah sektor ini, secara keseluruhan, dianggarkan tumbuh sebanyak 0.7% bagi keseluruhan tahun 2018 (2017: 7.8%). Pertumbuhan minimal ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan nilai ditambah sektor pertanian yang rendah di dalam persekitaran ekonomi pertanian yang sederhana. Pertumbuhan sederhana juga dicatatkan oleh sektor perlombongan dan pengkuarian, lebih perlahan daripada pertumbuhan di tahun 2017.

Nilai ditambah **Sektor Pertanian** meningkat pada kadar 0.5% pada tahun 2018 (2017: 7.6%), di dalam suasana aktiviti tanaman kelapa sawit dan getah yang sederhana. Subsektor berkaitan makanan seperti ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat seiringan dengan permintaan yang sederhana. Aktiviti subsektor ini disokong oleh peningkatan pengeluaran makanan. Subsektor berkaitan makanan dijangka terus menyokong pertumbuhan melalui penggunaan teknik pertanian moden dan permintaan yang lebih kukuh daripada industri pemprosesan makanan.

Pada tahun 2018 **Sektor Perlombongan dan Kuari** memberi sumbangan sekitar 0.5% pada KDNK Johor. Namun ia menunjukkan pertumbuhan positif dari tahun-tahun 2015 hingga 2018. Dengan kadar pertumbuhan sekitar 15.1% pada tahun 2017, pada dasarnya ianya dianggap sebagai pertumbuhan yang tinggi. Walau pun ianya merekodkan kadar pertumbuhan yang agak menurun sedikit pada tahun 2018 iaitu pada kadar 15.1% pada harga malar 2015. Trend ini dijangkakan akan berterusan dengan corak yang semakin mendatar pada tahun-tahun seterusnya.

Sektor Perindustrian

Nilai ditambah sektor perindustrian menyumbang sebanyak 36.4% kepada KDNK negeri Johor di tahun 2018 (2017: 36.3). Nilai ditambah sektor ini, secara keseluruhan, dianggarkan tumbuh sebanyak 6.0% bagi tahun 2018 (2017: 4.1%). Pertumbuhan yang lebih tinggi ini adalah disebabkan oleh nilai ditambah sektor pembinaan yang meningkat semula di dalam persekitaran aktiviti pembinaan yang sederhana aktif di tahun 2018. Walau bagaimanapun sektor pembuatan tumbuh positif dengan kadar yang lebih rendah, iaitu pada kadar 5.1% (2017: 6.9%).

Sektor Perkhidmatan

Nilai ditambah sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan 7.3% bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 (2017: 6.6%). *Output* sektor ini meningkat bagi tahun 2018 dengan menghasilkan sumbangan nilai ditambah sebanyak 49.3% kepada KDNK negeri (2017: 48.5%). Kumpulan *perkhidmatan perantara* meningkat disokong sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan yang tumbuh 6.0% (2017: 4.0%). Sementara itu, nilai ditambah kumpulan *perkhidmatan akhir* meningkat diterajui sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan Dan Restoren yang tumbuh 7.9% (2017: 7.9%) serta sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain yang tumbuh 6.2% (2017: 6.1%).


SUMBANGAN NEGERI JOHOR KEPADA EKONOMI MALAYSIA

Negeri Johor menyumbang 9.3% kepada KDNK negara pada tahun 2015. Peratus tersebut meningkat kepada 9.5% di tahun 2016 dan 2017. Pada tahun 2018 ianya meningkat lagi kepada 9.6%. Pada setiap tahun dari 2015 hingga 2018 KDNK Negeri Johor adalah

penyumbang ke empat terbesar selepas Selangor (2018:23.7%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2018:16.1%) dan Sarawak (2018:9.7%). Dengan penduduk berjumlah 3.749⁷ juta pada tahun 2018, Negeri Johor merekodkan KDNK per kapita bernilai RM36,394 pada harga semasa; iaitu di tempat ke-8, selepas WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan (Rujuk Rajah 1.8).

Sumbangan Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Negeri Johor

Negeri Johor menyumbang 16.0% kepada nilai ditambah **Sektor Pertanian** negara pada tahun 2015. Peratus tersebut bertahan pada 16.0% di tahun 2016 dan meningkat kepada 16.3% di tahun-tahun 2017 dan 2018. Pada setiap tahun dari 2015 hingga 2018 nilai ditambah sektor pertanian Negeri Johor adalah penyumbang ke-2 terbesar selepas Sarawak (2018: 16.5%). Dengan keluasan berjumlah 18,985 km persegi (1,898,500 hektar⁸), Negeri Johor merekodkan nilai ditambah pertanian per hektar keluasan negeri bernilai RM8,559 pada harga semasa; iaitu di tempat ke-4, selepas Melaka, Pulau Pinang dan Perlis (Rujuk Rajah 1.9).





Rajah 1.8. Lapan Negeri dengan KDNK Per Kapita (Harga Semasa) Tertinggi bagi Tahun 2018.

Negeri Johor menyumbang 12.3% kepada nilai ditambah **Sektor Pembuatan** negara pada tahun 2015. Peratus tersebut meningkat masing-masing kepada 12.5%, 12.6% dan 12.6% di tahun-tahun 2016, 2017 dan 2018. Pada setiap tahun dari 2015 hingga


2018 nilai ditambah sektor pembuatan Negeri Johor adalah penyumbang ke-3 terbesar selepas Selangor (2018: 29.9%) dan Pulau Pinang (2018: 12.9%) (Rujuk Rajah 1.10).

⁷ Pada tahun 2018 jumlah penduduk Negeri Johor berada pada tempat ke-3, selepas Selangor (6.475 juta) dan Sabah (3.898 juta).

⁸ 1 kilometer persegi bersamaan dengan 100 hektar




Rajah 1.9. Lapan Negeri Dengan Nilai Ditambah Pertanian Per Hektar Tertinggi bagi Tahun 2018.




Rajah 1.10. Peratus Sumbangan Nilai Ditambah Sektor Pembuatan Mengikut Negeri, 2015-2018

Negeri Johor menyumbang 13.1% kepada nilai ditambah **Sektor Pembinaan** negara pada tahun 2015. Peratus tersebut meningkat masing-masing kepada 15.1%, 13.2% dan 13.9% di tahun-tahun 2016, 2017 dan 2018. Pada setiap tahun dari 2015 hingga 2018 nilai ditambah sektor pembinaan Negeri Johor adalah penyumbang ke ke-3 terbesar selepas Selangor (2018: 28.3%) dan WP Kuala Lumpur (2018: 26.5%) (Rujuk Rajah 1.11).

Negeri Johor menyumbang 8.2% kepada nilai ditambah **Sektor Perkhidmatan** negara pada tahun 2015. Peratus tersebut bertahan pada kadar 8.3% di tahun-tahun 2016, 2017 dan 2018. Pada setiap tahun dari 2015 hingga 2018 nilai ditambah sektor pembinaan Negeri Johor adalah penyumbang ke ke-3 terbesar selepas Selangor (2018: 25.9%) dan WP Kuala Lumpur (2018: 25.0%) (Rujuk Rajah 1.12).



Rajah 1.11 Peratus Sumbangan Nilai Ditambah Sektor Pembinaan Mengikut Negeri, 2015-2018.



Rajah 1.12 Peratus Sumbangan Nilai Ditambah Sektor Perkhidmatan Mengikut Negeri, 2015-2018.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2018, Negeri Johor berada pada tahap pencapaian yang baik berbanding dengan negeri-negeri lain. Dari segi nilai KDNK Negeri Johor berada ditempat ke-4 dalam senarai 15 negeri (dan Wilayah Persekutuan), manakala perbandingan nilai ditambah sektor pertanian mendapati Negeri Johor berada di kedudukan ke-2. Selain itu, nilai-nilai ditambah bagi setiap daripada sektor-sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan masing-masing meletakkan Negeri Johor di kedudukan ke-3. Unjuran bagi tahun-tahun ke hadapan memberi petunjuk bahawa kedudukan Negeri Johor di dalam sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan berpotensi meningkatkan kedudukan ke tempat ke-2 apabila industri-industri hasil pelaburan ke dalam Iskandar Malaysia dan PIPC mencapai kematangan.

PERGERAKAN HARGA PENGGUNA DI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

Harga Pengguna

Pada peringkat Negara Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Disember 2018 meningkat 0.2% kepada 121.1 berbanding 120.9 pada bulan yang sama tahun 2017. Kenaikan indeks keseluruhan ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga bagi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (+2.0%), Restoran & Hotel (+1.0%), Minuman Alkohol & Tembakau (+1.1%), Pendidikan (+1.1%) serta Makanan & Minuman Bukan Alkohol (+0.7%).


Perbandingan bulan ke bulan, IHP meningkat 0.1% berbanding November 2018. IHP bagi tempoh Januari-Disember 2018 mencatatkan kenaikan sebanyak 1.0% berbanding tempoh yang sama tahun 2017.




Rajah 1.13 Kadar Inflasi Semenanjung Malaysia bagi Sembilan Kumpulan Perbelanjaan, 2017 dan 2018.

Inflasi keseluruhan, iaitu perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.0% pada tahun 2018 (2017:3.7%). Kadar inflasi yang lebih sederhana ini mencerminkan kesan penetapan harga runcit bahan api dan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax, GST*) pada kadar sifar. Faktor-faktor ini telah mengimbangi tekanan kos menaik yang wujud pada tahun 2018. Kenaikan tekanan kos ini berpunca

terutamanya daripada harga minyak mentah yang tinggi, kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah dan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax, SST*). Inflasi asas adalah lebih rendah, pada kadar purata 1.6% (2017: 2.3%) dalam keadaan kesan pindahan kos yang lebih kecil kepada harga runcit dan keadaan tiada tekanan permintaan yang berlebihan.



Rajah 1.14a Kadar Inflasi Negeri Johor bagi Empat Kumpulan Perbelanjaan, 2017 dan 2018.




Rajah 1.14b Kadar Inflasi Negeri Johor bagi Lima Kumpulan Perbelanjaan, 2017 dan 2018.

Pada awal tahun 2018, penurunan inflasi keseluruhan dipengaruhi oleh faktor-faktor global. Dengan kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh pada waktu itu dan kenaikan harga minyak dunia yang secara relatif kecil, harga bahan api dalam negeri menunjukkan trend menurun. Pada Mac 2018, harga RON97, RON95 dan diesel lebih rendah. Susulan itu, inflasi pengangkutan menurun daripada 11.5% pada Disember 2017 kepada 5.7% pada Januari 2018, dan seterusnya menjadi negatif pada Februari dan Mac 2018. Keadaan bekalan yang lebih menggalakkan berikutan cuaca yang lebih baik turut membantu membendung kenaikan harga makanan pada suku pertama 2018 berbanding dengan suku yang sama

tahun 2017. Faktor-faktor tersebut menyebabkan inflasi keseluruhan lebih rendah.

Mulai Mac 2018, harga runcit RON95 dan diesel dikekalkan, masing-masing pada RM2.20 dan RM2.18 seliter bagi bulan-bulan selanjutnya dalam tahun 2018. Dengan perkembangan ini harga runcit bahan api dalam negeri yang stabil membantu mengurangkan tekanan kos di tengah-tengah kenaikan harga minyak dunia dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Ini diikuti oleh pelaksanaan GST kadar sifar pada Jun 2018. Walau bagaimanapun, terdapat faktor-faktor domestik lain yang memberikan tekanan inflasi.




Rajah 1.15 Perbandingan Kadar Inflasi Negeri-Negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor bagi Enam Kumpulan Perbelanjaan Terpilih, 2018.

Pertama, semakan tarif elektrik pada Julai 2018 telah menyebabkan kenaikan harga utiliti bagi isi rumah tertentu. Kedua, pelaksanaan SST pada September 2018 mengakibatkan pelarasan harga yang kecil. Kesan SST terhadap inflasi pada tahun 2018 secara relatif adalah rendah memandangkan perusahaan perniagaan menggunakan stok mereka yang sedia ada. Kesan yang kecil ini juga mencerminkan persaingan sengit dalam kalangan firma, dengan sesetengah giat mengadakan skim promosi dan pemberian diskaun sebagai sebahagian daripada strategi mereka yang lebih luas untuk mengekalkan bahagian pasaran.

Pada tahun 2018, penunjuk pasaran pekerja seperti pertumbuhan upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor swasta bertambah baik dalam keadaan kadar pengangguran yang stabil (2018: 3.4%; 2017: 3.4%), manakala kadar penggunaan kapasiti sektor perkilangan kekal stabil (2018: 81.3%; 2017: 82.6%). Namun, perkembangan ini tidak menyebabkan tekanan permintaan yang berlebihan memandangkan pertumbuhan dalam tenaga kerja adalah lebih kukuh dan pelaburan untuk meningkatkan kapasiti adalah berterusan pada tahun 2018. Berlatarkan persekitaran ini, inflasi teras menjadi lebih rendah bagi tahun 2018.

TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018


Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2018 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa Negeri Johor mempunyai jumlah penduduk yang ketiga terbesar di Malaysia iaitu selepas Selangor (6.475 juta) dan Sabah (3.898 juta). Anggaran bilangan penduduk Negeri Johor ialah 3.749 juta, peningkatan sebanyak 1.1% berbanding bilangan di tahun 2017 (2017: 3.7704 juta). Dari jumlah ini 53% daripada jumlah penduduk adalah lelaki.



Rajah 1.16 Kadar Kesuburan Jumlah⁹ (TFR) Malaysia Mengikut Etnik.
 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pertumbuhan penduduk yang agak perlahan telah dialami oleh kebanyakan negeri-negeri di Malaysia kecuali Negeri Selangor. Pertumbuhan yang perlahan dipercayai disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu, pertama, kadar pertumbuhan semula jadi yang perlahan iaitu 10.9 pada setiap satu ribu penduduk; kedua, umur mula perkahwinan yang semakin meningkat bagi lelaki dan perempuan; ketiga, Kadar Kesuburan Umur Tertentu (ASFR) yang berkurangan dan Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) bagi etnik Cina, India dan lain-lain yang berkurangan. Pada keseluruhannya Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) bagi penduduk Malaysia ialah 1.9.

Rajah 1.17 mempamerkan taburan penduduk Negeri Johor mengikut umur dan jantina. Taburan yang berbentuk piramid yang mengecil di bahagian bawah bagi negeri Johor, iaitu bagi kumpulan umur 0 hingga 15 tahun adalah disebabkan oleh kadar kelahiran yang semakin rendah dan kadar kematian yang semakin rendah. Ini secara tidak langsung memberi petunjuk bahawa penduduk negeri Johor secara purata akan menjadi semakin "tua" dalam jangka masa panjang dan juga akan menyebabkan pengecilan jumlah penduduk keseluruhan. Ini adalah urutan dari jangka hayat penduduk secara keseluruhannya yang semakin



Rajah 1.17 Taburan Penduduk Negeri Johor Mengikut Umur dan Jantina, 2018.
 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

⁹ Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) bermaksud purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya. Secara umum, sekiranya Nilai TFR di bawah nilai 2.1 maka masyarakat tersebut atau sesuatu keluarga dalam jangka panjang tidak berupaya memenuhi tahap penggantian (*replacement level*). Jika situasi ini wujud maka jumlah penduduk bagi masyarakat tersebut akan berkurangan dalam jangka panjang.

panjang iaitu 75 tahun pada tahun 2018 berbanding 74.6 tahun pada tahun 2017 yang berpunca dari kadar kematian yang semakin menurun. Keadaan ini akan menyebabkan peningkatan bilangan "Ageing Population" di dalam masyarakat dan seterusnya peningkatan di dalam kadar tanggungan.

Laporan Perangkaan Penting terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa pada tahun 2018 peratus penduduk yang berumur 0-14 tahun telah menurun kepada 23.6% (2017: 23.9%). Peratus penduduk yang berumur 15-64 tahun juga turut menurun kepada 69.5% (2017: 69.9%). Sebaliknya peratus penduduk yang berumur 65 dan keatas meningkat kepada 6.9% (2017: 6.2%). Situasi ini perlu diberi perhatian di dalam perancangan ekonomi dan sosial.

Penawaran Tenaga Buruh¹⁰

Penyediaan tenaga buruh, terutama yang mahir, menjadi salah satu faktor penting bagi menarik pelabur dari dalam atau luar negara. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2018, Negeri Johor menyumbang 11.4% kepada jumlah tenaga buruh negara, tidak banyak berbeza dengan sumbangan di tahun 2017. Sumbangan Negeri Johor adalah yang ketiga terbesar selepas Selangor dan Sabah. Jumlah tenaga buruh di Negeri Johor pada tahun 2018 ialah 1.745 juta orang (2017: 1.672 juta orang, 2016: 1.639 juta orang). Jumlah ini mencatat peningkatan sebanyak 4.4 % berbanding 2017 (2017: 4.0 %).

Anggaran Penduduk Semasa bagi tahun 2018 oleh Jabatan Perangkaan dan data siri masa Jabatan Perangkaan Malaysia dari 2010 hingga 2018 menunjukkan bahawa penawaran tenaga buruh berbanding dengan jumlah penduduk yang berumur 15-64 tahun telah meningkat dari 65.1% pada tahun

2017 kepada 67.1% pada tahun 2018. Pergerakan tahunan pula menunjukkan bahawa penawaran tenaga buruh kelihatan semakin mengecil pada awalnya. Walau bagaimanapun pada tahun 2016 pertumbuhan yang tercatat hanya 0.4% berbanding penguncupan 0.7% tetapi penawaran tenaga buruh telah meningkat kepada 2.0% pada tahun 2017 dan 4.4% pada 2018.

Peningkatan yang berlaku adalah seiring dengan pertambahan penduduk yang memasuki pasaran buruh terutama di kalangan mereka yang berumur 20-39 tahun. Penduduk yang berada di luar tenaga buruh boleh dijadikan pengukur kepada pertambahan/pengurangan tenaga buruh. Taburan peratus tenaga kerja yang berada di luar tenaga buruh mengikut faktor bagi 2017 dan 2018 di bentangkan sebagai Jadual 1.6.

Jadual 1.5 Taburan Peratus Tenaga Kerja Yang Berada Di Luar Tenaga Buruh mengikut Faktor, 2017 dan 2018.

	Peratus Bagi Tahun (%)	
	2017	2018
Masih belajar	42.7	41.6
Surirumah/ Menjaga keluarga	41.2	42.1
Bakal melanjutkan pelajaran	2.2	2.2
Hilang upaya	4.3	4.4
Tidak berminat untuk bekerja	1.3	1.2
Bersara	8.5	8.6

Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2017 dan 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Berdasarkan faktor-faktor di atas penduduk yang berada di luar tenaga buruh boleh dikaitkan dengan kumpulan belia yang berumur 15-24 tahun yang kebanyakannya perempuan. Kumpulan ini mendominasi sebanyak lebih dari 80 peratus.


Jadual 1.6 Penawaran Tenaga Buruh Mengikut Jantina dan Kawasan 2012-2018 ('000)

Tahun	Lelaki	Perempuan	Bandar	Luar bandar	Jumlah
2012	1,029.80	494.7	1,136.30	388.2	1,524.50
2013	1,042.80	566.0	1,226.00	382.8	1,608.80
2014	1,060.40	575.8	1,258.40	377.8	1,636.20
2015	1,051.60	581.5	1,260.00	373.1	1,633.10
2016	1,062.90	576.2	1,280.30	358.8	1,639.10
2017	1,088.60	583.1	1,327.50	344.2	1,671.70
2018	1,097.70	647.4	1,413.10	332.0	1,745.10

¹⁰ Tenaga buruh merujuk kepada kumpulan penduduk dalam umur bekerja yang bekerja atau menganggur.

Negeri Johor merupakan di antara pusat pekerjaan paling popular di Malaysia. Ini disebabkan oleh ekonominya yang berterusan berkembang dalam pelbagai sektor ekonomi, terutama di kawasan Iskandar Malaysia yang menjadi jiran kepada Singapura. Sepanjang tempoh 7 tahun, dari 2012 hingga 2018, sumbangan penduduk bandar di dalam penawaran tenaga buruh terus meningkat. Tenaga buruh yang disumbangkan oleh penduduk bandar berkembang pesat dari 77.2% pada tahun 2015 kepada 78.1% pada tahun 2016 dan terus meningkat kepada 79.4% dan 80.9% pada tahun 2017 dan 2018.

Ini adalah sumbangan tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pertambahan penawaran ini adalah disebabkan oleh penghijran dari bandar ke bandar dan dari luar bandar ke bandar yang berlaku di antara negeri dan penghijran dalam negeri. Sebaliknya sumbangan tenaga buruh oleh penduduk luar bandar sudah semakin mengecil dari tahun ke tahun. Selain itu Penyumbang utama tenaga kerja dan penyumbang utama tenaga bekerja ialah penduduk yang berumur 25 hingga 29 tahun diikuti oleh yang berumur 30 hingga 34 tahun dan seterusnya kumpulan umur 20 hingga 24 tahun.



Rajah 1.18 Penawaran Tenaga Kerja dan Tenaga Bekerja Mengikut Umur, 2018.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Taburan tenaga kerja dan tenaga bekerja pada tahun 2018 adalah sama dengan taburan pada tahun-tahun sebelumnya dan juga mempunyai bentuk taburan yang sama dengan negeri lain (Rujuk Rajah 1.19). Daripada fakta mengenai tenaga kerja dan tenaga bekerja mengikut umur yang tertera pada Rajah 1.19 satu kesimpulan yang boleh dibuat ialah, taburan perkerja memuncak pada peringkat umur 25-29 tahun. Ini secara tidak langsung memberikan petunjuk bahawa ramai pelajar yang telah menamatkan pendidikan tertiar memasuki pasaran buruh.

Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Jenis Pekerjaan

Pada tahun 2018 jumlah penduduk yang bekerja telah meningkat kepada 1.693 juta daripada 1.615 juta pada tahun 2017, iaitu peningkatan 2.2%. Negeri Johor secara keseluruhannya adalah di antara penyumbang utama kepada negara bagi pelbagai jenis pekerjaan. Ia menduduki tempat kedua hampir di dalam semua kategori pekerjaan.

Jadual 1.7 Bilangan dan Peratus Penduduk Bekerja Negeri Johor Mengikut Jenis Pekerjaan, 2017 dan 2018.

Kategori Pekerjaan	2017		2018	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Penggubal Undang-Undang	63.5	3.9	63.7	3.8%
Pegawai Kanan dan Pengurus Professional	150.4	9.3	169.7	10.0%
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	193.8	12.0	198.6	11.7%
Pekerja Perkeranian	159.6	9.9	147.0	8.7%
Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja Kedai dan Jurujual	339.0	20.9	417.6	24.7%
Pekerja Mahir Pertanian	54.7	3.4	60.0	3.5%
Pekerja Pertukangan dan yang Berkaitan	216.1	13.4	206.1	12.2%
Operator Logi dan Mesin serta Pemasangan	268.8	16.6	247.5	14.6%
Pekerja Asas	168.9	10.5	183.1	10.8%
JUMLAH	1,614.7	100.0	1,693.3	100.0%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Adalah didapati bahawa tumpuan pekerjaan penduduk Negeri Johor adalah 24.7% di dalam bidang Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai dan Jurujual. Sebaliknya 14.6% pekerja terlibat dalam bidang Operator Loji dan Mesin serta Pemasangan. Penduduk Negeri Johor yang melibatkan diri dalam bidang Kerja Pertukangan dan Yang Berkaitan adalah sejumlah 12.2% manakala 11.7% adalah di dalam bidang Juruteknik dan Professional Bersekutu. Keadaan ini adalah selaras dengan penawaran dan permintaan tenaga kerja kerana Sektor Pembuatan dan Pembinaan merupakan penyumbang terbesar kepada peluang pekerjaan.


Kadar Pengangguran

Kadar Pengangguran di Negeri Johor pada tahun 2000 hingga tahun 2017 tidak menunjukkan satu arah aliran yang nyata. Sekiranya gunatenaga penuh disandarkan kepada kadar pengangguran 4.0, maka secara keseluruhannya Negeri Johor mengalami guna tenaga penuh dari tahun 2000 lagi. Bagi tahun

tahun 2018 kadar pengangguran yang dialami oleh negeri Johor telah berkurangan dari 3.4% pada 2017 kepada 3.0%. Adalah dijangkakan keadaan yang lebih baik akan berlaku selepas tahun 2018. Keadaan ini selari dengan Jangkaan Perniagaan 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Situasi ini adalah hasil dari penambahan peluang pekerjaan di semua sektor terutama di sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoren.

Kadar Pengangguran Mengikut Kumpulan Umur

Taburan kadar pengangguran mengikut kumpulan umur mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh dan 2017 dan 2018, secara keseluruhannya kadar pengangguran bagi kumpulan umur menurun. Kadar pengangguran yang tertinggi adalah di kalangan yang berumur di antara 15 hingga 19 tahun (2017: 20.6%), diikuti mereka yang berumur 20 hingga 24 tahun (2017: 9.2%). Kadar pengangguran yang rendah ialah di kalangan yang berumur 40 tahun dan keatas (di antara 0.8% - 1.1%) (Rujuk Rajah 1.19).



Rajah 1.19 Kadar Pengangguran Negeri Johor Mengikut Kumpulan Umur, 2017-2018.
 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kadar pengangguran berdasarkan lokasi (Bandar dan Luar bandar) dan Jantina menunjukkan, secara umumnya, kadar pengangguran di bandar menurun sebanyak 0.4 mata peratusan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Kadar pengangguran di luar bandar menurun sebanyak 0.8 mata peratusan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Berdasarkan Jantina, kadar pengangguran lelaki lebih rendah berbanding kadar pengangguran perempuan sejak tahun 2015 dan tahun-tahun sebelumnya.

Jadual 1.8 Kadar Pengangguran Negeri Johor Mengikut Lokasi dan Jantina, 2016-2018.

Lokasi/Jantina	2018		
	2016	2017	2018
Bandar	3.4%	3.5%	3.1%
Luar bandar	4.1%	3.2%	2.4%
Lelaki	3.4%	3.3%	2.8%
Perempuan	3.8%	3.6%	3.3%
Keseluruhan	3.6%	3.4%	3.0%

Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2016, 2017 dan 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kadar Pengangguran Mengikut Kelayakan Tertinggi

Taburan kadar pengangguran mengikut kelayakan akademik tertinggi menampakan penguncupan di kalangan hampir semua pemilik diploma dan kebawah. Peningkatan kadar pengangguran amat jelas di kalangan mereka yang memiliki ijazah dan ke atas.

Jadual 1.9 Kadar Pengangguran Negeri Johor Mengikut Kelayakan Tertinggi, 2017 dan 2018.

Kadar Pengangguran Mengikut Kelayakan (%)										
	Keseluruhan	UPSR/ UPSRA	PT3/ SRP/ SRA	SPM/ MCE	STPM	Sijil	Diploma	Ijazah	Tiada Sijil	Lain-lain
2017	3.4	1.7	2.3	3.9	2.5	7.3	5.6	3.2	2.1	1.8
2018	3.0	2.0	1.8	3.4	3.5	3.8	2.7	4.0	2.1	2.0


Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2016, 2017 dan 2018 , Jabatan Perangkaan Malaysia.

Umur Tenaga Kerja

Dari aspek umur pekerja, umur purata di kalangan pekerja di Negeri Johor telah mengalami perubahan. Apa yang jelas ialah Min Umur pekerja pada tahun 2018 meningkat kepada 36.8 tahun berbanding 36.3 tahun pada tahun 2017.


Peningkatan di atas berkemungkinan disebabkan oleh ramai pekerja-pekerja di dalam lingkungan 50 tahun dan keatas masih kekal bekerja. Keadaan ini dapat

dilihat pada Kadar Penyertaan Tenaga Buruh bagi pekerja yang di dalam lingkungan umur 50 tahun ke atas dan nisbah gunatenaga kepada penduduk yang meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya. Keadaan ini berkemungkinan tidak akan kekal lama disebabkan ramai pekerja di dalam lingkungan umur persaraan akan bersara dan digantikan oleh pekerja muda. Sekiranya transisi berterusan berlaku, maka ramai pekerja muda akan menggantikan pekerja yang berumur hampir persaraan di negeri Johor dan di keseluruhan Malaysia.



Rajah 1.20 Min Umur Penduduk Bekerja Negeri Johor, 2011-2018.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.



Rajah 1.21 Nisbah Gunatenaga/ Penduduk Negeri Johor Mengikut Kumpulan Umur, 2017-2018.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Yang Berumur (15-64).

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) ditakrifkan sebagai nisbah penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja (15-64 tahun). Nilai KPTB Negeri Johor berubah-ubah dari 67.1% pada tahun 2015, mengecil kepada 66.6% pada tahun 2016 tetapi meningkat sedikit kepada 67.0% pada tahun 2017. Pada tahun 2018 ia meningkat kepada 68.9%. Nisbah ini berbeza-beza mengikut lokasi, jantina dan tahap pendidikan.


Jadual 1.10 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPKT) Negeri Johor Mengikut Kawasan, Jantina dan Tahap Persekolahan, 2017 dan 2018.

	2017			2018		
	Lelaki	Perempuan	Disatukan	Lelaki	Perempuan	Disatukan
Bandar	81.0%	51.1%	67.0%	81.7%	55.8%	69.5%
Luar Bandar	84.1%	46.5%	67.0%	82.0%	48.3%	66.3%
Rendah	89.2%	36.8%	66.1%	89.2%	43.0%	69.2%
Menengah	82.3%	48.3%	67.3%	84.1%	53.2%	69.8%
Tertiari	75.6%	61.9%	66.6%	73.5%	63.0%	68.2%
Keseluruhan	81.7%	50.2%	66.6%	81.8%	54.4%	68.9%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh bagi tahun-tahun 2010 hingga 2018 menunjukkan bahawa Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) di Negeri Johor, secara keseluruhannya, berkisar di antara 64.0% dan 68.9%. Walau bagaimanapun pengamatan khusus di kalangan lelaki menunjukkan bahawa KPTB di kalangan lelaki di Negeri Johor berkisar di antara 81.4% hingga 82.4%. KPTB di kalangan lelaki Negeri Johor mengalami puncak 82.4% pada tahun 2012 dan

2014 dan yang paling rendah pada tahun 2016 iaitu 81.4%. Pada tahun 2018 KPTB lelaki ialah 81.8% (2017: 81.7%). Sementara itu, KPTB di kalangan perempuan pula berada di puncak pada 2015 dengan nilai 50.9%, manakala pada tahun 2018 KPTB perempuan ialah 54.4% (2017: 50.2%), meningkat dari 49.9% pada tahun 2016. KPTB berdasarkan taraf pendidikan, kawasan dan jantina bagi tahun-tahun 2017 dan 2018 dipamerkan sebagai Jadual 1.11.



Rajah 1.22 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Negeri Johor 2010 - 2018.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.


Jadual 1.11 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Mengikut Kumpulan Umur, 2011-2018.

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
15-	16.5%	16.0%	17.0%	17.0%	16.7%	18.2%	17.2%	18.3%
20-	72.4%	70.1%	70.3%	71.8%	71.5%	65.0%	72.5%	69.4%
25-	84.6%	83.6%	84.4%	86.1%	85.3%	86.5%	86.5%	87.4%
30-	80.3%	80.6%	83.4%	83.1%	82.8%	84.1%	83.5%	83.9%
35-	76.6%	74.4%	79.9%	81.2%	81.0%	84.1%	81.5%	83.2%
40-	74.2%	74.7%	79.6%	78.5%	79.2%	81.5%	79.6%	83.2%
45-	71.8%	72.8%	77.4%	74.1%	76.9%	79.2%	73.4%	80.1%
50-	64.4%	69.1%	72.9%	73.1%	70.8%	73.1%	71.0%	74.0%
55-	49.3%	51.2%	54.3%	57.6%	58.4%	59.2%	54.6%	61.7%
60-	33.9%	36.1%	43.0%	40.2%	36.7%	36.5%	32.9%	38.8%

Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

KPTB mengikut kumpulan umur dari 2011 hingga 2018 menunjukkan secara keseluruhan mempunyai taburan yang sama, di mana kadar penyertaan tertinggi adalah pada lingkungan umur 25-29 tahun diikuti oleh yang berumur 30-34 tahun. Kadar penyertaan yang tinggi di peringkat awal adalah disebabkan oleh tenaga kerja yang selesai menamatkan persekolahan menengah dan pendidikan tertiar.

Walau bagaimanapun pertambahan penduduk yang berada di luar tenaga buruh, seperti mereka yang berada di dalam persekolahan dan institusi-institusi pendidikan awam dan swasta, pertambahan mereka yang bekerja di rumah dan pertambahan golongan pesara, menyebabkan berlakunya perubahan-perubahan pada kadar penyertaan tenaga buruh bagi kumpulan umur dan jantina tertentu.



Jadual 1.23 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Mengikut Kelayakan, 2017 dan 2018.
 Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia 2017 dan 2018.

Kesimpulan daripada nilai-nilai Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) mengikut tahap akademik ialah, pertama, pekerja-pekerja yang memiliki pendidikan sijil lanjutan atau sijil tambahan selain SPM dan STPM (Sijil, Diploma dan Ijazah) mempunyai peluang pekerjaan yang luas. Ini dapat diamati dari nilai-nilai KPTB golongan ini yang telah melebihi tahap 85% pada tahun 2017 dan 2018. Kedua, KPTB adalah tinggi bagi mereka yang memiliki ijazah sarjana muda dan ke atas. Malah pada tahun 2015 KPBT bagi golongan ini adalah lebih tinggi, iaitu 91.0% dan meningkat kepada 91.2% pada tahun 2016. Dapatan yang agak ketara daripada maklumat ini ialah KPTB bagi mereka yang memiliki sijil PMR/SRP dan pemilik sijil STPM adalah rendah.

Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Ekonomi

Pada tahun 2018 jumlah penduduk yang bekerja adalah dianggarkan seramai 1.693 juta meningkat dari 1.6147 juta pada tahun 2017. Ini merupakan peningkatan sebanyak 10.5 % berbanding dengan 2.2% pada tahun 2017. Seperti di tahun-tahun yang lalu, tenaga kerja yang bekerja di Sektor Utama merupakan peratusan yang paling kecil. Pada tahun 2018, sektor ini menyumbang 8.0% kepada keseluruhan tenaga kerja yang bekerja di Negeri Johor (2017:

8.1%). Sektor Pertanian, Perikanan, Ternakan dan Perhutanan menampakkan peningkatan bilangan gunatenaga. Sebaliknya berlaku penguncupan bilangan dan peratus sumbangan di sektor kecil perlombongan dan kuari pada tahun 2018, iaitu 0.4% (2017: 0.5%). Ianya adalah disebabkan oleh perkaitan sektor kecil ini dengan aktiviti sektor kecil pembinaan yang sebahagian besarnya tertumpu di kawasan Iskandar Malaysia dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang sahaja.

Sumbangan **Sektor Perindustrian** yang terdiri daripada Sektor Pembuatan dan Sektor Pembinaan kepada keseluruhan tenaga kerja Negeri Johor pada 2018 telah mengalami kemerosotan dari segi jumlah tenaga bekerja. Sumbangan sektor pembuatan mengalami kemerosotan sebanyak 6.0% manakala sektor kecil pembinaan mengalami kemerosotan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2017. Walau bagaimanapun sektor pembuatan adalah penyumbang kedua terbesar iaitu sebanyak 23.5% (2017: 30.0%) bagi tenaga kerja. Sektor pembinaan telah menampung tenaga kerja seramai lebih kurang 128.0 ribu orang (2017: 141.7 ribu orang), merupakan penguncupan 28.4% berbanding tahun 2017. Sektor pembinaan menyumbang sebanyak 7.6% kepada tenaga kerja pada tahun 2018 berbanding dengan 8.8% pada tahun 2017.

Jadual 1.12 Anggaran Tenaga Kerja Mengikuti Sektor Ekonomi, 2017 dan 2018.

	2017		2018	
	Bilangan ('000)	%	Bilangan ('000)	%
Sektor Utama	130	8.1%	135.5	8.0%
Pertanian, Perikanan, Haiwan dan Perhutanan	121.2	7.5%	129.2	7.6%
Perlombongan dan Kuari	8.8	0.5%	6.3	0.4%
Sektor Perindustrian	560.5	34.7%	528.8	31.2%
Pembuatan	418.8	30.0%	400.3	23.6%
Pembinaan	141.7	8.8%	128.5	7.6%
Sektor Perkhidmatan	924.2	57.2%	1029	60.8%
Utiliti (Elektrik, Gas dan Air)	19.9	1.2%	22.2	1.3%
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoren	417.5	25.9%	478.7	28.3%
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	98.6	6.1%	107.8	6.4%
Kewangan, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	72.3	4.5%	78.7	4.6%
Perkhidmatan Awam dan Sosial	315.9	19.6%	341.6	20.2%
Jumlah Penduduk Bekerja (15-64)	1,614.7	100%	1,693.3	100.0%
Kadar Pengangguran		3.4%		3.0%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhannya Sektor Perkhidmatan adalah penyumbang terbesar kepada tenaga kerja Negeri Johor. Sumbangan bagi tahun 2018 ialah 60.8% (2017: 57.2%) daripada keseluruhan tenaga kerja yang bekerja di Negeri Johor yang tertumpu di beberapa sektor di bawah sektor ini. Secara keseluruhan, semua sektor perkhidmatan mencatat pertambahan tenaga kerja bagi tahun 2018. Sektor I Perniagaan Borong Runcit, Hotel Dan Restoran merupakan di antara penyumbang utama tenaga kerja dengan sumbangan 28.3% (2017: 25.9%). Seperti yang tercatat di dalam Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2018 jumlah tenaga kerja di sektor ini mengalami peningkatan yang besar iaitu sebanyak 14.7% iaitu pertambahan seramai 61 ribu pekerja. Walaupun aktiviti perniagaan hotel tidak menunjukkan perubahan yang signifikan, peluang pekerjaan yang ada di sektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran adalah hasil dari penyediaan infrastruktur perniagaan runcit oleh pihak kerajaan dan swasta seperti pusat membeli belah, pasaraya besar, serta bertambahnya pasaraya kecil dan warong-warong makanan dan minuman.

Infrastruktur yang disediakan oleh Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah membantu pertumbuhan ini. Keadaan ini telah dibantu oleh aktiviti gerai dan restoran yang semakin meningkat di kawasan-kawasan perumahan baru dan bandar-bandar baru. Pertambahan infrastruktur ini secara tidak langsung menampung tenaga kerja yang diberhentikan di sektor pembuatan atau sektor-sektor lain. Ia juga memberi peluang kepada lepasan

sekolah dan kolej/ universiti untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

Tenaga kerja di Sektor Kecil Kewangan, Hartanah Dan Perkhidmatan Perniagaan berkembang 8.1% dan menyumbang 4.6% (2017:4.5%) kepada keseluruhan tenaga kerja di neger Johor. Keaktifan sektor hartanah masih wujud di kawasan-kawasan perbandaran termasuk kawasan Iskandar Malaysia dan sekitarnya tetapi berkurangan di kawasan lain. Sementara itu sektor pengangkutan dan penyimpanan dan komunikasi telah mencatatkan peningkatan sumbangan peluang pekerjaan sebanyak 6.4% (2017: 6.1%). Walau bagaimanapun peralihan kepada sistem digital di sektor komunikasi yang mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia mengurangkan sumbangan tenaga kerja.

Di sektor-sektor Awam dan Sosial lain, tenaga buruh banyak tertumpu di dalam perkhidmatan pendidikan, keselamatan dan pentadbiran. Pada tahun 2018 bilangan tenaga kerja berkembang sebanyak 4.9% dan telah menyumbang 20.2% kepada peluang pekerjaan berbanding 19.6% pada tahun 2017.

Trend Perkembangan Tenaga Buruh Negeri Johor

Jumlah tenaga buruh yang tersedia di Negeri Johor dalam jangka panjang adalah dipengaruhi oleh jumlah penduduk, umur penduduk dan bilangan migran. Migrasi bersih positif atau negatif memberi impak yang besar kepada penawaran tenaga buruh.

Di samping itu, sebagaimana yang dinyatakan di atas, berlakunya migrasi keluar yang berterusan dari Negeri Johor atas sebab-sebab utama seperti mengikut keluarga, pekerjaan dan persekitaran secara tidak langsung memberi impak kepada penawaran tenaga buruh negeri. Satu fenomena yang penting ialah jumlah penduduk Negeri Johor bertambah dengan kadar 1.3% setahun pada tahun-tahun 2007-2018. Nisbah Gunatenaga kepada Penduduk serta Kadar Penyertaan Tenaga Buruh yang menurun yang secara tidak langsung akan mengurangkan sedikit penawaran gunatenaga di negeri Johor. Justeru itu, Negeri Johor akan menghadapi arah aliran gunatenaga bekerja yang menurun di masa hadapan, berselari dengan arah aliran di luar tenaga buruh yang meningkat akibat dari ketidaktentuan dan penyediaan pekerjaan yang memberi kesan ke atas peningkatan peluang pekerjaan. Oleh yang demikian, persiapan dari segi prasarana untuk penyediaan peluang perniagaan amatlah penting. Persiapan juga perlu di fikirkan untuk menghadapi tenaga kerja yang semakin tua.

Berasaskan data dari Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2018, sektor perkhidmatan terus menjadi sektor yang memberikan jumlah peluang pekerjaan yang tertinggi berbanding dengan sektor-sektor lain. Ini telah didahului oleh sektor peniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran diikuti oleh sektor pembuatan. Ini adalah berdasarkan kepada jangkaan keaktifan sektor pembuatan dan peruncitan, hasil dari jangkaan ekonomi negara dan wilayah sekitarnya yang lebih baik pada tahun 2019/2020 dan seterusnya. Dasar kerajaan yang ingin menjadikan Iskandar Malaysia sebagai hub ekonomi selatan mendorong kepada kerajaan Negeri Johor mengambil peluang ke atas aktiviti ekonomi hiliran yang akan berlaku, seperti penyediaan tenaga kerja di dalam sektor kewangan dan hartanah yang lebih luas untuk masa akan datang.

SUASANA PELABURAN DI TAHUN 2018

Perkembangan Pelaburan Ke Dalam Negara

Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama meningkat dari RM200.6 bilion pada 2017 kepada RM201.7 bilion pada 2018. Pelaburan yang diluluskan untuk tempoh Januari hingga Jun 2018 bernilai RM86.1 bilion, sementara sejumlah RM115.6 bilion pelaburan diluluskan untuk tempoh Julai hingga Disember 2018.

Nisbah pelaburan asing dan domestik menunjukkan bahawa pelaburan domestik memainkan peranan yang penting dalam memacu agenda pelaburan Malaysia. Pelaburan langsung domestik (DDI) mencatat 60.1% daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan iaitu dengan jumlah RM121.2 bilion, sementara pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang sebanyak 39.9% atau RM80.5 bilion. Berlaku peningkatan FDI sebanyak 48.0% daripada RM54.4 bilion pada tahun 2017.

Sektor perkhidmatan dan sektor utama mencatatkan pelaburan masing-masing sebanyak RM103.4 bilion dan RM10.9 bilion pada 2018. Sektor perkilangan menerima pelaburan yang diluluskan berjumlah RM87.4 bilion pada 2018, peningkatan 37.2%, berbanding RM63.7 bilion pada tahun 2017.

Pelaburan dalam sektor utama mencatatkan penurunan 12.2% daripada RM12.4 bilion pada 2017 kepada RM10.9 bilion pada 2018. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pelaburan yang lebih rendah dalam aktiviti penerokaan minyak dan gas, di bawah subsektor perlombongan. Pelaburan selebihnya dalam sektor utama terdiri daripada subsektor perladangan dan komoditi, dan subsektor pertanian, masing-masing mencatatkan pelaburan berjumlah RM601.8 juta dan RM68.8 juta.

Malaysia terus menarik pelaburan asing yang tinggi dalam sektor perkilangan di dalam kelembapan ekonomi global. Pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan meningkat kepada RM58.0 bilion pada 2018 berbanding RM21.5 bilion pada tahun 2017, dan membentuk 66.4% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan.

Sebahagian besar daripada FDI merupakan projek baru berjumlah RM40.3 bilion (69.5%), dengan baki sebanyak RM17.7 bilion (30.5%) adalah projek pembesaran dan pelbagaian. China, Indonesia, Belanda, Jepun dan Amerika Syarikat merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan sektor perkilangan di Malaysia untuk tahun 2018. Lima negara ini menyumbang sebanyak RM44.3 bilion atau 76.4% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan.

Pentax Medical dari Jepun adalah merupakan salah satu daripada tiga pengeluar sistem endoskopi dan pembedahan utama di dunia, dan akan menubuhkan kemudahan perkilangan barunya di Pulau Pinang. Projek ini dijangka mewujudkan 193 peluang pekerjaan, di mana 77% merupakan rakyat Malaysia terutamanya

dalam kategori pengurusan, penyeliaan dan teknikal. Projek lain yang diluluskan ialah Jinjing Technology dari China yang akan dilaksanakan di Taman Teknologi Tinggi Kulim. Syarikat ini akan menyumbang kepada pembangunan ekosistem solar dan kaca di Malaysia. Projek ini akan menyediakan 855 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Testhub adalah syarikat Malaysia yang merupakan satu-satunya entiti yang mempunyai keupayaan untuk merekabentuk dan mengeluarkan papan ujian dan program ujian, serta menyediakan satu pusat sehenti penyelesaian ujian kepada MNC global.

Projek-projek berintensifkan modal, yang melibatkan teknologi canggih dan tenaga kerja mahir, menguasai pelaburan sektor perkilangan, merangkumi 81 projek yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM100 juta atau lebih, iaitu 43.2% lebih tinggi berbanding tahun 2017. Pelaburan dalam projek-projek ini mencecah RM75 bilion atau menyumbang 85.9% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan.

Daripada 721 projek perkilangan yang diluluskan, 30.7% atau 221 projek akan menjadikan Malaysia sebagai hab mereka untuk pasaran antarabangsa, di mana sekurang-kurangnya 80% produk akan dieksport. Produk petroleum termasuk industri petrokimia dengan pelaburan sebanyak RM32.9 bilion telah menyumbang sebahagian besar kepada keseluruhan prestasi perkilangan pada tahun 2018. Projek yang ketara dalam industri ini ialah Sarawak Petchem yang merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangunkan Bintulu sebagai hab petrokimia. Ini adalah tambahan kepada pelaburan oleh syarikat Pengerang Energy Complex dan Petronas Chemicals Isononanol yang akan ditempatkan di Johor.

Industri lain yang mempunyai pelaburan tinggi yang diluluskan termasuk produk logam asas, produk E&E, kertas, percetakan dan penerbitan, bahan kimia dan produk kimia, produk getah, produk mineral bukan logam and jentera dan peralatan. Projek-projek perkilangan yang diluluskan pada 2018 dijangka mewujudkan peluang pekerjaan untuk 59,294 orang.

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah pelaburan yang diluluskan iaitu sebanyak RM103.4 bilion daripada 4,103 projek.

Pelaburan domestik menyumbang 84.1% atau RM86.9 bilion manakala pelaburan asing merangkumi selebihnya atau RM16.5 bilion. Pelabur asing lebih kukuh dalam subsektor perdagangan pengedaran, dan subsektor penubuhan global yang mewakili RM4.8 bilion dan RM4.4 bilion masing-masing. Kedua-dua subsektor ini menyumbang 55.8% kepada jumlah pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan.


Pelaburan Ke Dalam Negeri Johor Dalam Tahun 2018

Negeri Johor adalah penerima pelaburan diluluskan yang tertinggi dengan jumlah RM30.5 bilion (2017: RM21.9 bilion). Ianya diikuti oleh Selangor (RM18.9 bilion), Sarawak (RM8.7 bilion), Pahang (RM8.0 bilion) dan Pulau Pinang (RM5.8 bilion). Lima negeri ini menyumbang 82.3% kepada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2018.


Negeri Johor telah menarik pelaburan yang sejumlah besarnya adalah ke dalam kawasan Iskandar Malaysia (Daerah Johor Bahru) dan kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (Daerah Kota Tinggi). Di Negeri Johor MIDA telah meluluskan tiga (3) projek di Pengerang Integrated Complex (PIC) dengan nilai pelaburan berjumlah RM16,137 juta.

Pada keseluruhannya pelaburan ke sektor pembuatan Negeri Johor pada tahun 2018 yang bernilai RM30.5 bilion juta adalah lebih tinggi berbanding nilai pelaburan tahunan pada tahun 2017 (RM21.9 bilion). Peningkatan ini adalah hasil daripada peningkatan pelaburan asing (FDI) yang meningkat kepada RM24.0 (2017: RM5.1 bilion). Walau bagaimanapun, jumlah pelaburan tempatan telah mencatat kemerosotan kepada RM6.5 bilion (2017: RM16.8 bilion) (Rujuk Rajah 1.15).

Keseluruhannya 12 daripada 18 jenis industri yang menerima pelaburan pada tahun 2018 telah mencatatkan peningkatan jumlah pelaburan pada tahun 2018, berbanding tahun 2017. Sejumlah besar pelaburan yang diluluskan pada tahun 2018 adalah bagi industri Produk Petroleum (termasuk Petrokimia) (54.4%) yang telah meningkat 13.5% kepada RM16,595 juta (2016: RM14,624 juta). Sementara itu pelaburan di dalam industri Kimia dan Produk Kimia telah meningkat 17.6% kepada 2,453 juta (2017: RM2,087 juta), manakala pelaburan ke dalam industri Produk Elektrik dan Elektronik melonjak 18 kali ganda kepada RM8,435 juta (2017: RM454 juta).




Rajah 1.24 Pelaburan Langsung Malaysia Mengikut Sektor dan Sumber, 2017-2018.




Rajah 1.25 Nilai Pelaburan (RM Juta) Di Dalam Sektor Pembuatan Negeri Johor, 2013-2018.

Sumber Data : MIDA.


2018: Domestik (RM Juta)




2018: Asing (RM Juta)



2017: Domestik (RM Juta)




2017: Asing (RM Juta)




Rajah 1.26a Nilai Pelaburan (RM Juta) Di Daerah Johor Baru dan Kota Tinggi, 2017-2018.
Sumber Data : Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC).


2017: Domestik (RM Juta)




2017: Asing (RM Juta)



2018: Domestik (RM Juta)



2018: Asing (RM Juta)



Rajah 1.26b Nilai Pelaburan (RM Juta) Mengikut Daerah (Kecuali Johor Baru dan Kota Tinggi), 2017-2018.

Sumber Data: Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC).

Jadual 1.13 Projek Pembuatan Yang Diluluskan Untuk Negeri Johor Mengikut Industri; 2017 dan 2018.

Industri	Pelaburan Domestik (RM Juta)		Pelaburan Asing (RM Juta)		Jumlah Pelaburan (RM Juta)	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
1 Makanan	278.4	267.4	94.2	172.2	372.6	439.6
2 Minuman dan Tembakau	119.3	0.0	1.4	0.0	120.7	0.0
3 Tekstil & Barangan Tekstil	44.0	339.2	0.0	63.9	44.0	403.1
4 Kayu & Produk Kayu	22.8	44.6	28.6	154.6	51.3	199.2
5 Perabot & Kelengkapan	48.2	59.0	59.0	102.9	107.2	161.9
6 Kertas, Percetakan & Penerbitan	0.0	0.0	1.8	0.0	1.8	0.0
7 Kimia & Produk Kimia	769.2	89.8	1,317.5	2,364.1	2,086.7	2,453.9
8 Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	14,322.1	4,761.7	302.4	11,834.0	14,624.5	16,595.7
9 Produk Getah	0.0	0.0	26.5	69.8	26.5	69.8
10 Produk Plastik	47.2	205.8	175.9	169.4	223.1	375.1
11 Produk Mineral Bukan Logam	945.6	214.5	2,360.3	140.0	3,305.8	354.5
12 Produk Logam Asas	3.1	0.0	0.0	2.2	3.1	2.2
13 Produk Logam Fabrik	82.9	168.8	132.1	184.1	215.0	352.9
14 Jentera dan Peralatan	21.6	48.4	44.6	121.0	66.2	169.4
15 Produk Elektrik & Elektronik	27.7	120.0	426.5	8,316.0	454.2	8,435.0
16 Peralatan Pengangkutan	56.5	155.4	10.3	314.9	66.8	470.3
17 Peralatan Sainifik dan Mengukur	0.0	0.0	64.0	31.2	64.0	31.2
18 Pelbagai	36.5	0.0	57.7	0.0	94.3	0.0
Jumlah	16,825.1	6,474.6	5,102.7	24,040.1	21,927.8	30,514.7

Sumber: Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC)/MIDA

Pelaburan-pelaburan, sebahagian besarnya, adalah tertumpu di kawasan Iskandar Malaysia (Daerah Johor Bahru) dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (Daerah Kota Tinggi) (Sila rujuk Rajah 1.16a). Sementara itu industri-industri yang mencatatkan kemerosotan nilai pelaburan ialah industri Produk Mineral Bukan Logam (2018: RM355 juta, 2017: RM3,306 juta) dan industri Produk Mineral Bukan Logam (2018: RM355 juta, 2017: RM3,306 juta).



PRESTASI SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

LAPORAN EKONOMI 2018/2019 NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

PRESTASI SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

PENDAHULUAN

Bab ini membentangkan prestasi sektor utama dan sektor industri Negeri Johor di tahun 2018 dari aspek output sektor-sektor dengan lebih terperinci daripada yang telah diperihalkan di Bab 1. Ukuran yang digunakan untuk memperihalkan output ialah nilai output kasar dan nilai ditambah dalam Ringgit Malaysia pada harga semasa. Sumber data bagi penganggaran nilai-nilai output bagi setiap sektor adalah data sekunder yang sebahagian besarnya telah diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, MIDA, Jabatan-Jabatan serta Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Johor.

PERTUMBUHAN SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

Pada tahun 2018, semua nilai ditambah sektor pengeluaran tumbuh positif dengan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor utama mengalami pertumbuhan 0.7% manakala sektor perindustrian dan sektor perkhidmatan masing-masing mencatat peningkatan yang baik, iaitu 6.0% dan 7.3% (2017: 4.1% dan 6.6%). Pertumbuhan sektor industri disumbangkan oleh sektor pembuatan negeri yang tumbuh sebanyak 5.1% (2017: 6.9%) yang mencerminkan keaktifan di dalam pengeluaran berorientasikan eksport yang merekodkan peningkatan pengeluaran sebanyak 4.5% (2017: 2.5%). Situasi ini telah dibantu oleh peningkatan 2.7% di dalam pengeluaran berorientasikan domestik

Pengeluaran dan nilai ditambah ekonomi Negeri Johor meningkat walaupun berhadapan dengan ekonomi dunia yang tidak menentu. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga 2010 mencatat pertumbuhan 5.6% di tahun 2018 (2017: 6.2%). Nilai pertumbuhan ini adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menerima kesan daripada pergolakan ekonomi dunia yang tidak menentu dan perdagangan serantau yang sederhana. Asas ekonomi negeri adalah kukuh dengan permintaan domestik yang kukuh, sumber pertumbuhan yang pelbagai, pengangguran dan inflasi yang rendah. Permintaan domestik yang mantap menjadi peneraju utama pertumbuhan ekonomi. Pelaburan swasta ke dalam Negeri Johor kekal mengatasi negeri-negeri lain dengan nilai yang lebih tinggi berbanding 2017. Dari segi penawaran, pertumbuhan ekonomi negeri didahului oleh sektor perkhidmatan yang menyumbang 49.3% kepada KDNK Negeri.

(2017: 5.4%). Pertumbuhan permintaan dalam negeri, khususnya dalam perbelanjaan persendirian (*private consumption*), menyumbang kepada pertumbuhan pengeluaran subsektor pembuatan berorientasikan domestik yang menyebabkan limpahan ke dalam pertumbuhan sektor perkhidmatan.

Sektor utama Negeri Johor mencatat pertumbuhan 0.7% pada tahun 2018 (2017: 7.8%). Nilai ditambah sektor pertanian tumbuh dengan kadar minimal 0.5% di tahun 2018 (2017: 7.6%). Sementara itu, sektor pengkuarian meningkat 4.8% pada tahun 2017; berbanding dengan 15.1% di tahun 2017. Selain itu, nilai ditambah sektor perindustrian berkembang 6.0% bagi tahun 2018 (2017: 4.1%). Pertumbuhan 5.1% di sektor pembuatan pada tahun 2018 (2017: 6.9%) telah dibantu oleh pertumbuhan 9.6% di sektor pembinaan (2017: -6.4%).

Jadual 2.1 Sumbangan Sektor-Sektor kepada Ekonomi Negeri Johor pada Tahun 2017 dan 2018.

	NILAI DITAMBAH (RM Juta) (2015=100)		SUMBANGAN (%)	
	2017	2018	2017	2018
SEKTOR UTAMA	16,821	16,937	13.6%	13.0%
Pertanian	16,166	16,250	13.1%	12.5%
Perlombongan & Kuari	656	687	0.5%	0.5%
SEKTOR PERINDUSTRIAN	44,872	47,550	36.3%	36.4%
Pembuatan	36,465	38,334	29.5%	29.4%
Pembinaan	8,407	9,216	6.8%	7.1%

	NILAI DITAMBAH (RM Juta) (2015=100)		SUMBANGAN (%)	
	2017	2018	2017	2018
SEKTOR PERKHIDMATAN	59,959	64,353	48.5%	49.3%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	14,461	15,921	11.7%	12.2%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	17,523	18,909	14.2%	14.5%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	11,960	12,681	9.7%	9.7%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	6,168	6,552	5.0%	5.0%
Perkhidmatan Kerajaan	9,847	10,289	8.0%	7.9%


Sumber : Anggaran BPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.

PRESTASI PENGELUARAN SEKTOR UTAMA

SEKTOR PERTANIAN

Pada tahun 2018 aktiviti pertanian, perhutanan dan perikanan Negeri Johor mencatatkan pertumbuhan positif di dalam nilai ditambah pada harga malar 2015 dengan sumbangan sebanyak 16.3% kepada nilai ditambah sektor pertanian negara (2017: 16.3%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan pengeluaran aktiviti "tanaman lain" yang merangkumi pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan. Negeri Johor juga terus berperanan

sebagai pengeluar utama makanan negara dengan anggaran hampir 70% dari keluasan negeri yang sesuai untuk tujuan pertanian. Tanaman getah dan kelapa sawit mendominasi, dari segi keluasan tanaman, dengan kelapa sawit meliputi sekitar 83.3% dari keseluruhan keluasan tanaman. Keluasan tanaman sawit pada tahun 2018 dianggarkan di sekitar 747,562 meningkat sebanyak 1,932 hektar berbanding 745,630 hektar pada tahun 2017. Ini termasuk 67,000 hektar kawasan tanaman muda dan merupakan 12.8% dari keseluruhan kawasan penanaman kelapa sawit negara dan merupakan kawasan penanaman terbesar di Semenanjung Malaysia (27.4%).



Rajah 2.1 Perbandingan Sumbangan Nilai Ditambah Sektor kepada KDNK Negeri Johor bagi tahun 2017 dan 2018.

TANAMAN UTAMA

Kelapa Sawit

Industri sawit Malaysia menunjukkan prestasi yang kurang menggalakkan pada tahun 2018 berbanding pencapaian pada tahun 2017. Pengeluaran minyak sawit mentah (CPO), jumlah eksport, harga minyak sawit mentah dan jumlah pendapatan dari eksport kelapa sawit menyaksikan penurunan. Ini juga

mengakibatkan jumlah eksport hasil sawit dan penutupan jumlah stok yang meningkat pada akhir tahun 2018. Penganalisis mendapati ini adalah disebabkan oleh hasil pengeluaran hasil sawit yang tinggi dan permintaan yang lemah dari peringkat global.

Pada 2018 kawasan penanaman kelapa sawit di Johor meningkat sebanyak 1932 hektar mencapai 747,562 hektar dan terus mengatasi Pahang sebagai kawasan

tanaman kelapa sawit terbesar di Semenanjung Malaysia, iaitu merangkumi 27.4% daripada jumlah kawasan ditanam sawit di Semenanjung Malaysia. Ini adalah kerana kawasan tanaman muda telah mencapai tahap matang dan penurunan kawasan tanaman muda kepada 67,000 hektar berbanding 67,123 hektar pada tahun 2017.

Pada tahun 2018, pengeluaran minyak sawit mentah Johor mencatatkan penurunan sedikit sebanyak 0.92% kepada 3,113,455 tan metrik berbanding 3,142,522 tan metrik yang dicatatkan pada tahun 2017 (Jadual 2.2). Ini adalah disebabkan oleh pengurangan jumlah hasil buah tandan segar (BTS). Jumlah hasil BTS yang diproses di Johor menunjukkan penurunan sebanyak 3.2% iaitu hanya 15,814,634 tan sepanjang 2018 berbanding sebanyak 16,341,663 tan pada tempoh yang sama di tahun sebelumnya. Kadar penghasilan BTS bagi negeri Johor juga telah menurun sebanyak 4.9% pada tahun 2018 kepada 19.63 tan sehektar berbanding 20.66 tan sehektar di tahun 2017. Penurunan ini selari dengan penurunan kadar hasil BTS seluruh Malaysia iaitu sebanyak 4.1% pada 15.55 tan sehektar berbanding 16.22 sehektar pada tempoh yang sama pada tahun 2017. Ini dilaporkan berpunca dari kesan biologi terhadap pokok kelapa sawit selepas pengeluaran hasil yang tinggi pada tahun 2017.

Kadar pengekstrakan minyak negara (OER) pada 2018 berakhir pada 19.83% pada Disember 2018 meningkat daripada 19.72% bagi tempoh yang sama pada tahun 2017. Kadar pengekstrakan minyak ini adalah memberangsangkan pada awal tahun 2018 iaitu dari Januari sehingga April 2019 berikutan penerimaan BTS yang berkualiti tinggi hasil keadaan cuaca yang baik. Walau bagaimanapun, kualiti BTS telah mula menurun berikutan keadaan cuaca yang tidak memberangsangkan di kawasan penanaman seluruh negara dan berakhir dengan kadar yang lebih rendah, namun lebih tinggi dari tahun sebelumnya. Fenomena yang sama dialami oleh kadar pengekstrakan minyak (OER) bagi negeri Johor yang menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.09% pada Disember 2018 iaitu 20.0% berbanding 19.91% pada bulan November 2018. Secara purata, pada tahun 2018, kadar OER bagi negeri Johor meningkat sebanyak 2.4% kepada 19.69 berbanding hanya 19.23 pada tahun 2017. Kadar OER negeri Johor berada pada kadar tertinggi iaitu 20.01% pada bulan Ogos 2018 berikutan penerimaan BTS yang berkualiti tinggi. Kadar terendah bagi negeri Johor ialah 18.55% pada bulan Januari 2018.

Pengeluaran minyak isirong negeri Johor juga mengalami trend yang sama (Rajah 2.2b) iaitu penurunan pada kadar 1.86%. Sebanyak 877,361 tan dihasilkan sepanjang tahun 2018 berbanding 894,010 tan pada tahun 2017. Ini adalah dijangkakan berikutan peningkatan pengeluaran yang tinggi pada tahun tersebut. Pengeluaran minyak isirong berada pada kadar yang tinggi pada awal tahun 2018 dan menurun secara mendadak pada bulan Jun iaitu pada kadar terendah sepanjang tahun dengan pengeluaran sebanyak 54,968 tan sahaja. Pengeluaran yang berkurangan ini juga adalah kesan dari kurangnya permintaan bagi eksport produk kelapa sawit berikutan hasil kajian Wetlands International and Greifswald berkaitan pencemaran karbon di beberapa negara Eropah.

Jumlah eksport minyak sawit melalui Pelabuhan Pasir Gudang pula merosot sebanyak 4.65% kepada 2,643,258 tan metrik pada tahun 2018 berbanding 2,772,289 tan metrik pada tahun 2018 (Rujuk Rajah 2.2d). Pada masa yang sama, jumlah eksport minyak sawit bagi seluruh negara juga turut menurun sedikit pada kadar 0.4% ke 16.49 million tan berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan berkurangnya permintaan dari negara pengimport seperti Vietnam, Mesir dan Kesatuan Eropah.

Jumlah eksport barangan berasaskan kelapa sawit bagi seluruh negara bagi tahun 2018 pula menunjukkan peningkatan sebanyak 3.8% 24.88 juta tan berbanding hanya 23.97 juta tan yang dieksport pada tahun 2017. Walaubagaimanapun, jumlah nilai eksport tersebut adalah menurun dengan jumlah yang mendadak sebanyak 13.3% ke RM67.49 billion berbanding RM77.85 billion pada tahun 2017. Ini turut menjejaskan pendapatan dari hasil eksport minyak kelapa sawit yang turut menurun dengan kadar 16.2% dengan nilai RM38.63 billion bagi tahun 2018 berbanding RM46.09 billion pada tahun 2017. Penurunan nilai pendapatan melalui eksport ini adalah disebabkan harga pasaran yang rendah di peringkat global.

Pada tahun 2018, harga purata minyak sawit mentah merosot kepada RM2,232.50 satu tan berbanding RM2,783.00 satu tan pada tahun 2017. Ini adalah kesan dari kelemahan harga minyak sayuran khususnya minyak soya di pasaran antarabangsa. Pasaran antarabangsa yang lemah ini juga diakibatkan oleh kempen dari Eropah yang memboikot industri sawit berdasarkan hasil laporan Wetlands International dan Greifswald yang menyatakan negara Eropah seperti

Finland, German dan Poland menyumbang kepada pencemaran karbon yang tinggi akibat tanaman sawit yang kurang meninggalkan kesan rumah hijau. Ini juga menyebabkan meningkatnya stok domestik minyak sawit mentah dan menjejaskan pendapatan penanam sawit dan pekebun kecil. Stok minyak sawit negara ditutup pada 3.22 juta tan pada Disember 2018, meningkat sebanyak 17.7% berbanding hanya 2.73 juta tan pada Disember 2017. Ini berikutan stok yang tinggi pada awal tahun 2018 dan kurangnya hasil eksport pada tahun ini.


India mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran eksport minyak sawit Malaysia terbesar untuk tahun kelima sejak 2014, dengan pengambilan pada 2018 pada 2.51 juta tan atau 15.2% daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit negara. Ini diikuti oleh Kesatuan Eropah pada 1.91 juta tan (11.6%), China 1.86 juta tan (11.3%), Pakistan 1.16 juta tan (7.0%), Filipina 0.69 juta tan (4.2%), Turki 0.63 juta tan (3.8%) dan Amerika Syarikat 0.54 juta tan (3.3%). Tujuh pasaran utama ini menyumbang sebanyak 9.31 juta tan atau 56.5% daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia pada 2018.

Jumlah eksport minyak sawit yang lebih tinggi ke India, meningkat sebanyak 23.9% kepada 2.51 juta tan pada 2018 berbanding hanya 2.03 juta tan pada tahun 2017 disebabkan oleh penurunan import minyak soya yang menurun sebanyak 18.1% kepada


2.87 juta tan pada tahun 2018. Ini juga ditambah dengan penggantungan duti eksport minyak sawit mentah Malaysia bagi tempoh Januari-April 2018.

Kesatuan Eropah kekal menjadi pengimport minyak sawit Malaysia ke dua terbesar pada tahun 2018, dengan jumlah yang merosot sebanyak 4.0% iaitu hanya 1.91 juta tan berbanding 1.99 juta tan metrik pada 2017. Ini disebabkan oleh kenaikan import minyak kacang soya, yang meningkat sebanyak 12.6% kepada 0.31 juta tan pada 2018 daripada 0.28 juta tan metrik pada tahun 2017. China merupakan pasaran eksport ketiga terbesar bagi minyak sawit Malaysia pada tahun 2018, dengan pengambilan 1.86 juta tan, penurunan sebanyak 3.0% daripada 1.92 juta tan metrik pada 2017. Penurunan ini disebabkan oleh pengambilan minyak sawit yang lebih tinggi dari pelbagai negara lain, naik 9.5% kepada 3.62 juta tan dan eksport minyak sawit yang lebih tinggi sebanyak 71.2% kepada 1.30 juta tan metrik pada tahun 2018.


Pakistan, mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran eksport keempat terbesar sejak 2016, dengan pengambilan sebanyak 1.16 juta tan minyak sawit Malaysia pada 2018. Eksport minyak sawit ke Pakistan meningkat sebanyak 14.2% daripada 1.02 juta tan metrik pada 2017 disebabkan oleh penurunan import kacang soya dari Brazil sebanyak 32.6% kepada 644,000 tan metrik pada 2018 berbanding 956,000 tan pada tahun 2017.



Rajah 2.2a Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit Negeri Johor, 2017-2018 ('000 tan).




Rajah 2.2b Pengeluaran Minyak Isirong Negeri Johor, 2017-2018 ('000 tan).



Rajah 2.2c Pengeluaran Tandan Buah Segar Negeri Johor, 2017-2018 ('000 tan).

Penekanan ke atas harga bagi produk sawit memberi kesan kepada prestasi stok perladangan tahun ini, tetapi ini dibayangi oleh kelemahan dari sektor lain, serta berikutan dengan perubahan kerajaan. Penganalisis berkata tahap pengeluaran yang tinggi dan permintaan global yang lemah akan berterusan dan seterusnya membawa kepada peningkatan berterusan dalam inventori minyak sawit. Walaubagaimanapun, sesetengah pemain industri mengatakan bahawa harga minyak sawit mentah telah menurun pada tahap terendah pada tahun 2018, dan menjangkakan harga akan meningkat lebih tinggi pada separuh pertama 2019 memandangkan permintaan dijangka meningkat disebabkan oleh



Rajah 2.2d Eksport Produk Berasaskan Kelapa Sawit Negeri Johor (Pelabuhan Pasir Gudang), 2017-2018 ('000 tan).

faktor-faktor bermusim seperti sambutan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri. Pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga berusaha untuk memperkukuhkan pasaran sawit dengan negara pengeksport sedia ada dan juga meninjau potensi pasaran di negara lain seperti Ghana. Di samping itu, nilai eksport sawit juga dijangka meningkat berikutan pengurangan hasil tuaian biji sesawi di negara Eropah dan hasil kacang soya yang rendah di China. Dengan inisiatif memperkasa sumber ekonomi negeri Johor melalui sektor pertanian, adalah dijangka Revolusi Hijau negeri Johor akan menyumbang peratus yang tinggi dalam mengaspirasikan peningkatan hasil sawit negara.


Jadual 2.2 Pengeluaran Minyak Sawit Mentah Negeri Johor 2016-2018

	2016	2017	Pertumbuhan 2017/16 (%)	2018	Pertumbuhan 2018/17 (%)
	Pengeluaran (tan metrik)	Pengeluaran (tan metrik)		Pengeluaran (tan metrik)	
Januari	163,841	211,810	29.28	265,944	25.56
Februari	166,663	214,747	28.85	214,754	0.00
Mac	185,974	210,002	12.92	251,847	19.93
April	200,456	216,574	8.04	238,014	9.90
Mei	207,485	225,834	8.84	235,459	4.26
Jun	229,105	205,989	-10.09	205,446	-0.26
Julai	232,726	284,963	22.45	243,776	-14.45
Ogos	264,981	293,140	10.63	266,457	-9.10
September	280,248	295,578	5.47	296,852	0.43
Oktober	284,922	335,271	17.67	312,736	-6.72
November	274,107	326,891	19.26	292,956	-10.38
Disember	254,881	321,723	26.22	289,214	-10.10
Jumlah	2,745,389	3,142,522	4.27	3113455	-0.92

Sumber : Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Getah

Tanaman getah turut menyumbang kepada nilai tambah dalam subsektor pertanian di Negeri Johor selepas kelapa sawit. Harga susu getah pekat yang berada pada tahap terendah pada Disember 2017 iaitu pada hanya 473 sen sekilogram telah terus menunjukkan penurunan sehingga ke tahap paling rendah pada akhir Disember 2018 iaitu pada 377 sen sekilogram. Perbandingan harga getah untuk tahun 2017-2018 dipamerkan sebagai Rajah 2.3.



Rajah 2.3 Perbandingan harga getah bulanan (sen/kilogram) bagi tahun 2017-2018.
Sumber : Lembaga Getah Malaysia.

Pengeluaran getah asli (NR) Malaysia menyumbang sebanyak 80 peratus kepada jumlah pengeluaran getah pada tahun 2018 dengan kadar 603.3 ribu tan, bagaimanapun jumlah ini merosot sebanyak 18.0 peratus pada tahun 2018 pada asas tahun ke tahun. Harga purata susu getah pekat yang berada pada kadar terendah pula adalah berikutan meningkatnya kadar stok getah pada Disember 2018 kepada 173,848 tan daripada 169,939 tan pada November 2018.

Eksport getah asli juga menyusut sembilan peratus bulan ke bulan kepada 48,183 tan pada Disember 2018, dimana menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, China adalah destinasi utama eksport getah Malaysia dan menyumbang 46.5 peratus daripada jumlah eksport. Ini diikuti Jerman (14.8 peratus), Finland dan Amerika Syarikat (4.6 peratus), serta Iran (3.1 peratus). Penggunaan domestik getah pada Disember 2018 merosot sebanyak 2.7 peratus kepada 41,823 tan berbanding 42,971 tan pada bulan sebelumnya. Sementara itu, industri sarung tangan getah adalah pengguna utama NR, sebanyak 76.2 peratus (atau 31.886 tan) daripada jumlah NR untuk kegunaan domestik.

Selari dengan jumlah pengeluaran negara, jumlah pengeluaran negeri Johor pada 2018 dijangka menurun sedikit dengan kadar 6% (4,732 tan metrik) pada tahun 2018 berbanding 5,026 tan metrik pada tahun 2017.

Jadual 2.3 mempamerkan trend pengeluaran getah negeri Johor sejak tahun 2012. Pekebun kecil masih lagi merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah pengeluaran negara iaitu sebanyak hampir 90%. Bilangan pekebun kecil getah di negeri Johor pada tahun 2018 ialah seramai 18,513 orang atau 5.2% dari jumlah keseluruhan pekebun kecil Malaysia.

Jadual 2.3 Pengeluaran Getah Mentah Negeri Johor 2014-2018.

TAHUN	Keluasan berhasil (Hektar)	Pengeluaran (kg)	Produktiviti (kg/ hektar)
2014	3,294.57	5,330,567.00	1,617.99
2015	3,066.67	4,937,942.90	1,610.20
2016	3,068.00	4,605,619.34	1,501.18
2017	3,071.00	5,026,495.00	1,636.76
2018 ^a	2,973.99	4,732,041.69	1,590.53
Pertumbuhan 2018 (%)	-3.16	-5.86	-2.82

Sumber : Lembaga Getah Malaysia (data 2018 adalah anggaran)

Jumlah eksport yang merangkumi 54.4% hasil pengeluaran getah Malaysia pula adalah stabil pada purata 50,000 tan metrik sebulan sepanjang tahun 2018. Pada tahun 2018, eksport getah menurun sebanyak 7.3% kepada hanya 1.25 juta tan berbanding 1.35 juta tan pada tahun 2017.

Pada Februari 2018, eksport produk getah Malaysia meningkat sebanyak 19.2 peratus dan mencecah paras tertinggi baharu, RM21.7 bilion, disokong oleh permintaan lebih kukuh daripada kalangan negara pengimport ekonomi maju dan sedang membangun. Dalam kenyataan itu, Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) berkata pertumbuhan kukuh itu dapat dicapai walaupun dalam keadaan ringgit mengukuh berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) yang menyaksikan perolehan lebih rendah dari segi ringgit. Walaubagaimanapun, berikutan penurunan harga yang berterusan, penawaran hasil getah berkurangan akibat dari tindakan penoreh yang berhenti menoreh kerana kurangnya pendapatan dari hasil getah.

Di Johor, projek GUP yang dijalankan di Kampong Segamat Kecil masih lagi dipantau dengan proses pemantauan dan penyelenggaraan kebun dijalankan secara berkala oleh pekebun di kebun masing-masing. Tiada serangan penyakit yang serius berlaku terutamanya penyakit akar putih dan serangan anai-anai. Seramai 9 daripada 12 peserta (jumlah peserta asal ialah 14 peserta) telah memulakan torehan di kebun masing-masing melibatkan keluasan seluas 13.737 hektar. Dua kebun akan dibuka torehan pada tahun 2019 dan satu lagi akan dibuka toreh dalam tahun 2020. Pencapaian ini dijangka akan merancakkan lagi pengeluaran getah di Johor dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah Johor dan seterusnya meningkatkan prestasi ekonomi negeri Johor selari dengan kenaikan harga getah.

PERIKANAN

Di Negeri Johor, terdapat tujuh daerah perikanan iaitu Muar, Batu Pahat, Pontian, dan Johor Bahru (bahagian pantai barat), dan Kota Tinggi dan Mersing (bahagian pantai timur). Hasil perikanan utama negeri Johor adalah terdiri dari hasil-hasil tangkapan ikan laut (termasuk kerang-kerangan), ikan air tawar, ikan dalam sangkar, udang harimau/putih, ikan air tawar (perairan umum) dan kupang/siput sudu. Pada tahun 2018, tangkapan ikan laut mencatat pengeluaran tertinggi di antara hasil-hasil laut Negeri Johor iaitu sebanyak 69,680 tan metrik, dengan pengurangan sebanyak 0.2% jika dibandingkan dengan tahun 2017 (-14%), diikuti ikan dalam sangkar iaitu 10,720 tan metrik (106.8%). Manakala, ikan tawar mengalami peningkatan sebanyak 53.8% (8,143 tan metrik), diikuti udang harimau/putih yang berkurang sebanyak 15.6% (5,986 tan metrik). Kupang/siput sudu dan ikan air tawar (perairan umum) mencatat pengeluaran terendah iaitu masing-masing dengan anggaran 983 tan metrik dan 260 tan metrik. Manakala pengeluaran ikan hiasan dianggarkan meningkat iaitu sebanyak 439 juta ekor (68.8%) berbanding 2017 (260 juta ekor, -63%). (Rujuk Jadual 2.4).

Bagi tahun 2018, trend nilai pengeluaran tertinggi dalam pengeluaran hasil perikanan utama Negeri Johor adalah terdiri dari tangkapan ikan laut, ikan hiasan, ikan dalam sangkar, udang harimau/putih, ikan air tawar, kupang/siput sudu, dan ikan air tawar

Jadual 2.4 Pengeluaran dan Eksport Hasil Perikanan Utama Negeri Johor, 2017 - 2018.

PENGELUARAN	2017		2018		Perubahan (%)	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)	Kuantiti	Nilai
Udang Harimau / Udang Putih	7,090	180.6	5,986	158.5	-15.6	-12.2
Ikan dalam Sangkar	5,183	113.5	10,720	244.7	106.8	115.6
Kupang / Siput Sudu	2,232	8.4	983	4.9	-56	-41.9
Ikan Air Tawar	5,296	29.8	8,143	41.4	53.8	39.1
Ikan Air Tawar (Perairan Umum)	221	0.0009	260	0.0035	17.5	288.9
Tangkapan Ikan Laut	69,853	713.3	69,680	819.7	-0.2	14.9
Ikan Hiasan (Juta ekor)	260	209	439	231	68.8	10.8
EKSPORT	2017		2018		Perubahan (%)	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM'000)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM'000)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM'000)
Udang Harimau/Udang Putih	1,061.44	16,665	1,058.16	16,616	-0.31	-0.29
Ikan Air Tawar/ Air Payau	3,341.54	46,213	3,311.57	45,805	-0.90	-0.88
Tangkapan Ikan Laut	36,201.23	209,786	41,889.20	242,760	15.71	15.72
Ikan diproses	20,661.05	149,999	23,971.14	174,003	16.02	16.00
Ikan Akuarium/Hiasan ('000 ekor)	16,466,342	25,111	17,821,936	27,147	8.23	8.11

Sumber : Jabatan Perikanan Negeri Johor & Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia.


(perairan umum). Berdasarkan Jadual 2.3, kesemua hasil pengeluaran perikanan dianggarkan mengalami peningkatan nilai untuk tahun 2018 berikutan hasil tangkapan yang bertambah berbanding tahun 2017, kecuali bagi udang harimau/ putih dan kupang/ siput sudu. Tahun 2018 menunjukkan berlaku peningkatan nilai hasil perikanan Negeri Johor berbanding tahun 2017 kecuali nilai pengeluaran kupang/ siput sudu yang telah mengalami pengurangan nilai dengan perubahan sebanyak 41.9%.

Kuantiti eksport hasil perikanan utama di negeri Johor pada 2018 dijangka mengalami perubahan nilai eskport yang positif jika dibandingkan dengan tahun 2017. Kuantiti eksport tangkapan ikan laut dianggarkan 41,889.20 tan metrik, diikuti ikan diproses (23,971.14 tan metrik), ikan akuarium/ hiasan (17,821,936 juta ekor), ikan air tawar/ payau (3,311.57 tan metrik) dan udang harimau/ putih (1,056.16 tan metrik). Tangkapan ikan laut mencatatkan perubahan kuantiti eksport terbesar pada tahun 2018 dengan peningkatan sebanyak 15.7% berbanding tahun 2017 (24.3%), diikuti ikan diproses 16% (2017: 25%) (Rujuk Jadual 2.4).

Tangkapan ikan laut menjadi penyumbang terbesar kepada nilai eskport hasil perikanan Johor iaitu

sebanyak 15.7% (RM242,760 juta) diikuti ikan diproses, 16% (RM174,003). Manakala nilai eksport bagi ikan air tawar, ikan akuarium/ hiasan dan udang harimau/ udang putih mengalami peratusan yang rendah berbanding hasil perikanan utama Johor yang lain, dengan masing-masing -0.88% (RM45,805 juta), 8.11% (RM27,147 juta) dan -0.29% (RM16,616 juta).

Secara keseluruhannya, hasil perikanan dan nilai perikanan bagi sektor perikanan utama negeri Johor bagi tahun 2018 telah mengalami susut nilai berbanding tahun 2017. Secara tidak langsung, eksport dan nilai eksport turut terkesan. Beberapa faktor seperti musim banjir yang berlaku pada awal dan akhir tahun 2018 turut menjejaskan sektor perikanan Johor. Untuk membangunkan sektor perikanan, pusat pengumpulan dan pengedaran ikan perlu dipertingkatkan, terutamanya bagi memenuhi permintaan ikan pada musim tengkujuh. Pengumpulan boleh dibuat bermula pada musim ikan banyak iaitu sekitar bulan April sehingga September setiap tahun. Teknologi Individual Quick Freezing (IQF) digunakan untuk memastikan pembekuan stok ikan adalah segar dan mampu bertahan sehingga setahun. Buat masa ini, pusat sedia hanya wujud di Selayang (Selangor), Kuala Kedah dan Kuala Besut (Terengganu).



Rajah 2.4 Anggaran Nilai Eksport (RM Juta) Hasil Perikanan Utama Negeri Johor 2018

TERNAKAN

Nilai ditambah subsektor ternakan mengalami trend peningkatan berikutan peningkatan ketara pada tahun sebelumnya. Program-program pembangunan industri ternakan yang dilaksanakan kerajaan menjadikan Johor sebagai negeri yang memberi paling banyak sumbangan terhadap sektor ternakan utama. Ternakan ayam/ itik di Johor merupakan pemacu kepada industri ternakan di Malaysia. Diikuti oleh negeri Perak yang menerajui perternakan itik. Kebanyakan ternakan adalah untuk kegunaan

domestik dan untuk eksport ke Singapura. Pengeluaran ayam/ itik yang merupakan penyumbang terbesar (sebanyak 93.6%) untuk subsektor ini menurun sedikit sebanyak 4.0% sementara pengeluaran ternakan lain seperti lembu/ kerbau dan kambing/ bebiri juga turut menunjukkan penurunan. Sementara itu ternakan selainnya meningkat sebanyak 4.1%. Aktiviti ternakan bagaimanapun kekal merupakan subsektor ketiga terbesar di Johor. Jadual 2.5 menunjukkan jumlah pengeluaran ternakan mengikut jenis di negeri Johor dalam tan metrik.

Jadual 2.5 Pengeluaran Ternakan Mengikut Jenis di Negeri Johor (Bilangan), 2013-2018.

Jenis Ternakan	Kuantiti					
	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Ayam/ Itik	435,173	451,477	457,499	449,065	468,534	449,643
Lembu/ Kerbau	5,866	5,783	5,760	5,761	5,659	4,859
Kambing/ Bebiri	166	139	146	132	121	111
Ternakan Lain	27,298	27,033	29,391	30,960	24,924	25,955
Jumlah	468,503	484,432	492,796	481,910	489,238	480,568

Sumber : Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor.

Jumlah ternakan lain di dalam Jadual 2.5 merangkumi jumlah ternakan babi, burung unta, puyuh dan rusa. Keseluruhan jumlah pengeluaran ternakan Negeri Johor menurun sedikit sebanyak 0.27%. Jumlah ini masih lagi dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran burung puyuh yang terus meningkat pada tahun 2018. Jumlah pengeluaran burung puyuh negeri Johor meningkat sebanyak 12.1% pada tahun 2018 (1,570,996 ekor) berbanding hanya 1,380,569 ekor pada akhir tahun 2017). Walau bagaimanapun, peningkatan ini tidak signifikan pada jumlah tan metrik kerana beratnya yang kurang signifikan.

Nilai eksport hasil ternakan di negeri Johor pula mengalami pertumbuhan bercampur-campur pada tahun 2018 ini. Nilai eksport komoditi ternakan negeri Johor yang merangkumi ayam hidup, itik hidup dan telur secara keseluruhannya menurun sebanyak 26.8% kepada RM879.82 juta pada tahun 2018 berbanding RM693.88 juta pada tahun 2017. Walau bagaimanapun nilai eksport itik hidup menurun sedikit sebanyak 9.4% pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Ini juga sama seperti tahun sebelumnya iaitu dengan bertambahnya permintaan dari negara jiran seperti Singapura dan Indonesia. Walau bagaimanapun, berikutan tersebarnya penyakit virus burung, kerajaan Indonesia mengeluarkan perintah pemberhentian eksport daging itik dari Malaysia. Sementara itu, nilai eksport telur ayam pula meningkat

dengan mendadak sebanyak 43.2% iaitu kepada RM331.30 juta pada tahun 2018 berbanding hanya RM231.30 juta pada tahun 2017.

Adalah dijangka sektor ternakan negeri Johor akan lebih memberangsangkan berikutan halatuju industri ternakan negeri untuk tempoh lima tahun (2016-2020) telah pun bermula. Di antaranya ialah sasaran 5% bagi kenaikan populasi ternakan bagi ternakan lembu, rusa, bebiri dan kambing menjelang tahun 2020. Sementara itu populasi ternakan kerbau pula disasarkan meningkat 10% menjelang 2020. Jabatan Pertanian Negeri Johor juga meningkatkan pengkhususan untuk projek tenusu iaitu sebanyak 8,592 ekor lembu pada tahun 2016 dan dijangka akan meningkat sebanyak 5% pada tahun 2020. Usaha ini mensasarkan janaan kenaikan pengeluaran tenusu sebanyak 40% atau 10 juta liter setahun. Ini dianggarkan dicapai berikutan beberapa projek pembangunan yang dirancang untuk dijalankan pada tahun 2018, termasuk membina pusat pengumpulan (tahanan) bagi mengatasi masalah lembu berkeliaran di Mersing, membangunkan pusat jualan Agrovet dan lelongan ternakan di Lot 1368, Mukim Sg Segamat, Segamat, membangunkan rumah sembelih ruminan negeri di Lot PTD3357, Mukim Jementah, Segamat, dan menternak lembu dan rusa di Agromix Farm.

Jadual 2.6 Eksport Ternakan Utama Negeri Johor, 2013-2018

Jenis Ternakan	Nilai (RM'000)					
	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Ayam Hidup	452,482	471,686	462,760	433,241	415,186	505,584
Itik Hidup	77,987	213,899	183,831	44,090	47,397	42,940
Telur ayam	167,553	168,894	205,399	258,086	231,296	331,398

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

PERHUTANAN

Negeri Johor merupakan negeri ke tiga terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang dan Perak. Dianggarkan jumlah kawasan berhutan negeri Johor pada tahun 2018 kekal pada 449,212 hektar dari jumlah keluasan tanah negeri Johor iaitu 1,901,600 hektar. Jumlah hutan kekal juga masih kekal pada keluasan 414,628 hektar dengan 333,721 hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984 dan 80,907 hektar telah dicadangkan untuk diwartakan (Jabatan Perangkaan Malaysia).

Aktiviti perhutanan negeri Johor adalah menunjukkan trend peningkatan sebanyak 7.3% dengan jumlah pengeluaran barangan kayu utama sebanyak 204,275 meter padu pada tahun 2018 berbanding 190,855 meter padu yang dikeluarkan pada tahun

2017. Jadual 2.7 memaparkan jumlah pengeluaran produk kayu kayan terpilih bagi negeri Johor sejak tahun 2012. Peningkatan adalah dijangkakan dari pengeluaran kayu gergaji dan kayu papan lapis berikutan status pengusahasilan (ditebang) pada tahun 2018 yang membabitkan 1180.4 hektar kawasan pembalakan. Catutan Tebangan Tahunan (CTT) yang dibenarkan di Johor adalah sebanyak 2,940 hektar sahaja. Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-11 (RMK 11), pembukaan kawasan bagi tujuan pembalakan tahunan adalah sekitar 60 ke 70% dari CTT. Pada persidangan Dewan Undangan Negeri ke 14 bertarikh 30 Jun 2019 Y.A.B. Menteri Besar Johor memberi tahu Dewan bahawa aktiviti pembalakan di Johor adalah terkawal dengan pembukaan hutan yang minimum dari keluasan yang diberikan, malah dilakukan secara terpilih. Bagi tempoh 2015 sehingga 2019, seluas 2,372 hektar hutan simpan kekal diluluskan untuk tujuan pembalakan.

Jadual 2.7 Pengeluaran Produk Kayu Kayan Terpilih di Negeri Johor, 2014-2018.

Tahun	Kayu gergaji (mp)	Papan lapis (mp)	Venir (mp)	Kayu kumai (mp)	Jumlah	Perubahan (%)
2014	239,448	7,010	8,245	-	254,703	-41.4%
2015	257,741	4,695	7,805	-	270,241	6.1%
2016	230,028	3,662	4,214	532	238,436	-11.8%
2017	184,022	2,930	3,371	532	190,855	-20.0%
2018 ^a	198,088	3153	3115	-	204,275	7.3%

Sumber : Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Kutipan hasil hutan negeri Johor pula dijangka meningkat sebanyak 5.0% kepada RM14,244,047 pada tahun 2018 berbanding RM13,565,759 pada tahun 2017. Royalti dari pengeluaran kayu balak premium masih lagi merupakan hasil yang tertinggi berbanding keluaran hutan lainnya. Sumber lain dari

bayaran kompaun dan gantirugi, jualan borang rasmi kerajaan dan dokumen tender dan bayaran untuk pengusahaan hutan masih juga merupakan antara penyumbang ke tiga terbesar bagi hasil hutan di negeri Johor. Jadual 2.8 mempamerkan trend kutipan hasil hutan negeri dari tahun 2014 sehingga 2018.

Jadual 2.8 Kutipan Hasil Hutan di Negeri Johor, 2014-2018.

Tahun	Premium	Kayu Balak	Keluaran Hutan Lain	Ses	Sumber Lain	Jumlah Besar (RM)	Perubahan %
2014	6,030,715	3,666,466	1,893,444	975,044	852,430	13,418,099	-25.3
2015	19,384,931	4,364,006	1,042,325	1,641,944	4,462,076	30,895,282	130.3
2016	8,979,164	3,219,617	1,037,331	1,189,454	2,531,633	16,957,199	-45.1
2017	7,183,331	2,575,694	829,865	951,563	2,025,306	13,565,759	-20.0
2018 ^a	7,542,498	2,704,479	871,358	999,141	2,126,571	14,244,047	5.0

Sumber : Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Untuk lebih merencanakan kegiatan perhutanan di Negeri Johor, beberapa aktiviti telah dirancang, diantaranya dengan mewartakan Muar sebagai Pusat Kecemerlangan Kayu dan Produk Berasaskan Kayu dan menganjurkan Karnival Pelancongan Ledang di daerah Tangkak.

Pada April 2018, kerajaan negeri Johor dan pusat telah melancarkan Skim Usahawan Perabot Bumiputera (SuperBumi) dan Muar Furniture Park (MFP) yang disasarkan dapat memberikan nilai tambah yang besar dan bertambahnya inovasi dan rangsangan baru dalam sektor pembuatan kayu kayan ini. MFP ini akan

dilaksanakan oleh Johor Corporation (JCorp) dengan kerjasama Lembaga Industri Perakayuan Malaysia (MTIB) dengan membina kilang siap bina termasuk kilang untuk usahawan bumiputera dan membina pusat penyelidikan dan pembangunan. Inisiatif ini telah menarik minat hampir 122 buah kilang yang sebelum ini beroperasi secara haram untuk menempah kawasan tapak kilang di taman industri ini. Aktiviti ini dijangka akan menjana pengeluaran produk kayu kayan yang berkaitan perabot seperti papan lapis dan venir.

Selain dari pembalakan dan hutan simpan, hutan juga digunakan untuk tujuan rekreasi. Di antara aktiviti Eko-Perlancongan Johor ialah dengan memelihara Hutan Lipur Johor yang terdiri dari Hutan Lipur Gunung Arong, Hutan Lipur Gunung Pulai 2, Hutan Lipur Sungai Bantang, Hutan Lipur Soga Perdana, Hutan Lipur Panti, Hutan Lipur Gunung Belumut dan Hutan Lipur Taka Melor. Rekreasi hutan di Negeri Johor telah menjana pendapatan melalui kedatangan pelancong-pelancong asing. Bagaimanapun, semua aktiviti pendakian dan jelajah di kawasan rekreasi hutan simpan kekal di seluruh negeri Johor telah dibekukan berikutan musim tengkujuh yang mungkin membahayakan keselamatan.

PERTANIAN LAIN

Sektor kecil pertanian lain merangkumi tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, nanas, kopi, koko, tanaman kontan dan kelapa adalah salah satu sektor utama yang turut menyumbang kepada pertumbuhan KDNK di Malaysia. Negeri Johor adalah di antara yang mempunyai keluasan tanaman yang tertinggi di Malaysia. Keadaan ini turut memberi hasil tanaman yang tertinggi di Malaysia dan menjadikan Negeri Johor sebagai penyumbang terbesar kepada sektor pertanian Malaysia.

Pada tahun 2018, keluasan bertanam buah-buahan di Johor adalah yang tertinggi berbanding negeri lain iaitu merangkumi hampir 38.1% dari keluasan bertanam Semenanjung Malaysia. Ia melibatkan keluasan pengeluaran buah-buahan sebanyak 59,465 hektar, diikuti oleh sayur-sayuran 17,171 hektar dan kelapa 14,633 hektar. Tanaman lain seperti nanas, koko, kopi dan tanaman kontan turut menjadi penyumbang kepada sektor kecil pertanian lain di Johor dengan keluasan anggaran di antara 326 hektar sehingga 9,780 hektar. Dianggarkan peningkatan yang positif berlaku terhadap keluasan semua tanaman melainkan koko berbanding tahun 2017.

Seperti tahun-tahun lalu, hampir separuh daripada pengeluaran pertanian lain di Negeri Johor disumbang oleh pengeluaran buah-buahan. Pada tahun 2018, dianggarkan 49% daripada pengeluaran buah-buahan di Semenanjung Malaysia adalah dari Negeri Johor dengan diikuti oleh Pahang, Perak dan Kelantan. Ia merangkumi pengeluaran sebanyak 663,157 tan metrik. Ini adalah peningkatan sebanyak 9.9% berbanding tahun 2017 (603,693 tan metrik) (Rujuk: Booklet Statistik Tanaman 2018).

Malaysia adalah salah sebuah negara pengeluar utama nenas dunia selain daripada Thailand, Indonesia, Filipina, Hawaii, Ivory Coast, Kenya, Brazil, Taiwan, Australia, India dan Afrika Selatan. Mengikut Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) potensi eksport nenas Malaysia ke pasaran dunia termasuk negara-negara Arab iaitu Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, Iran dan Hong Kong serta China melibatkan tiga jenis utama iaitu Morris, Josaphine dan MD2. Selain itu, Singapura dan Brunei juga merupakan pasaran eksport tradisi bagi nenas segar. Selain buah-buahan, Johor juga adalah negeri pengeluar nenas terbesar negara. Di Johor, empat daerah utama yang mempunyai keluasan bertanam tertinggi nenas adalah Kluang, Muar, Pontian dan Batu Pahat iaitu melebihi 1,500 hektar dengan pengeluaran tertinggi sekitar 39,701.20 ke 128,592.30 tan metrik pada tahun 2016. Pengeluaran tanaman kontan yang merangkumi jagung manis, kacang tanah, ubi kayu, ubi keledek, ubi badak, tebu kuning dan sengkung dijangka meningkat pada tahun 2018 iaitu 46,365 tan metrik berbanding 2017 (42,424 tan metrik).

Keluasan tanaman, hasil pengeluaran dan nilai bagi Negeri Johor di tahun 2017-2018 dipamerkan sebagai Jadual 2.9. Pengeluaran kedua tertinggi selepas buah-buahan adalah nenas segar (298,592.6 tan metrik). Ini diikuti sayur-sayuran (215,238 tan metrik), kelapa (112,122 tan metrik), nanas kaleng (84,218.4 tan metrik), tanaman kontan (46,365 tan metrik), kopi (6,451 tan metrik) dan koko (108 tan metrik). Pengeluaran koko dan kopi untuk tahun 2018 dijangka berkurang, masing-masing sebanyak -10%, dan -7% berbanding 2017, dengan nilai pengeluaran berjumlah RM705 ribu dan RM7,741 ribu berikutan pengurangan keluasan bertanam.

Di tahun-tahun 2017 dan 2018, nilai pengeluaran tertinggi daripada hasil pertanian lain Negeri Johor telah dicatatkan oleh buah-buahan (RM784,368 ribu), sayur-sayuran (RM501,289 ribu), diikuti nenas segar (RM198,673 ribu), kelapa (RM124,906 ribu), nanas kaleng (RM47,212 ribu), tanaman kontan (RM52,834 ribu), kopi (RM7,898 ribu) dan koko (RM5,378 ribu).

Penanaman kopi di Malaysia tidak mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pekebun berbanding tanaman-tanaman yang lain. Johor mempunyai lima daerah pengeluar kopi iaitu pengeluar tertinggi di Pontian, Batu Pahat, Kluang, Muar dan Kulai. Meskipun Sabah mempunyai keluasan tanaman kopi yang lebih besar berbanding Johor,

akan tetapi Johor adalah negeri pengeluar kopi terbesar di Malaysia, diikuti Sabah. Ini disebabkan hasil daripada pokok kopi Liberica paling meluas ditanam di Johor dan ia mempunyai hasil yang lebih tinggi berbanding jenis Robusta (FAMA, 2014). Pengeluaran hasil tanaman kopi pada tahun 2018 dianggarkan berkurang berbanding 2017.

Jadual 2.9 Keluasan Bertanam dan Hasil Pengeluaran bagi Lain-Lain Tanaman di Negeri Johor, 2017-2018.

Jenis	2017			2018		
	Keluasan bertanam	Pengeluaran (Tan Metrik)	Nilai (RM000 ¹)	Keluasan bertanam	Pengeluaran (Tan Metrik)	Nilai (RM000 ¹)
Koko	353	120	3,286	326	108	5,378
Kopi	941	6,939	8,327	959	6,451	7,898
Nanas Kaleng	2,194	65,882	45,975	2,742	84,218	47,212
Nanas Segar	7,777	223,689	233,582	9,780	298,593	198,673
Buah-buahan	36,656	603,693	799,290	59,465	663,157	784,368
Sayur-sayuran	14,754	203,846	531,427	17,171	215,238	501,289
Kelapa	12,356	107,731	129,170	14,633	112,122	124,906
Tanaman Kontan	3,163	42,424	67,844	3,936	46,365	52,834

Sumber : Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Secara keseluruhan, kuantiti pengeluaran di sektor pertanian Negeri Johor mengalami peningkatan pada tahun 2018 berbanding 2017, kecuali koko dan kopi. Hampir semua tanaman, kecuali koko, mengalami peningkatan keluasan sebanyak 1.9%-62.2% berbanding 2017.

Mengikut Booklet Statistik Tanaman 2018, anggaran import sayur-sayuran dan buah-buahan Malaysia bagi tahun 2018 adalah sebanyak 1,490 ribu dan 585 ribu tan metrik. Johor mencatatkan keluasan tanah terbiar yang tertinggi di Semenanjung Malaysia iaitu 17,855 hektar. Penggunaan tanah terbiar dijangka dapat membantu masalah ketidakcukupan bekalan makanan berasaskan pertanian. Prospek pertanian perlu dikaji dan diperkenalkan kepada masyarakat awam, selain petani untuk menggalakkan penglibatan setiap individu di dalam bidang pertanian. Galakan kearah penanaman kecil-kecilan penting agar setiap lebihan tanah yang ada boleh dioptimumkan penggunaannya bagi tujuan pertanian berskala kecil. Ia boleh dimulai dengan tanaman-tanaman kecil di setiap buah rumah, tanaman di dalam pasu-pasu, atau rak seperti toclan (transformation of organics cultivation).

Rancangan Buku Hijau seperti yang telah dilancarkan pada Disember 1974, yang intipatinya adalah bertujuan menggalakkan penggunaan tanah secara optimum dengan tanaman jangka pendek dan lain-lain aktiviti pertanian, ternakan dan

perikanan perlu diteliti semula dan diteruskan untuk membangkitkan dan menyemarakkan semangat pertanian hijau di kalangan rakyat Johor khususnya, Malaysia amnya. Matlamat utama rancangan ini ialah untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan supaya cukup untuk keperluan Negara serta dapat menambahkan pendapatan rakyat dan negara, umumnya. Sektor pertanian di Malaysia perlu dikembangkan secara berterusan kerana keluasan dan kesuburan tanah pertanian di Malaysia sepatutnya mampu menampung keperluan asas penduduk Malaysia yang khususnya bergantung kepada sumber berasaskan pertanian.

Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Pertanian Negeri Johor

Untuk menggalakkan aktiviti pembangunan pertanian, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak Jabatan Pertanian. Ini termasuklah galakan terhadap semua pengusaha tanaman agar memiliki skim-skim pensijilan sangat penting untuk memastikan industri pertanian dan makanan berasaskan pertanian terjamin dari segi kebersihan dan kualiti. Skim-skim pensijilan itu termasuklah myGAP, myOrganic, MPCA dan MAFAS. Dengan pelaksanaan skim-skim ini, proses pemasaran hasil tanaman ke luar negara menjadi lebih mudah kerana ia diiktiraf oleh negara luar. Penambahbaikan ini adalah untuk memastikan industri pertanian berasaskan makanan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana menepati peraturan kebersihan.

Selain itu, beberapa projek telah dilaksanakan untuk memajukan industri kelapa yang melibatkan dua subprojek utama iaitu projek penanaman semula kelapa dengan menggunakan jenis kelapa varieti hibrid yang menghasilkan pulangan yang lebih tinggi, kelapa pandan, dan galakan pertanian integrasi dengan komoditi lain seperti nenas, koko dan kopi. Selain itu, projek pemulihan kelapa sedia ada turut dilaksanakan untuk membantu petani memulihkan dan membaiki saluran, melakukan penjarangan dan sulaman pokok-pokok tua. Pusat Pengumpulan Ladang turut diwujudkan untuk membantu pemasaran hasil kelapa secara efektif tanpa orang tengah. Untuk tanaman buah-buahan, terdapat dua sub projek iaitu Pembangunan Dusun Komersil dan Pemulihan Dusun, dan Pemerhatian dan Promosi Teknologi telah dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti tanaman dan pengeluaran buah-buahan.

Bagi meningkatkan prestasi dan pencapaian koko dan kopi di Johor, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh FAMA, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan Lembaga Koko. Di antara inisiatif ini termasuk bantuan pemulihan kawasan kopi dan koko sedia ada, menggalakkan tanaman koko secara selingan, pemindahan teknologi, penganjuran latihan, kursus dan khidmat nasihat serta insentif pembelian input seperti baja dan racun. Penyelidikan secara berterusan giat dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan termasuklah Jabatan Pertanian Johor dan MARDI bagi mendapatkan hasil yang berkualiti termasuk dengan cara membangunkan teknologi pengklonan buah-buahan melalui teknik konvensional dan moden, membangunkan sistem tanaman yang lebih cekap melalui penggunaan input yang optimum dan juga teknologi pembungkusan yang sesuai dan baik demi menjamin mutu dan kualiti pasaran domestik dan eksport. Selain itu, teknik fertigasi turut diperkenalkan bagi mengoptimalkan ruang tanaman yang kecil dan penggunaan baja bagi menghasilkan pengeluaran yang tinggi kepada para petani dan usahawan tani.

Pemberian insentif seperti pemberian benih tanaman dan ikan yang berkualiti secara percuma dapat mengurangkan kos para nelayan dan petani, selain ia boleh membantu peningkatan kualiti hasil perikanan dan pertanian. Program pelepasan benih ikan telah dijalankan di perairan umum di Sungai Endau, Mersing pada Julai 2018 dan kawasan sungai Sedili Besar, Kota Tinggi pada Ogos 2018. Benih ikan yang terlibat termasuklah Baung Sungai, Kerai, Sebarau, Udang Galah, dan Tenggalan.

Penganjuran program seperti Program Agro Kejora 2018 yang diadakan di Tanjung Balau, Kota Tinggi Johor dan Program Mini agro Johor 2018 amat bagus kerana ia memberi peluang kepada para usahawan tani untuk memasarkan hasil tanaman masing-masing di samping berkongsi pengalaman dan kejayaan. Kejayaan melalui inovasi terbaru seperti produk Tuna Steak yang dibuat daripada ikan Tuna Sirip Kuning telah diperkenalkan semasa MAHA 2018. (Jabatan Perikanan Malaysia). Produk ini dipercayai bagus untuk kesihatan dan juga mempunyai kandungan anti oksidan yang tinggi.

Pembangunan pertanian perlu dipertingkatkan lagi dengan menjadikan daerah-daerah tertentu sebagai hab pertanian negara berikutan kesesuaian dan keluasan kawasan tersebut. Muar merupakan daerah yang terbaik dan berpotensi untuk dijadikan hab pertanian kelapa matang, durian dan tanaman herba. (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani). Selain itu, usahawana di antara golongan petani, usahawan dan institusi penyelidikan serta agensi kerajaan penting bagi memastikan bekalan utama makanan negara mencukupi, selain memastikan industri pertanian kekal sebagai peneraju utama ekonomi negara.

SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN

Seperti tahun-tahun sebelumnya, sektor perlombongan dan pengkuarian di Negeri Johor menunjukkan prestasi seperti yang hampir sama, di mana sector ini memberikan sumbangan terkecil kepada KDNK di Negeri Johor pada tahun 2018. Ia merekodkan sumbangan setakat 0.52% sahaja. Ia merekodkan sumbangan hanya sekitar 0.42% sahaja pada tahun 2016 dan 0.50% pada tahun 2017. Walaubagaimanapun, peningkatan sumbangan kepada KDNK untuk tahun 2017 ini agak sederhana jua. Negeri Johor tidak mempunyai perlombongan utama seperti perlombongan minyak dan gas, timah atau boksit. Walau pun pelaburan dalam sector minyak dan gas akan menjadi penting di tahun-tahun mendatang, khususnya di Pengerang, ianya belum lagi menjalankan operasi sepenuhnya pada tahun 2017. Pada tahun 2017, pengeluaran minyak mentah dalam bentuk kodensat serta LNG di keluarkan sekitar 670,000 bpd dan 6500 jkps sahaja. Setakat ini, selain dari kondensat dan LNG yang direkodkan, hanya terdapat perlombongan dan pengkuarian bagi batu-bata, batupejal, pasir silica dan lain-lain produk tanah

atau pasir serta batu lombong secara kecilan yang dihasilkan di Negeri Johor. Perincian data mengenai pengeluaran bahan batu-batuan dari perlombongan dan pengkuarian adalah seperti tertera dalam Jadual 2.10.

Pada tahun 2017, peningkatan pengeluaran yang begitu tinggi (500.0%) telah dicatat bagi batu merah. Pada tahun yang sama, pertumbuhan pengeluaran pasir laut, batu pejal, rumput dan tanah liat yang masing-masing melonjak kepada 330.6%, 60%, 34.3%

Jadual 2.10 Pengeluaran Bahan Batu-Batuan di Negeri Johor 2015-2018

Jenis Pengeluaran	Kuantiti (000 metrik ton)				Perubahan (%)	
	2015	2016	2017	2018*	2017	2018
Pasir Silika ('000 tan)	1,374.2	1,220.1	-	-	-	-
Pasir Laut ('000 tan)	417.0	680.0	2,928.0	3,968.0	330.6	35.5
Pasir Sungai Air Masin ('000 tan)	1,941.0	1,573.0	1,028.0	1,624.0	-35.0	58.0
Pasir (000 tan)	1,723.1	1836.8	1735.6	1722.7	-5.5	-0.7
Rumput ('000 tan)	1,923.0	1,856.0	2493.0	2,520.0	34.3	1.1
Batu- Bata ('000 ton)	637,326	496,983	398,353	360,775	-20.0	-9.4
Batu Pejal ('000 tan)	11,250.9	10,364.9	16,605.1	9,172.9	60.0	-45.0
Genting ('000 ton)	34,557.8	25,093.2	23,705.0	20,343.0	-6.0	-14.0
Tanah Liat ('000 tan)	123.5	170.1	206.5	206.3	21.0	0.0
Tanah Merah ('000 tan)	2,701.2	1,957.0	1,591.0	2,205.7	-19.0	38.6
Batu Merah ('000 tan)	18.54	4.98	256.4	5.91	500.0	-97.7
Batu Lombong ('000 tan)	0.57	0.56	-	-	-	-
JUMLAH ('000 tan)	693,357.33	541,738.64	448,900.7	401,543.1	-17.1	-10.55

Sumber : Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor.

dan 21%. Bagi pasir sungai, batu bata dan tanah merah pula, penguncupan pengeluaran adalah agak tinggi iaitu masing-masing menguncup kepada -19.0% hingga ke -35.0%. Pada tahun 2018 pula, secara umumnya sektor perlombongan dan pengkuarian menunjukkan pertumbuhan yang agak tinggi dalam pengeluaran beberapa produk. Pengeluaran pasir laut, pasir sungai dan rumput merekodkan peningkatan yang sangat tinggi dibandingkan dengan tahun 2017, iaitu peningkatan di antara 35.0% hingga 58%. Walaubagaimanapun, pengeluaran batu bata, batu pejal, genting dan batu merah pula merosot di antara -9.4% hingga -97.7%. Selain daripada itu pengeluaran batu lombong dan pasir silika, masih lagi menunjukkan tiada sebarang pengeluaran direkodkan. Pada keseluruhannya pula, bagi jumlah batuan dan galian di Negeri Johor menguncup sebanyak 17.1% pada 2017 dan 10.55% pada tahun 2018.

Berpandukan kepada data di atas, jelas permintaan terhadap pasir, tanah liat dan batu-bata adalah berkait rapat dengan kegiatan di sector pembinaan dan industri pengeluaran bahan binaan di mana bahan-bahan tersebut adalah input untuk pengeluaran konkrit siap-bancuh dan simen. Seperti yang ketara di sektor pembinaan di negeri Johor, tahun 2017 mencatatkan penguncupan sebanyak -6.4%, manakala tahun 2018

menunjukkan pertumbuhan sebanyak 9.6%. Ini jelas tidak setanding dengan pertumbuhan sebanyak 19.0% pada tahun 2016. Realitinya ialah permintaan bahan-bahan pembangunan di Kawasan Iskandar Malaysia termasuklah pembinaan Forest City masih berjalan walau pun agak perlahan. Justru itu, permintaan bagi pasir laut, pasir sungai, rumput, dan tanah merah serta genting adalah masih wujud dan diperlukan lagi untuk pembangunan di Negeri Johor.

SEKTOR PEMBUATAN


Nilai ditambah **sektor pembuatan** negeri Johor berkembang pada kadar 5.1% pada tahun 2018 (2017: 6.9%) manakala output sektor ini dianggarkan berkembang secara sederhana, iaitu pada kadar 3.6% menjadi RM211.4 bilion dalam tahun 2018 (2017: 6.0%; RM204.1 bilion). Sektor pembuatan terus mendapat perhatian pelaburan domestik dan asing. Ini digambarkan oleh bilangan dan nilai projek yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bernilai RM30.5 bilion pada tahun 2018 (2017: RM21.9 bilion). Gaji purata bulanan pekerja sektor ini dianggarkan bernilai RM2,848 manakala produktiviti¹ dianggarkan meningkat 3.1% (2016: RM2,834; 5.5%). Kadar penggunaan kapasiti

¹ Nilai output kasar per unit upah.

berada pada 84.1% dalam tahun 2018 (2016: 82.8%) mencerminkan perkembangan berterusan sektor pembuatan. Output sektor pembuatan dipacu oleh **industri berorientasikan eksport** yang dianggarkan meningkat dengan kadar yang sederhana iaitu pada kadar 4.5% (2017: 2.5%) selaras dengan peningkatan **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)** bagi sektor pembuatan yang meningkat kepada 118.7 pada Disember 2018 (Disember 2017: 113.7). Output **industri berorientasikan domestik** meningkat 2.7% (2017: 5.4%) hasil output yang lebih tinggi, di antaranya, bagi industri-industri pengilangan makanan (3.6%), produk plastik (4.1%), produk logam dibentuk (3.7%).

Pengeluaran Industri Berorientasikan Domestik

Pertumbuhan dalam industri berorientasikan domestik didorong oleh permintaan bagi produk berkaitan makanan dan pembinaan. Pembuatan subsektor pengilangan makanan meningkat 3.6% disumbangkan oleh kenaikan pengeluaran dalam Pembuatan produk bijian, kanji dan produk berkanji 4.2% (2017: 5.4%; 4.2%). Sementara itu, output produk makanan lain berkembang 5.8% disokong oleh pengeluaran bahan makanan harian bagi memenuhi peningkatan permintaan isi rumah (2017: 4.5%).



Rajah 2.5a Anggaran Nilai Pengeluaran (Output Kasar) Industri Berorientasi Domestik Negeri Johor pada Tahun 2017-2018 (RM Juta²).

Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan kekal mencatat pertumbuhan pada 3.7% (2017:5.2%). Pertumbuhan ini diterajui pengeluaran lebih tinggi bagi pembuatan besi asas dan keluli sebanyak 2.4% (2017:8.6%). Sementara itu, pengeluaran produk galian bukan logam berkembang 6.1% manakala produk logam (kecuali mesin dan kelengkapan) tumbuh 6.7% (2017: 3.9%; -0.4%) disokong permintaan untuk bahan binaan yang direka serta konkrit, simen dan plaster untuk aktiviti pembinaan. Pengeluaran kelengkapan pengangkutan meningkat 4.3% (2017:12.5%), sebahagian besarnya disokong oleh pengeluaran alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor serta aktiviti pembaikan dan penyelenggaraan kelengkapan pengangkutan yang meningkat.

Pengeluaran Industri Berorientasikan Eksport

Peningkatan dalam kitaran elektronik dan aktiviti perindustrian dunia menyumbang kepada

permintaan terhadap eksport produk Malaysia dan meningkatkan pengeluaran barangan pembuatan berorientasikan eksport. Barangan ini merangkumi produk E&E, kimia, getah dan plastik. Sementara itu pengeluaran industri berorientasikan domestik kukuh disokong oleh permintaan dari pengguna dan sektor pembinaan.

Prestasi subsektor E&E disokong oleh permintaan bagi litar elektronik bersepadu dan semikonduktor, peralatan komunikasi dan peralatan elektronik pengguna. Pengeluaran bagi produk kimia, getah dan plastik disokong oleh permintaan dari sektor penjagaan kesihatan terutamanya sarung tangan getah, peralatan perubatan dan produk farmaseutikal. Pengeluaran E&E negeri Johor dianggarkan berkembang 5.4% pada tahun 2018 (2017: -3.2%). Pencapaian ini selaras dengan trend jualan semikonduktor global yang dianggar berkembang pada 2018. Pengeluaran Pembuatan


² Dalam harga semasa.

komputer dan kelengkapan peranti serta Pembuatan elektronik pengguna tumbuh pada kadar 7.1% (2017: 10.8%) manakala pengeluaran Jentera & Radas Elektrik tumbuh 1.2% (2017: 9.4%) sebahagiannya berpunca daripada permintaan untuk peralatan hiburan di dalam kereta, pemain media mudah alih dan kamera digital.

Pengeluaran kimia dan produk kimia di sektor pembuatan Negeri Johor dianggarkan meningkat 4.4% (2017: 4.4%) didorong oleh peningkatan pengeluaran produk kimia lain (4.2%) serta produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani sebanyak 5.9% (2017: 4.5%; 2.9%; 4.8%). Output kimia asas, baja dan sebatian nitrogen pula meningkat 4.4% (2017: 5.4%) sejajar dengan peningkatan pengeluaran dalam sektor pertanian.

Pembuatan kayu dan produk kayu berkembang 5.6% (2017: 4.7%). Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh peningkatan pengeluaran pengilangan dan pengetaman kayu sebanyak 5.4% (2017: 10.1%) berikutan permintaan dari luar negara. Sementara itu, pengeluaran produk daripada kayu, gabus, jerami dan bahan jalinan lain meningkat pada 5.7% (2017: 1.1%), hasil manfaat daripada penggunaan teknologi yang lebih tinggi serta kepelbagaian pasaran eksport.

Keluaran produk getah tumbuh sederhana pada 5.2% (2017: 6.4%) berikutan peningkatan kecekapan dalam pembuatan serta permintaan yang kukuh daripada industri di AS, Jepun dan Jerman. Sementara itu, pengeluaran produk plastik juga mencatatkan peningkatan, iaitu sebanyak 4.1% (2017: 2.8%).




Rajah 2.5b Anggaran Nilai Pengeluaran (Output Kasar) Industri Berorientasi Eksport Negeri Johor pada Tahun 2017-2018 (RM Juta).

SEKTOR PEMBINAAN


Pada tahun 2018, sektor pembinaan di Negeri Johor adalah lebih baik dibandingkan dengan tahun 2017. Mengikut Laporan Statistik Pembinaan 2018³ nilai kerja pembinaan di Negeri Johor telah direkodkan sebanyak RM28.4 bilion (2017: RM25.1 bilion), iaitu 19.5% daripada jumlah nilai projek keseluruhan negara sebanyak RM145.5 bilion. Johor merupakan negeri ketiga tertinggi dalam nilai projek pembinaan yang diperuntukkan selepas Negeri Selangor sebanyak RM31.9 bilion (22.0%), dan diikuti Wilayah Persekutuan RM29.4 bilion (20.2%). Rajah 2.5 menunjukkan nilai projek mengikut lokasi pada tahun 2017-2018.

Nilai ditambah sektor pembinaan menyumbang 7.1% kepada KDNK Negeri Johor pada tahun 2018, naik sedikit daripada tahun 2017 (6.8%). Melihat pada nilai ditambah sektor ini mencerminkan keaktifan aktiviti pembinaan di Negeri Johor lebih baik dibanding dengan tahun 2017. Keaktifan sektor ini disokong oleh prestasi subsektor kediaman dan bukan kediaman dengan pelaksanaan pelbagai projek antaranya pembinaan rumah teres, rumah kembar, rumah pangsa, rumah kos rendah, pembinaan sekolah, pembinaan masjid, binaan khas, industri, pembinaan kompleks komersial dan hotel, kerja menaik taraf dan membaik pulih dan penyelenggaraan bangunan awam.

³ Jabatan Perangkaan Malaysia.




Rajah 2.6 Nilai Projek Pembinaan (RM billion) Mengikut Negeri, 2017-2018.
 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.



Rajah 2.7a. Bilangan Transaksi Harta 2014-2018.
 Sumber : Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC).

Nilai ditambah sektor pembinaan Negeri Johor meningkat 9.6% pada tahun 2018 (2017: -6.4%). Nilai ditambah sektor pembinaan meningkat daripada RM8,407 juta pada harga malar 2015 pada tahun 2017 ke RM9,216 juta pada tahun 2018. Sektor pembinaan Negeri Johor adalah lebih aktif pada tahun 2018 berbanding 2017. Terdapat 41,653 transaksi (2017 : 38,839 transaksi) dengan nilai transaksi berjumlah RM19.33 bilion (2017: RM18.61 bilion), menunjukkan peningkatan sebanyak 7.8% dalam bilangan transaksi dan 3.8% dalam nilai berbanding 2017. Rujuk Rajah 2.6a dan Rajah 2.6b. Subsektor kediaman menguasai

pasaran hartanah keseluruhan, menyumbang 64.5% daripada keseluruhan pasaran hartanah Negeri Johor. Aktiviti pasaran bagi semua subsektor menyaksikan pergerakan menaik. Subsektor industri mendahului aliran menaik dengan 11.5% diikuti subsektor tanah pembangunan 10.0%, industri 8.4% , kediaman 8.0% dan pertanian 5.2%. Dari segi nilai subsektor tanah pembangunan, industry dan kediaman menunjukkan peningkatan manakala subsektor komersial dan pertanian menunjukkan keadaan sebaliknya.



Rajah 2.7b. Nilai Transaksi Harta (RM bilion) 2014-2018.
 Sumber : Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC).

Berbagai projek telah dilaksanakan di Negeri Johor pada 2018. Projek pembinaan Kompleks Bersepadu Pengerang(PIC) meliputi kawasan seluas 2526 hektar dan melibatkan 63,000 orang pekerja diteruskan, dan dijangka siap sepenuhnya pada 2019.

Selain itu terdapat beberapa projek mega di Iskandar Malaysia, antaranya adalah Ayera Residences yang baru dilancarkan pada Julai 2018. Ia merupakan projek kediaman yang pertama bertanah (first landed residential project) yang terletak di Tropicana Dana Cove. Pembangunan Fasa 1 terdiri daripada 179 rumah teres dua tingkat bertaraf pegangan bebas dengan keluasan 48 ekar. Ayera Residences terletak berhampiran dengan Bandar Baru Pemas Jaya dan Bandar Seri Alam. Harga RM586,000. Fasa dua Ayera Residences telah dilancar pada Oktober 2018 harga yang ditawarkan adalah diantara RM704,000-RM1,276,000. Projek ini dijangka siap pada 2020. Selain itu projek Emerald Bay in City Harbour masih dalam pembangunan bagi dua fasa terakhir yang terdiri dari 56 unit kondominium empat-tingkat dengan harga jualan RM1.7 juta dan 38 unit villa waterfront dengan harga dari RM10 juta. Project ini terletak berhampiran dengan EduCity, International School, Marlborough College, Raffles American School dan Stamford American School.

Project Eco Botanic juga masih diteruskan dengan Fasa terakhir terdiri daripada sebuah pasaraya, Eco Galeria dijangka siap pada 2020. Selain itu terdapat projek pembangunan pembinaan rumah mampu milik Johor (RMMJ) antaranya pembinaan rumah teres dua tingkat daerah Pasir Gudang Fasa Q24 berharga antara RM150,000-RM214,464 dan dijangka siap pada September 2019. Manakala Fasa Q23 juga

di daerah Pasir Gudang berharga antara RM150,000-RM202,150 dijangka siap pada Ogos 2020.

Subsektor kejuruteraan awam juga bergerak cergas antaranya termasuk, kerja menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang, Fasa 2A membabitkan kos RM164.3 juta dengan jarak 7.7 km. bermula dari persimpangan Plentong hingga ke Sri Alam. Projek ini telah siap pada September 2018. Beberapa projek naik taraf infrastruktur yang dilaksana sepanjang tahun 2018. antaranya projek naiktaraf Jambatan Sungai Plentong jarak 40 meter berserta jalanraya sepanjang 1.1 km. Kos projek ini adalah RM22 juta. Pembinaan persimpangan bertingkat dipersimpangan Jalan Dato Onn Utama/Jalan Bukit Mutiara, menaik taraf jalan dan peparitan di Plentong Baru. Perlebaran jalan di Jalan Daya/Daya 2, di Jalan Kenangan Kampung Melayu Majidee, di Jalan Rahmat Kampung Melayu, Jalan Persiaran Bukit Kempas, Jalan Bestari 34/3 Taman Bestari Indah, dan pembinaan tempat letak kenderaan di tepi gerai Atap Berlian Hutan Bandar. Secara keseluruhan semua projek yang dilaksanakan memberi manfaat kepada rakyat dan pada masa yang sama dapat membangun ekonomi Negeri Johor.

Pembinaan Unit Kediaman

Teras utama kerajaan Negeri Johor adalah menjamin kesejahteraan rakyat dengan meringankan kos sara hidup. Dalam subsektor kediaman, dalam usaha memastikan rakyat Negeri Johor memiliki kediaman yang selesa yang kini dilihat sebagai keperluan, kerajaan negeri akan mereformasi sector perumahan. Antara strategi yang dicadangkan adalah untuk mencapai sasaran penyediaan 100,000 unit Rumah

Mampu Biaya menjelang tahun 2023. Sehingga Oktober 2018, sebanyak 3,714 unit Rumah Mampu Biaya telah siap dibina. Bagi tahun 2019 hingga 2020, dijangka sebanyak 12,320 unit Rumah Mampu Biaya akan siap dibina. Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Rumah Mampu Biaya Kelas D, iaitu

kategori baharu khusus untuk M40 berpendapatan isi rumah antara RM8,000 hingga RM10,000. Rumah jenis ini jika di Zon A, Johor Bahru hingga Kulai harga jualan ialah RM300,000 dan jika di Zon B membabitkan Batu Pahat, Muar, Segamat dan Kluang, harga jualan RM250,000.

Jadual 2.11 Pembinaan Unit Kediaman Di Johor 2017-2018.

Daerah	Stok Sedia Ada		Siap di Bina		Penawaran di Rancang		Mula di Bina	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Johor Bahru	411,664	429,798	5,894	8,278	6,967	42,723	7,619	7,596
Kota Tinggi	22,467	23,564	0	335	1,486	10,137	1,899	2,377
Pontian	19,055	19,330	342	120	55	692	134	195
Kluang	66,603	67,093	1,193	486	1,274	2,346	768	1,638
Mersing	6,846	6,898	18	52	69	298	200	31
Batu Pahat	85,492	86,678	602	1,197	951	6,144	778	918
Muar	42,905	43,748	150	843	0	1,640	45	600
Segamat	47,086	45,944	391	113	278	800	220	221
Kulai	66,814	68,376	859	199	70	3,916	520	2,692
Tangkak	19,752	19,921	0	169	0	1,482	81	360
Jumlah	788,684	811,350	9,449	11,792	11,150	70,178	12,264	16,628


Sumber : Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC).

Jadual 2.11 menunjukkan data pembinaan unit kediaman di Negeri Johor pada 2017-2018 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan Malaysia (NAPIC). Daripada jadual tersebut didapati bilangan kediaman sedia pada 2018 adalah 811,350 unit (2017: 788,684 unit) menunjukkan peningkatan sebanyak 2.9%, agak rendah peningkatannya jika dibanding dengan 2017 (7.8%). Pembinaan rumah mula dibina pada tahun 2018 adalah 16,628 unit berbanding 12,264 unit pada 2017, peningkatan sebanyak 35.6% (2017 :-29%), manakala rumah siap dibina adalah 11,792 unit bertambah sebanyak 24.8% berbanding 2017. Jika dianalisis secara keseluruhan data pembinaan unit kediaman 2018, subsektor ini agak aktif, didapati ada peningkatan bagi siap dibina dan mula dibina. Ini adalah disebabkan keadaan ekonomi yang lebih menggalakkan pada tahun ini.


Rajah 2.7 menunjukkan bilangan unit kediaman yang siap dibina tetapi masih tidak terjual mengikut harga di Negeri Johor. Bilangan unit kediaman yang tak terjual paling banyak adalah bagi rumah yang berharga antara RM500,001-RM1,000,000, terdapat 2,299 unit daripada 9,011 unit yang dilancar. Daripada 2299 unit tidak terjual, ianya terdiri dari 1278 unit (55.6%)

kondominium/pangsapuri, 819 unit teres 2-3 tingkat, 119 unit rumah detach, 57 unit rumah cluster dan 26 unit Town House. Faktor utama yang menyumbang kepada tak terjual unit kediaman atau lambakan dipasaran adalah harga yang mahal dan tak mampu dimiliki, kesukaran mendapat pinjaman dan kelemahan elemen nilai tambah hartanah terbabit seperti kekurangan kemudahan pengangkutan dan jaringan lebuhraya yang baik. Perhatian perlu diberikan dan kajian perlu dilaksanakan dalam pembinaan unit kondominium/pangsapuri kerana banyak lagi unit jenis kediaman ini masih dalam pembinaan di Negeri Johor sedangkan majoriti unit yang tidak terjual adalah rumah dalam kategori ini.

Jika dilihat statistik bilangan unit kediaman tidak terjual di Malaysia bagi tahun 2018, Negeri Johor menduduki tempat tertinggi, sebanyak 6066 unit (18.8%) dengan nilai RM3.09 bilion daripada bilangan keseluruhan (32,313 unit, bernilai RM19.86 bilion). Pada tahun 2017 terdapat 4,376 unit kediaman tidak terjual di Negeri Johor bernilai RM2.86 bilion. Perak dan Selangor menduduki tempat kedua dan ketiga masing-masing dengan 5,367 unit (16.6%) dan 4693 unit (14.5%) dari jumlah keseluruhan tidak terjual di Malaysia. Rujuk Rajah 2.8.



Rajah 2.8 Bilangan Unit Tak Terjual di Negeri Johor Mengikut Harga, Suku Ke-4, 2018
 Sumber : Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)



Rajah 2.9 Bilangan Unit Kediaman Tidak Terjual Mengikut Negeri, 2017-2018
 Sumber : Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Jadual 2.12 Penawaran Unit Kediaman (Stok Sedia Ada) Di Negeri Johor Mengikut Jenis, 2017-2018.

Daerah	Teres Setingkat		Teres 2-3 Tingkat		Pangsapuri/ Kondominium	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Johor Bahru	79,236	80,530	132,545	141,935	48,821	51,921
Muar	8,209	8,501	4,590	4,788	1,452	1,452
Batu Pahat	21,359	22,806	14,208	14,890	1,160	1,160
Kluang	21,265	21,396	11,873	12,189	0	0
Segamat	13,306	12,990	8,511	7,885	0	0
Kota Tinggi	8,759	9,362	3,954	4,024	375	375
Pontian	5,165	5,220	2,792	2,871	0	0
Mersing	1,877	1,929	617	617	0	0
Kulai	25,155	25,554	20,866	21,616	888	888
Tangkak	5,139	5,205	2,879	2,888	0	0
Jumlah	189,470	193,493	202,835	213,703	52,696	55,796

Daerah	Rumah Bekembar Setingkat		Rumah Berkembar 2-3 Tingkat		Rumah Kos Rendah	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Johor Bahru	5,018	5,139	11,134	12,232	49,394	49,392
Muar	3,522	3,746	1,356	1,406	20,746	20,744
Batu Pahat	4,402	4,712	2,429	2,629	23,048	21,609
Kluang	3,248	3,262	1,645	1,644	18,604	18,628
Segamat	2,121	2,150	894	893	12,103	11,815
Kota Tinggi	493	493	274	274	3,512	3,936
Pontian	1,951	1,997	389	465	5,703	5,717
Mersing	218	218	20	20	2,438	2,438
Kulai	817	817	1,732	1,848	9,247	9,247
Tangkak	1,363	1,400	419	465	8,476	8,478
Jumlah	23,153	23,934	20,292	21,876	153,271	152,004

Sumber : Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Jadual 2.12 mempamerkan data penawaran unit kediaman mengikut jenis di Negeri Johor pada 2017-2018, terdapat paling banyak rumah teres 2-3 tingkat sebanyak 213,703 unit (26.3%) pada tahun 2018 (2017:202,835 unit) bertambah sebanyak 5.4%, pertambahan yang agak tinggi, di ikuti rumah teres setingkat 193,493 unit (23.8%) dan rumah awam kos rendah 152,004 unit (18.7%). Bilangan unit kediaman pangsapuri atau kondominium

adalah berjumlah 55,796 (6.8%) manakala rumah kembar setingkat berjumlah 23,934 unit (3.0%). Dari taburan ini, menunjukkan kerajaan Negeri Johor memberi tumpuan dalam usaha mempertingkatkan pembinaan rumah mampu milik dan rumah awam kos rendah. Keaktifan kerja-kerja pembinaan ini telah secara tidak langsung telah meningkatkan aktiviti kerja-kerja kejuruteraan seperti pembinaan jalan raya, longkang dan kerja-kerja lanskap.

Jadual 2.13 Penawaran Unit Industri Di Negeri Johor 2017-2018.

Daerah	Stok Sedia ada		Siap dibina		Mula dibina	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Johor Bahru	10,056	10,447	432	382	50	272
Kota Tinggi	396	395	0	0	0	0
Pontian	296	407	0	0	0	68
Kluang	968	977	10	9	9	2
Mersing	40	66	0	0	0	0
Muar	173	173	0	0	0	12
Batu Pahat	1,464	1,464	0	0	0	0
Segamat	441	503	0	62	0	0
Kulai	2,200	2,200	0	0	97	84
Tangkak	208	208	0	0	0	0
Jumlah	16,242	16,840	442	453	156	438

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC).

Pembinaan Bangunan Industri

Subsektor industri menyumbang sebahagian kecil (2.1%) kepada aktiviti pasaran harta keseluruhan. Mengikut laporan Pasaran Harta, JPPH tahun 2018 terdapat 866 transaksi bernilai RM2.23 bilion (2017:799 transaksi bernilai RM1.90 bilion) direkodkan, iaitu peningkatan sebanyak 8.4% dalam bilangan dan

17.5% dalam nilai. Dari Jadual 2.14, dapat dilihat bahawa unit siap dibina pada 2018 bertambah kepada 453 unit (2017 : 442 unit) pertambahan sebanyak 2.5%. Stok sedia ada bertambah kepada 16,840 pada 2018 berbanding dengan 16,242 pada 2017 pertambahan sebanyak 3.7%. Unit industri yang mula dibina bertambah dengan ketara melebihi dua kali ganda dari 156 unit pada 2017 kepada 438 unit

pada 2018. Bilangan harta tanah industri siap dibina tidak terjual dalam tempoh kajian adalah tinggi, terdapat 571 unit tidak terjual bernilai RM1.38 bilion. Majoriti unit industri tidak terjual terletak di Johor Bahru (437 unit) dari harganya melebihi RM1,000,000.

Pembinaan Pejabat Binaan Khas

Aktiviti di sektor pejabat binaan khas perlahan. Terdapat satu transaksi direkodkan iaitu Menara Ansar di Johor Bahru pada tahun 2017 tetapi didaftarkan pada 2018. Empat bangunan siap dibina iaitu Pejabat RISDA di Segamat, Medani 9@ Medini di Iskandar Puteri, Menara Jland di Johor Bahru dan Bangunan RISDA di Pontian dengan tambahan keluasan ruang

60,529 meter persegi. Terdapat dua bangunan pejabat binaan khas yang mula dibina (47,380 meter persegi). Sehingga hujung tahun 2018 terdapat 216 unit bangunan pejabat sedia ada dengan keluasan ruang 1,195,057 meter persegi berbanding pada 2017 (213 unit dengan keluasan 1,137,938 meter persegi). Kadar penghunian pejabat binaan khas adalah agak rendah iaitu 75.9% berbanding dengan 80.5% pada tahun 2017. Terdapat 2 bangunan binaan khas mula dibina dengan keluasan 17,868 meter persegi, yang terletak di Kluang dan 3 bangunan binaan khas dalam penawaran dirancang dengan keluasan 48,039 meter persegi, 2 unit di Johor Bahru dan satu unit di Kulai. (Rujuk Jadual 2.14).

Jadual 2.14 Penawaran Pejabat Binaan Khas Di Negeri Johor 2017-2018

Daerah	Stok Sedia ada		Penyiapan Baru		Mula dibina	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Johor Bahru	97	99	2	2	1	0
Kota Tinggi	11	11	0	0	0	0
Pontian	7	8	0	1	0	0
Kluang	12	12	0	0	0	2
Mersing	12	12	0	0	0	0
Muar	21	21	0	0	0	0
Batu Pahat	29	29	0	0	0	0
Segamat	18	18	0	1	0	0
Kulai	6	6	0	0	0	0
Jumlah	213	216	2	4	1	2

Sumber : Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC).

Pembinaan Kompleks Perniagaan

Pada akhir tahun 2018, terdapat sebanyak 145 unit kompleks perniagaan sedia ada di Negeri Johor dengan keluasan ruang 2,167,045 meter persegi (2017: 143 unit; 1,925,489 meter persegi). Pada tahun 2018 hanya satu transaksi utama telah dicatat iaitu AEON Big di Johor Bahru dengan harga RM45 juta. Prestasi subsektor ruang niaga kurang memberangsangkan dari segi kadar penghunian yang menguncup kepada 71.1% berbanding dengan 79.9% yang dicatat pada tahun 2017. Sepanjang tahun 2018 terdapat tiga unit kompleks beli belah siap dibina iaitu MYDIN Mutiara Rini, Country Garden Mall dan Capital 21@Capital

City menawarkan keluasan berjumlah 177,446 meter persegi. Tiada pembinaan Kompleks beli belah yang mula dibina pada tahun kajian. (Rujuk Jadual 2.16).

Secara umum, sewaan ruang niaga di Johor adalah stabil di sebahagian besar kompleks perniagaan. Pergerakan sewa menaik dicatatkan di Wetex Parade di Muar dan Skudai Parade di Johor Bahru disebabkan pembaharuan penyewaan dan semakan sewa. Ruang niaga di tingkat bawah Galeria Kota Raya di Johor Bahru mencatat sewa tertinggi iaitu dari RM136.70 semeter persegi hingga RM276.63 semeter persegi sebulan disebabkan lokasi yang strategik dan bilangan pengunjung yang agak tinggi.

Jadual 2.15 Penawaran Unit Kompleks Perniagaan Di Negeri Johor 2017-2018.

Daerah	Stok Sedia ada		Penyiapan Baru		Mula Pembinaan	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Johor Bahru	67	70	3	3	5	0
Kota Tinggi	8	8	1	0	0	0
Pontian	7	7	0	0	0	0
Kluang	9	9	0	0	0	0
Mersing	0	0	0	0	0	0
Muar	8	8	0	0	0	0
Batu Pahat	17	16	1	0	0	0
Segamat	12	12	0	0	0	0
Kulai	11	11	0	0	0	0
Tangkak	4	4	0	0	0	0
Jumlah	143	145	5	3	5	0

Sumber : Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC).

Pembinaan Kompleks Riadah

Dalam subsektor riadah, pada tahun 2018 menyaksikan sebanyak tujuh buah hotel siap dibina. ianya adalah Hotel Aloha Pontian, Pinetree Marina Resort, Capri By Fraser Hotel Residences, Hard Rock Hotel Desaru Coast, The Westin Desaru Coast Resort, One & Only Desaru Coast Resort dan Meriden Hotel Suite@ Medini dengan penawaran berjumlah 1,949 bilik kepasaran baru pada tahun 2018. Sehingga diakhir tahun 2018 terdapat 459 hotel (2017:433 hotel) di Negeri Johor dengan penawaran sebanyak 29,492 bilik (2017: 27,226 bilik), pertambahan bilangan hotel sebanyak 6.0%. Sehingga kini terdapat sembilan buah hotel lagi (2345 bilik) dalam penawaran akan datang.



SEKTOR-SEKTOR PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

LAPORAN EKONOMI 2018/2019 NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

PENDAHULUAN

Bab ini memperihalkan prestasi ekonomi makro Negeri Johor di tahun 2018 dari aspek output sektor-sektor ekonomi, khususnya sektor-sektor perkhidmatan, dengan lebih terperinci daripada yang telah

diperihalkan di Bab 1. Ukuran yang digunakan untuk memperihalkan output ialah nilai output kasar dan nilai ditambah dalam Ringgit Malaysia pada harga semasa. Sumber data bagi penganggaran nilai-nilai output bagi setiap sektor adalah data sekunder yang sebahagian besarnya telah diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, MIDA, NAPIC serta beberapa agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Jadual 3.1 Sumbangan Dan Pertumbuhan Sektor-Sektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2017 dan 2018.

SEKTOR	NILAI DITAMBAH (RM Juta) (2015=100)		SUMBANGAN (%)		PERTUMBUHAN (%)	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
	59,959	64,353	48.5%	49.3%	6.6%	7.3%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	14,461	15,921	11.7%	12.2%	8.7%	10.1%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	17,523	18,909	14.2%	14.5%	7.9%	7.9%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	11,960	12,681	9.7%	9.7%	4.0%	6.0%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	6,168	6,552	5.0%	5.0%	6.1%	6.2%
Perkhidmatan Kerajaan	9,847	10,289	8.0%	7.9%	4.7%	4.5%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sektor perkhidmatan meningkat 7.3% pada tahun 2018 (2017: 6.6%) sebahagian besarnya dipacu oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan. Pada tahun 2018, sektor perkhidmatan merangkumi 49.3% daripada KDNK Negeri (2017: 48.5%). Kumpulan *perkhidmatan perantara* meningkat 7.2% (2017: 6.0%) disokong subsektor komunikasi dan maklumat serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, kumpulan *perkhidmatan akhir* meningkat 7.5% (2017: 7.4%) diterajui subsektor perdagangan borong dan runcit; makanan, minuman dan penginapan serta perkhidmatan lain.

Pertumbuhan nilai ditambah sektor-sektor perkhidmatan Negeri Johor di tahun 2018 adalah menyeluruh. Pengeluaran sektor-sektor perkhidmatan meningkat berikutan peningkatan di dalam penggunaan domestik dan pelaburan swasta yang membantu meningkatkan permintaan bagi pelbagai jenis perkhidmatan. Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkhidmatan dipacu oleh subsektor Perniagaan Borong Dan Runcit, Kediaman Dan

Restoran yang tumbuh 7.9% dan subsektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi yang tumbuh 10.1%. Subsektor-subsektor ini masing-masing menyumbang 14.5% dan 12.2% kepada KDNK negeri.

SEKTOR UTILITI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

Utiliti


Permintaan terhadap elektrik dan air adalah selari dengan jumlah penduduk, taraf hidup penduduk, keaktifan sektor pembuatan serta kegiatan sektor-sektor kecil perkhidmatan seperti perhotelan, restoran, peruncitan, dan pergudangan. Dengan dibantu oleh pertumbuhan sektor-sektor kecil ini nilai ditambah bagi sektor utiliti, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi pada tahun 2018 dianggarkan meningkat 5.0% (2017: 8.8%).

Air

Air adalah merupakan keperluan yang sangat asasi. Air yang berkualiti adalah penting bagi keperluan kehidupan seharian dan sebagai input kepada beberapa industri dalam sektor pembuatan, industri perhotelan dan restoran. Kerajaan negeri sentiasa memberi tumpuan terhadap penambahbaikan pengurusan sumber air yang dilakukan oleh Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) supaya dapat membekal air mentah kepada Ranhill SAJ Sdn Bhd iaitu satu-satunya syarikat komersial yang dilesenkan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) agar air yang bersih mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dapat diagihkan dengan saksama. Dengan berkuatkuasanya Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) maka segala aspek berkaitan pengagihan bekalan air terawat atau air bersih adalah di bawah kelolaan SPAN dengan kuasa penuh Menteri jelas diperincikan sebagaimana keterangan Seksyen 179 akta tersebut.

Namun, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telah mengambil inisiatif melaksanakan beberapa projek bagi mengatasi masalah kekurangan air akibat episod cuaca kemarau dan juga tekanan melalui pertambahan permintaan yang tinggi disebabkan pertambahan penduduk dan pembangunan pesat disektor industri dan komersil. Negeri Johor pada beberapa tahun yang lalu, dengan kemuncak kesan kemarau dirasai pada tahun 2016, menghadapi musim kemarau dan mengalami kekurangan bekalan air. Sebahagian masalah kekurangan air ini telah diselesaikan dengan sempurnanya Projek Pemindahan Air Mentah Layang 2 Fasa 2 dari Empangan Seluyut ke Empangan Upper Layang menjamin bekalan air mentah untuk daerah Johor Bahru, Kulai dan Pontian dengan anggaran kos berjumlah RM181 juta. Masalah krisis air di Kluang bakal dapat diatasi dengan inisiatif pembinaan baru Empangan Kahang yang telah siap pada tahun 2017. Selanjutnya, penyaluran melalui paip agar air mentah dapat disalurkan daripada Empangan Kahang ke LRA Sembrong Timur telah dilaksanakan kerajaan negeri melibatkan kos RM54 juta. Untuk memanfaatkan sepenuhnya kapasiti kemampuan simpanan air di Empangan Kahang maka cadangan pembinaan Loji Rawatan Air Kahang dengan anggaran kos RM125 juta telah dirancang. Pembinaan loji ini yang dapat merawat air mentah Empangan Kahang berkeupayaan menghasilkan 40 JLH air terawat. Manakala di Muar pula, keperluan bekalan air mentah adalah stabil dan dalam kawalan. Masalah


kemasukan air masin telah dikesan ke loji air. Ini akan diatasi dengan pembinaan Barrage Sungai Muar yang masih lagi dalam peringkat kajian. Sebagai langkah penyelesaian jangka panjang mengatasi keperluan manusiawi membekalkan air mentah kepada rakyat Johor, Kerajaan Negeri masih memperhalusi perancangan untuk menambah sumber air mentah antaranya pembinaan Desalination Plant dengan model keperluan modal dan operasi didahulukan pihak swasta, pembinaan Empangan Sedili Besar dengan anggaran kos RM300 juta, penyaluran air mentah melalui paip sejauh 160 km beserta sistem pam dari Sungai Endau ke Empangan Sedili Besar, dengan kos RM2.2 bilion, pengambilalihan PAMER dengan anggaran kos 1.5 bilion yang telah dibangunkan pihak Petronas bagi membekalkan air ke Pengerang dan kemungkinan pemilikan secara majoriti atas pegangan saham Ranhill SAJ Sdn Bhd agar sejajar dengan kehendak Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) sebagaimana negeri-negeri lain di Malaysia yang memiliki penuh syarikat agihan air terawat memudahkan lagi urus tadbir perancangan menyediakan air mentah dan air terawat memanfaatkan rakyat Johor. Bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat, kerajaan Johor telah memberi air percuma sebanyak 10 meter padu sebulan kepada golongan B40 yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000 sebulan dan telah dilaksanakan mulai September 2018. Pemberian ini hanya layak kepada mereka yang penggunaan bulanan tidak melebihi 35 meter padu dan tidak mempunyai tunggakan.



Rajah 3.1a Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Kategori di Negeri Johor, 2016-2018.

Sumber : SAJ Ranhill Sdn. Bhd.

Nota : Lain-lain* termasuk Institusi Keagamaan/ Kebajikan yang diluluskan, Perkapalan, Kios Air dan Lain-lain Bil Yang di Tuntut Melalui Inbois.




Rajah 3.1b Taburan Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Kategori Pengguna di Negeri Johor, 2018.

Sumber : SAJ Ranhill Sdn. Bhd.

Rajah 3.1a menunjukkan penggunaan air di Negeri Johor mengikut kategori. Jumlah penggunaan air telah bertambah dari 479.1 juta meter padu pada tahun 2017 kepada 500.9 juta meter padu pada 2018 iaitu pertambahan sebanyak 4.5%. Pengguna utama


adalah dalam sektor Domestik termasuk penggunaan domestik, kuarters estet dan rumah pangsa/kondominium (58%), Bukan Domestik termasuk Perdagangan, Sekolah/ Madrasah/ Tadika (41%), Lain-lain iaitu termasuk Institusi Keagamaan/ Kebajikan yang diluluskan, Perkapalan dan kios air dan lain-lain bil yang dituntut melalui inbois (1%). Dalam pengurusan air, SAJH telah berusaha melaksanakan berbagai program untuk menurunkan kadar air tidak-terhasil (*non-revenue water - NRW*). Peratusan NRW yang tinggi menunjukkan jumlah kehilangan air yang banyak dan mendatangkan kerugian kepada industri dan seterusnya kepada Negeri Johor kerana hasilnya tidak dikutip. Kadar NRW merupakan salah satu penanda aras yang digunakan untuk mengukur tahap prestasi perkhidmatan air. Di dapati % NRW di Negeri Johor telah menurun kepada 24.2% pada tahun 2018 (2017: 25.7%). Rujuk Rajah 3.2b. Ia merupakan kadar NRW yang agak rendah dibandingkan dengan negeri lain di Malaysia, rujuk Rajah 3.2a. SAJH telah mengenalpasti komponen kehilangan yang menyumbang kepada NRW adalah kebocoran pada paip utama dan paip hubungan dan kehilangan komersil.



Rajah 3.2a Peratus "Non Revenue Water" Mengikut Negeri, 2018.

Sumber : Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.


Daripada Rajah 3.3 dapat dilihat penggunaan air pada 2018 mengikut daerah paling tinggi adalah di daerah Johor Bahru sebanyak 245 juta meter padu, 49% (2017: 232 juta meter padu) daripada seluruh penggunaan air Negeri Johor sejajar dengan pembangunan pesat sebagai pusat pentadbiran dan komersil Negeri Johor dan pembangunan hartanah. Penggunaan tertinggi berikutnya adalah Kulai 53 juta meter padu (2017: 50 juta meter padu)



Rajah 3.2b Peratus "Non Revenue Water" di Negeri Johor 2014-2018

Sumber : SAJ Ranhill Sdn. Bhd.

bersamaan 10.5%. Kulai yang juga berada di dalam kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar yang semakin berkembang berikutan pertambahan kilang dan terdapat berbagai pusat beli-belah di daerah itu. Diikuti Batu Pahat 43 juta meter padu (2017: 42 juta meter padu) iaitu 8.5% daripada jumlah penggunaan air Negeri Johor. Penggunaan air di daerah lain kurang daripada 7.0% daripada penggunaan air keseluruhan.



Rajah 3.3 Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Daerah di Negeri Johor 2014-2018.

Sumber : SAJ Ranhill Sdn. Bhd.

Bagi menampung keperluan pembangunan yang semakin rancak dan memenuhi peningkatan drastik terhadap permintaan air bersih di Iskandar Malaysia dan kawasan-kawasan lain, disarankan Kerajaan Johor merancang membangun sumber air baru bagi menampung bekalan air di negeri ini.


Elektrik

Penggunaan tenaga elektrik adalah keperluan asas dan ianya penting untuk kediaman, industri, komersil dan perhotelan. Penggunaannya meningkat selari dengan peningkatan jumlah kediaman di bandar dan luar bandar, peningkatan aktiviti perdagangan serta penambahan penggunaan di sektor perindustrian. Terdapat dua loji janakuasa di Tanjung Bin. Loji jana kuasa arang batu di Tanjung Bin yang baru mampu menyalurkan sebanyak 1,000 Megawatt (MW) tenaga dalam satu masa, manakala loji Tanjung Bin Power yang lama mempunyai kapasiti 2,100MW dan terdapat satu lagi loji janakuasa TNB Pasir Gudang yang berkapasiti 275MW. Keseluruhan kapasiti penjanaan di Negeri Johor akan meningkat kepada 5,375MW secara berperingkat-peringkat menjelang tahun 2019.

Satu lagi projek tenaga adalah projek loji janakuasa turbin gas kitaran gabungan 1,400 MegaWatt atau Track 4A di Pasir Gudang yang akan dibangunkan

oleh General Electric (GE) yang menandatangani perjanjian pelbagai tahun (multiyear agreement) dengan Southern Power Generation Sdn Bhd (SPG) pada Mac 2018. Melalui perjanjian itu GE akan menyediakan penyelesaian perkhidmatan bagi dua turbin gas GE 9HA.02, yang pertama dipasang di Malaysia bagi meningkatkan keupayaan SPG yang bakal menyumbang kepada keperluan tenaga jangka panjang negara. Projek ini dianggarkan bernilai RM4.7 bilion.

Pada tahun 2016 Tenaga Nasional Bhd. (TNB) telah memperuntuk sebanyak RM561 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Johor bagi memastikan bekalan eletrik di negeri ini sentiasa berada pada tahap yang tinggi serta memenuhi kehendak pelanggan. Daripada jumlah itu, sebanyak RM142 juta akan diguna untuk memperkukuhkan system bekalan eletrik di Johor Bahru. Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat sehingga tahun 2025. Dengan pembinaan loji-loji dan penyediaan kemudahan infrastruktur tersebut Negeri Johor telah mendapat tempias dalam pembangunan sosio ekonomi yang positif termasuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negari ini dibidang kejuruteraan, pembuatan dan pengangkutan.




Rajah 3.4 Unit Jualan Elektrik (Juta KWJ) Mengikut Kategori Pengguna di Negeri Johor 2014-2018.

Sumber : Tenaga Nasional Berhad Negeri Johor.

Sejajar dengan pertambahan penduduk, unit kediaman dan pembangunan industri pembuatan dan komersil, penggunaan elektrik juga bertambah. Daripada Laporan Tenaga Nasional, unit jualan elektrik Negeri Johor pada tahun 2018, meningkat 4.2% daripada 17,402 juta Kilo Watt Jam (KWJ) bagi tahun 2017 kepada 18,132 juta KWJ bagi tahun 2018 (2017:2.7%). Secara keseluruhan penjualan elektrik menunjukkan trend menaik daripada tahun ke tahun. Sektor industri merupakan pengguna utama tenaga elektrik dengan unit penjualan sebanyak 8,564 juta KWJ (47%), diikuti oleh sektor komersil 5,722 juta KWJ (32%) dan 3,847 juta KWJ (21%) bagi sektor domestik.

Peratus peningkatan unit jualan bagi tahun 2018 mengikut kategori adalah masing-masing 3.7% (2017:3%) di sektor industri, sektor komersil 5.5% (2017:4%) dan domestik sebanyak 3.3% (2017:-0.6%). Ini dapat dilihat dalam Rajah 3.4. Manakala penjualan elektrik mengikut daerah di Negeri Johor dapat dilihat dalam Rajah 3.5, unit jualan tertinggi pada 2018 adalah di Johor Bahru sebanyak 4,637 juta KWJ (25.6%) diikuti Pasir Gudang sebanyak 3,879 juta KWJ (21.4%), Kulai sebanyak 2,022 juta KWJ (11.2%), Johor Jaya 1,605 juta KWJ (8.9%) dan Batu Pahat 1,601 juta KWJ (8.8%). Di daerah lain%an penjualan elektrik adalah kurang daripada 8% daripada unit jualan keseluruhan bagi Negeri Johor. Penyebab



Rajah 3.5 Jualan Elektrik (Juta KWJ) Mengikut Daerah di Negeri Johor 2016-2018

Sumber : Tenaga Nasional Berhad, Negeri Johor

kepada jualan tertinggi elektrik di Johor Bahru kerana ia merupakan pusat pentadbiran dan pusat komersil terbesar di Negeri Johor dan pusat taburan populasi paling ramai, Pasir Gudang pula merupakan daerah tumpuan industri dan kediaman dengan tempasi pembangunan rancak projek-projek Medini Iskandar. Sementara itu Kulai juga sedang membangun dengan berbagai projek perumahan dan industri kecil dan sederhana, perhotelan dan runcit. Secara keseluruhan unit jualan elektrik meningkat di semua daerah di Negeri Johor.

Secara keseluruhan jualan elektrik Negeri Johor menunjukkan trend menaik dari tahun ketahun. Selari dengan pembangunan pesat di Iskandar Malaysia, pusat komersil dan pertumbuhan penduduk yang tinggi, Johor Bahru menunjukkan jualan tertinggi diikuti Pasir Gudang dan Kulai.

PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, HOTEL DAN RESTORAN


Keaktifan beberapa sektor ekonomi, di antaranya sektor kecil perdagangan borong, sektor kecil runcit, sektor kecil hotel dan sektor kecil restoran berkait rapat dengan kuasa beli penduduk, dan kestabilan ekonomi negara. Keaktifan sektor-sektor ini dapat dilihat melalui sensitiviti trend perbelanjaan pengguna, naik-turun harga bahanapi dan kos menjalankan perniagaan runcit. Secara kasarnya, perkembangan aktiviti sektor-sektor kecil ini dapat di ukur melalui trend pinjaman bank yang dikeluarkan, jumlah gunatenaga yang terlibat dan saiz perolehan perniagaan di setiap sektor kecil.

Berdasarkan Laporan Bank Negara 2018 jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada

semua sektor-sektor kecil ekonomi di atas pada tahun 2018 telah berkembang 7.5% berbanding 7.0% pada tahun 2017. Ini memberi gambaran bahawa aktiviti di sektor-sektor kecil ini mengalami perkembangan yang positif berbanding di tahun sebelumnya. Keaktifan sektor ini dirangsang oleh sektor-sektor Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Sektor Kenderaan Bermotor dan Sektor Perhotelan.

Pinjaman yang diluluskan oleh sistem perbankan untuk sektor ini adalah 18.7% dari keseluruhan pinjaman (2017: 18.3%). Sebahagian besar daripada pinjaman tersebut adalah untuk aktiviti perdagangan borong, iaitu sebanyak 78.1% (2017: 78.93%). Selain itu%an untuk peruncitan ialah 18.5% (2017: 18.2%) manakala restoran dan hotel menerima sejumlah 3.0% (2017: 2.9%). Pinjaman untuk sektor kecil perdagangan borong meningkat 9.0% berbanding 18.2% di tahun 2017 manakala pinjaman untuk sektor kecil peruncitan meningkat 12.0% berbanding 1.0% di tahun 2017. Sementara itu pinjaman untuk sektor kecil restoren dan hotel meningkat 26.4% berbanding dengan 15.8% pada tahun 2017. Sebagai perbandingan, pinjaman kepada isi rumah hanya meningkat 7.2% berbanding 16.8% pada tahun 2017. Ini secara langsung memberi gambaran mengenai kerancakan sektor kecil peruncitan dan sektor-sektor yang berkaitan dengannya.

Situasi ini juga digambarkan oleh Petunjuk Keyakinan (Confidence Indicator) yang di terbitkan oleh Jabatan Perangkaan. Petunjuk Keyakinan bagi sektor peruncitan yang berada pada tahap 0.0% pada suku pertama 2017 telah meningkat kepada 13.2% pada suku ke-4 tahun 2018. Prestasi sektor Perdagangan Borong & Runcit, Makanan, Minuman dan Penginapan digambarkan dalam bentuk trend indeks bagi 2010 hingga 2018 dan dipamerkan sebagai Rajah 3.6.




Rajah 3.6 Trend Indeks Saiz (Volume) Perdagangan Borong & Runcit, Makanan, Minuman dan Penginapan 2010-2018.
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Perdagangan Borong

Perdagangan Borong¹ adalah salah satu komponen bagi Perdagangan Eedaran. Bilangan pertubuhan borong dan runcit di Negeri Johor pada tahun 2015 yang dilapor oleh Jabatan Perangkaan Malaysia berjumlah 41,155. Ini merangkumi 10% dari keseluruhan bilangan pertubuhan ini di Malaysia. Angka ini menduduki tangga ketiga selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2010 jumlah ini hanyalah 29,732. Ini merupakan pertambahan tahunan purata sebanyak 2,280 pertubuhan.

Jenis pertubuhan di dalam kategori ini merangkumi pertubuhan-pertubuhan jualan borong dan runcit

yang menjual semua jenis komponen dan alat ganti kenderaan, pemborong makanan, pemborong pakaian, pemborong bekalan bahan binaan, pemborong alat tulis, pemborong perkakasan komputer dan lain-lain pemborong. Prestasi Sektor Perdagangan Borong sepanjang tahun 2018 diukur oleh Petunjuk Keyakinan (*Confidence Indicator*) yang di keluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Petunjuk Keyakinan ini mencatatkan 1.2% di suku pertama tahun 2018 dan meningkat menjadi 20.6% pada suku ke-4 tahun 2018. Dianggarkan pada suku pertama 2019 ianya menurun kepada 0.4%. Pergerakan Petunjuk Keyakinan bagi Perdagangan Borong dari tahun 2013 hingga 2018 diPamerkan sebagai Rajah 3.7.



Rajah 3.7 Petunjuk Keyakinan Kepada Perniagaan Perdagangan Borong 2013-2018.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Perdagangan Runcit

Sektor perniagaan runcit² memainkan peranan penting dalam penawaran barangan pengguna. Kedai runcit, pasar raya, pasar mini, kedai convenience, jualan runcit sayur-sayuran, jualan runcit ikan dan makanan laut, jualan runcit alat telekomunikasi, jualan runcit buku, jualan surat khabar dan alat tulis, jualan runcit alat-alat binaan dan lain-lain merupakan perkhidmatan penggunaan akhir pengguna (*final consumption*). Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan juga merupakan perdagangan peruncitan dan memainkan peranan yang besar di dalam ekonomi. Prestasi yang baik di

dalam sektor peruncitan menjadi salah satu indikator keaktifan ekonomi negeri dan negara. Kewujudan pasar raya besar, gedung serbaneka, rumah-rumah kedai dan “boutique” turut membantu dalam peningkatan perniagaan peruncitan (makanan, minuman, pakaian dan pelbagai jenis barangan) dan perniagaan menjual kenderaan bermotor.

LaporanPenyiasatanGajidanUpah2018mencatatkan bahawa pendapatan purata bulanan pekerja Negeri Johor bagi tahun 2018 ialah RM3,226, meningkat daripada RM2,932 pada tahun 2017. Pendapatan median bulanan pekerja pula meningkat dari RM2,250 sebulan pada tahun 2017 kepada RM2,932


¹ Perdagangan borong ditakrifkan sebagai penjualan semula barang baru dan barang yang digunakan kepada peruncit, pengguna perindustrian, perdagangan, institusi atau profesional atau kepada pemborong lain atau bertindak sebagai agen atau broker dalam pembelian barang dagangan.

² Perdagangan runcit ditakrifkan sebagai penjualan semula barang baru dan terpakai kepada orang awam untuk kegunaan persendirian atau isi rumah.

sebulan pada tahun 2018. Peningkatan pendapatan ini merupakan indikator kepada peningkatan kuasa beli penduduk Johor secara keseluruhan. Keaktifan sektor kecil peruncitan digambarkan oleh arah aliran Indeks Perdagangan Runcit dari suku pertama tahun 2014 hingga suku ke-4 tahun 2018 yang dipamerkan sebagai Rajah 3.8.

Satu perkara yang berpotensi mempengaruhi kerancangan sektor peruncitan ialah perbelanjaan

pengguna yang sedikit terjejas di suku tahun pertama dan suku ke-2 tahun 2018 akibat kenaikan kos sara hidup, kelemahan nilai ringgit, peningkatan kos untuk menjalankan perniagaan dan sikap berwaspada pengguna mengakibatkan penurunan *Consumer Sentiment Index MIER (CSI)* pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, cadangan pemansuhan GST pada separuh ke-2 tahun 2018 telah meningkatkan CSI dari 69.8 pada Suku Pertama 2018 kepada 82.6 pada Suku Ke-4 2018.



Rajah 3.8 Indeks Perdagangan Runcit 2014 - 2018.
 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Liberalisasi yang membolehkan pasar raya besar (hypermarkets) milik asing beroperasi di Malaysia telah meningkatkan pertumbuhan perniagaan peruncitan. Pasar raya seperti TESCO, AEON, Giant, Holiday Plaza, City Square, Econ Save, MYDIN dan 99 Speedmart sudah semakin popular. Terdapat beberapa faktor yang menjadi daya tarikan terhadap sektor ini. Ianya termasuk kemudahan serba lengkap, moden, tempat parkir kenderaan yang selesa dan selamat, pilihan barangan yang pelbagai selain harga yang berpatutan. Kerancangan sektor ini digambarkan oleh kewujudan 144 buah kompleks perniagaan dengan keseluruhan

keluasan lantai 2,074,059 meter persegi (2017: 1,925,489 meter persegi) dengan kadar huni 60.5% (2017: 60.4%) bagi pusat membeli belah; 89.0% bagi Aked (2017: 88.9%) dan 92.4% bagi hypermarket (2017:92.3%). Ini merupakan perkembangan yang positif bagi sektor ini. Sebahagian besar kompleks perniagaan terletak di Johor Bahru (69), Batu Pahat (16), Kluang (9), Muar (8), Kulai (11) dan Segamat (12). Kewujudan 42 buah hypermarket dengan keluasan lantai 479,976 meter persegi ini menggambarkan keyakinan peniaga ke atas kuasa beli dan sentimen positif pengguna terhadap kestabilan ekonomi negeri secara keseluruhannya.

Jadual 3.2 Penawaran Ruang Membeli Belah Di Negeri Johor, 2011 - 2018.

Tahun	Pusat Membeli Belah		Arked		Hipermarket		Keseluruhan
	Jum Ruang (m.p.)	Peratus	Jum Ruang (m.p.)	Peratus	Jum Ruang (m.p.)	Peratus	Jum Ruang (m.p.)
2011	1,099,788	68.8%	115,700	7.2%	382,810	24.0%	1,598,298
2012	1,143,756	68.5%	120,177	7.2%	406,520	24.3%	1,670,453
2013	1,093,702	67.7%	140,536	8.7%	380,929	23.6%	1,615,167
2014	1,087,197	65.6%	140,536	8.5%	429,056	25.9%	1,656,789
2015	1,111,519	65.3%	127,310	7.5%	464,215	27.3%	1,703,044
2016	1,166,592	66.1%	127,310	7.2%	470,184	26.7%	1,784,086
2017	1,345,825	69.9%	114,554	5.9%	465,110	24.2%	1,925,489
2018	1,480,689	71.4%	113,394	5.5%	479,976	23.1%	2,074,059


Sumber : NAPIC

Tahap kerancakkan sektor peruncitan dapat di lihat melalui Indeks Sentimen Pengguna yang relatifnya tinggi pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Ianya juga dibantu oleh bilangan pelancong yang menjadikan membeli belah sebagai agenda utama mereka.

Keaktifan perniagaan runcit juga digambarkan oleh beberapa pendekatan inovatif oleh pusat membeli belah dengan mewujudkan kios di ruang legar premis masing-masing. Ini sedikit sebanyak telah memperluaskan peluang peniaga-peniaga kecil melibatkan diri di dalam aktiviti peruncitan. Petunjuk keaktifan sektor kecil peruncitan yang menyeluruh ialah Kadar Penghunian Kompleks Perniagaan. Kadar Penghunian di Negeri Johor menurun daripada 79.9 % pada tahun 2017 kepada 71.7% pada tahun 2018. Ini memberi petunjuk kepada sedikit kelembapan di sektor ini.

Pengwujudan pasar tani oleh FAMA membantu melibatkan petani dalam aktiviti peruncitan secara terus. Melalui kerjasama di antara FAMA dan pasar raya besar serta pihak berkuasa tempatan, pengeluar hasil tani telah berjaya memasarkan produk-produk agro di pasar-pasar raya besar, di pasar-pasar tani dan gerai-gerai di seluruh Negeri Johor.

Bilangan unit kedai yang dibina juga mencerminkan keaktifan perniagaan runcit. Di Negeri Johor, bilangan unit kedai berjumlah 84,915 pada tahun 2018 (2017: 76,059), meningkat 11.6%. Daerah Johor Bahru mencatatkan% tertinggi (43.7%), diikuti oleh Batu Pahat (12.0%), Kulai (9.5%), Kluang (9.1%) dan Segamat (7.3%).



Rajah 3.9 Kadar Penghunian (%) Kompleks Perniagaan, 2012 - 2018.
 Sumber : NAPIC Malaysia.

Hotel dan Penginapan

Aktiviti Hotel dan Penginapan merangkumi aktiviti-aktiviti penghunian jangka pendek dan penyediaan perkhidmatan makan-minum di institusi-institusi hotel dan hotel resort, hotel apartmen, motel, chalet, rumah rehat dan rumah-rumah penginapan lain. Bilangan pelancong mempengaruhi aktiviti sektor ini.


Kadar penghunian institusi-institusi di atas meningkat pada akhir tahun 2018 dengan penambahan pelancong daripada negara-negara Timur Tengah dan Asia Tengah yang telah mula memperlihatkan perubahan citarasa di dalam pemilihan destinasi untuk bercuti. Di samping itu bilangan hari cuti yang tinggi di Malaysia juga mempengaruhi kadar penghunian berkaitan.

Keaktifan aktiviti hotel dan penginapan digambarkan oleh arah aliran indeks penginapan terbitan Jabatan Perangkaan. Ianya mempamerkan pergerakan menaik yang perlahan. Pergerakan naik-turun bermusim (*seasonal fluctuations*) memberi petunjuk bahawa aktiviti penginapan dipengaruhi oleh faktor bermusim seperti cuti sekolah, cuti perayaan dan sebagainya. Secara keseluruhan Indeks Penginapan mempamerkan trend peningkatan sepanjang tempoh 5 tahun dari 2013 hingga 2018 (Rujuk Rajah 3.10).


Laporan Banci Ekonomi 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mencatatkan bahawa pada tahun 2015 terdapat 470 pertubuhan yang menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan penginapan, berbanding 365 pertubuhan pada tahun 2010. Laporan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta,

Kementerian Kewangan menyatakan bahawa pada tahun 2018 terdapat sejumlah 459 buah hotel dengan bilangan bilik berjumlah 29,492 di Negeri Johor (2017: 433 buah hotel dengan 27,226 bilik). Jumlah ini terdiri daripada 4 hotel 5 bintang, 17 hotel 4 bintang, 41

hotel 3 bintang dan hotel-hotel bertaraf 3 bintang dan kebawah. Bilangan hotel di Johor merangkumi 13.3% daripada jumlah hotel di Malaysia, manakala jumlah 29,492 bilik merangkumi 11.2% dari jumlah bilik hotel di Malaysia (2017: 27,226 bilik).



Rajah 3.10 Indeks Penginapan, 2013 - 2018.
 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.



Rajah 3.11 Negeri Johor : Bilangan Hotel dan Bilangan Bilik Hotel 2011-2018.
 Sumber : NAPIC Malaysia.

Terdapat 7 buah hotel yang baru pada 2018; Hotel Aloha Pontian, Pinetree Marina Resort, Capri By Fraser Hotel Residence, Hard Rock Hotel Desaru Coast, The Westin Desaru Coast Resort, One and Only Desaru Coast Resort dan Meridin Hotel Suite. Ini telah menambah 1,949 bilik kepada jumlah yang sedia ada. Bilangan chalet di sesebuah negeri juga menjadi indikator keaktifan industri pelancongan. Data Banci Ekonomi 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia, menunjukkan bahawa terdapat 28 buah chalet dengan jumlah 860 bilik di Negeri Johor. Selain itu terdapat juga 9 institusi yang dikategorikan sebagai

Rumah Rehat, Rumah Tamu, Hostel, Taman Treler, Taman Kenderaan Rekreasi atau *Bed & Breakfast* dengan jumlah bilik sebanyak 137 buah.

Perkhidmatan Restoran, Makanan dan Minuman


Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman merujuk kepada penyediaan makanan di restoren tradisional, restoren layan diri atau "takeaway". Keaktifan perkhidmatan ini berkait rapat dengan tahap sosio-ekonomi penduduk, tahap pekerjaan penduduk, jumlah penduduk di dalam kumpulan

umur 20-35 tahun, pendapatan isirumah serta potensi perkhidmatan ini sebagai suatu profesyen. Aktiviti perkhidmatan dikategorikan kepada perkhidmatan makanan, perkhidmatan catering dan perkhidmatan penyediaan minuman (kiosk minuman). Perkhidmatan kedai makanan segera yang moden dengan kepelbagaian konsep telah menarik penglibatan kumpulan Gen Y dan Gen Z dan meningkat penawaran perkhidmatan restoran. Kewujudan "food court" di pusat-pusat membeli belah serta kewujudan restoran-restoran baru merencanakan aktiviti perniagaan restoran.

Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah³ mencatat bahawa penggunaan bulanan purata isi rumah bagi negeri Johor pada tahun 2016 ialah RM4,184 berbanding RM3,808 pada 2014, ini merupakan peningkatan 4.3%. Keaktifan perkhidmatan restoran dicerminkan oleh gelagat perbelanjaan isi rumah. Menurut Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016, pembahagian perbelanjaan isi rumah Negeri Johor secara purata ialah 23.5% untuk perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api (2014: 21.62%), 17.5% untuk

makanan dan minuman bukan alkohol (2014:18.69%), 15.2% untuk pengangkutan (2014:16.38%), 12.0% untuk hotel dan restoran (2014: 11.59%). Perbelanjaan untuk makan dan minum di luar rumah adalah sebanyak 11.8% manakala 0.3% adalah untuk perkhidmatan. Pecahan perbelanjaan untuk hotel dan restoren yang relatifnya besar merangsang percambahan gerai-gerai makanan dan minuman, restoren baru dan restoren 24 jam. Gerai-gerai tidak kekal di kawasan perumahan baru dan kawasan pelancongan dan perindustrian menyumbang kepada peningkatan nilai ditambah sektor kecil restoran. Bilangan restoran dianggarkan bertambah pada tahun 2018 dengan kewujudan premis baru di kawasan perumahan baru dan di kompleks-kompleks perniagaan.

Percambahan bilangan restoran di kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT), telah meningkatkan bilangan penjaja dan peniaga pasar malam yang aktif yang dianggarkan berjumlah, masing-masing, 35,100 dan 25,500. Keadaan ini sedikit memberi impak ke atas pendapatan peniaga dan pola perbelanjaan isi rumah Negeri Johor.



Rajah 3.12 Indeks Perkhidmatan Makanan dan Minuman, 2010 - 2018
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan bilangan pengunjung restoran dan kafe amat berkait rapat dengan umur dan bilangan isi rumah. Pada tahun 2015, di kalangan isirumah yang berumur kurang dari 24 tahun 16.7% daripada perbelanjaan bulanan mereka ialah untuk perbelanjaan makanan dan minuman diluar rumah (2014:15.2%). Ianya diikuti oleh mereka yang berumur di antara 25 hingga 34 tahun (14.3%) (2014:13.3%). Terdapat hubungan di antara pendapatan dan nilai perbelanjaan makanan dan minuman diluar rumah. Pendapatan yang tinggi membuka minat untuk makan dan minum di luar rumah. Sebaliknya saiz isi rumah membentuk hubungan songsang (*inverse relationship*) dengan kekerapan makan di luar (restoran dan cafe),

iaitu, saiz isi rumah yang besar mengurangkan kekerapan untuk makan di luar.

Keaktifan perkhidmatan catering adalah seiring dengan kekerapan penganjuran "event" seperti upacara perkahwinan dan seumpamanya. Aktiviti-aktiviti ini menyumbang kepada nilai ditambah dan peluang pekerjaan di dalam sektor. Pada tahun 2018, negeri Johor menduduki tangga ketiga dari segi sumbangan nilai ditambah dan peluang pekerjaan disektor kecil ini, selepas negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

³ Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Malaysia.

SEKTOR PELANCONGAN⁴

Maklumat Banci Ekonomi 2016 menunjukkan bahawa, pada tahun 2015, sektor pelancongan Negeri Johor telah menjana nilai ditambah berjumlah RM11,406.3 juta, tempat ke-3 selepas Negeri Selangor yang mencatatkan nilai tambah sebanyak RM50,977.9 juta dan WP Kuala Lumpur (RM50,480.7 juta). Negeri Johor mengatasi Pulau Pinang (RM9,012.1 juta), Perak (RM6,708.7 juta) dan Sarawak (RM6,680.6 juta).

Secara amnya kadar kemasukan pelancong ke Malaysia tidak banyak menunjukkan perubahan sepanjang 3 tahun kebelakangan. Pada 2018 negara

menerima 25.83 juta pelancong berbanding 25.95 juta dan 26.75 juta, masing-masing bagi tahun 2017 dan 2018. Walau bagaimanapun jumlah perbelanjaan oleh pelancong pada tahun 2018 meningkat 2.4% berbanding dengan pendapatan tahun sebelumnya. Walaupun jumlah pelancong dari ASEAN menguncup 3.9% namun jumlah tersebut menyumbang 75.1% kepada jumlah pelancong ke Malaysia. Sementara itu, jumlah pelancong dari ASIA menyumbang 86.5%. Singapura mendahului negara-negara lain dalam jumlah pelancong ke Malaysia, diikuti oleh Indonesia dan China. Walau bagaimanapun bilangan pelancong dari Singapura merosot berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 3.3 Malaysia: Ketibaan Pelancong Luar Negara, 2016 hingga 2018.

Negeri Asal	2016		2017		2018	
	Bilangan ('000)	%	Bilangan ('000)	%	Bilangan ('000)	%
Singapura	13.27	49.6%	12.44	47.9%	10.62	41.1%
Indonesia	3.05	11.4%	2.80	10.8%	3.28	12.7%
Brunei	2.14	7.9%	1.66	6.4%	1.38	5.3%
China	1.39	5.2%	2.28	8.8%	2.94	11.4%
Thailand	1.78	6.7%	1.84	7.1%	1.91	7.4%
India	0.64	2.4%	0.55	2.1%	0.66	2.6%
Lain-lain	4.49	16.8%	4.38	16.9%	5.04	19.5%
JUMLAH	26.76	100.0	25.95	100.0	25.83	100.0

Sumber : Tourism Malaysia

Pada tahun 2018 bilangan pelancong dari Asia Timur meningkat 6.3% berbanding tahun sebelumnya. Aktiviti utama pelancong di Malaysia ialah membeli belah dan bersiar-siar di kawasan bandar. Pemilihan mereka ke Malaysia adalah atas sebab-sebab kadar pertukaran asing yang menguntungkan akibat dari nilai Ringgit yang rendah. Trend peningkatan jumlah pelancong dari luar negara menjadi petunjuk kepada keaktifan industri pelancongan dalam negara.


Statistik yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan bahawa jumlah pelancong warga Singapura adalah yang tertinggi, iaitu mencecah 41.0% dari keseluruhan pelancong yang didaftarkan. Pelancong Indonesia merangkumi 12.7%, China 11.4%, Thailand 7.4% dan Brunei 5.3%. Namun, berlaku kemerosotan jumlah pelancong dari Singapura. Situasi ini memberi kesan ke atas sektor perkhidmatan Negeri Johor, terutama

sektor kecil perniagaan borong, runcit dan restoren kerana kuasa beli para pelancong Singapura yang tinggi.

Empat pengangkutan utama yang digunakan oleh pelancong ialah Pengangkutan Darat (70.1%), Pengangkutan Udara (23.1%), Pengangkutan Laut (5.0%) dan Rel (0.8%). Tambak Johor, Gelang Patah, KTM Tanjung Pagar, Stulang Laut, Jeti Pasir Gudang, Kukup dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai merupakan pintu-pintu masuk utama bahagian selatan negara. Pusat-pusat membeli belah yang bertaraf antarabangsa dan "High-End" berupaya menarik pelancong sepanjang tahun. Pusat pelancongan berkonsepkan Eco-Tourism, di antaranya Pulau Tinggi, Pantai Teluk Buih, Pantai Rambah, Taman Negara Endau-Rompin, Gunung Tangkak, Taman Negara Tanjung Piai, Desaru, Danga Bay, Legoland serta kawasan-kawasan perkelahan

⁴ Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia **pelancong** diklasifikasi kepada beberapa kategori. Untuk laporan ini pelancong di rangkumkan kepada 4 jenis. *Pelancong Inbound* adalah pelawat bukan residen yang masuk ke Malaysia. *Pelancong Domestik* adalah penduduk Malaysia yang membuat perjalanan dalam negara sebagai sebahagian daripada perjalanan domestik atau perjalanan outbound. *Pelancong Outbound* adalah penduduk yang membuat perjalanan keluar negara. Selain itu *Pelancong Internal* adalah terdiri daripada pelancong domestik dan pelancong inbound.

air terjun menjadi tarikan kepada pelancong, terutama pelancong asing. Sektor pelancongan negeri Johor menyumbang nilai ditambah yang agak tinggi dengan menduduki tangga ke-4 selepas WP Kuala Lumpur, Pahang dan Selangor.



Rajah 3.13 Kluster dan Penggerak Pembangunan Pelancongan Negeri Johor (Johor Tourism Development Cluster & Driver).


Sumber : UPEN Johor.

Kluster Pembangunan Pelancongan Negeri Johor (Johor Tourism Development Cluster)

Untuk meningkatkan lagi sumber pendapatan daripada sektor pelancongan, Tourism Johor telah membentuk Kluster Pembangunan Pelancongan (TDC) di 11 kawasan yang di kenalpasti, berdasarkan taburan produk pelancongan semasa yang terdapat di Negeri Johor. Senarai kluster dipamerkan sebagai Rajah 3.13.

Negeri Johor juga mempunyai beberapa kawasan bakau yang diiktiraf sebagai tapak *Convention on Wetland Of International Importance* atau RAMSAR yang boleh dijadikan produk pelancongan bertaraf dunia yang mengkhususkan kepada aktiviti penyelidikan.

Arah aliran Petunjuk Keyakinan Perkhidmatan Hotel oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dipamerkan sebagai Rajah 3.14. Arah aliran ini membentuk pergerakan naik-turun yang dipengaruhi oleh faktor musim. Jelas bahawa keyakinan terhadap perkhidmatan perhotelan dipengaruhi oleh suku tahun. Keyakinan terhadap perkhidmatan penginapan menurun di suku tahun pertama dan kedua setiap tahun tetapi meningkat secara perlahan pada suku-suku tahun berikutnya. Walau bagaimanapun trend jangka sederhana menunjukkan bahawa keyakinan menurun dari suku ke-4 2013 hingga suku ke-2 2015. Dari suku ke-2 2015 hingga suku ke-3, 2017 keyakinan meningkat. Walau bagaimanapun, mulai suku ke-3 2017 hingga suku ke-3 2018 keyakinan menurun semula sebelum mencatat kenaikan pada suku ke-4 2018.



Rajah 3.14 Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan Perkhidmatan Hotel, 2013-2018.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Arah Aliran Pelancongan dan Sumbangan Pelancongan Domestik

Penyiasatan Pelancongan Domestik, Jabatan Perangkaan Malaysia 2018, mendapati bahawa terdapat seramai 221.3 juta (2017: 205.4 juta) (2016: 189.3 juta) pelawat domestik di Malaysia di sepanjang 2018 ialah 78.2 juta (2017 dengan 70.5 juta merupakan pelancong domestik. Selebihnya adalah pelawat harian.

Negeri Selangor merupakan penerima kunjungan pelawat harian paling ramai iaitu seramai 30.179 juta (2017:25.5 juta) dan diikuti oleh Negeri Sabah 20.36 juta (2017:17.8 juta), Sarawak 19.4 juta (2017:17.7 juta, Wilayah Persekutuan 19.2 juta (19.0 juta). Negeri Johor menduduki tempat ke-8 dengan mencatatkan 13.5 juta (2017:13.1 juta).

Pada masa yang sama, negeri Johor menduduki tempat kedua selepas negeri Pahang sebagai negeri yang dikunjungi oleh pelancong domestik, iaitu seramai 7.8 juta (2017: 7.55 juta). Taburan jumlah pelancong domestik yang berkunjung ke negeri-

negeri terpilih di Malaysia dipamerkan sebagai Jadual 3.4.

Tempat-tempat yang menjadi tumpuan utama pelawat harian di Negeri Johor ialah Bandaraya Johor Bahru, Mersing, Kluang, Batu Pahat dan Muar. Pelawat domestik lebih menumpukan kepada kawasan bandar. Kemasukan pelancong menjana pendapatan melalui industri hiliran yang berkaitan seperti yang disenaraikan sebagai Jadual 3.5. Berdasarkan Laporan Akaun Setelit Pelancongan 2018 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor-sektor yang memperolehi manfaat, mengikut kepentingan daripada perbelanjaan yang berkait langsung dengan aktiviti pelancong domestik, pelancong inbound dan pelancong outbound adalah sektor perkhidmatan seperti di Jadual 3.5.

Perbelanjaan pelancong *inbound* adalah penyumbang tertinggi iaitu 50.0% daripada keseluruhan perbelanjaan pelancong diikuti dengan pelancong domestik sebanyak 40.0% daripada keseluruhan perbelanjaan pelancong.

Jadual 3.4 Jumlah Pelancong Domestik Yang Mengunjungi Lima Negeri Utama 2017-2018.

Negeri	2017		2018		Perubahan Tahunan
	Jumlah ('000)	Peratus	Jumlah ('000)	Peratus	
Perak	7,639.8	10.8%	7,563.9	9.7%	-1.0%
Johor	7,545.2	10.7%	7,782.4	9.9%	3.1%
Pahang	7,703.2	10.9%	9,154.2	11.7%	11.7%
Kedah	4,929.6	7.0%	5,449.0	7.0%	10.5%
Selangor	6,814.1	9.7%	6,770.5	9.7%	-0.6%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia 2017.

Jadual 3.5 Taburan Perbelanjaan Pelancong 2017.

Sektor Perkhidmatan	Domestik	Inbound	Outbound
Perkhidmatan Penginapan	15.5%	24.2%	23.3%
Perkhidmatan Penyediaan makanan dan Minuman	16.1%	13.1%	12.2%
Perkhidmatan Pengangkutan Penumpang	10.0%	17.5%	36.5%
Perkhidmatan Agensi Pelancongan dan Penempajan Lain	2.8%	5.1%	3.0%
Perkhidmatan Kebudayaan, Sukan dan Rekreasi	1.2%	3.9%	2.7%
Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan	19.7%	-	-
Barang Khusus bercirikan Pelancongan Negara	30.4%	31.3%	22.0%
Perkhidmatan Khusus bercirikan Pelancongan Negara	4.4%	4.9%	1.3%
Jumlah	100.0%	100.0%	100.0%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3.6 Peratus Perbelanjaan Pelancong Domestik Mengikut Kategori, 2016 - 2018.

Kategori	2016		2017		2018	
	Peratus	Pangkat	Peratus	Pangkat	Peratus	Pangkat
Perbelanjaan oleh pelawat domestik	88.9		88.6		89.4	
Membeli belah	35.3	1	36.3	1	37.6	1
Pembelian bahan api kenderaan	16.2	2	15.2	2	14.7	2
Pengangkutan	6.7	5	6.3	5	6.2	5
Makanan dan Minuman	13.8	3	13.8	3	13.8	3
Penginapan	8.8	4	8.6	4	8.5	4
Perbelanjaan sebelum perjalanan	2.8	7	3.0	7	3.2	7
Aktiviti lain	6	6	5.5	6	5.3	6
Perbelanjaan oleh Host	11.1		11.4		10.6	

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Peratus perbelanjaan pelancong domestik mengikut kategori bagi tempoh 2016–2018 dipamerkan sebagai Jadual 3.6. Jelas bahawa perbelanjaan untuk membeli belah, pembelian bahan api kenderaan adalah merupakan perbelanjaan yang besar semasa melancong atau melawat. Ianya diikuti oleh perbelanjaan untuk makan dan minum. Perbelanjaan penginapan berada di posisi (rank) ke-4, selari dengan posisi permintaan kemudahan penginapan pada 2014, 2015 dan 2016.

Suatu kaji selidik oleh Tourism Malaysia mendapati bahawa, secara purata, setiap pelancong domestik membelanjakan RM301 untuk setiap perjalanan dan menginap selama 2.3 hari. Sebaliknya, setiap pelancong inbound membelanjakan secara purata RM3,167 pada tahun 2017, meningkat dari RM 3,068 pada tahun 2016.

Secara purata pelancong tinggal sekitar 5 hari di negara ini pada tahun 2016 berbanding selama 5.5 hari pada tahun 2015 menurun dari 6.6 hari pada tahun 2014 dan 6.8 hari pada tahun 2013. Terdapat juga pelancong-pelancong yang tinggal lebih lama dari biasa. Sebagai contoh, pelancong dari Saudi Arabia secara purata tinggal selama 10.7 malam, Oman selama 9.7 malam, Ireland selama 8.7 malam, Switzerland selama 8.7 malam, Pakistan selama 8.6 malam, Iran selama 8.6 malam. Pihak kerajaan dan agensi pelancongan perlu memikirkan bagaimana "pakej pelancongan" dapat diinovasi untuk menarik pelancong-pelancong tinggal lebih lama di negara ini dan membelanja lebih tinggi.

Keaktifan industri pelancongan memberi impak ke atas sektor perkhidmatan serta kekal sebagai penyumbang kepada tukaran asing kedua terbesar bagi negara. Aktiviti hiliran sektor pelancongan serta

promosi yang agresif di pasaran baru dan bukan tradisional, terutamanya di Asia Barat, China, dan India perlu dijalankan melalui media sosial dan YouTube. Kemudahan dewan persidangan serta peningkatan di dalam penganjuran event dan pameran peringkat antara bangsa perlu dipertingkatkan. Selain itu aktiviti sukan seperti International Marathon, International Big Walk perlu di masukan di dalam Kalender Sukan Antarabangsa. Aktiviti ini boleh "dibantu" oleh aktiviti Jualan Mega yang diadakan setiap tahun, penambahan bilangan produk pelancongan dan aktiviti kebudayaan.

PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI

Salah satu sektor yang berkaitan dengan peralihan dan pergerakan barangan dan tenaga manusia ialah sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Ianya adalah satu satunya sektor yang mempamerkan prestasi yang sederhana baik dari tahun 2014 sehingga tahun 2018. Dalam harga malar tahun 2010, nilai ditambah sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi tumbuh sederhana tinggi pada tahun 2014, iaitu pada kadar 7.9%. Walau bagaimanapun pada tahun 2015, sektor ini mempamerkan prestasi yang sedikit perlahan iaitu pertumbuhan 6.3%. Pada tahun 2016 sektor ini menunjukkan prestasi yang lebih baik, iaitu perkembangan sebanyak 9.3% dalam harga malar 2015. Pada tahun 2017, sektor ini meningkat 8.7%. Seterusnya pada tahun 2018 ini, sektor ini berkembang 10.1%. Prestasi ini dijangkakan akan berterusan pada masa akan datang. Ia boleh dianggap agak menggalakkan dengan kerancakan aktiviti pergerakan barangan, storan dan perhubungan yang melibatkan transaksi perdagangan yang lebih mantap dan stabil.

Kemantapan pertumbuhan dalam sektor ini didorong terutamanya oleh peningkatan perdagangan dan aktiviti berkaitan dengan perjalanan serta perkembangan berterusan industri komunikasi. Kecuali sejumlah kecil sektor-sektor kecil pengangkutan, pada keseluruhannya sebahagian besar aktiviti pengangkutan dijangka meningkat berikutan peningkatan kekerapan penerbangan, tambahan rangkaian dan destinasi serta penambahbaikan infrastruktur pengangkutan dan pertumbuhan pesat aktiviti pelancongan dan perdagangan di Malaysia serta negara-negara ASEAN yang lain. Begitu juga, aktiviti penghantaran dijangka memberi suntikan terhadap perkembangan sektor ini pada tahun 2018.

Pengangkutan Darat

Pada dasarnya, pengangkutan darat boleh dilihat melalui dua mod pengangkutan. Ianya selalunya dikaitkan dengan pengangkutan jalan raya dan pengangkutan rel. Kepesatan pertumbuhan pengangkutan jalan raya boleh dilihat melalui pergerakan penumpang dan barangan melalui bas-bas awam, kereta persendirian, kenderaan barangan dan juga kenderaan komersial. Sebaliknya

pertumbuhan pengangkutan rel boleh dilihat melalui jumlah penumpang dan juga kargo yang dikendalikan oleh KTMB yang merangkumi stesyen-stesyen keretapi di Negeri Johor.

Pengangkutan Jalan Raya

Keaktifan pengangkutan jalan raya boleh diperhatikan daripada limpahan dari keaktifan sektor-sektor lain seperti pembuatan, perdagangan borong dan runcit serta lain-lain sektor perkhidmatan yang berkaitan. Pada hakikatnya, pengangkutan dan logistik menjadi nadi kepada aktiviti-aktiviti perdagangan di dalam banyak sektor. Juga, keaktifan sektor ini memberi impak kepada sektor-sektor lain seperti insurans dan kewangan serta sector-sektor hiliran yang merangkumi perkhidmatan rawatan dan memperbaiki kenderaan melalui bengkel-bengkel dan pusat rawatan kenderaan. Begitu juga dengan pertambahan bilangan pengguna jalanraya dari tahun ke tahun seiring dengan pertambahan kenderaan baru dan kenderaan terpakai yang sentiasa menunjukkan trend menaik dari tahun ke tahun semenjak tahun 2014.

Jadual 3.7 Bilangan Dan Jenis Kenderaan Baru Yang Didaftarkan di Johor pada Tahun 2014-2018.

Tahun	Motosikal	Motorkar	Kereta Sewa, Bas, Teksi	Kenderaan Pengangkutan Barangan	Kenderaan Lain	Jumlah
2014	76,003	58,136	862	5,723	2,305	143,029 (-11.7%)*
2015	63,007	23,083	488	4,854	1,733	93,235 (-34.8%)
2016	53,424	15,648	602	4,609	1,605	75,888 (-17.3%)
2017	41,394	10,577	309	4,817	1,881	58,978 (-22.3%)
2018	35,266	10,334	256	5,365	1,724	52,945 (-10.3%)

Sumber : Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Johor.
• Perubahan dari tahun sebelumnya.

Kebanyakan aktiviti yang disebutkan di atas mempengaruhi tahap penggunaan jalanraya. Jadual 3.7 menunjukkan bilangan jenis-jenis kenderaan baru yang didaftarkan di Negeri Johor dari tahun 2014 hingga 2018. Berpandukan kepada jadual ini, daripada bilangan kenderaan motor yang didaftarkan didapati motosikal menunjukkan menurun dari 2014 dan 2015 kepada 76,063 dan 63,677 dan seterusnya pada tahun-tahun berikutnya hinggalah pada tahun 2017 dan 2018 menunjukkan 41,394 dan 35,266 unit. Begitu juga, bagi kenderaan


persendirian motokar, mengalami penurunan dari 58,136 dan 23,083 pada tahun 2014 dan 2015 dan berterusan sehingga menjadi 10,577 pada tahun 2017 dan 10,334 pada tahun 2018. Bagi kereta sewa, bas dan teksi pula ianya menunjukkan gelombang turun naik dari tahun 2014 sehingga tahun 2018 iaitu sebanyak 862 unit pada tahun 2014, 488 pada tahun 2015 dan 602 pada tahun 2016. Bilangan kereta sewa, bas dan teksi yang didaftarkan pada tahun 2017 dan 2018 masing-masing berjumlah 309 dan 256.

Bagi bilangan kenderaan barang pula menunjukkan gelombang kenaikan dan penurunan yang sama dengan kereta sewa, bas dan teksi dari tahun-tahun 2014 hingga tahun 2018. Begitu juga, dengan bilangan kenderaan lain yang didaftarkan baru menunjukkan trend yang sama. Bagi semua jenis kenderaan baru yang didaftarkan di seluruh Negeri Johor kesemuanya ianya menunjukkan penurunan dari -10.3% dan -33.4% dari tahun 2014 hingga tahun 2018. Namun begitu, bagi jumlah kereta motor yang berdaftar secara akumulatif, Johor masih menjadi negeri yang kedua terbanyak (3,611,611) di belakang Wilayah Persekutuan (6,320,329) dari keseluruhan kereta berdaftar yang aktif di seluruh Malaysia sebanyak 28,181,203 pada tahun 2018 (Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, 2018).

Rajah 3.15 mempamerkan trend pelbagai jenis kenderaan baru yang didaftarkan di negeri Johor pada tahun-tahun 2014 hingga tahun 2018. Bilangan motosikal yang didaftarkan di Negeri Johor mencatat trend penurunan dari tahun-tahun 2014 hingga tahun

2018. Trend yang sama direkodkan bagi jenis kenderaan motokar persendirian. Manakala jenis kereta sewa, bas dan teksi pula menunjukkan trend yang malar. Bagi kenderaan barang dan juga kenderaan lain, trend bilangan pendaftaran kenderaan baru juga menunjukkan aliran yang agak malar pada tahun-tahun tersebut.

Penggunaan pengangkutan bas awam tidak menunjukkan sebarang perkembangan ketara di Negeri Johor dari tahun 2014 hingga tahun 2018. Peningkatan adalah sederhana pada tahun 2014. Bilangan pertubuhan/syarikat yang terlibat di dalam perkhidmatan ini tidak berubah dengan ketara dari tahun 2014 hingga 2018. Bilangan pekerja dan nilai ditambah bagi perkhidmatan bas awam mencatatkan perubahan yang sederhana sahaja pada tahun 2014, iaitu masing-masing meningkat 3.2% dan 2.7%. Pada tahun 2015 peningkatan jumlah pekerja dan nilai ditambah menurun sedikit, iaitu antara 2.6% bagi bilangan pekerja dan 1.7% bagi nilai ditambah.



Rajah 3.14 Trend Jumlah Dan Jenis-jenis Kenderaan baru yang didaftarkan di Johor, 2014-2018.

Jadual 3.9 Penggunaan Bas Awam di Johor, 2014-2018.

Tahun	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Nilai Ditambah Banci (RM000)
2014	50	2,508	47,440
	4.2%	3.2%	2.7%
2015	52	2,572	48,354
	4.0%	2.6%	1.9%
2016	54	2,616	48,695
	3.9%	1.7%	0.8%
2017	56	2,707	50,027
	3.7%	3.5%	2.7%
2018 ^e	58	2764	50,821
	3.6%	2.1%	1.6%

Sumber : Jabatan Statistik Malaysia,
^e anggaran ; perubahan dari tahun sebelumnya.

Pertumbuhan bilangan pekerja dan nilai ditambah yang paling sederhana berlaku pada tahun 2016, iaitu masing-masing sebanyak 1.7% dan 0.8%. Tahun 2017 menyaksikan satu konsolidasi peningkatan di dalam jumlah pekerja dan nilai ditambah, yang masing-masing mencatatkan peningkatan 3.5% dan 2.7%. Walaubagaimanapun, pada tahun 2018 ia menurun kepada 2.1% dan 1.6%. Data berkaitan dengan penggunaan bas awam di Johor bagi 2014-2018 dipamerkan sebagai Jadual 3.8.

Johor mempunyai rangkaian lebuhraya di antara yang terbaik di Malaysia. Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) adalah penghubung utama di antara bandar-bandar besar di Negeri Johor. Lebuhraya Kempas,

Kulai, Pontian dan Link Kedua ke Singapura adalah perhubungan darat yang penting. Pembangunan di kawasan Iskandar Malaysia memberi ruang untuk penggunaan lebuh raya yang komprehensif di Negeri Johor. Selain itu, SDE (Senai-Desaru Expressway) yang siap pada penghujung 2013 dan EDL (Eastern Dispersal Link) yang juga telah siap pada tahun itu juga, telah merencanakan lagi pembangunan rangkaian lebuh raya di Johor. Lebuh raya Pantai (Coastal Highway) yang mempunyai 6 lorong yang dibuka pada Februari 2016 telah menjadi nadi kepada penggerak di kawasan timur Iskandar Malaysia. Begitu juga Johor Bahru Pasir Gudang Elevated Expressway (JOBGEX) yang memendekkan masa perjalanan dari Johor Bahru ke Pasir Gudang sekitar 20 minit. Penghapusan tol bagi laluan EDL pada awal 2018 merencanakan lagi penggunaan lebuh raya di Negeri Johor. Rancangan kerajaan negeri untuk melancarkan projek-projek memperkasa system pengangkutan seperti Jajaran UTM, Jajaran Desa Jaya, Jajaran Bandaraya dan Jajaran Iskandar Puteri akan meningkatkan aktiviti pengangkutan jalan raya di Johor di tahun-tahun mendatang.

Pengangkutan Rel

Jadual 3.9 menunjukkan bahawa jumlah penumpang jenis pertama (inter-city) telah menaik begitu drastik dari 563,395 pada tahun 2014 kepada 1,579,804 pada tahun 2015. Begitu juga ianya menaik kepada 2,582,143 pada tahun 2016. Namun pada tahun 2017, ianya melonjak sebanyak -33% kepada 3,433,013 penumpang dan menurun sebanyak 2.3% kepada 3,354,327 pada tahun 2018. Bagi penumpang jenis kedua pula (inter-station), ianya menunjukkan aliran yang sentiasa menaik dari tahun 2014 hingga tahun 2018. Ianya merekodkan jumlah penumpang sebanyak 480,955 pada 2014, 729,973 pada tahun 2015 dan 1,475,498 pada tahun 2016. Ianya meningkat kepada 1,834,357 pada tahun 2017 dan mencecah kepada 1,993,214 penumpang pada tahun 2018. Penumpang jenis kedua ini meliputi penumpang yang bergerak dari stesyen-stesyen di negeri Johor seperti Segamat, Kluang, Sedenak dan Johor Bahru.


Jadual 3.9 Pergerakan Penumpang dan Barangan Melalui KTMB di Negeri Johor, 2014-2018.

Kategori	Nilai Dan Peratus Perubahan Di Tahun				
	2014	2015	2016	2017	2018
Bilangan Penumpang (Intercity)	563,395	1,579,804	2,582,143	3,433,013	3,354,327
Perubahan Tahunan	-24.0%	180.0%	63.4%	33.0%	-2.3%
Bilangan Penumpang (Inter-stesyen)	480,955	729,973	1,475,498	1,834,357	1,993,214
Perubahan Tahunan	-	52.0%	102.0%	24.0%	9.0%
Berat Kargo (tan metrik)	444,515	454,184	224,502	364,062	294,277
Perubahan Tahunan	-24.5%	1.7%	-50.6%	62.2%	-19.0%

Sumber : Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Pengendalian kargo barangan melalui KTMB di Negeri Johor mempunyai trend yang agak berbeza. Ianya memaparkan senario naik-turun. Penurunan yang tinggi (-24.5%) berlaku pada tahun 2014. Pada tahun 2015 pula, berlaku kenaikan yang kecil sebanyak 1.7% yang disusuli oleh penguncupan pengangkutan barangan kargo melalui KTMB yang agak tinggi (-50.6%) di tahun 2016. Walaubagaimanapun di tahun 2017, trendnya menaik kembali kepada pertumbuhan yang paling memberangsangkan iaitu sebanyak 62.2%. Justeru, tahun 2018 merekodkan penurunan sebanyak -40.4% kepada 216,869 metrik ton sahaja. Trend pergerakan penumpang KTMB di Negeri Johor menunjukkan kenaikan yang berterusan baik dari segi penumpang jenis pertama (intercity) mahu pun penumpang jenis kedua (inter-station) pada

tahun-tahun 2014 hingga 2018. Bagi penumpang jenis pertama yang melintasi beberapa negeri di Semenanjung, ianya menunjukkan keyakinan bagi penumpang untuk melawat Johor atau terus ke Singapura. Bagi penumpang jenis kedua pula (inter-station) ialah rutin pergerakan penumpang dari bandar-bandar dalam negeri Johor. Sebaliknya, pengangkutan kargo melalui KTMB jelas menunjukkan ombak kenaikan dan penurunan yang berterusan dari 2014 sehingga 2017 dengan diiringi oleh penurunan yang sederhana pada tahun 2018. Ini mungkin disebabkan berlakunya kenaikan di dalam penggunaan perkhidmatan pengangkutan kargo melalui udara pada tahun-tahun 2016 sehingga 2018. Gambaran pergerakan penumpang dan kargo melalui KTMB dipamerkan sebagai Rajah 3.16.



Rajah 3.16 Pergerakan Penumpang ('000) dan Kargo ('000 metrik ton) melalui KTMB di Johor, 2014-2018.

Pengangkutan Laut

Secara amnya, aktiviti-aktiviti pengangkutan melalui mod darat, laut dan udara biasanya dapat dirasai perkembangannya melalui kepesatan perkembangan infrastruktur, kerancangan ekonomi negeri serta kenaikan pendapatan pengguna. Program yang dimulakan oleh kerajaan untuk meningkatkan dan mengembangkan sektor kecil perkapalan tempatan dan perkhidmatan pelabuhan telah menyumbang kepada peningkatan aktiviti pemunggahan kargo dan peningkatan kapasiti pengendalian kargo di dua pelabuhan Johor, iaitu Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Pelabuhan Pasir Gudang Johor masih menjadi pelabuhan utama Negeri Johor. Ianya mengendalikan kargo am, pukal kering dan pukal cecair. Masih banyak aktiviti pengendalian kargo yang terus dijalankan di Pelabuhan Pasir Gudang. Data dari Lembaga Pelabuhan Johor menunjukkan bahawa jumlah pengendalian kargo am pada tahun 2014 ialah sebanyak 0.86 juta tan metrik. Ianya menaik pada tahun 2015 kepada 0.98 juta tan. Pada tahun 2016 pula, ianya menunjukkan kenaikan kepada 1.09 juta tan dan pada tahun 2017 ianya menurun sedikit kepada 0.70 juta tan. Justeru itu, ianya menunjukkan kenaikan kepada 0.90 juta tan pada tahun 2018.

Di dalam perkhidmatan pengendalian pukal kering menunjukkan gelombang naik turun dari tahun 2014 hingga ke tahun 2018. Penurunan berlaku pada tahun 2015. Pada tahun 2016 dan 2017 ianya naik dengan kadar yang sederhana, iaitu sebanyak masing-masing 4.49 juta tan dan 4.59 juta tan, manakala pada tahun 2018, ianya menurun sedikit kepada 4.1 juta tan. Perkhidmatan pengendalian pukal cecair pula, menunjukkan kenaikan dari 11.06 juta tan pada tahun 2014 kepada 12.71 juta tan pada tahun 2015. Namun, pada tahun 2016, ianya naik sedikit kepada 12.18 juta tan dan menunjukkan penurunan minimal pada tahun 2017. Sungguhpun begitu, ianya merekodkan kenaikan kepada 14.08 juta metrik tan pada tahun 2018.

Pengendalian kontena pulanya naik daripada 10.53 juta FWT pada tahun 2014 kepada 10.62 juta FWT pada tahun 2015. Ianya mencatat penurunan yang agak sederhana pada tahun 2016, iaitu kepada 10.36 juta FWT sebelum naik sedikit pada tahun 2017 ke 10.95 juta FWT. Pada tahun 2018 ianya terus meningkat kepada 11.96 juta FWT pada tahun 2018. Bagi pengendalian kontena dalam TEU pula ianya menunjukkan kenaikan berterusan dari 2014 sehingga 2018. Data ini dipaparkan sebagai Jadual 3.10.

Jadual 3.10 Pengendalian Kargo ('000 tan metrik) dan Kontena (FWT/TEU) di Pelabuhan Pasir Gudang 2014-2018.

Kategori	2014	2015	2016	2017	2018
Kargo Am	862	981	1,093	700	898
Pukal Kering	4,847	4,347	4,490	4,589	4,079
Pukal Cair	11,060	12,708	12,181	12,176	14,075
Kontena					
FWT	10,534	10,621	10,359	10,952	11,960
TEUs	793	801	827	901	942

Sumber : Lembaga Pelabuhan Johor


Nota: (1) FWT – Berat Kargo dalam Tan (2) TEUs – Unit setara dua puluh kaki.

Pada keseluruhannya, pengendalian kargo dan kontena melalui Pelabuhan Pasir Gudang mempunyai gelombang naik-turun yang paling sederhana pada tahun-tahun 2014 hingga 2018. Jumlah kontena yang dikendalikan pada keseluruhannya adalah stabil, iaitu sekitar 10.36 juta FWT dan 11.96 juta FWT. Dalam ukuran TEU pula, ianya berjumlah 0.79 juta TEU sehingga 0.94 juta TEU.

Gelombang kenaikan dan penurunan untuk pengendalian kargo dan kontena di Pelabuhan Pasir Gudang menunjukkan trend yang ada kenaikan dan

penurunan yang agak sederhana dari tahun-tahun 2014 hingga 2018. Trend tersebut nyata direkodkan dalam Rajah 3.17 di bawah.

Boleh dikatakan bahawa kesemua jenis kargo pukal, cecair dan am menunjukkan trend yang mempunyai lekuk yang sederhana pada tahun-tahun 2014 hingga tahun 2018. Begitu juga pengendalian kontena dalam FWT mengalami lekuk yang sama dalam lengkungan tahun 2016. Bagi pengendalian kontena dalam TEU pula, trendnya adalah agak malar dari tahun ke tahun.



Rajah 3.17 Pengendalian Kargo dan Kontena di Pelabuhan Pasir Gudang, 2014-2017 ('000 metrik tan).

Pelabuhan Tanjung Langsat yang kedudukannya hanya beberapa kilometer sahaja dari Pelabuhan Pasir Gudang, tidak kurang juga pentingnya dalam pengendalian kargo di Negeri Johor. Walau bagaimanapun, ianya hanya mengendalikan cecair pukal yang merbahaya sahaja, seperti bahan-bahan kimia. Data yang berkaitan dengan pelabuhan ini sebahagian daripada data Pelabuhan Pasir Gudang. Untuk tahun-tahun yang akan datang pula, pelabuhan ini mungkin akan menjadi lebih aktif apabila produk petro-kimia dari projek RAPID di Pengerang mula dikeluarkan selepas 2018.

Pelabuhan Tanjung Pelepas merekodkan kenaikan pengendalian kargo yang agak tinggi secara konsisten dari 2014 hingga tahun 2015, walaupun menurun di tahun 2016. Jumlah kontena dalam FWT telah melampaui 138.47 juta unit yang direkodkan pada tahun 2015 dan turun sedikit kepada 129.34 juta unit pada tahun 2016 sebelum meningkat kepada 131.7 juta unit pada tahun 2017 dan 135.2 juta unit pada tahun 2018. Jadual 3.11 mempamerkan kuantiti kargo yang dikendalikan oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas dari tahun 2014 hingga ke 2018.

Jadual 3.11 Kontena Yang Dikendalikan oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas Tahun 2014-2018 ('000 unit).


Kategori	2014	2015	2016	2017	2018
KONTENA :					
FWT	134,640	138,466	129,342	131,682	139,807
TEU	8,524	9,117	8,281	8,377	8,966

Sumber : Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Nota: (1) FWT – Berat Kargo Dalam Tan (2) TEUs – Unit setara dua puluh kaki.

Memang telah diketahui umum bahawa Pelabuhan Tanjung Pelepas dikhususkan bagi mengendalikan kargo jenis kontena sahaja. Jumlah yang dikendalikan di sini dalam TEU ialah sebanyak 8.52 juta TEU pada tahun 2014, meningkat sedikit kepada 9.12 juta TEU pada tahun 2015 dan merosot sedikit kepada 8.28 juta TEU pada tahun 2016. Pada tahun 2017 ianya meningkat secara sederhana kepada 8.4 juta TEU pada tahun 2017. Tahun 2018 pula, ianya naik kepada 8.97 juta TEU. Jika dibandingkan dengan pelabuhan terbesar di Malaysia, iaitu Pelabuhan Kelang, pengendalian kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas telah hampir atau lebih daripada 74.0% Pelabuhan Kelang. Jumlah TEU yang di kendalikan di Pelabuhan Kelang ialah 10.35 juta TEU pada tahun 2014. Trend menaik juga dijangkakan akan berlaku pada 2017 dan tahun-tahun seterusnya. Malahan, mengikut "2016 Global Container Ports Ranking" Pelabuhan Tanjung Pelepas menduduki tempat ke-19 di dalam "World's Top 20 Busiest Container Terminal" pada tahun 2016, manakala Pelabuhan Klang menduduki tempat ke 12.

Pada keseluruhannya, peningkatan pengendalian kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas adalah hasil peningkatan kerjasama dengan pelabuhan-pelabuhan di Timur Jauh, China, Afrika serta Eropah. Sebagai contoh pembukaan beberapa pejabat pengendali dari Eropah dan Timur Jauh di Pelabuhan Tanjung Pelepas, seperti Mearsk dan Evergreen adalah contoh-contoh yang baik. Syarikat-syarikat logistik juga berminat untuk menjadikan pelabuhan ini sebagai hab storan. Ini membuktikan adanya kepercayaan yang tinggi dari syarikat-syarikat besar di seluruh dunia untuk beroperasi di Pelabuhan Tanjung Pelepas. Tambahan pula, pelaburan dari negara-negara luar di Wilayah Iskandar Malaysia, menjadi pemangkin kepada kerancakan operasi pengendalian kontena di pelabuhan ini. Trend pengendalian kontena dapat dipaparkan seperti dalam Rajah 3.18.



Rajah 3.18 Pengendalian Kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas, 2014 - 2018 ('000).

Pengangkutan Udara

Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI), Senai merupakan pintu masuk yang penting bagi pelawat asing dan pelawat domestic di selatan Semenanjung Malaysia. Ianya juga menjadi hab pergerakan kargo udara di selatan tanahair. Bilangan pergerakan kargo di Lapangan Terbang Senai dipaparkan sebagai Jadual 3.12.

Pada amnya, jumlah kargo domestik dan antarabangsa yang dikendalikan di Lapangan


Terbang Senai mencatatkan peningkatan pada tahun 2014 dan 2015, dengan kadar kenaikan, masing-masing, sebanyak 4.3% dan 6.9%. Pada tahun 2016 dan 2017 pula, ianya menunjukkan kenaikan yang tinggi lagi memberangsangkan, iaitu masing-masing 18.4% dan 22.0%. Tahun 2018 juga, merekodkan kenaikan yang tinggi lagi memberangsangkan, iaitu melonjak kepada sekitar 27.0%. Jika dilihat dari sudut pengendalian kargo domestik sahaja, peningkatan yang sederhana telah direkodkan di tahun-tahun 2014 hingga tahun 2018.

Jadual 3.12 Pergerakan Kargo (Kg) di Lapangan Terbang Sultan Ismail 2014-2018.

Kategori	2014	2015	2016	2017	2018
Domestik					
Ketibaan	2,308,895	2,859,054	3,238,329	3,640,702	3,206,995
Pelepasan	1,475,049	1,450,462	1,469,186	2,329,157	2,685,266
Antarabangsa					
Ketibaan	525,361	428,810	733,312	759,003	2,031,483
Pelepasan	624,989	533,968	803,666	885,533	1,767,103
Jumlah	4,934,294	5,272,294	6,244,493	7,614,395	9,690,827
% Perubahan	4.33	6.85	18.44	22.0	27.0

Sumber : Lapangan Terbang Senai, Johor (SATS)

Nota : ° anggaran

**Rajah 3.19** Pergerakan Kargo di Lapangan Sultan Ismail, 2014 - 2018 ('000 tan metrik).


Rajah 3.19 mempamerkan trend pergerakan kargo di LTSI dari tahun 2014 hingga tahun 2018. Adalah didapati bahawa arah aliran pengendalian kargo domestik di LTSI sentiasa menaik pada tahun-tahun 2014-2018. Bagi pengendalian kargo antarabangsa pula, ia menunjukkan trend yang berbeza. Ianya menaik secara sederhana pada tahun 2014 dan dan menurun sedikit pada tahun 2015. Pada tahun 2016 pula, ianya menunjukkan sedikit kenaikan dan menurun secara sederhana pada tahun 2017. Tahun 2018 menunjukkan trend yang menaik secara mendadak mungkin berdasarkan kepada permintaan yang tinggi.

Pergerakan penumpang menunjukkan kenaikan yang sederhana tinggi iaitu sebanyak 16.9% pada tahun 2014. Sejumlah 2.33 juta penumpang menggunakan Lapangan Terbang Senai pada tahun itu. Ini diikuti dengan peningkatan sekitar 11.81% pada tahun 2015. Pada tahun 2016 jumlah penumpang meningkat 24.3%, iaitu jumlah yang tinggi sedikit iaitu seramai 2.83 juta penumpang. Pada tahun 2017 jumlah penumpang adalah sebanyak 3.12 juta dengan kadar kenaikan 10.0% diikuti seramai 3.52 juta penumpang dengan kadar yang agak tinggi, iaitu 13.0%. Pergerakan penumpang di LTSI dari 2014 hingga 2018 dipamerkan sebagai Jadual 3.13.

Jadual 3.13 Pergerakan Penumpang di Lapangan Terbang Sultan Ismail, 2014-2018.

Kategori	2014	2015	2016	2017	2018°
Domestik					
Ketibaan	1,044,059	1,120,841	1,177,755	1,318,242	1,437,556
Pelepasan	1,028,525	1,105,901	1,167,355	1,304,832	1,419,549
Singah	49,611	54,475	51,627	57,542	58,161
Antarabangsa					
Ketibaan	106,240	152,556	217,000	221,953	313,620
Pelepasan	97,381	148,189	214,357	222,230	303,690
Jumlah	2,325,816	2,581,966	2,828,074	3,124,799	3,522,576
% Perubahan	16.9	11.81	9.53	10.0	13.0

Sumber : Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail.



Rajah 3.20 Pergerakan Penumpang di Lapangan Terbang Sultan Ismail, 2013-2017 ('000).

Pada keseluruhannya, pergerakan penumpang di LTSI menunjukkan satu trend permintaan penumpang yang senantiasa positif pada tahun 2014 hingga 2018. Pergerakan penumpang tersebut dapat dipamerkan dalam Rajah 3.20. Pergerakan penumpang domestik menunjukkan aliran yang memberangsangkan. Di kalangan penumpang antarabangsa, peningkatan adalah sederhana dari 2014 sehingga 2016 dan agak mendatar pada tahun 2017. Namun trend ini nampak naik sedikit pada tahun 2018. Ini ada kaitan dengan kestabilan ekonomi Negeri Johor dan juga aktiviti-aktiviti yang menarik bagi pelawat-pelawat asing untuk melancong ke Johor. Satu kes yang berkaitan ialah kewujudan Legoland di Iskandar Malaysia yang menjadi tarikan kepada pengunjung dari negeri-negeri lain di Malaysia serta Singapura. Kewujudan perkhidmatan Firefly dari Johor Bahru ke Pekan Baru, Indonesia serta penerbangan terus ke Kota Bahru dan Ipoh akan menyemarakkan lagi aktiviti pelancongan ke Johor melalui Lapangan Terbang Senai. Penambahan penerbangan Malindo Air di Johor Bahru dengan perkembangan ke destinasi-destinasi

yang telah dirancangkan seperti Penang, Medan dan Banda Aceh serta penambahan kekerapan penerbangan ke Subang serta penerbangan terus ke China dan Macau melalui AirAsia akan meningkatkan pengendalian penumpang khususnya di peringkat antarabangsa di LTSI.

Telekomunikasi

Mengikut Jabatan Statistik Malaysia permintaan bagi perkhidmatan telefon mudah alih adalah lebih tinggi daripada permintaan perkhidmatan talian tetap di kebanyakan negeri di Malaysia, termasuk Johor. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah penduduk, harga set telefon mudah alih yang mampu milik serta perkhidmatan yang inovatif lagi terkini serta kemudahan gadget tambahan yang diberikan oleh pembekal-pembekal. Kemudahan internet jalur lebar melalui serat optic (*fiber optics*) dan tanpa wayar (*wireless*) yang menjadi nadi penggerak perdagangan moden juga menunjukkan peningkatan jumlah pengguna dari tahun ke tahun.

Jadual 3.14 Penggunaan Talian Telefon, Telefon Selular Dan Internet Di Johor 2014-2018 (Juta).

Tahun	2014	2015	2016	2017e	2018e
Talian tetap	0.481	0.476	0.436	0.436	0.420
Perubahan	-0.8%	-1.0%	-0.6%	0.0%	-3.7%
Telefon Selular	4.52	4.75	4.97	5.20	5.44
Perubahan	6.1%	5.1%	4.6%	4.6%	4.6%
Internet	0.692	0.724	0.758	0.788	0.821
Perubahan	4.6%	4.6%	4.6%	3.9%	4.2%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Data Negeri dan Daerah 2010.


Nota : ^e menunjukkan anggaran.

Jumlah pengguna telefon talian tetap di Johor direkodkan berjumlah 481,000 pada tahun 2014. Pada tahun 2015 ianya menurun dengan kadar 1.0%. Di dalam tempoh 2016 - 2017 pergerakan yang menurun

direkodkan, iaitu sebanyak 0.6%, manakala ianya agak mendatar pada tahun 2017. Pada tahun 2018 pula, penurunan sebanyak 3.7% telah direkodkan.

Penggunaan internet dan telefon selular sangat berkait rapat dengan penggunaan perkhidmatan transaksi "dalam talian". Pertumbuhan komunikasi on line sudah menjadi sebahagian daripada perkhidmatan peruncitan, pengangkutan, dan penyimpanan, antara lain. Faktor ini menyumbang secara positif kepada keaktifan sektor perkhidmatan serta keseluruhan aktiviti ekonomi. Sementara itu peningkatan penggunaan alat telekomunikasi mudahalih jelas berlaku. Jumlah pengguna sentiasa meningkat dengan peningkatan 6.1% pada tahun 2014. Peningkatan pada tahun-tahun 2015 pula,

sederhana-tinggi iaitu sebanyak 5.1%. Pada tahun-tahun 2016 sehingga tahun 2018 ianya menunjukkan kenaikan yang konsisten iaitu, sebanyak 4.6%. Penggunaan internet menunjukkan pertumbuhan yang mantap pada tahun 2014 sehingga 2018, di mana ianya mencatatkan pertumbuhan di antara 3.9% sehingga 4.6%. Jumlah pengguna internet jalur lebar telah mencecah 821,000 pada tahun 2018. Ini adalah hasil kewujudan perkhidmatan yang semakin laju. Trend penggunaan telefon tetap, telefon selular dan internet dipamerkan sebagai Rajah 3.21.



Rajah 3.21 Penggunaan Telefon Talian Tetap, Telefon Selular Dan Internet Interaktif Di Negeri Johor (Juta) 2014-2018.

Jadual 3.15 Peratusan Pengguna Individu mengenai Telefon Bimbit, Komputer dan Internet serta aktiviti-aktiviti berkaitan Tahun 2017 dan 2018 di Negeri Johor.

Jenis/ Aktiviti	Tahun	Strata		Keseluruhan
		Bandar	Luar Bandar	
Penggunaan Internet	2017	83.2	77.4	78.3
	2018	84.2	84.6	82.7
Penggunaan Komputer	2017	70.9	61.7	68.8
	2018	75.6	54.1	69.5
Penggunaan Telefon Bimbit	2017	96.6	94.1	96.6
	2018	98.2	96.8	97.9
Aktiviti e-mail	2017	65.0	49.5	62.1
	2018	59.6	59.9	78.3
Aktiviti Penduaan maklumat	2017	77.5	84.3	78.8
	2018	80.9	79.1	79.9
Aktiviti Memuat-turun Perisian	2017	49.3	33.4	46.2
	2018	48.6	50.9	49.1
Menghubung Dan Memasang Peranti Baru	2017	69.4	66.1	68.8
	2018	71.0	74.9	71.8
Menggunakan formula asas matematik dan lembaran kerja	2017	27.5	25.1	27.0
	2018	32.8	23.8	31.0

Sumber : Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu Mengikut Strata dan Negeri, Jabatan Statistik Malaysia 2017 dan 2018.

Trend menunjukkan penggunaan telefon tetap yang mendaftar dari tahun 2014 sehingga 2018. Bagi telefon selular pula ianya sentiasa menaik dengan kadar yang sederhana tinggi. Walau bagaimanapun, bagi penggunaan internet ianya menunjukkan kenaikan yang sederhana dari tahun ke tahun.

Jadual 3.15 di bawah pula menunjukkan hasil penyiasatan bagi pengguna individu mengenai strata pengguna individu bagi telefon bimbit, internet serta computer bagi tahun 2017 dan 2018. Ia juga menunjukkan peratusan pengguna bagi beberapa aktiviti-aktiviti berkaitan dengan internet dan pengkomputeran.

Tinjauan dan penyiasatan oleh Jabatan Statistik Malaysia mengenai Penggunaan dan Capaian ICT oleh individu, khususnya penggunaan internet, komputer dan telefon bimbit menunjukkan peningkatan tahun 2017 dan 2018 (Jadual 3.15). Ini sejajar dengan apa yang direkodkan dalam jadual 3.15 yang dibincangkan sebelum ini. Bagi ketiga-tiga capaian tersebut jelas ianya menunjukkan bahawa strata luar bandar mempunyai capaian lebih rendah dibandingkan dengan capaian strata bandar di kedua-dua tahun tersebut.

Aktiviti-aktiviti membuat penduaan dan membuat fotokopi maklumat menunjukkan capaian yang agak tinggi di kedua-dua strata bandar dan luar bandar pada tahun-tahun berkenaan, manakala aktiviti penggunaan e-mail pula menunjukkan capaian yang sederhana-tinggi. Untuk aktiviti memasang peranti baru juga ianya menunjukkan capaian yang tinggi sederhana di kedua-dua strata populasi. Namun begitu, capaian bagi aktiviti memuat-turun perisian adalah agak rendah baik di strata bandar mahu pun luar bandar. Begitu juga, aktiviti menggunakan formula matematik dan membuat lembaran kerja (*spread sheet*) merekodkan capaian yang sangat rendah baik di strata Bandar dan luar bandarpada tahun 2017 dan 2018.

Penyimpanan Dan Penghantaran

Keaktifan sebuah ekonomi terbuka boleh dicerminkan juga oleh keaktifan kegiatan logistik; iaitu kegiatan yang meliputi pergudangan (*warehousing*), pengangkutan (*transportation*) dan pengedaran (*distribution*). Bilangan pertubuhan yang mengendalikan kegiatan pergudangan, penghantaran (tidak termasuk perkhidmatan kurier dan poslaju) di Negeri Johor meningkat dari tahun 2014 sehingga 2018. Kadar

peningkatan adalah di antara 3.5% hingga 4.6%. Jumlah pekerja yang terlibat dalam perkhidmatan pengedaran dan penghantaran meningkat dari tahun 2014 hingga 2016. Peratus peningkatan dalam bilangan pekerja adalah di antara 3.8% hingga 4.5%; boleh dianggap sebagai kadar yang sederhana tinggi. Bilangan pertubuhan dan jumlah pekerja menunjukkan peningkatan yang agak setabil pada tahun-tahun 2014 hingga ke 2018 dengan bilangan pertubuhan meningkat pada kadar 4.2% manakala bilangan pekerja meningkat 4.3% pada tahun 2016. Pertumbuhan sederhana direkodkan pada tahun 2017 dengan kadar masing-masing sebanyak 3.3% dan 3.8%, manakala peningkatan sebanyak 3.90% dan 3.93% pada tahun 2018. Peratus peningkatan bilangan syarikat dan bilangan pekerja perkhidmatan penghantaran dan pengedaran dipamerkan sebagai Jadual 3.16.

Jadual 3.16 Bilangan Pertubuhan dan Pekerja yang Terlibat Dalam Pengedaran dan Penghantaran 2014-2018.

Tahun	Bil. Pertubuhan	% Perubahan	Bil. Pekerja	% Perubahan
2012	105	5.0%	1381	5.6%
2013	109	3.8%	1443	4.5%
2014	114	4.6%	1508	4.5%
2015	118	3.5%	1574	4.4%
2016	123	4.2%	1641	4.3%

Sumber: Anggaran dari UPEN Johor dan Jabatan Statistik Malaysia

Data mengenai aktiviti perkhidmatan kurier dan penghantaran poslaju yang direkodkan di Negeri Johor dipamer sebagai Jadual 3.17. Adalah didapati bahawa bilangan pertubuhan dan bilangan pekerja yang bergaji menunjukkan peningkatan yang sederhana di Negeri Johor dari tahun 2014 hingga tahun 2015. Pada tahun 2016 dan 2017, perubahan yang dicatatkan adalah sederhana, iaitu antara 3.6% hingga 4.0%. Tahun 2018 pula, ia mencatatkan peningkatan dalam lingkungan 3.4% hingga 4.1%.

Walaupun mengalami sedikit penurunan dalam beberapa sub-sektor kecil komunikasi dan pengendalian pengangkutan darat dan laut serta penyimpanan dan penghantaran pada tahun-tahun sebelum 2010, ianya tidak menjejaskan perkembangan pada keseluruhan sektor pengangkutan, komunikasi dan penyimpanan dan penghantaran pada tahun-tahun 2014 sehingga 2018. Malahan, ianya menunjukkan pertumbuhan yang lebih mampan di tahun-tahun tersebut. Perkembangan yang

menggalakkan dijangka akan terus berlaku dalam sektor ini di tahun-tahun mendatang dengan adanya satu “kesan penggerak” (boosting effect) daripada kemunculan sektor minyak dan gas (oil and gas) di Negeri Johor melalui projek RAPID di Pengerang. Pembukaan lebuh raya baru yang merentasi barat Johor dan di bahagian timur Wilayah Iskandar Malaysia merancakkan lagi sektor pengangkutan darat dan logistik. Justeru, sektor pengangkutan, logistik, telekomunikasi dan pengedaran akan menjadi pemangkin dan penggerak kepada perkhidmatan pergerakan barangan dan komoditi serta perkhidmatan yang berkaitan di Negeri Johor.

Jadual 3.16 Bilangan Pertubuhan Dan Pekerja (Bergaji) Bagi Perkhidmatan Poslaju Dan Kurier Di Johor Tahun 2014-2018.


Tahun	Bil. Pertubuhan	% Perubahan	Bil Pekerja	% Perubahan
2012	105	5.0%	1381	5.6%
2013	109	3.8%	1443	4.5%
2014	114	4.6%	1508	4.5%
2015	118	3.5%	1574	4.4%
2016	123	4.2%	1641	4.3%

Sumber: Anggaran BPEN Johor menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.

KEWANGAN, INSURANS, HARTANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

Keaktifan sektor-sektor ekonomi negeri; pembinaan, pembuatan, perniagaan borong, runcit, perhotelan, hartanah memberi impak kepada sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Keaktifan sektor-sektor tersebut di kawasan-kawasan Iskandar Malaysia, Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang (PIPC) dan Bandar Universiti Pagoh menjadi satu pemacu penting Ekonomi Negeri Johor. Keaktifan tiga kawasan ini, terutama Iskandar Malaysia, secara langsung dan tidak langsung memberi kesan kepada keaktifan sektor kecil kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan Negeri Johor.

Dalam jangka panjang, kejayaan usaha-usaha memampankan ekonomi negeri akan meningkatkan keaktifan di setiap sektor ekonomi negeri dan memberikan kemudahan kepada pengguna, pemaju, bank, ahli-ahli profesional, ahli-ahli perniagaan dan usahawan untuk membuat keputusan untuk organisasi masing-masing. Dasar-dasar kerajaan mengenai cukai dan insentif berupaya memacu dan melicinkan perancangan dan memudahkan keputusan oleh sektor swasta.



Rajah 3.22. Indeks Suku Tahunan Bagi Perkhidmatan Kewangan, Hartanah & Perkhidmatan Profesional, 2014-2018.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.


Perkhidmatan Kewangan meliputi perkhidmatan perantaraan kewangan, perkhidmatan kewangan lain dan perkhidmatan sokongan kepada perkhidmatan kewangan, perkhidmatan insurans dan tafakul dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongannya. Secara keseluruhan pada tahun 2017, perkhidmatan ini telah menjana nilai tambah

berjumlah RM4.5 bilion kepada ekonomi Negeri Johor. Negeri Johor meduduki tempat ketiga selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Prestasi sektor perkhidmatan kewangan, hartanah dan perkhidmatan profesional dalam tempoh 2013-2018 digambarkan oleh indeks suku tahunan yang dipamerkan sebagai Rajah 3.22.


Perkhidmatan Kewangan dan Insurans

Keaktifan sektor kewangan dan insurans di dicerminkan oleh Indeks Kewangan dan Insurans yang meningkat 5.3% pada 2018 (2017: 4.8%, 2016: 2.4%). Peningkatan sederhana ini disumbangkan oleh aktiviti perniagaan insurans yang di gambarkan oleh Petunjuk Keyakinan (*Confidence Indicator*) perkhidmatan industri insurans yang menampakkan peningkatan yang memberangsangkan. Indeks Keyakinan (*Confidence*

Index) bagi industri ini mencatatkan peningkatan 2 digit dari tahun 2015 hingga 2018. Kerajaan telah mewajibkan kakitangan kerajaan membeli insurans untuk pelbagai perlindungan, terutama bagi perlindungan kesihatan, pendidikan dan keluarga serta insurans hayat. Perkembangan ini telah meningkatkan keaktifan syarikat-syarikat insurans. Keaktifan industri insurans membantu di dalam meningkatkan aktiviti perkhidmatan kewangan. Trend indeks kewangan dan insurans dipamerkan sebagai Rajah 3.23.



Rajah 3.23. Indeks Perkhidmatan Kewangan dan Insurans, 2014-2018.
Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.




Rajah 3.24. Petunjuk Keyakinan Industri Kewangan Suku Tahun 2014-2018.
Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jumlah pinjaman bank menurun dari suku ke-4 tahun 2014 hingga suku pertama tahun 2017. Ini digambarkan oleh Petunjuk Keyakinan (*Confidence Indicator*) industri kewangan yang mencatat nilai negatif mulai suku ke-2 tahun 2015 dan berterusan sehingga suku pertama tahun 2017. Jumlah permohonan pinjaman yang diluluskan mencatatkan pertumbuhan negatif 2.72% pada tahun 2016 berbanding positif 1.3% pada tahun 2015 dan 13.2% pada tahun 2014. Sebaliknya jumlah pinjaman yang diluluskan pada tahun 2017 meningkat sebanyak 5.3% berbanding tahun 2016. Ini di gambarkan melalui Petunjuk Keyakinan yang positif mulai suku ke-2 tahun 2017 (Rujuk Rajah 3.24). Pertumbuhan pinjaman yang negatif berlaku di hampir semua sektor ekonomi kecuali sektor perdagangan borong (3.19%), sektor pembinaan (3.51%), sektor pertanian (10.03%), sektor elektrik dan

gas (1.18%), pinjaman bertujuan sekuriti (26.1%), kad kredit (3.9%) dan modal kerja (0.6%).

Keaktifan perniagaan insurans dan takaful adalah hasil daripada kesedaran penduduk dari pelbagai peringkat umur dan taraf sosio-ekonomi hasil dari keaktifan agen-agen insurans dan keefisyenan syarikat-syarikat insurans. Keaktifan sektor insurans juga berkait rapat dengan kemunculan produk-produk yang inovatif dan kesedaran pengguna tentang keperluan tabungan kecemasan, seperti kesihatan, kebakaran, tabungan pendidikan, tabungan keluarga dan seumpamanya. Kemunculan produk inovatif insurans dan kewangan islam telah menyokong peningkatan sektor insurans. Pengenalan skim insuran warga emas oleh kerajaan telah sedikit sebanyak menyumbang kepada aktiviti sektor kewangan dan insuran.




Rajah 3.25 Petunjuk Keyakinan Insuran 2014-2018.
 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Perkhidmatan Perniagaan Hartanah

Perkhidmatan Perniagaan Hartanah merangkumi perkhidmatan penilaian dan pengurusan yang berkaitan dengan pembelian, penjualan, penyewaan, pembangunan hartanah, termasuk aktiviti agen dan broker hartanah dan seumpamanya. Perangkaan Utama Perkhidmatan Hartanah 2017 dan Banci Ekonomi 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan terdapat 1,651 pertubuhan berkaitan perkhidmatan hartanah yang berdaftar di Negeri Johor dengan sumbangan nilai ditambah sebanyak RM 2,131.3 juta (2016: RM1,825 juta). Ini meletakkan Negeri Johor di tangga ketiga selepas WP Kuala Lumpur dan Negri Selangor. Keaktifan aktiviti perkhidmatan hartanah adalah berkait lansung dengan penawaran dan permintaan terhadap hartanah dan berkait juga dengan keefisyenan sistem perbankan dan suasana ekonomi negara secara keseluruhan. Faktor utama di dalam keaktifan sektor ialah permintaan. Kelemahan permintaan akan melemahkan keseluruhan sektor kecil hartanah. Aktiviti industri hartanah digambarkan oleh jumlah pindah milik dan nilai pindah milik hartanah di sepanjang tempoh 2014-2018, terutama hartanah kediaman dan bukan kediaman.

Laporan Pasaran Harta 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa bilangan pindah milik pada tahun 2018 meningkat 7.8% berbanding tahun 2017. Bilangan pindahmilik bagi semua jenis hartanah mengalami peningkatan yang positif kecuali bilangan bagi hartanah pertanian dengan nilai transaksi tumbuh 3.8%. Sejumlah 64.5% daripada hartanah yang dipindah milik pada tahun 2018 adalah hartanah kediaman yang berharga kurang dari RM300 ribu seunit. Ini bermakna bahawa rumah kos sederhana tinggi dan kebawah adalah paling banyak dipindah milik. Walau bagaimanapun, berbanding keseluruhan nilai hartanah yang dipindah milik, hartanah kediaman hanya merangkumi 43.4% sahaja. Sebaliknya transaksi berkaitan perumahan kos tinggi mengurangkan kelembapan yang di alami oleh sektor kediaman secara keseluruhannya.

Kelembapan dari segi hasil kasar, jumlah permintaan dan keadaan kewangan semasa digambarkan oleh Petunjuk Keyakinan (Confidence Indicator) yang negatif di sepanjang tahun 2013 dan berlanjutan hingga tahun 2018. Arah aliran Petunjuk Keyakinan tersebut di pameran sebagai Rajah 3.26.



Rajah 3.26 Petunjuk Keyakinan Hartanah 2014-2018.
 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kemerosotan pinjaman untuk tujuan pembelian hartanah bukan kediaman seperti bangunan perindustrian, tanah, kompleks perdagangan dan kedai mengakibatkan kelembapan sektor ini mulai tahun 2014 dan berlarutan hingga tahun 2018. Bank Negara Malaysia merekodkan bahawa peratusan pinjaman untuk pembelian hartanah bagi harta bukan kediaman dan harta tetap yang diluluskan (disbursed) oleh bank-bank pada tahun 2017 menguncup di antara 3.1% dan 25.5%.

Jumlah nilai pindah milik di Negeri Johor pada tahun 2018 meningkat sebanyak 3.8% berbanding dengan penguncupan 4.3% pada tahun 2017. Kemerosotan nilai pindah milik dialami oleh hartanah perdagangan dan hartanah pertanian. Kemerosotan bukan sahaja di alami bagi nilai transaksi tetapi juga bagi bilangan pindah milik semua jenis hartanah kecuali hartanah industri (rujuk Jadual 3.18).

Jadual 3.18 Bilangan dan Nilai Pindah Milik Hartanah Di Negeri Johor 2014-2018.

Bilangan Pindah Milik Harta							
Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2014	39,017	5,774	1,255	10,001	2494	6	58,547
2015	31,060	4,507	1,134	9,027	1997	3	47,728
2016	26,186	3,359	730	8,294	1497	0	40,066
2017	24,886	3,114	799	8,180	1627	3	38,639
2018	26,885	3,504	866	5,602	1790	6	41,653
Perubahan (2017/2016)	-5.0%	-7.3%	9.5%	-1.4%	8.7%	NA	-3.6%
Perubahan (2018/2017)	8.0%	12.5%	8.4%	-31.5%	10.0%	100.0%	7.8%

Nilai Pindah Milik Harta (RM juta)							
Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2014	13,737.82	6,424.17	2,847.45	3,344.05	6,660.65	40.74	33,054.88
2015	9,283.57	3,712.44	2,331.12	2,819.00	3,503.60	1.56	21,651.87
2016	8,577.70	2,845.25	2,026.78	3,250.85	2,747.10	0	19,447.68
2017	8,643.11	3,378.20	1,895.63	2,769.69	1,920.06	5.13	18,611.82
2018	8,771.39	3,232.78	2,228.30	2,731.29	2,359.59	1.8	19,325.15
Perubahan (2017/2016)	0.8%	18.7%	-6.5%	-14.8%	-30.1%	NA	-4.3%
Perubahan (2018/2017)	1.5%	-4.3%	17.5%	-1.4%	22.9%	-64.9%	3.8%

Nilai Purata Hartanah mengikut Subsektor (RM)							
Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2014	352,098	1,112,603	2,268,884	334,372	2,670,670	6,790,000	564,587
2015	299,180	823,705	2,055,661	312,185	1,754,432	520,000	453,651
2016	327,568	847,053	2,776,411	391,952	1,835,070	0	485,391
2017	347,308	1,084,843	2,372,503	338,593	1,180,123	1,710,000	481,685
2018	306,507	922,597	2,573,094	487,556	1,318,207	300,000	463,956
Perubahan (2017/2016)	6.0%	28.1%	-14.5%	-13.6%	-35.7%	NA	-0.8%
Perubahan (2018/2017)	-11.7%	-15.0%	8.5%	44.0%	11.7%	-82.5%	-3.7%

Sumber : Laporan Pasaran Harta 2018.

Prestasi Jualan Hartanah dan Hartanah Tidak Terjual

Prestasi pasaran hartanah kediaman di Negeri Johor bagi tahun 2018 digambarkan oleh jualan bagi rumah yang baru dilancarkan, iaitu 9,294 unit yang berjaya dijual sebanyak 5,067 unit. Bilangan unit rumah kediaman yang yang baru dilancarkan pada tahun 2018 dan terjual ialah 4,227 unit dengan itu prestasi jualan ialah 45.9%, meningkat sedikit berbanding 2017. Ini bermakna sebanyak 5,067 unit masih tidak terjual. Sementara itu rumah kediaman yang telah siap dibina dan tidak terjual pada tahun 2018 berjumlah 6,066 unit dengan nilai pasaran sebanyak RM 4,608.4 juta. Hartanah kedai yang telah siap dibina dan tidak terjual merosot menjadi 1,182 unit pada tahun 2018 daripada 1,214 unit pada tahun 2017 dengan nilai yang sedikit meningkat menjadi RM 1,257 juta daripada RM 1,215 juta.

Jadual 3.16 Hartanah Tidak Terjual Di Negeri Johor, 2015-2018.


Kediaman	2015	2016	2017	2018
Unit Lancar	8,808	9,393	7,929	9,294
Unit Terjual	3,223	2,796	3,501	4,227
Prestasi Jualan	36.6%	29.8%	44.2%	45.5%
Kediaman-Siap Dibina				
Unit tidak terjual	1,926	3,671	4,376	6,066
Nilai (RM Juta)	1,165.6	2,566.6	2,859.0	4,608.4
Kediaman-Siap Dibina				
Unit tidak terjual	1,492	1,489	1,214	1,182
Nilai (RM Juta)	587.5	746.0	1,124.9	1,257.0
Kediaman-Siap Dibina				
Unit tidak terjual	84	321	407	457
Nilai (RM Juta)	168.3	779.3	976.7	1,384.4

Sumber : NAPIC

Perkhidmatan Profesional, Sainifik dan Teknikal

Perkhidmatan profesional perniagaan yang merangkumi perkhidmatan arkitek, kejuruteraan, juru-ukur, perkhidmatan hartanah, peguam, akauntan, veterina, penyelidik pasaran dan pengiklanan menjadi pengantara kepada keseluruhan proses pembangunan. Laporan Banci Ekonomi 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mencatatkan bilangan pertubuhan profesional yang berdaftar di Negeri Johor pada tahun 2015 ialah 3,185 dengan nilai ditambah sebanyak RM1,188 juta. Perkhidmatan ini memberi impak yang besar dari segi kemahiran, sumbangan gunatenaga, output dan nilai ditambah. Keaktifan sektor perkhidmatan ini berkait rapat dengan keaktifan sektor-sektor ekonomi lain.

Prestasi perkhidmatan ini digambarkan oleh Indeks Permintaan Perkhidmatan Professional dan Sainifik yang dipamerkan sebagai Rajah 3.27. Indeks permintaan bagi perkhidmatan ini meningkat sebanyak 118.3 mata pada tahun 2018 (2017: 96.1 mata) berbanding dengan tahun asas 2010. Keaktifan sektor ini di gambarkan juga oleh taburan bilangan pertubuhan pertubuhan mengikut negeri. Negeri Johor meduduki tempat ketiga dari segi jumlah bilangan pertubuhan bagi perkhidmatan Profesional, Kewangan dan Hartanah. Mengikut Laporan Banci Ekonomi 2016 Negeri Selangor merupakan peneraju utama dari segi bilangan pertubuhan professional dan kewangan, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadi peneraju dalam bidang pertubuhan berkaitan perkhidmatan hartanah. Sejumlah 9.4% daripada pertubuhan professional dalam negara beroperasi di Negeri Johor. Peratus bagi pertubuhan kewangan dan pertubuhan hartanah ialah, masing-masing, 8.6% dan 9.5%. Sebagai perbandingan




Rajah 3.27 Indeks Permintaan Perkhidmatan Professional dan Sainifik 2014-2018 (2010=100).

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

terdapat 34.9% pertubuhan professional, 32.1% pertubuhan kewangan dan 23.6% pertubuhan hartanah menjalankan menawarkan perkhidmatan dari Negeri Selangor.

Laporan Perangkaan Utama Perkhidmatan Profesional 2017, Jabatan Perangkaan Malaysia mencatatkan bahawa perkhidmatan profesional menyumbang nilai ditambah sebanyak RM1.4 bilion kepada Ekonomi Negeri Johor. Perkembangan pembangunan yang berlaku di kawasan Iskandar Malaysia dan kawasan Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang (PIPC) menjadikan sektor ini lebih aktif. Keaktifan sektor ini dicerminkan juga oleh kadar penghunian bagi bangunan binaan khas. Jumlah ruang binaan khas didapati telah meningkat 5.2% daripada 1,080,867 meter persegi kepada 1,137,938 meter persegi pada tahun 2017 dan meningkat kepada 1,195,057 meter persegi pada tahun 2018, iaitu peningkatan 5.0% dalam tempoh tersebut. Ini menjadi pengukur kepada perkembangan perkhidmatan perniagaan. Johor Bahru mempunyai bangunan binaan khas yang paling banyak iaitu 97 buah daripada jumlah keseluruhan 213 buah; bersamaan 45.7%. Daerah Batu Pahat, Muar dan Segamat masing-masing


mempunyai 29 buah (13.6%), 21 buah (9.4%) buah dan 18 buah (8.5%).



Jadual 3.28 Keluasan Bangunan Binaan Khas, 2012-2018.

Sumber : NAPIC, Malaysia.

Kadar Penghunian Bangunan Binaan Khas menunjukkan penurunan yang besar pada tahun 2018 berbanding dengan kadar penghunian pada tahun 2017. Ini sedikit sebanyak dapat menggambarkan jumlah pengurangan keluasan lantai yang di huni daripada lebih kurang 916 ribu meter persegi pada tahun 2017 kepada lebih kurang 907 ribu meter persegi pada tahun 2018.



Rajah 3.29 : Kadar Penghunian Pejabat Binaan Khas 2012-2018.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.


PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN

Sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain merangkumi semua perkhidmatan yang tidak termasuk di dalam mana-mana sektor perkhidmatan yang tersenarai di tempat lain. Berdasarkan Laporan Indeks Perkhidmatan, Jabatan Perangkaan Malaysia 2016, sektor ini menyumbang 5.8% kepada nilai ditambah keseluruhan Sektor Perkhidmatan. Perkhidmatan yang termasuk di dalam sektor ini ialah, di antaranya, perkhidmatan-perkhidmatan hospital swasta, klinik swasta, rumah orang tua, klinik bersalin swasta, klinik gigi swasta, klinik veterinar swasta, kolej/universiti

swasta, perkhidmatan pengiklanan, kedai dobi, kedai gunting rambut, salon kecantikan, cybercafe, pusat hiburan, pawagam, studio gambar, sekolah tuisyen, perkhidmatan pelancongan dan sekolah memandu. Nilai ditambah sektor ini merangkumi emolumen, percubaan, peruncitan. Sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain telah memberi manfaat kepada lebih kurang 50 ribu pekerja.

Pertumbuhan dalam sektor ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan/penjagaan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan swasta. Pada asasnya,

subsektor ini merupakan pembekal perkhidmatan yang membantu keselesaan hidup untuk seluruh ekonomi negeri seperti bengkel kereta, sekolah memandu, pusat kecantikan. Keaktifan sektor lain memberikan sumbangan yang positif kepada pertumbuhan nilai ditambah sektor ini. Oleh kerana sumbangan sektor ini kepada gunatengah negeri adalah agak besar sementara aktiviti organisasi-organisasi yang bergiat di dalam sektor ini kebanyakan dipantau/ kawalselia oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) maka keaktifan pihak PBT secara tidak langsung menyumbang ke arah pertumbuhan sektor ini. Indeks Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain-lain oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di pameran sebagai Rajah 3.30. Pada tahun 2018 indeks meningkat sebanyak 6.4% berbanding tahun sebelumnya (2017: 6.4%). Pertumbuhan ini disumbang oleh peningkatan indeks Pendidikan Swasta (6.6%), Kesihatan Swasta (5.5%) dan Kesenian, Hiburan dan Rekreasi (5.0%).




Rajah 3.30 Indeks Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain 2013-2018 (2010=100).

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Aktiviti sektor perkhidmatan pendidikan swasta merangkumi institusi-institusi tadika, sekolah rendah dan menengah swasta, institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Di antara IPTS di Johor, terutama di Iskandar Malaysia, ialah University of Southampton, Raffles College Iskandar, Newcastle University of Medicine Malaysia, University of Reading Malaysia, Netherland Maritime Institute of Technology dan Crescendo International College. Penubuhan universiti, kolej universiti memberi kesan kepada ekonomi setempat, melalui perbelanjaan pelajar dan kakitangan dan perbelanjaan oleh universiti. Secara umum perbelanjaan tersebut menjana nilai tambah dan kesan pendarab (*multiplier effect*) kepada sektor-sektor yang lain. Walaupun sumbangannya kepada KDNK negeri adalah kecil, sektor ini memainkan peranan penting di dalam memberikan perkhidmatan sokongan kepada ekonomi negeri.

Perkhidmatan penjagaan kesihatan yang ditawarkan oleh hospital swasta, klinik swasta, klinik pergigian swasta, rumah bersalin, pusat dialisis, makmal perubatan, pusat akupunktur, perkhidmatan perubatan tradisional dan homeopati serta rumah penjagaan telah berkembang terutama di kawasan bandar ekoran permintaan yang semakin meningkat daripada penduduk dan pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara. Pada tahun 2016, terdapat 1,832 pertubuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan ini dengan sumbangan nilai ditambah sebanyak RM627 juta. Johor Bahru menjadi tumpuan kepada pemilihan tempat untuk perkhidmatan ini.



Rajah 3.31 : Indeks Perkhidmatan Kesihatan dan Pendidikan Swasta 2014-2018.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Usaha yang berterusan dalam mempromosikan pelancongan kesihatan dan pendidikan telah memberi kesan kepada sektor ini. Keaktifan sektor kecil ini sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap penjagaan kesihatan oleh penduduk yang meningkat di Johor yang amat peka dengan tahap dan mutu kesihatan dengan disokong oleh kos perkhidmatan kesihatan yang dianggarkan 65% lebih murah daripada yang ditawarkan di negara-negara maju. Namun permintaan terhadap sektor kecil ini menjadi sedikit peralihan akibat daripada pelaksanaan GST dan SST yang menyebabkan sebahagian pesakit beralih kepada perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan.

Dengan bilangan hospital swasta yang berjumlah 26 buah, serta kemudahan perkhidmatan perubatan pakar yang menawarkan pelbagai perkhidmatan yang berkualiti dengan harga yang kompetitif sektor ini dijangka terus berkembang dan menjana pertukaran asing.

Kerajaan Negeri Johor secara khususnya perlu mengambil peluang di atas pengiktirafan tertinggi oleh *International Living's Annual Global Retirement Index (GRI)* pada tahun-tahun 2015-2017 dalam *Best Country in the World for Healthcare*. Beberapa hospital di Negeri Johor juga telah mendapat pengiktirafan daripada *Global Health and Travel consumer Choice Award 2016*. Perkhidmatan kesihatan dan penjagaan kesihatan juga pernah menerima pengiktirafan tertinggi *Medical Travel Destination of the Year* daripada *International Medical Travel Journal (IMTJ)* pada tahun 2015-2018. Pencapaian-pencapaian ini perlu dikekalkan dengan penyediaan rangkaian atau "connectivity" yang baik dan komprehensif. Pada tahun 2018, perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan di Malaysia telah menerima pengiktirafan bagi 9 daripada 15 kategori yang dipertandingkan dalam pelbagai bidang perubatan termasuk fasiliti perkhidmatan perubatan.

Kesenian, Hiburan dan Rekreasi, merupakan satu bidang yang masih baharu di Malaysia tetapi mempunyai peluang yang cerah dalam menjana pendapatan, memberi pekerjaan dan menambah pendapatan eksport. Bidang ini dinamakan 'Creative Economy'. Jenis-jenis aktiviti yang termasuk di dalam kategori ini ialah aktiviti kesenian, hiburan, dan kreatif, aktiviti hiburan dan kebudayaan, sukan dan rekreasi. Pada tahun 2015 sebanyak 690 pertubuhan di bawah naungan "Malaysia's Creative Multimedia Cluster" (MCMC) dengan sokongan daripada Malaysian


Multimedia Super Corridor (MSC) telah menjana nilai ditambah sebanyak RM373.31 juta, manakala pada tahun 2017 subsektor ini telah menjana nilai ditambah sebanyak RM440.48 juta kepada ekonomi negeri Johor. ini merupakan pertambahan sebanyak 5.0% setahun.

PERKHIDMATAN KERAJAAN

Dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri, penglibatan sektor kerajaan amatlah penting. Perkhidmatan kerajaan menjadi peneraju kepada aktiviti ekonomi negeri di samping berperanan sebagai pemantau kepada pelaksanaan dasar ekonomi negeri secara keseluruhan. Oleh itu perkhidmatan yang berkualiti dan berterusan perlu disediakan agar ekonomi negeri dapat dijana dengan terbaik. Ukuran yang boleh dimanfaatkan untuk mengukur tahap pencapaian aktiviti perkhidmatan kerajaan ialah di antara lain Quality of Live Index, Consumer Price Index, Competitiveness Index, Happiness Index, Integrity Index serta Consumers Sentiment Index.

Selain daripada kakitangan jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan dan Negeri Johor dan anggota pasukan keselamatan yang berjumlah lebih kurang 100 ribu orang, Negeri Johor merupakan tempat terletaknya 4 buah institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) yang besar, 4 politeknik, 12 kolej komuniti, 2 institusi latihan perguruan, 1,203 buah sekolah rendah dan menengah yang memberikan pekerjaan kepada sekitar 50 ribu orang. Negeri Johor menjadi tumpuan lebih daripada 10 ribu orang pelajar IPT yang mendapatkan kemudahan pembiayaan kewangan PTPTN. Ini sedikit sebanyak dapat merangsang ekonomi setempat melalui perbelanjaan mereka. Di samping itu terdapat juga institusi penyelidikan awam, hospital-hospital kerajaan yang besar, yang secara tidak langsung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

Sumber utama pertumbuhan di sektor ini ialah peningkatan perbelanjaan emolument bagi penjawat awam. Peningkatan emolument bagi kakitangan awam termasuk polis dan tentera, elaun bagi anggota perkhidmatan awam serta bayaran kepada golongan profesional dan perkhidmatan teknikal menjana pendapatan bagi subsektor lain seperti restoran, peruncitan dan perkhidmatan kewangan. Perbelanjaan kerajaan dijangka meningkatkan tahap perkhidmatan terutamanya melalui perluasan perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan sosial yang menjana nilai tambah bagi sektor-sektor lain.



PERKEMBANGAN EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DAN PEMBANGUNAN EKONOMI TIMUR JOHOR

LAPORAN EKONOMI 2018/2019 NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

PERKEMBANGAN EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DAN PEMBANGUNAN EKONOMI TIMUR JOHOR

BAHAGIAN I : PERKEMBANGAN EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA

PENGENALAN

Bab ini memperihalkan perkembangan ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia yang bertujuan menyediakan konteks yang relevan kepada perbincangan prestasi ekonomi yang amat bergantung kepada usaha-usaha di dalam perancangan pembangunan wilayah. Ini diikuti oleh perbincangan-perbincangan seterusnya yang merangkumi imbasan ekonomi dunia dan negara yang sangat relevan kepada kemakmuran Iskandar Malaysia. Perbincangan juga merangkumi pertumbuhan ekonomi makro Iskandar Malaysia, pasaran pekerja dan gunatenaga Iskandar Malaysia, pembangunan infrastruktur di Iskandar Malaysia serta pelaburan di Iskandar Malaysia.

Iskandar Malaysia (IM) adalah koridor pembangunan utama di Negeri Johor yang ditubuhkan pada tahun 2006 dengan meliputi kawasan seluas 2,217 km persegi yang merangkumi bandaraya Johor Bahru dan bandar-bandar Senai, Pasir Gudang dan pembangunan pusat pentadbiran Iskandar Puteri. Keseluruhan daerah Johor Bahru berada di dalam IM. Termasuk juga di dalam IM ialah sebahagian dari daerah Pontian.


Menurut *Comprehensive Development Plan II* Iskandar Malaysia mempunyai kelebihan strategik disebabkan lokasinya yang paling selatan di Semenanjung Malaysia serta berada di laluan utama perkapalan antarabangsa. Perancangan IM ialah bertujuan menjadikannya pusat utama bagi sembilan kelompok ekonomi yang diberi tumpuan khusus dengan menawarkan peluang pelaburan yang terbaik. Kelompok-kelompok tersebut merangkumi enam di dalam sektor perkhidmatan, iaitu, sektor Perkhidmatan Kewangan & Perniagaan, Industri-industri Kreatif, Logistik, Pelancongan, Pendidikan, Perkhidmatan Kesihatan, dan tiga di dalam sektor pembuatan, iaitu, Elektrik & Elektronik, Petrokimia & Oleokimia, serta Pemprosesan Makanan & Pertanian.

KEMAJUAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA

Sejak penubuhannya Iskandar Malaysia telah mengalami kemajuan pembangunan fizikal yang ketara dengan mencatat petunjuk-petunjuk utama ekonomi dan pelaburan yang baik. Dari tahun 2010 hingga 2016, KDNK Iskandar Malaysia berkembang lebih cepat pada kadar purata 6.6% setahun (Johor: 5.9%, Malaysia: 5.1%) apabila siap projek-projek pemangkin seperti Johor Premium Outlets, LEGOLAND, Taman Tema Keluarga Puteri Harbour dan EduCity.

Kemajuan Ekonomi Iskandar Malaysia Dalam Tempoh 10 Tahun Pertama, 2006-2015

Sejak ditubuhkan, Iskandar Malaysia telah mencatatkan pembangunan pesat dari aspek fizikal serta penunjuk-penunjuk ekonomi utama. Dalam tempoh lima (5) tahun pertama kewujudannya (2006-2010) KDNK Iskandar Malaysia berkembang pada kadar 4.1% setahun untuk mencapai nilai RM42.6 bilion pada tahun 2010. Di dalam tempoh 2011-2014, KDNK Iskandar Malaysia berkembang lebih pantas dengan kadar purata 6.4% setahun. Di akhir tempoh ini projek-projek pemangkin seperti *Johor Premium Outlet*, *LEGOLAND*, Taman Tema Puteri Harbour dan *EduCity* telah siap. Kemajuan ini telah berlaku di dalam persekitaran ekonomi yang mesra pembangunan di rantau ini. Sebaliknya kadar pertumbuhan yang sedikit perlahan telah dicatatkan pada tahun 2015 berikutan kesan negatif ke atas persekitaran ekonomi negara akibat daripada penurunan harga minyak dunia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan KDNK Iskandar Malaysia mulai menunjukkan trend meningkat apabila peratus pertumbuhan bagi tahun-tahun 2016 dan 2017 masing-masing mencatat 7.3% dan 6.5%.



Rajah 4.1. Pelaburan Yang Dikomitkan dan Terlaksana (Terkumpul) di Iskandar Malaysia, 2015- 2019 (Jun) (RM Bilion).

Sumber : IRDA


PERKEMBANGAN TERKINI ISKANDAR MALAYSIA

Sorotan Pelaburan Ke Dalam Iskandar Malaysia

Sehingga Jun 2019 Iskandar Malaysia telah memperoleh pelaburan kumulatif yang dikomitmen sebanyak RM302.09 bilion (2006 hingga Jun 2019) di mana 57% atau RM172.3 bilion telah direalisasikan. Bagi enam bulan pertama tahun 2019, Iskandar Malaysia berjaya memperoleh pelaburan yang dikomitkan sebanyak RM16.75 bilion. Angka pelaburan terbaru ini diterjemahkan kepada kadar pertumbuhan tahunan keseluruhan sebanyak 9.7% bagi jangka masa 5 tahun (2015-2019). Bagi Iskandar Malaysia mencapai visi untuk menjadi metropolis antarabangsa yang kukuh dan lestari pada tahun 2025, rantau ini mesti mencapai pelaburan komited terkumpul yang berjumlah RM383 bilion pada tahun 2025.

Satu gambaran mengenai komposisi pelaburan yang dikomitkan mengikut sektor dari tahun 2006 hingga Jun 2019 menunjukkan bahawa sektor perkilangan yang merangkumi pembuatan elektrik dan elektronik (E&E), pemprosesan makanan dan bahan pertanian dan produk petroleum & kimia dengan nilai pelaburan kumulatif yang dikomitkan bernilai RM71.9 bilion atau 24% daripada jumlah pelaburan.

Pelaburan di dalam sektor Perkhidmatan menyumbang RM27.65 bilion atau 9% kepada jumlah pelaburan yang dikomitkan dengan kadar pertumbuhan purata kumulatif (CAGR) sebanyak 13.12%. Sementara itu sektor logistik menerima pelaburan komited terkumpul berjumlah RM8.56 bilion, diikuti oleh pelancongan (RM7.86 bilion) dan penjagaan kesihatan (RM4.41 bilion).




Rajah 4.2. Pelaburan yang Dikomitkan (Terkumpul) di Iskandar Malaysia, di dalam Enam (6) Sektor yang Dipromosikan, 2015- 2019(Jun), (RM Bilion).

Sumber: IRDA


Dari perspektif 9 sektor yang dipromosikan - merangkumi industri perkilangan dan perkhidmatan, jumlah pelaburan ialah RM99.61 bilion atau 33% daripada jumlah kumulatif pelaburan komited. Daripada sektor-sektor ini, pembuatan terus menjadi sektor peneraju dengan diikuti oleh logistik, pelancongan dan penjagaan kesihatan.

Sektor harta tanah, sebagai sektor sokongan, kekal sebagai sektor terbesar dengan pelaburan komited kumulatif sebanyak RM169.2 bilion yang mewakili 56% daripada jumlah sebanyak RM302 bilion. Pecahannya adalah; pembangunan bercampur (RM99.13 bilion), kediaman (RM50.26 bilion) dan perindustrian (RM19.84 bilion).



Rajah 4.3. Pelaburan Yang Dikomitkan di dalam Sektor-Sektor Yang Dipromosikan (Terkumpul Sehingga Jun 2019)) di Iskandar Malaysia (RM Bilion).

Sumber : IRDA




Rajah 4.4. Pelaburan Yang Dikomitkan (Terkumpul Sehingga Jun 2019) di Iskandar Malaysia, Di dalam Sektor-Sektor Lain (RM Bilion).

Sumber : IRDA

Pelaburan Asing di Iskandar Malaysia

Iskandar Malaysia merekodkan RM116.70 bilion pelaburan asing dari 2006 hingga Jun 2019 yang mana 47% daripadanya adalah untuk sektor perkilangan dan 53% untuk sektor perkhidmatan dan sektor

lain. China adalah negara pelabur utama dengan pelaburan sebanyak RM40.65 bilion, diikuti oleh Singapura dan Amerika Syarikat dengan pelaburan masing-masing sebanyak RM20.57 bilion dan RM8.11 bilion.



Rajah 4.5. Iskandar Malaysia: Pelaburan asing mengikut sumber , 2015-Jun 2019.

Sumber: IRDA

PEMACU DAN PENGUPAYA PERTUMBUHAN

Ekonomi Digital

Untuk Iskandar Malaysia terus maju dalam laluan pembangunannya, ekonomi digital perlu menjadi pemacu pembangunan baru. Adalah dianggarkan bahawa Ekonomi Digital global bernilai USD3 trilion. Secara amnya penduduk Malaysia boleh digambarkan sebagai "internet savvy" dengan dibantu oleh kadar penembusan yang tinggi baik untuk internet dan telefon pintar. Potensi impak ekonomi digital kepada ekonomi Malaysia diunjurkan bernilai sekitar US\$100 bilion atau kira-kira 20% daripada jumlah KDNK Malaysia menjelang 2025. Sektor yang dijangka menerima manfaat yang tinggi adalah sektor perkilangan, sektor minyak, gas dan tenaga serta sektor borong dan runcit. Digitalisasi ketiga-tiga sektor ini dijangka menyumbang kepada separuh daripada jumlah potensi impak kepada KDNK.

Perlu diambil perhatian juga bahawa sektor-sektor lain seperti Kewangan dan Perkhidmatan Perniagaan, Penjagaan Kesihatan, Pendidikan dan Pelancongan akan mendapat manfaat digitalisasi. Digitalisasi sektor-sektor ini adalah sejajar dengan usaha mempromosi sektor-sektor sasaran Iskandar Malaysia dan akan memberi manfaat dari segi pertumbuhan ekonomi dan penjana pekerjaan. Memandangkan bahawa ekonomi dunia kini dipacu secara digital adalah penting bagi Iskandar Malaysia berada di hadapan dalam bidang utama seperti penggunaan digital, keusahawanan digital dan inovasi.

Setiap ahli komuniti Iskandar Malaysia perlu menerima teknologi digital. Iskandar Malaysia perlu memanfaatkan kemajuan teknologi untuk meningkatkan kelajuan perniagaan dan perkhidmatan kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup.

Menggalakkan keusahawanan digital adalah jalan yang sangat penting untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan bagi Iskandar Malaysia. Perlu dipercepatkan pertumbuhan keusahawanan digital dan inovasi untuk menggerakkan wilayah ini ke pentas global. Oleh itu, dalam memastikan kejayaan ekonomi digital di Iskandar Malaysia, mesti dipastikan supaya pertumbuhan dalam ekonomi digital adalah menyeluruh dan mampan. Oleh itu, halangan utama yang berkaitan dengan kesinambungan di antara kesambungan digital dan keusahawanan perlu ditangani.

Memastikan infrastruktur digital Iskandar Malaysia menyediakan perkhidmatan jalur lebar yang konsisten, boleh dipercayai dan pantas adalah kunci untuk membuka potensi ekonomi digital. Di dalam aspek ini kepekaan perlu ditingkatkan bagi menangani tiga kekangan, iaitu; Malaysia yang tertinggal dalam liputan dan n perkhidmatan jalur lebar tetap, kekurangan persaingan pasaran yang telah mengakibatkan harga yang tinggi, liputan rendah, dan kekurangan inisiatif di dalam pengembangan jalur lebar tetap di Malaysia, dan penguasaan Telekom Malaysia di dalam langganan jalur lebar tetap (92%) yang telah menjadikan pasaran lebih tertumpu berbanding negara-negara ASEAN atau OECD.

Menggalakkan keusahawanan digital adalah satu jalan penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan penjana pekerjaan. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif, tetapi kekangan tetap wujud. Di antara kekangan yang nyata ialah kekurangan modal manusia dan kewangan, sistem pendidikan dan program latihan tenaga kerja belum berupaya menyediakan pekerja dengan kemahiran yang tepat untuk ekonomi digital, banyak firma mengalami masalah dengan modal pada peringkat awal pertumbuhan, kebergantungan berterusan kepada transaksi tunai di Malaysia, konflik antara perlindungan data dan penggunaannya untuk tujuan komersil, kesukaran mengakses data kerajaan, rangkaian yang lemah di kalangan profesional dan usahawan digital, dan kurangnya rancangan bersepadu di peringkat nasional untuk pembangunan teknologi generasi hadapan.

Untuk menangani kekangan-kekangan di atas dan untuk mewujudkan potensi ekonomi Digital Iskandar Malaysia perlu (i) mewujudkan ekosistem yang dinamik untuk ekonomi digital untuk memperbaiki infrastruktur, peraturan, kemahiran dan kewangan, (ii) meningkatkan sambungan internet yang pantas dan murah untuk perniagaan dan isi rumah di seluruh wilayah dan (iii) meningkatkan modal insan melalui kurikulum dan peluang pembelajaran yang lebih baik.

Revolusi Industri 4.0

Sektor perkilangan adalah merupakan jentera pertumbuhan ekonomi yang penting bagi Iskandar Malaysia. Walaupun sumbangannya kepada KDNK adalah lebih kecil dari segi peratusan (23%), berbanding dengan sektor perkhidmatan, tiga subsektor utama iaitu elektrik & elektronik, petrokimia &

minyak dan gas, pemerosesan makanan & pertanian menggunakan sekitar 62% daripada jumlah tenaga mahir dan separuh mahir menjelang 2025¹.

Dalam sektor pembuatan Iskandar Malaysia perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan penting terutama dalam menyokong subsektor E&E, pemprosesan makanan dan pertanian, oleokimia, fabrikasi logam dan kayu dan perabot. Sebilangan PKS sudah berada dalam rantai nilai pertengahan, dengan pendedahan kepada rantai asing dengan produktiviti tenaga kerja yang tinggi. Walau bagaimanapun, majoriti PKS masih berada di dalam situasi nilai tambah rendah, tenaga kerja berkemahiran rendah dan operasi yang memerlukan ramai pekerja. Dengan jurang antara kedua-dua kumpulan ini dari segi produktiviti, usaha menggalakkan automasi melalui Industri 4.0 adalah perlu. IRDA telah memulakan kerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia dalam program untuk mewujudkan minat dan mempengaruhi PKS untuk menyertai inisiatif Industri 4.0. Satu acara *internet of things* (IoT) yang digelar "Plugfest" telah diadakan untuk memberikan pendedahan kepada PKS mengenai kefungsi prinsip Industri 4.0 dalam mengintegrasikan peralatan dan visualisasi yang dapat meningkatkan produktiviti.

Aeroangkasa

The *Malaysia Aerospace Blueprint 2030* menasaskan pendapatan tahunan sebanyak RM55.2 bilion menjelang 2030 dan penjana lebih daripada 32,000 pekerjaan yang berkemahiran tinggi. Eksport komponen pesawat dari Malaysia meningkat lebih tiga kali ganda daripada RM2.88 bilion pada tahun 2014 kepada RM8.48 bilion pada 2018. Pertumbuhan ini kebanyakannya didorong oleh pengembangan aktiviti pembuatan aeroangkasa serantau ke Malaysia. Kerajaan menasaskan penjana sehingga RM16 bilion hasil daripada industri aeroangkasa bagi tahun 2019.

Pada tahun 2018, subsektor pembuatan aeroangkasa menyumbang 48% daripada jumlah hasil sebanyak RM6.97 bilion, meningkat 8.3% berbanding 2017 manakala sektor penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) mencatatkan RM6.68 bilion, mewakili 46% daripada jumlah pendapatan.

Iskandar Malaysia telah menerima pelaburan relokasi MRO dari syarikat Singapura yang sebelum

ini berpangkalan di Lapangan Terbang Seletar. Disebabkan peningkatan kos menjalankan perniagaan, Eksekutif Jet Asia (EJA) dan C&A Aviation memutuskan untuk berpindah ke Lapangan Terbang Senai. Pada bulan Oktober 2018, GKN Aerospace sebuah syarikat yang berpangkalan di United Kingdom, melabur AS\$ 0 juta dalam pusat pembaikan dan penyelidikan komponen aeroangkasa di Nusajaya Tech Park. Tidak dinafikan, potensi pelaburan dari syarikat MRO yang berpangkalan di Singapura adalah besar untuk Iskandar Malaysia.

Keperluan Kepada Pertanian Moden di Iskandar Malaysia

Menjelang 2050 penduduk dunia dianggarkan berjumlah 9.1 bilion orang. Hampir semua peningkatan populasi ini akan berlaku di negara-negara membangun. Perbandaran akan terus berlaku dengan pantas, dan kira-kira 70% penduduk dunia akan menjadi penghuni bandar (berbanding 49% sekarang). Tahap pendapatan akan berganda dari tahap sekarang.

Bidang pemprosesan Agro dan Makanan sentiasa merupakan satu peluang untuk pelaburan di Iskandar Malaysia. Adalah diramalkan bahawa akan wujud di masa hadapan dua golongan penduduk dengan sistem pemakanan yang berbeza. Satu golongan akan makan makanan yang dihasilkan oleh industri dengan kos yang serendah mungkin dengan mengabaikan kepentingan pekerjaannya dan input dari sumber alam semula jadi. Golongan ke dua diramalkan akan menikmati makanan dari bahan yang ditanam di "taman/ladang" yg diwujudkan di rumah masing-masing yang dihasilkan secara mapan tetapi dengan kos yang lebih tinggi. Iskandar Malaysia berharap untuk pengembangan besar pendekatan yang kedua ini. Untuk itu, dasar ladang yang dikaitkan dengan dasar kesihatan dan alam sekitar adalah perlu dan boleh dicapai hanya dengan advokasi dan penglibatan politik yang serius.

Walaupun bagaimanapun wujud sedikit konflik dalam struktur sektor pemprosesan makanan di Iskandar Malaysia. Walau pun industri makanan adalah besar, teratur dan menggunakan teknologi moden serta berada dalam kedudukan yang baik untuk mengalami perubahan dinamik yang bakal berlaku, sebahagian besar daripada input bahan mentah perlu diimport. Sebaliknya, Iskandar Malaysia mempunyai banyak

¹ Comprehensive Development Plan II (CDP II)

industri kecil dan sederhana (IKS) yang intensif buruh yang bergantung pada teknologi peringkat rendah. IKS ini lazimnya dicirikan oleh modal yang rendah, pengurusan tidak cekap, kekangan dalam akses kepada kredit, pemasaran serta bekalan bahan mentah dan buruh.

Terdapat perbezaan yang ketara di antara pertumbuhan di industri pemrosesan pertanian dan makanan berbanding dengan pertumbuhan di industri lain di Malaysia. Beberapa faktor yang bertanggungjawab terhadap ketidakseimbangan ini, di antaranya, masalah berkaitan industri seperti bekalan yang tidak konsisten dan kualiti bahan mentah yang rendah, kos buruh yang tinggi dan kekurangan tenaga kerja mahir, kesulitan mendapatkan kewangan, input teknologi yang rendah serta masalah yang berkaitan dengan perubahan dan pelaksanaan dasar kerajaan untuk perindustrian.

Dalam aspek penawaran, sektor pertanian terbahagi kepada dua subsektor; komoditi dan makanan. Secara umum, tanaman komoditi seperti kelapa sawit berkembang dengan pesat dan menyumbang dengan ketara kepada pembangunan dan eksport negara. Terdapat amalan pengurusan yang baik di ladang kelapa sawit di negara ini. Sebaliknya, prestasi subsektor makanan yang terdiri daripada tanaman makanan, ternakan dan perikanan tidak mencapai tahap yang telah dicapai oleh tanaman komoditi.

Dari aspek permintaan, rakyat Malaysia memakan lebih banyak makanan berkualiti tinggi dan bernilai tinggi. Ini mengakibatkan keperluan import yang tinggi untuk memenuhi permintaan ini. Pada akhir tahun 2015, bil import makanan berjumlah RM45 bilion, manakala eksport makanan berjumlah RM27 bilion, menyebabkan defisit sebanyak RM18 bilion. Pada tahun 2018, nilai import makanan berjumlah RM50 bilion, dan dijangkakan berkembang setiap tahun. Kebergantungan pada import makanan akan memberi kesan kepada rakyat, terutama apabila nilai mata wang turun dan harga import meningkat.

Dalam Bajet 2019, kerajaan telah memperuntukkan RM47 juta untuk R&D bawgi meningkatkan produktiviti benih, bijirin dan buah-buahan, RM18 juta untuk mempromosikan automasi industri agrofood dan RM52 juta untuk melaksanakan program keusahawanan dan latihan dalam pertanian, termasuk untuk penggalakan penyertaan belia dalam industri agrofood. Untuk memanfaatkan peruntukan ini, pertanian moden dan pintar adalah diperlukan buat masa ini. Negara-negara di seluruh Asia sedang

menetapkan strategi nasional untuk menyokong automasi pertanian dengan robotik, analisis data dan teknologi sensor. Alat ini boleh menghasilkan perbezaan yang sangat besar di dalam hasil, kualiti tanaman dan keuntungan bagi petani.

Memperkenalkan Pertanian Moden di Iskandar Malaysia

Pertanian memainkan peranan penting dalam hampir semua aktiviti sosial dan ekonomi negara. Telah dimaklumi bahawa industri agro-makanan memainkan peranan penting dalam menjana peluang pendapatan dan pekerjaan di negara-negara membangun. Sektor pemrosesan pertanian adalah komponen yang paling penting dalam industri agro-makanan dan merangkumi kawasan luas aktiviti pasca-tuaian, pakej bahan mentah pertanian, pemrosesan intensif industri dan teknologi untuk barangan perantaraan dan fabrikasi produk akhir pertanian.

Malaysia telah melancarkan pelan IoT kebangsaan dengan pertanian sebagai salah satu keutamaan dengan hasrat untuk meningkatkan kapasiti pertanian dengan teknologi perladangan pintar dan mengunjurkan penjana pendapatan sejumlah RM1.4 bilion pada tahun 2020.

Menyediakan Akses Kepada Pertanian Moden

Untuk sektor pertanian terus menyediakan bahan makanan kepada dunia, ia perlu berciri yang lebih hampir kepada pembuatan, dengan memerlukan intervensi oleh pihak awam-swasta-akademia. Untuk petani kecil di kawasan Iskandar Malaysia menjadi mampan, mereka memerlukan akses yang lebih baik kepada teknologi baru, benih, baja dan pembiayaan. Penyebaran amalan terbaik yang sedia ada akan memberi hasil tetapi pencapaian yang melampaui kelaziman yg sedia ada akan memerlukan teknologi yang lebih baik.

Kini teknologi membolehkan kita menjejaki, menganalisis, dan memahami cara sistem makanan berfungsi untuk membantu mengurangkan sisa makanan dan pelepasan karbon. Kita berupaya memanfaatkan sistem pengesan dan data di ladang untuk meningkatkan produktiviti pertanian, yang diunjurkan boleh meningkat sehingga 20% dalam tempoh lima tahun akan datang. Walau bagaimanapun masih terdapat jurang digital antara mereka yang mempunyai akses dan tanpa akses kepada teknologi baru.

Menarik Petani Moden di Kalangan Anak Muda

Sektor pertanian negara, yang rata-rata komunitinya terdiri daripada kalangan yang berumur 60 tahun ke atas akan menjadi lebih terpinggir kecuali dilakukan perubahan dengan; (i) meningkatkan kemahiran petani di dalam kemahiran mengusahakan tanaman berdaya tahan yang menghasilkan produk yang bersesuaian dan berkhasiat, (ii) menggalakkan petani-petani muda yang cergas, pintar dan *technology-savvy*, dan (iii) memberi keutamaan di dalam menyediakan teknologi digital kepada masyarakat luar bandar.

Mengoptimumkan Penggunaan Tanah

Secara amnya tanah pertanian di Iskandar Malaysia yang semakin mengecil dan komuniti semakin mudah berhubung antara satu dengan yang lain, menjadikan isu keselamatan makanan semakin penting. Untuk mengeluarkan bahan makanan kepada penduduk yang semakin ramai, semakin "urban" dan semakin kaya, pengeluaran makanan dan benih perlu meningkat. Penyelarasan di antara kerajaan negeri dan agensi persekutuan dalam meningkatkan ketersediaan tanah pertanian melalui peningkatan tempoh pajakan yang panjang untuk tanaman tunai (*cash crop*).

Pengenalan lebih banyak jenis tanaman tunai, tanaman bercampur dan sistem pertanian bersepadu boleh meningkatkan hasil. Malaysia mempunyai pelbagai jenis tanaman yang kaya nutrien. Peralihan ke arah dasar dan sistem makanan yang menyokong kualiti dan kepelbagaian makanan dari tanaman yang boleh ditanam secara tempatan dan mempunyai kandungan nutrien yang tinggi.

Seterusnya harus dimanfaatkan perdagangan serantau dan kelebihan relatif di antara negara-negara untuk menangani isu-isu keselamatan makanan, sebagai alternatif kepada status sara diri 100% negara yang mungkin sukar dicapai. Usaha ke arah sara diri 100% adalah suatu usaha yang mempunyai kos yang tinggi dan tidak cekap dalam penggunaan sumber yang terhad seperti tanah, modal dan buruh.


PENJAJARAN SEMULA MODAL INSAN

Pada amnya, isu-isu modal insan yang dihadapi oleh Iskandar Malaysia adalah sama dengan Malaysia. Oleh itu, penyelesaian dalam mengatasi jurang kuantitatif dan kualitatif modal insan di Iskandar Malaysia perlu ditangani dengan kerjasama inisiatif dan program yang dirumuskan oleh Kementerian yang berkaitan dan pihak-pihak berkepentingan. Untuk menyediakan bekalan sumber manusia yang mampan, inisiatif modal insan Iskandar Malaysia harus memberi tumpuan kepada pembangunan bakat dan kemahiran intrinsiknya. Walau bagaimanapun, kerana inisiatif pembangunan bakat akan mengambil masa untuk hasil yang diinginkan, inisiatif pembangunan bakat perlu ditambah dengan daya tarikan bakat dan inisiatif pengekalan bakat. Di tempat-tempat yang terdapat kekurangan bakat, daya tarikan bakat harus memberi tumpuan terlebih dahulu untuk mendapatkan bakat dari dalam Malaysia sebelum mempertimbangkan bakat asing.

Mewujud dan mengekalkan bekalan bakat dalam memenuhi cabaran pertumbuhan pesat Iskandar Malaysia memerlukan komitmen yang padu dari semua pihak yang berkepentingan. Struktur sedia ada perlu diperiksa untuk memastikan mereka memainkan peranan yang lebih besar dalam memastikan bahawa keperluan bakat dikenal pasti dan disampaikan secara meluas dan tepat pada masanya. Cabaran utama yang dihadapi dalam memudahkan, merancang dan mempromosikan inisiatif Pengurusan Bakat Iskandar Malaysia merangkumi;

- (i) Ketaksepadanan (*mismatch*) keseluruhan dan mengikut sektor yang dihadapi oleh Iskandar Malaysia, di mana kekosongan kerja tidak sesuai dengan pekerja yang wujud. Untuk itu, sindikasi, koordinasi dan fasilitasi yang lebih ketat dengan semua pihak berkepentingan adalah diperlukan untuk memastikan kelancaran dan kesesuaian pengisian kekosongan yang wujud.
- (ii) Untuk mencapai jumlah tenaga kerja yang diunjurkan untuk tahun 2025, kadar pengangguran perlu dikurangkan kepada 1.8%. Oleh itu, adalah penting bahawa tenaga buruh di Iskandar Malaysia adalah *employable* dan memenuhi keperluan majikan potensi. Ketidakesesuaian siswazah untuk sesuatu kekosongan kerja boleh dikategorikan kepada 3 bidang yang luas, di mana lepasan kurang berkemahiran dalam Bahasa Inggeris, kemahiran lembut (*soft skill*) dan kemahiran khusus industri. Penyertaan aktif semua segmen diperlukan untuk memastikan terdapat bekalan pekerja yang mencukupi untuk memenuhi permintaan.

Di samping itu, dalam tahun-tahun akan datang, ekonomi Iskandar Malaysia dijangka mengalami peningkatan pergantungan kepada pengetahuan dan pekerja mahir. Oleh itu, tahap tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, iaitu mereka yang memiliki kelayakan diploma dan ke atas, perlu ditingkatkan untuk menjadi setanding dengan dengan rantau-rantau ekonomi lain. Pada masa kini tahap ini adalah 20%.



Rajah 4. 6. Rancangan Iskandar Malaysia untuk pelaksanaan Pembaharuan Modal Insan Untuk Kemakmuran Bersama 2030 (Human Capital Reform for Shared Prosperity 2030).

Sumber : IRDA

Sebagai persediaan untuk Rancangan Malaysia ke-12 dan *Human Capital Reform for Shared Prosperity 2030*, Kerajaan perlu meningkatkan kerjasama dengan industri untuk meningkatkan pengambilan di TVET, meningkatkan kualiti program dan institusi serta meningkatkan penjenamaan dan profil keseluruhan sektor. Strategi utama perlu merangkumi:

- (i) Penguatan tadbir urus TVET menerusi pelarasan rangka kerja kelayakan dan mengharmonikan pelbagai sistem penarafan di institusi-institusi TVET swasta dan awam melalui penubuhan sistem tunggal yang diterima pakai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (DSD) bagi memudahkan penyelarasan dan pemantauan sektor TVET.
- (ii) Peningkatan kualiti dan penyampaian program TVET dengan pensijilan industri yang kukuh untuk meningkatkan kebolehpasaran lulusan. Ini perlu dilaksanakan dengan mempertingkatkan program yang didokong oleh industri untuk mengurangkan

kemahiran yang tidak sepadan. Satu model perkongsian baru perlu untuk membolehkan industri terlibat dalam setiap langkah dari reka bentuk dan penyampaian kurikulum, perantisan, latihan dan program pembelajaran berasaskan kerja. Selain itu perlu juga diurusperdanakan Sistem Latihan Dwi Nasional (NDTS) termasuk memperluaskan 1MASTER NDTS untuk menyokong bidang-bidang khusus dalam pembangunan ekonomi dan keperluan industri.

- (iii) Penumpuan kepada pembangunan kemahiran dan TVET sebagai salah satu strategi utama bagi sektor pendidikan di Iskandar Malaysia di mana diperbaharui institusi latihan kemahiran sedia ada dan melibatkan pihak industri ke arah dwi akreditasi dan latihan berkualiti .
- (iv) Menjadikan TVET sebagai salah satu pembekal utama bakat untuk memenuhi keperluan para pelabur dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Pertumbuhan Ekonomi Iskandar Malaysia Pada Tahun 2018

Pertumbuhan ekonomi wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2018 adalah sederhana. Iskandar Malaysia dianggarkan telah mencatatkan pertumbuhan KDNK tahunan pada kadar 6.1% (2017: 6.4%), hasil peningkatan aktiviti ekonominya. Pertumbuhan ini adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK Negeri Johor secara keseluruhan yang juga lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK Malaysia. Pertumbuhan KDNK Malaysia diumumkan bernilai 4.7% bagi tahun 2018 (2017: 5.9%). Rumusan gambaran KDNK Malaysia, Johor dan Iskandar Malaysia di pameran sebagai Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Perbandingan Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia, 2006 - 2019.

	Pertumbuhan KDNK (%)						
	2006 - 2010	2011 - 2014	2015	2016	2017	2018	2019**
Malaysia	4.5%	5.4%	5.1%	4.2%	5.9%	4.7%	4.7%
Johor	3.9%	5.9%	5.6%	5.7%	6.2%	5.6%	5.1%
Iskandar Malaysia*	4.1%	6.4%	6.4%	7.3%	6.5%	6.1%	5.7%

Nota : Kadar pertumbuhan bagi tahun 2006-2010 adalah pada harga tetap 2005 manakala kadar pertumbuhan bagi tahun 2011-2017 adalah pada harga tetap 2010. Kadar-kadar pertumbuhan bagi tahun 2018 dan 2019 adalah pada harga tetap 2015. Sumber : *Anggaran BPEN Johor; **Unjuran BPEN Johor

Jadual 4.2 Pertumbuhan KDNK Johor dan Iskandar Malaysia, 2013 - 2035.

	Pertumbuhan Purata Tahunan (%)		
	2013 - 2015	2016 - 2020**	2021 - 2035**
Johor	6.1%	5.9%	6.3%
Iskandar Malaysia	6.8%	7.5%	7.7%


Sumber : *Anggaran UPEN Johor; **Iskandar Regional Development Authority (IRDA) - CDPi

Pada tahun 2018 empat sektor pengeluaran ekonomi Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar yang lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan KDNK Wilayah, iaitu sektor Pembinaan, sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi, sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran serta sektor Perkhidmatan Lain. Sektor-sektor lain yang membantu pertumbuhan di tahun 2016 ialah sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan dan sektor Perkhidmatan Kerajaan.

Jadual 4.4 Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia di Tahun 2018.

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan
	2017	2018	
Penduduk ('000)	2,088	2,160	3.4%
KDNK* (Harga 2015) (RM Juta)	83,840	88,924	6.1%
KDNK per kapita (Harga 2015) (RM)	40,153	41,174	2.5%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	88,468	94,501	6.8%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	42,369	43,756	3.3%
KDNK per kapita (Pariti Kuasa Beli)	25,865	27,112	4.8%

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.



Rajah 4.7. Perbandingan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia Dalam Harga Malar 2015 (RM Juta): 2017 - 2018

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Pertumbuhan KDNK wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2018 dianggarkan sederhana dengan kadar pertumbuhan pada kadar 6.1%. Semua sektor dianggarkan mencatat pertumbuhan positif di dalam nilai ditambah. Empat sektor pengeluaran ekonomi wilayah Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar melebihi 5.0%. Sektor-sektor ini ialah pembinaan (8.8%), sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (9.7%), Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran (7.9%), Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan (5.8%) serta Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain (6.2%). Lima sektor ini menyumbang 56.7% kepada KDNK Wilayah. Sektor-sektor lain yang membantu pertumbuhan KDNK di tahun 2018 ialah sektor Perkhidmatan Kerajaan serta Sektor Pembuatan yang tumbuh, masing-masing, pada kadar 4.2% dan 3.7%.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Iskandar Malaysia pada harga malar tahun 2015 untuk tahun 2018 dianggarkan mencatat pertumbuhan 6.1% (2017: 6.4%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2018 dianggarkan meningkat kepada RM88,924 juta dalam harga malar 2015 (2017: RM83,840 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita wilayah bernilai RM41,174 pada harga malar 2015 (2017: RM40,153), iaitu meningkat 2.5%. Nilai KDNK per kapita pada harga semasa dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat kepada USD30,220 (2017: USD28,828). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM90,160 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2018 (2017: RM84,945). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM41,747 pada harga semasa bagi tahun 2018 (2017: RM40,682). Dalam nilai pariti kuasa beli ianya dianggarkan bernilai USD28,833 (2017: USD27,680).

Jadual 4.5 KDNK Iskandar Malaysia Bagi Tahun 2017 dan 2018.

SEKTOR	Nilai Ditambah Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2017	2018	
Sektor Perindustrian	36,148	37,811	4.6%
Pembuatan	29,760	30,863	3.7%
Pembinaan	6,389	6,948	8.8%
Sektor Perkhidmatan	46,436	49,757	7.2%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	10,936	11,992	9.7%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	13,445	14,508	7.9%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	11,166	11,814	5.8%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,862	5,165	6.2%
Perkhidmatan Kerajaan	6,026	6,276	4.2%
campur Duti import	1,255	1,356	8.0%
KDNK pada Harga Pembeli (2015=100)	83,840	88,924	6.1%
Jumlah Penduduk ('000)	2,088	2,160	3.4%
KDNK Per Kapita (RM)	40,153	41,174	2.5%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Nilai Bagi Tahun 2016 adalah anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi

Empat sektor pengeluaran ekonomi Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar melebihi kadar pertumbuhan KDNK Wilayah (6.1%), iaitu sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (9.7%), sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran (7.9%), sektor Pembinaan (8.8%) serta sektor Perkhidmatan Lain (6.2%). Empat sektor ini menyumbang 43.4% kepada KDNK Wilayah. Sektor-sektor lain yang membantu pertumbuhan di tahun 2016 ialah sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan yang tumbuh 5.8%, sektor Perkhidmatan Kerajaan yang tumbuh 4.2% dan sektor Pembuatan yang dianggarkan mencatatkan pertumbuhan 3.7% di dalam nilai ditambah (Sila Rujuk Jadual 4.6).

Sektor Perindustrian

Secara keseluruhan nilai ditambah Sektor Perindustrian dianggarkan menyumbang sebanyak 42.50% kepada KDNK wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2018 (2017: 43.1%). Sektor ini dianggarkan mengalami peningkatan nilai ditambah sebanyak 4.6% (2017: 4.6%) yang telah terhasil oleh pertumbuhan sederhana dalam nilai ditambah sektor pembinaan (8.8%) yang dimuramkan oleh peningkatan kecil 3.7% di dalam nilai ditambah sektor pembuatan. Nilai ditambah sektor Pembuatan tumbuh pada kadar di bawah 4% di tahun 2018 hasil daripada kemuraman permintaan luar terhadap pengeluaran industri berorientasi eksport (terutamanya bagi produk E&E) secara keseluruhan serta peningkatan sederhana di

dalam pengeluaran di dalam barangan pengguna domestik. Sektor ini menyumbang 34.7% dari segi nilai ditambah kepada KDNK Iskandar Malaysia di tahun 2018 (2017: 35.5%).

Sektor pembinaan dianggarkan kembali mengalami pertumbuhan positif, iaitu pada kadar 8.8% dalam nilai ditambah bagi tahun 2018 (2017: -5.1%). Keaktifan sektor ini adalah hasil daripada aktiviti yang lebih cergas, berbanding di tahun 2017, di dalam pembinaan infrastruktur, rumah kediaman, bangunan perdagangan dan kompleks serta kerja-kerja yang merupakan bahagian penting proses pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Pada tahun 2018 nilai ditambah sektor ini dianggarkan menyumbang 7.8% kepada KDNK wilayah Iskandar Malaysia (2017: 7.6%).

Sektor Perkhidmatan

Secara keseluruhannya sektor perkhidmatan dianggarkan menyumbang 56.0% kepada KDNK Iskandar Malaysia pada tahun 2018 (2017: 55.4%). Sektor ini dianggarkan telah mengalami pertumbuhan sebanyak 7.2% pada tahun 2018 (2017: 7.7%). Pada tahun 2018, semua sektor kecil perkhidmatan, kecuali sektor Perkhidmatan Kerajaan, mengalami pertumbuhan nilai ditambah melebihi 5.5% berbanding tahun 2017. Sektor Perkhidmatan Kerajaan tumbuh 4.2%.

Di kalangan sektor-sektor kecil perkhidmatan, sektor kecil Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran adalah terbesar dari segi sumbangan nilai ditambah kepada KDNK Iskandar Malaysia (16.3%; 2017: 16.0%). Sektor kecil ini dianggarkan mengalami

pertumbuhan yang mantap, iaitu 7.9% bagi tahun 2018 (2017: 9.5%). Sektor kecil perdagangan borong dan runcit kekal aktif dengan pembukaan kompleks perniagaan runcit baru serta keaktifan operasi pasar raya besar dan *superstore* utama. Sektor kecil Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi, yang mengalami pertumbuhan 9.7% bagi tahun 2018 (2017: 8.7%), dianggarkan menyumbang 13.5% kepada KDNK Iskandar Malaysia (2017: 13.0%).

Sektor Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan menyumbang 13.3% kepada KDNK wilayah (2017: 13.3%) dan tumbuh 5.8% bagi tahun 2018 (2017: 6.3%). Sektor ini tumbuh positif di tahun 2018 hasil sokongan aktiviti pembiayaan kredit pengguna dan pelaburan perniagaan. Sumbangan perkhidmatan berkaitan hartanah dianggarkan meningkat sedikit hasil keaktifan sederhana sektor pembinaan.

Sektor Perkhidmatan Kerajaan dan sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain masing-masing dianggarkan tumbuh pada kadar 4.2% dan 6.2% pada tahun 2018 (2017: 4.7%, 7.5%) dengan masing-masing menyumbang 7.1% dan 5.8% kepada KDNK Iskandar Malaysia (2017: 7.2%, 5.8%). Sumber utama pertumbuhan di sektor Perkhidmatan Kerajaan ialah peningkatan di dalam perbelanjaan emolumen. Pertumbuhan dalam sektor kecil Perkhidmatan-perkhidmatan Lain sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan swasta, perkhidmatan pendidikan swasta serta pelancongan kesihatan.

Jadual 4.5 Pertumbuhan dan Sumbangan Sektor-Sektor Kepada KDNK Iskandar Malaysia, 2017 dan 2018.

Sektor	Pertumbuhan		Sumbangan	
	2017	2018	2017	2018
Sektor Perindustrian	4.6%	4.6%	43.1%	42.5%
Pembuatan	7.0%	3.7%	35.5%	34.7%
Pembinaan	-5.1%	8.8%	7.6%	7.8%
Sektor Perkhidmatan	7.7%	7.2%	55.4%	56.0%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	8.7%	9.7%	13.0%	13.5%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	9.5%	7.9%	16.0%	16.3%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	6.3%	5.8%	13.3%	13.3%
Perkhidmatan Lain	7.5%	6.2%	5.8%	5.8%
Perkhidmatan Kerajaan	4.7%	4.2%	7.2%	7.1%
Duti import	12.9%	8.0%	1.5%	1.5%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.


Sumbangan Sektor-Sektor Pengeluaran kepada KDNK Iskandar Malaysia

Sumbangan terbesar kepada KDNK Iskandar Malaysia untuk tahun 2018 adalah oleh sektor perkhidmatan, dengan sumbangan sebanyak 56.0% (2017:55.4%). Angka-angka yang berkaitan bagi Sektor Perindustrian ialah 42.5% (2017: 43.1%) (Rujuk Jadual 5.8).

Dikalangansektor-sektorperindustriansektorpembuatan telah mencatatkan sumbangan sebanyak 34.7% (2017: 35.5%) manakala sektor pembinaan menyumbang 7.8% (2017: 7.6%). Sementara itu di kalangan sektor-sektor perkhidmatan sektor perdagangan borong & runcit, penginapan dan restoran mencatatkan sumbangan tertinggi, iaitu 16.3% (2017: 16.0%). Ke dua tertinggi ialah sektor utiliti, pengangkutan, penyimpanan & komunikasi yang telah menyumbang 13.5% (2017: 13.0%). Peratus-peratus sumbangan oleh sektor-sektor kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan lain serta perkhidmatan kerajaan ialah, masing-masing, 13.3%, 5.8% dan 7.1% (2017: 13.3%, 5.8% dan 7.2%)


UNJURAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA PASCA 2018

Di bawah Rancangan Pembangunan Komprehensif II (CDPii), KDNK Iskandar Malaysia telah diunjurkan meningkat daripada RM52.1 bilion pada tahun 2014 kepada RM120.4 bilion pada tahun 2025 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 7.3% bagi tempoh 12 tahun tersebut. Dalam tempoh 2014-2016, KDNK Iskandar Malaysia tumbuh pada kadar purata 7.2% berikutan momentum pelaburan pada tahun 2012 dan 2014 serta pelaburan yang direalisasikan untuk tempoh yang sama. Di dalam CDPii pertumbuhan KDNK diunjur meningkat dan berkembang pada kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 7.5% di antara tahun 2017 dan 2020 dan 7.7% di antara tahun 2021 dan 2025.




Rajah 4.8 Unjuran KDNK Iskandar Malaysia (RM Juta) Bagi Tahun 2014 - 2025 (Pada Harga Malar 2010).

Sumber : Iskandar Regional Development Authority (IRDA).



Rajah 4.9 Perbandingan Unjuran Ekonomi Negeri Johor Dan Wilayah Iskandar Malaysia, 2014 - 2025 Dalam CDPii (Pada Harga Malar 2010).
Sumber : Iskandar Regional Development Authority (IRDA).

Kadar pertumbuhan KDNK yang diramalkan untuk Iskandar Malaysia di bawah CDPii telah didasarkan kepada senario pertumbuhan yang ditetapkan dalam CDP 2006-2025 dan senario pertumbuhan kemungkinan besar (*most likely*) Johor berdasarkan prestasi sektor ekonomi dari 2011 hingga 2014 (tempoh dalam mana kajian semula CDP yang menghasilkan CDPii telah dijalankan). Pencapaian sebenar pertumbuhan KDNK purata dari 2014 - 2016 adalah pada kadar pertumbuhan sasaran, iaitu 7.2%. Jelas bahawa walaupun pertumbuhannya kukuh, KDNK per kapita Iskandar Malaysia masih belum memintas tahap KDNK per kapita Malaysia walaupun ia bergerak ke arah itu.



Rajah 4.10 Perbandingan KDNK Per Kapita Di Antara Malaysia, Negeri Johor dan Wilayah Iskandar Malaysia, 2017, 2018.

Sumber : Anggaran Oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dari aspek sumbangan sektor, di dalam CDPIi, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK Iskandar Malaysia diunjurkan meningkat daripada 58.0% pada tahun 2011 kepada 60.0% pada tahun 2025 manakala sumbangan sektor pembuatan dijangka berkurangan daripada 42.0% kepada 40.0%.

Prospek dan Risiko Pertumbuhan Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia Bagi 2019-2020

Walaupun Iskandar Malaysia telah hampir mencapai pertumbuhannya yang telah disasarkan bagi tempoh tahun-tahun 2013 hingga 2015, satu perjalanan yang lebih mencabar ialah untuk memenuhi sasaran pertumbuhan 7.5% bagi tempoh 2016 - 2020 dan 7.7% bagi tempoh 2021 - 2025. Satu risiko yang perlu dihadapi ialah pertumbuhan ekonomi Asia yang perlahan di dalam senario pertumbuhan ekonomi dunia yang diunjurkan tidak sekata. Ini adalah diasaskan kepada unjuran Dana Monetari Antarabangsa (IMF) bahawa pertumbuhan ekonomi Asia untuk tempoh 3 tahun 2018 - 2020 pada kadar purata 5.6% dengan mengambilkira pertumbuhan ekonomi India dan China. Pertumbuhan purata ekonomi ASEAN pula telah diunjurkan tidak akan melebihi 5.3%.

IMF menjangkakan ekonomi dunia tumbuh pada kadar 3.2% untuk 2019², meningkat kepada 3.5% pada 2020 (0.1 mata peratusan lebih rendah untuk kedua-dua tahun daripada ramalan pada April 2019). Di dalam perpektif perdagangan, ramalan ini mencerminkan kenaikan tarif Amerika Syarikat pada Mei 2019 ke atas eksport China yang bernilai \$200 bilion; dari 10% kepada hingga 25%, dan tindakan balas oleh China. Penurunan ramalan pertumbuhan untuk China dan Negara-Negara EMDE adalah selaras dengan kesan peningkatan ketegangan perdagangan dan kesan-kesan negatif ke atas keyakinan.

Ketidakpastian dan risiko yang berterusan terhadap prospek global dijangka memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dan Iskandar Malaysia yang terdedah kepada perubahan permintaan luar dan keadaan pasaran kewangan global. Risiko terhadap prospek pertumbuhan adalah berkait rapat dengan persekitaran luaran, penyesuaian mendadak kepada keadaan pasaran kewangan global, atau pertumbuhan ekonomi-ekonomi utama dan eksport yang, jika lebih lemah daripada jangkaan, memberi kesan limpahan negatif ke atas Malaysia. Di dalam

Jadual 4.6 Unjuran Pertumbuhan Ekonomi, 2017-2020.

EKONOMI	Pertumbuhan KDNK			
	2016	2017	2018	2019
Dunia	3.8	3.6	3.2	3.5
Amerika Syarikat	2.2	2.9	2.6	1.9
United Kingdom	1.8	1.4	1.3	1.4
Kawasan Euro	2.4	1.1	1.3	1.6
Jepun	1.9	0.8	0.9	0.4
Negara-Negara Asia Pesat Membangun	4.8	4.5	4.1	4.7
China	6.8	6.6	6.2	6.0
India	7.2	6.8	7.0	7.2
ASEAN-5	5.3	5.2	5.0	5.1

Sumber : IMF World Economic Outlook Update (July 2019).

negara, risiko utama adalah berkait dengan hutang kerajaan dan isi rumah yang tinggi.

Risiko penurunan pertumbuhan ekonomi telah meningkat; termasuk ketegangan perdagangan dan teknologi yang semakin meningkat, ketegangan geopolitik, dan tekanan yang tidak disinflasi yang membuat kejutan yang lebih teruk. Dari aspek gangguan rantaian bekalan perdagangan dan teknologi, keyakinan perniagaan dan sentimen pasaran kewangan telah berkali-kali terjejas sejak awal tahun 2018 oleh urutan tindakan Amerika, tindakan membalas dendam oleh rakan perdagangan, dan ketidakpastian jangka panjang yang berkait dengan BREXIT. Pada bulan Mei 2019, ketegangan menjadi semakin; prospek tindakan Amerika berkait dengan syarikat teknologi China dan ancaman Amerika Syarikat untuk mengenakan tarif ke atas dagangan Mexico serta isu-isu migrasi rentas sempadan. Walaupun ketegangan berkurangan pada bulan Jun, perjanjian yang kukuh untuk menyelesaikan perbezaan masih tertakluk kepada rundingan yang mungkin berlarutan dan sukar. Faktor risiko utama kepada ekonomi global ialah perkembangan yang tidak menyenangkan, termasuk tarif US-China, tarif auto Amerika Syarikat serta isu BREXIT - melemahkan keyakinan pelabur, mengganggu rantaian bekalan global dan menjadikan pertumbuhan global perlahan.

² Unjuran pada Julai 2019 (World Economic Outlook, July 2019).

PASARAN PEKERJA DAN GUNATENAGA ISKANDAR MALAYSIA PADA TAHUN 2018

Jumlah dan Taburan Penduduk

Jumlah penduduk Iskandar Malaysia pada tahun 2018 dianggarkan bertambah menjadi 2.160 juta daripada 2.088 juta pada tahun 2017. Ini merupakan peningkatan 3.4%. Jumlah penduduk Iskandar Malaysia merangkumi lebih dari 57.0% daripada jumlah penduduk Negeri Johor, hasil penghijrahan masuk penduduk dari daerah-daerah di luar kawasan Iskandar Malaysia. Perbandingan di antara jumlah penduduk Negeri Johor dan Penduduk Iskandar Malaysia dari tahun 2013 hingga 2018 dipaparkan sebagai Jadual 4.7.

Jadual 4.7 Trend Pertumbuhan Penduduk Negeri Johor dan Iskandar Malaysia ('000).

Kawasan	2013	2014	2015	2016	2017	2018
NEGERI JOHOR	3,477.2	3,515.3	3,553.6	3,655.1	3,697.0	3,749.2
ISKANDAR MALAYSIA	1,805.6	1,874.2	1,945.5	2,019.4	2,088.3	2,160.2

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN) dengan menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 4.8 Trend Pertumbuhan Penduduk Iskandar Malaysia Mengikut Kawasan (Flagships) ('000).

Flagship	2013	2014	2015	2016	2017	2018
A	492.6	511.3	530.7	550.9	569.7	589.3
B	419.7	435.7	452.2	469.4	485.4	502.1
C	51.4	53.3	55.4	57.5	59.5	61.5
D	567.6	589.2	611.6	634.8	656.4	679.0
E	274.3	284.8	295.6	306.8	317.3	328.2
JUMLAH	1805.6	1874.2	1945.5	2019.4	2088.3	2160.2

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN) dengan menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Tenaga Buruh di Iskandar Malaysia

Kawasan Iskandar Malaysia adalah satu kawasan yang keseluruhannya adalah bandar. Sebahagian besar aktiviti ekonomi di Iskandar Malaysia adalah di dalam dua sektor utama; Sektor Pembuatan dan Sektor Perkhidmatan. Kapasiti dua sektor ini sangat bergantung kepada tahap kemahiran dan keupayaan tenaga kerja serta saiz penduduk di kawasan ini dan daerah-daerah bersebelahannya.

Jumlah tenaga buruh di Iskandar Malaysia pada tahun 2018 adalah 1.102 juta; meningkat dari 1.025 juta pada tahun 2017. Ini adalah merupakan pertumbuhan tahunan sebanyak 7.5% (2017:4.5%, 2016:3.8%). Peningkatan jumlah tenaga buruh ini adalah di sebabkan oleh peningkatan di dalam Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB), terutama di kalangan kumpulan umur 15-19, 20-24, 25-29, 30-34, 35-39 dan 40-44 tahun. Secara keseluruhannya, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) bagi Iskandar Malaysia pada tahun 2018 ialah 69.5% (2017: 67.0%, 2016:66.8%).

Perincian taburan penduduk di lima kawasan *flagship*, menunjukkan bahawa 31.4% daripada penduduk di kawasan Iskandar Malaysia tinggal di *flagship* D, manakala 27.3% penduduk tinggal di *flagship* A. Kawasan *flagship* C (yang dikenali sebagai Western Gate Development) mempunyai jumlah penduduk yang paling sedikit, iaitu seramai 61.5 ribu orang, iaitu merangkumi 2.8% sahaja. Sementara itu *flagship* E menampung 15.2% daripada penduduk Iskandar Malaysia. Keseluruhannya taburan penduduk di *flagship* dipengaruhi oleh jenis aktiviti ekonomi yang wujud serta status perbandaran di *flagship* yang berkenaan.

Jadual 4.9 Anggaran Bilangan Tenaga Kerja Di Iskandar Malaysia Mengikut Kumpulan Umur ('000).

Kumpulan Umur	Tahun		
	2016	2017	2018
15 -	26.4	26.0	31.6
20 -	158.1	160.0	160.9
25 -	198.8	213.0	221.2
30 -	146.4	155.4	162.1
35 -	128.4	133.0	141.8
40 -	111.0	116.5	126.6
45 -	88.2	93.1	108.0
50 -	65.0	69.7	78.9
55 -	42.2	41.7	51.3
60 -	16.0	16.6	20.2
JUMLAH	980.5	1,025.0	1,102.6

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN) dengan menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Anggaran bilangan tenaga kerja di Iskandar Malaysia mengikut kumpulan umur bagi tahun 2016 hingga 2018 dipamerkan sebagai Jadual 4.9. Dapat dilihat bahawa kumpulan umur 25 hingga 29 tahun merupakan kumpulan yang mempunyai bilangan tenaga kerja yang terbesar. Ianya diikuti oleh kumpulan umur 20 hingga 24 tahun dan kumpulan yang berumur 30 hingga 34 tahun dan kumpulan umur 35 hingga 39 tahun. Keadaan ini adalah selari dengan taburan tenaga buruh di peringkat negeri dan negara.

Tenaga Kerja Iskandar Malaysia Mengikut Jenis Pekerjaan

Secara keseluruhannya, bilangan tenaga kerja Iskandar Malaysia telah meningkat bagi kebanyakan jenis pekerjaan termasuk Pekerjaan Asas, Pekerja Mahir

Pertanian, Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja kedai dan Jurujual, Juruteknik dan Profesional Bersekutu dan kumpulan Profesional. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2018 menunjukkan bahawa 25.7% daripada tenaga kerja di Iskandar Malaysia adalah di dalam kumpulan Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja Kedai dan Jurujual (2017: 21.6%). Ini adalah fenomena yang agak biasa kerana kebiasaannya sektor kecil ini merupakan tempat tumpuan kepada pencari-pencari kerja yang baru atau yang lama, bertepatan dengan pembangunan pesat pusat perkhidmatan perniagaan, mall, hypermarket dan seumpamanya. Pada tahun 2018, bilangan pekerja di sektor kecil ini telah meningkat dengan jumlah yang agak besar, iaitu 61 ribu orang. Peningkatan tenaga kerja di sektor kecil ini adalah hasil dari kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan dan swasta.

Jadual 4.10 Bilangan dan Peratus Tenaga Kerja Iskandar Malaysia, 2017 dan 2018.

Jenis Pekerjaan	2017		2018	
	Bilangan ('000)	Peratus (%)	Bilangan ('000)	Peratus (%)
1 Pengubal Undang-Undang, Pegawai Kanan dan Pengurus	44.1	4.2	43.5	4.1
2 Professional	98.8	9.1	110.1	10.3
3 Juruteknik dan Profesional Bersekutu	127.0	11.8	134.9	12.6
4 Pekerja Perkeranian	107.0	9.3	100.0	9.3
5 Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja kedai dan Jurujual	214.0	22.3	275.0	25.7
6 Pekerja Mahir Pertanian	16.0	1.6	22.3	2.1
7 Pekerja Pertukangan dan Berkaitan	140.5	14.0	126.7	11.8
8 Operator Loji dan Mesin serta Pemasangan	163.5	17.3	158.6	14.8
9 Pekerjaan Asas.	81.0	9.6	98.5	9.2
JUMLAH	992.2		1,069.5	

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN) dengan menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Seterusnya sejumlah 14.8% pekerja tertumpu di bidang Operator Loji dan Mesin serta pemasangan (2017:16.4%). Selain itu 12.6% pekerja adalah di dalam bidang Juruteknik dan Profesional bersekutu (2017:11.8%), 11.8% terlibat dalam bidang Pertukangan dan yang berkaitan (2017:14.0%). Seterusnya peratus yang bekerja di peringkat tinggi, iaitu sebagai Pengubal Undang-Undang, Pegawai Kanan dan Pengurus serta Professional meningkat kepada 14.4% (2017: 13.3%). Keadaan ini adalah selaras dengan status Iskandar Malaysia yang mengandungi pusat pentadbiran negeri, pusat perkhidmatan professional, pusat perniagaan dan pembuatan. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, Daerah Johor Bahru menduduki tempat ketiga selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Daerah Petaling di Selangor dari segi bilangan pertubuhan sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan (35,336 pertubuhan dan 2,944

pertubuhan). Pecahan tumpuan tenaga kerja adalah seperti di Jadual 4.11.

Kepentingan peranan tenaga kerja Iskandar Malaysia berbanding dengan kawasan lain di negeri Johor dapat diukur daripada tumpuan pekerjaan yang diceburi oleh penduduk negeri. Jadual 4.11 menunjukkan bahawa 63.2% tenaga kerja Negeri Johor adalah tertumpu di Iskandar Malaysia (2017: 61.4%).

Sumbangan tenaga kerja Iskandar Malaysia kepada tenaga kerja keseluruhan Negeri Johor adalah tinggi, iaitu melebihi 60% di dalam hampir semua jenis pekerjaan. Data yang berkaitan di pamerkan sebagai Jadual 4.11. Jelas bahawa di dalam hampir semua jenis pekerjaan, kecuali bagi Pekerja Mahir Pertanian dan pekerja Asas serta Pekerjaan Asas.

Jadual 4.11 Anggaran Sumbangan Tenaga Kerja Kawasan Iskandar Malaysia kepada Gunatenaga Negeri Johor 2017.

Jenis Pekerjaan	Bilangan Tenaga Buruh ('000)		Peratus Sumbangan IM Kepada Jumlah Tenaga Buruh Negeri Johor (%)
	Negeri Johor	Iskandar Malaysia (IM)	
1 Pengubal Undang-Undang, Pegawai Kanan dan Pengurus	63.7	43.5	68.3
2 Professional	169.7	110.1	64.9
3 Juruteknik dan Professional Bersekutu	198.8	134.9	67.8
4 Pekerja Perkeranian	147.0	100.0	68.0
5 Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja kedai dan Jurujual	417.0	275.0	65.8
6 Pekerja Mahir Pertanian	60.0	22.3	37.2
7 Pekerja Pertukangan dan Berkaitan	206.1	126.7	61.5
8 Operator Loji dan Mesin serta Pemasangan	247.5	158.6	64.1
9 Pekerjaan Asas.	168.9	98.5	53.8
JUMLAH	1,614.7	1,069.5	63.2%

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN) dengan menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Taburan Tenaga Kerja di Iskandar Malaysia Mengikut Jenis Industri

Bilangan tenaga kerja yang bekerja di Iskandar Malaysia meningkat kepada 1.0695 juta daripada 992 ribu pada tahun 2017 dan 947 ribu pada tahun 2016; peningkatan sebanyak 7.6% (2017:3.5%).

Sektor Pembuatan terus memainkan peranan penting di kalangan sektor-sektor yang menyediakan peluang pekerjaan di Iskandar Malaysia di tahun 2018. Adalah dianggarkan bahawa 24.6% daripada keseluruhan pekerja di Iskandar Malaysia bekerja di sektor ini (2017:27.3%). Keadaan ini adalah selari dengan kewujudan kawasan-kawasan perindustrian utama di Iskandar Malaysia seperti di Flagship B (Nusajaya), Flagship C (Western Gate), Flagship D (Eastern Gate) dan Flagship E (Skudai/ Senai). Berbanding bilangan tenaga buruh dan tenaga kerja keseluruhan Negeri Johor, Iskandar Malaysia mengalami Kadar Pengangguran yang rendah iaitu 2.9%, menyamai kadar pengangguran Negeri Johor pada tahun 2018 (2017:3.2%).

Sektor Perniagaan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran adalah sektor yang terpenting di dalam menyediakan pekerjaan di Iskandar Malaysia pada tahun 2018. Pada tahun 2018 sektor ini menyediakan 30.1% daripada jumlah pekerjaan iaitu pertambahan sebanyak 3.1 mata peratusan (2017:27.0%). Keadaan ini berkait rapat dengan ciri-ciri Central Business District (CBD) di Bandaraya Johor Bahru yang mempunyai sektor peruncitan yang aktif di kawasan-kawasan Flagship B (Nusajaya) dan Flagship E (Skudai/ Senai). Sektor ini lazimnya menjadi penyelamat bagi golongan pesara, pekerja yang kehilangan pekerjaan serta tenaga buruh yang baru masuk ke alam pekerjaan selepas taman persekolahan.

Sektor Perkhidmatan Kerajaan dan Perkhidmatan Lain juga memainkan peranan di dalam menyediakan peluang pekerjaan di Iskandar Malaysia. Selain daripada Flagship A dan Flagship B di mana terletak pusat pentadbiran utama Negeri dan Persekutuan, kewujudan beberapa institusi pendidikan dan penyelidikan di kawasan Flagship B dan Flagship E turut menyumbang di dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Pada tahun 2018, sumbangan sektor kecil ini meningkat dari 20.1% kepada 21.0%.

Jadual 4.12 Anggaran Tenaga Buruh Yang Bekerja Mengikut Sektor di Iskandar Malaysia, 2017 dan 2018.

Jenis Pekerjaan	2017		2018	
	Bilangan ('000)	Peratus (%)	Bilangan ('000)	Peratus (%)
1 Pertanian, Pemburuan, dan perikanan	29.1	2.9	41.4	3.9
2 Perlombongan dan Kuari	4.3	0.4	3.5	0.3
3 Pembuatan	270.9	27.3	263.3	24.6
4 Bekalan Elektrik, Gas dan Air	10.9	1.1	13.7	1.3
5 Pembinaan	94.7	9.5	83.6	7.8
6 Perdagangan Borong dan Runcit dan Hotel dan Restoren	268.2	27.0	322.5	30.1
7 Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	65.1	6.6	62.5	5.8
8 Pengantaran Kewangan, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	49.4	5.0	54.4	5.1
9 Perkhidmatan Kerajaan	168.2	17.0	194.2	18.2
10 Perkhidmatan Lain	31.4	3.2	30.5	2.8
JUMLAH	992.2		1,069.5	


Sumber : Anggaran BPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.

BAHAGIAN II: PEMBANGUNAN EKONOMI TIMUR JOHOR : KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU Pengerang (PIPC)

PENGENALAN

Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) sering dianggap sebagai pencetus pembangunan pantai timur Johor. Transformasi kawasan Pengerang daripada lima buah perkampungan nelayan dan ladang-ladang pekebun kecil menjadi kawasan penapisan petrokimia dan ruang penyimpanan bahan petroleum adalah luar biasa.

Aktiviti minyak dan gas yang paling intensif di Malaysia kini dilaksanakan di Johor, di mana projek-projek utama yang berkaitan dengan penyimpanan, perdagangan, *bunkering*, pergudangan dan pembuatan berkaitan peroleum terletak di daerah Tanjung Bin, Tanjung Langsat dan Pengerang. Negeri Johor telah memperuntukkan 20,000 ekar tanah di Daerah Pengerang untuk Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) yang menempatkan PETRONAS RAPID dan DIALOG-Vopak Pengerang Deepwater Terminal (PDT) (Rujuk Rajah 4.14).



Rajah 4.11 Senarai Aktiviti Minyak dan Gas Di Negeri Johor, 2018.
Sumber : Johor Petroleum Development Corporation.

LATARBELAKANG PIPC

PIPC bermula pada tahun 2011 sebagai projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (*Refinery and Petrochemical Integrated Development-RAPID*) hasil kesedaran bahawa sumber gas di Malaysia adalah tidak mampan dan menghadkan pertumbuhan industri petrokimia berasaskan gas. Adalah lebih mampan untuk meningkatkan portfolio petrokimia Petronas melalui pembinaan kompleks penapisan dan petrokimia bersepadu untuk pengeluaran produk hiliran petrokimia. Pada tahun 2012 Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor (*Johor Petroleum Development Corporation-JPDC*)

ditubuhkan sebagai sebuah agensi persekutuan di bawah Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia, dengan kerjasama kerajaan Negeri Johor.

Peranan JPDC adalah untuk melaksanakan visi yang bermula dengan projek RAPID Petronas dan menyelaraskan pembangunan rantau Pengerang. Tugas ini merangkumi urusan kewangan dan pembiayaan, pemasaran dan penyebaran maklumat, operasi pasca pembangunan dan pengawasan pembangunan infrastruktur dan utiliti di kawasan rantau Pengerang. Matlamat ini merangkumi keseluruhan usaha untuk mengubah Johor menjadi hab minyak dan gas hiliran kelas dunia

yang mampan dengan hasrat bagi memperoleh nilai dan pelaburan yang lebih besar daripada industri minyak dan gas. PIPC bermula dengan sasaran permulaan pada 2019 dan menyiapkan kemudahan untuk fasiliti penyimpanan 10 juta meter padu minyak dan gas menjelang 2020. Pada Januari 2017, Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang, yang ditadbir oleh Johor Corporation (JCorp), dilancarkan dengan tujuan mengawasi zon perindustrian PIPC dan kawasan sekitarnya. Bidang kuasanya meliputi 128,830 hektar yang sebelumnya berada di bawah Lembaga Bandaran Johor Tenggara dan Pejabat Daerah Kota Tinggi.

SEGMENT-SEGMENT DI KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU PENERANG (PIPC)

PIPC meliputi kira-kira 20,000 ekar yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri Johor; kira-kira bersamaan dengan 10 peratus saiz Singapura. PIPC terdiri daripada beberapa bahagian; Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) milik Petronas yang terdiri daripada RAPID dan kemudahan sampingan lain; Terminal Air Dalam Pengerang (PDT) Pengerang, usaha sama antara Petronas, Dialog Group Bhd, kerajaan negeri Johor dan Royal Vopak; dan Taman Industri

Pengerang Maritim (PMIP) milik Benelac Holdings Bhd. Juga dalam PIPC ialah Projek Pembangunan Bersepadu Pengerang (PIDP) milik Serba Dinamik Holdings Bhd, yang merangkumi Pengerang Eco-Industrial Park (PEIP) dan Pusat Komersil Antarabangsa Pengerang (PICC). Di keliling kawasan PIPC terdapat beberapa kawasan pembangunan bandar dan infrastruktur yang bersambungan hingga ke Bandar Penawar, Kota Tinggi dan Desaru. Bandar utama yang paling hampir dengan kawasan pembangunan PIPC ialah Sungai Rengit yang berfungsi sebagai nod utama bagi fasiliti dan kemudahan sedia ada. Jumlah pelaburan dalam PIPC berjumlah RM97 bilion.

PIPC juga mempunyai sektor bukan-penapisan yang menyokong aktiviti-aktiviti kawasan perindustrian utamanya. Butir-butir mengenai sektor-sektor ini dan keluasan kawasan yang diperuntukkan kepada mereka disenaraikan dalam Jadual 4.13.

Bahagian berikut membentangkan butiran mengenai beberapa sektor besar dalam PIPC. Walaupun tarikh permulaan untuk komponen PIC dalam PIPC adalah dijangka pada 2019, perkembangan berdekatannya akan diteruskan pembinaan untuk sekurang-kurangnya satu dekad lagi. Ringkasan kemajuan pembangunan dalam PIPC dan nilai pembangunan secara kasar disenaraikan sebagai Jadual 4.14.

Jadual 4.13 Segmen-Segmen Bukan-Penapisan di dalam PIPC.

Sektor Bukan-Penapisan	Perincian	Keluasan (Ekar)
Pusat penyelaras kecemasan	Koordinasi kecemasan, hospital dan klinik, koordinasi keselamatan PIPC	
Pusat pengurusan sisa	Rawatan air sisa, penukaran sisa pepejal	60
Pusat respons kecemasan	Pasukan respons kebakaran, pangkalan ambulans	10
Padang tangki berpusat	Pengendalian minyak mentah & produk, pengendalian sulfur & kok	1,400
Hab perkhidmatan perdagangan	Perkhidmatan profesional, perbankan & kewangan	180
Zon produk hiran siap	Plastik & bahan kimia halus, PKS	1,081
Hab industri pertengahan dan ringan	Industri sokongan, ujian & pemeteran	700
Hab logistik pepejal	Kemudahan kontena, sulfur & kok	125

Sumber : Johor Petroleum Development Corporation.

Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC)

PIC memenuhi tanah seluas 6,242 ekar yang merangkumi Pembangunan Bersepadu Penapisan & Petrokimia (RAPID), suatu pelaburan RM53 bilion oleh Petronas yang merupakan pelabur perintis yang terbesar di PIPC. Petronas telah mensasarkan pentauliahannya RAPID pada tahun 2019 dan berhasrat mencapai kapasiti penapisan 300,000 bbl sehari. Ini adalah usaha hiran tunggal terbesar Petronas di Malaysia dan mensasarkan penapisan minyak mentah

jenis "mid-sour crude" dari Timur Tengah, dengan produk akhir petrol dan diesel yang memenuhi spesifikasi Euro 4 dan Euro 5. Kilang penapisan RAPID juga akan menyediakan pelbagai jenis input untuk kompleks petrokimia dengan penghasilan bahan kimia khusus seperti derivatif-derivatif C4 dan C5.

Kemudahan di RAPID merangkumi fasiliti naphtha cracker yang mempunyai salah satu menara proses propylene fractionator yang paling tinggi dan paling berat di Malaysia. Fasiliti ini berupaya menghasilkan

ethylene, propylene dan produk-produk olefin C4-C6 yang keseluruhannya berjumlah lebih daripada 3 juta tan setahun (mtpa); semuanya merupakan bahan input untuk pengeluaran produk-produk petrokimia premium. Juga dipasang di RAPID adalah dua reaktor

ethylene oxide, di antara yang terbesar di dunia. Dengan pemasangan reaktor ini, RAPID berada di landasan untuk memulakan penapisan pertamanya dalam tahun 2019.

Jadual 4.14 Kemajuan pembangunan dan nilai pelaburan dalam PIPC (sehingga Januari 2018) dan angka pelaburan.

Aspek	Nilai Kasar Pembangunan	Kemajuan
Kompleks penapisan (RAPID)	RM53 billion	94%
Loji cracker wap (RAPID)		91%
Kompleks petrokimia (RAPID)		74 (Ogos 2017)
Kemudahan bekalan air mentah (PAMER)	RM36 billion	Mula operasi Julai 2016
Loji cogeneration (PCP)		Mula operasi Okt 2017
Terminal regasification 2 (RGT2)		Mula operasi Okt 2017
Unit pengasingan udara (ASU)		83%
Terminal Air Dalam Pengerang 2 (PDT2)	RM5 billion	83%
Taman Perindustrian Maritim Pengerang (PMIP)	RM14 billion	Mula pembinaan 2018
Projek Pembangunan Bersepadu Pengerang (PIDP)	RM1.4 billion	Mula pembinaan 2018

Sumber : Johor Petroleum Development Corporation, The Star Online; The Edge Weekly.

Selain daripada RAPID, RM36 bilion juga telah dilaburkan untuk kemudahan penjanaan tenaga elektrik, terminal pengegasan semula LNG, unit pemisah udara, projek bekalan air mentah, terminal cecair pukal serta beberapa fasiliti berpusat dan berkongsi.

Projek Air Mentah RAPID (PAMER) merupakan satu komponen di dalam PIC yang terdiri daripada stesen pengambilan, empangan, stesen pam booster dan saluran paip mentah sepanjang 88 km. PAMER mula beroperasi pada Julai 2016 dan menyumbang 30 juta liter sehari (MLD) air mentah ke takungan Sungai Lebam untuk membantu meningkatkan bekalan air Johor. Sebanyak 230 MLD yang dihasilkan diperuntukkan untuk kegunaan PIC. PAMER diunjurkan dapat menghasilkan 520 MLD bekalan air apabila ia beroperasi sepenuhnya.

Loji Janasama Pengerang (PCP) dimiliki sepenuhnya oleh Petronas dan terdiri daripada empat unit janasama yang menggunakan teknologi turbin gas kelas-H Siemens dan berkonfigurasi dua aliran bagi menghasilkan 1.22GW elektrik dan bekalan stim berterusan (1,480 tan sejam) bila beroperasi sepenuh kapasiti. PCP memulakan operasi pada Oktober 2017 dan kini menghasilkan 900 MW elektrik, yang mana 400 MW dijual ke grid nasional manakala selebihnya digunakan oleh PIPC. Keluaran stim digunakan oleh kilang-kilang di PIC.

Kemudahan lain dalam PIC termasuk tangki-tangki simpanan gas asli cecair (LNG) dan minyak, kilang regasifikasi dan unit pemisah udara. Terminal Pengegasan Semula 2 (RGT2) mula beroperasi pada Oktober 2017 dan merupakan usaha sama antara Petronas, Dialog Group Berhad dan kerajaan negeri Johor. Kemudahan ini menyokong inisiatif liberalisasi industri gas nasional dan membantu memastikan kesinambungan bekalan gas masa depan ke negara ini. Unit pemisah udara (ASU), usaha sama antara Petronas Gas Berhad dan Linde AG akan menghasilkan 2,954 tan gas perindustrian sehari.

PIC siap 98 peratus pada penghujung 2018. RGT2 dan PCP memulakan proses akreditasi untuk memenuhi keperluan industri pada Oktober 2017. Sehingga Januari 2018, projek ini melibatkan 70,000 kakitangan dari 65 negara dan dijangka memerlukan 350 juta jam lagi untuk siap sepenuhnya.

Terminal Air Dalam Pengerang 2 (PDT2)

Terminal Air Dalam Pengerang 2 (PDT2) ialah hasil pelaburan RM5 bilion oleh suatu usaha sama antara Petronas PRPC Utilities & Facilities Sdn Bhd, Dialog Equity (Two) Sdn Bhd, Vopak Terminal Pengerang BV dan SUK Johor Incorporated. PDT2 dijadualkan untuk pentauliahkan mengikut fasa dari separuh pertama tahun 2019, dan memberi perkhidmatan kepada RAPID sebagai pelanggan utamanya.

Pada permulaannya ia akan mempunyai kapasiti storan sebanyak 1.65 juta meter padu untuk minyak mentah, produk tapisan, produk petrokimia dan gas petroleum cecair (LPG). Terminal ini mempunyai dua belas dermaga dengan draf 24 meter, dan mampu menampung Pengangkut Minyak Mentah Sangat Besar (VLCCs). Tujuan utama PDT2 adalah untuk memudahkan pengimportan minyak mentah kepada PIC untuk ditapis menjadi bahan mentah yang akan diproses selanjutnya dalam PIPC menjadi permintaan tinggi dan produk bernilai tinggi seperti polimer, produk farmaseutikal dan plastik.

Taman Perindustrian Maritim Pengerang (PMIP)

PMIP adalah projek penambakan sepuluh tahun 1 672.8-hektar yang dikendalikan oleh Benalec Holdings Berhad pada satu-satunya kawasan pinggir laut yang tinggal 3.7 km di PIPC berhampiran Tanjung Ramunia. Fasa 1 memerlukan penambakan 1,180.1 ekar dalam tempoh enam tahun. Nilai pembangunan kasar projek itu adalah kira-kira RM14 bilion (kira-kira AS \$ 3.58 bilion). Kerja-kerja persediaan tapak bermula pada bulan Ogos 2016 dan 100 ekar tanah disasarkan untuk bersedia untuk pembangunan bahagian atas pada pertengahan 2018. Penambakan akan mengelilingi dan menangkap Pulau Cik Kamat, sebuah pulau kecil yang tidak jauh dari pantai.

Pengerang Integrated Development Project (PIDP)

Pembangunan besar oleh Serba Dinamik Holdings Berhad pada 132 ekar dalam PIPC mewakili pelaburan RM1.4 bilion (kira-kira AS \$ 358 juta) termasuk Taman Pengerang Eco-Industrial (PeIP), Pusat Perdagangan Antarabangsa Pengerang (PICC) Northshore Residences. Perisind Samudra Sdn Bhd, perunding kejuruteraan berasaskan Johor menguruskan projek ini. PICC yang berukuran 9 ekar, yang memulakan pembinaan pada 2018, akan merangkumi menara pejabat korporat, pangsapuri perkhidmatan, kemudahan runcit, persidangan dan jamuan.

MANFAAT PIPC KEPADA PETRONAS, NEGERI JOHOR DAN NEGARA

Sebelum kemunculan PIPC, bandar Pengerang dan kawasan persekitarannya yang merangkumi tujuh perkampungan nelayan dan pekebun di daerah yang dianggap pedalaman dengan akses dan infrastruktur yang terhad. Pemilihan kawasan Pengerang adalah disebabkan oleh beberapa ciri semula jadinya. Pesisir

pantai di kawasan Pengerang yang mempunyai perairan dengan kedalaman di antara 20 hingga 24 meter membolehkan dibina pelabuhan yang selamat dan terlindung tanpa memerlukan pemecah air (*breakwater*). Perairan ini mempunyai ciri-ciri pelabuhan (*anchorage area*) semula jadi dengan keperluan yang minimum untuk pengorekan untuk penyelenggaraan dan keperluan untuk jambatan (*trestle*) yang tidak terlalu panjang untuk jeti VLCC. Selain itu, Pengerang boleh diakses menerusi beberapa lebuh raya dan lapangan terbang (di Johor dan di Singapura) dan berdekatan dengan kemudahan pelabuhan laut dalam dan pusat permintaan serantau yang lain, yang membolehkan pengangkutan barang ke pasaran. Pasaran ASEAN dan Asia boleh diakses melalui perkapalan antarabangsa yang melalui Pengerang. Kemudahan yang sudah sedia ada di Malaysia adalah berserakan dan jauh dari pelabuhan antarabangsa. sebahagian besar daripada kemudahan-kemudahan ini tidak mempunyai pelabuhan laut dalam, tidak dapat menghasilkan produk mengikut spesifikasi Euro 4 dan Euro 5, dan tidak mempunyai ruang untuk pengembangan.

Industri minyak dan gas menyumbang antara 20 hingga 30 peratus daripada KDNK Malaysia, walaupun dengan harga minyak mentah dunia yang rendah. Terdapat lebih daripada 3,500 syarikat minyak dan gas tempatan dan antarabangsa yang beroperasi di Malaysia; kesan penggandaan industri ini adalah tinggi. Sejak tahun 2015, Malaysia telah berhadapan pertumbuhan yang kecil dalam pengeluaran minyak dan rizab dengan diiringi oleh pengeluaran gas yang menurun. Terdapat tiga puluh enam medan gas (LNG) di seluruh Malaysia yang sedang mengeluarkan hasil selain dari medan lain yang berpotensi untuk dibangunkan. Pengguna utama LNG Malaysia kini adalah kebanyakannya stesen janakuasa (53.7 peratus) dan industri (33.3 peratus). Unjuran untuk LNG pada tahun 2010 adalah pengeluaran lebih tinggi (88.5 peratus) daripada penggunaan (53.7 peratus). Kehadiran RGT2 di PIPC akan membolehkan pembekal lain memasuki pasaran dan mana-mana pihak akan dapat membekalkan LNG kepada syarikat-syarikat janakuasa tempatan di samping pelanggan-pelanggan lain.

Rizab minyak baru di Borneo Utara adalah sedalam 200 hingga 1,200 meter di dasar laut dan oleh itu lebih mahal untuk diekstrak. Walau bagaimanapun, peningkatan tekanan terhadap harga minyak bermakna segmen hiliran akan terus menguntungkan dengan harga rendah minyak menyebabkan harga bahan yang rendah untuk industri hiliran.

Melaraskan strategi keselamatan tenaga Malaysia untuk meningkatkan kapasiti penapisan supaya menjadi pengeksport bersih produk minyak akan membantu Petronas memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk produk bernilai tinggi di Asia Pasifik untuk dua puluh tahun akan datang dan menarik pelaburan langsung domestik dan asing ke dalam negara. Apabila PIPC dan pembangunan Taman Perindustrian Minyak & Gas Sipitang (SOGIP) di Sabah siap, kapasiti penapisan nasional Malaysia akan meningkat daripada 588,000 bbl sehari kepada 1,158,000 bbl sehari. Secara bersendirian PIPC dijangka menjana RM8.3 bilion untuk pendapatan negara kasar Malaysia menjelang tahun 2020. Petronas mendapat manfaat daripada penubuhan PIPC dan peningkatan dalam eksport LNG kerana MISC Berhad, sebuah syarikat pengangkutan dan kejuruteraan LNG, yang sebahagiannya dimiliki oleh Petronas, mengendalikan 8 peratus daripada aktiviti pengangkutan global LNG. Selain itu Petronas Gas Berhad (PGB) terlibat dalam perniagaan infrastruktur dan utiliti gas, serta memiliki dan mengendalikan loji-loji pemrosesan gas dan sistem *Peninsular Gas Utilization* (PGU) untuk Malaysia dan Singapura. Di PIPC, PGB terlibat dalam PCP, RGT2 dan ASU.

Tidak seperti projek infrastruktur besar di Malaysia sebelum ini, PIPC jelas telah diposisikan sebagai suatu pembangunan yang didorong oleh keperluan setempat dan negara. Sehingga Januari 2018, lebih daripada 40 pakej kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pentauliahan (*engineering, procurement, construction, commissioning - EPCC*) telah dianugerahkan dengan melibatkan 13 pelesen yang terdiri daripada lebih daripada 200 pembekal dan kontraktor dari pelbagai negara. Dalam 2016 *Sustainability Report*, Petronas mengumumkan bahawa ia telah menganugerahkan kerja kepada 649 subkontraktor Malaysia dengan kontrak untuk fabrikasi, bekalan peralatan, perkhidmatan penyelesaian, komunikasi telefon, F&B, kedai dobi dan runcit; dengan jumlah nilai kira-kira USD7.35 juta.

PIPC Sebagai Hab Petrokimia Serantau

PIPC telah diilham berdasarkan model aktiviti maritim Amsterdam, Rotterdam-Antwerp (ARA), rangkaian pelabuhan dan rangkaian bekalan minyak. Seperti ARA yang penting kepada Eropah Utara dalam aspek-aspek pengisian (*bunkering*) serta pengangkutan minyak dan gas segitiga yang terdiri daripada Singapura, Johor dan Kepulauan Riau akan menjadi

seperti ARA di Asia Tenggara, dengan Pengerang dijangka memintas Rotterdam dalam kejayaannya. Rajah 3 menggambarkan kedudukan istimewa PIPC dalam aspek laluan maritim, dan juga kedekatannya kdengan pelbagai tapak aktiviti minyak dan gas.

Selain dari mempunyai aset geografi, Pengerang mempunyai akses mudah ke laluan perkapalan utama antara Timur Tengah, Singapura dan China. Jaraknya yang dekat dengan terminal laut dalam Singapura memberi peluang yang baik untuk memperolehi syer trafik VLCC dan ULCC³ memandangkan sekitar 15.2 juta tong minyak dibawa melalui Selat Melaka setiap hari. Selain itu kerajaan Malaysia juga menawarkan insentif pelbagai cukai untuk syarikat minyak dan gas yang memilih menggunakan pelabuhan Malaysia dan melabur dalam industri minyak dan gas tempatan.

Di dalam negara, PIPC dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan peluang untuk negeri-negeri pengeluar minyak dan gas Malaysia seperti Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Kajian berterusan mengenai royalti minyak dijangka akan terus menggalakkan penyertaan yang lebih besar dalam sektor minyak, yang boleh memberi manfaat kepada PIPC dari segi *bunkering* atau penyimpanan LNG. Perkembangan baru di Malaysia Timur termasuk hab LNG bersepadu di Bintulu yang mensasarkan pasaran yang kurang mendapat perhatian seperti Brunei juga boleh menjadi manfaat kepada PIPC.

Pengembangan PIPC memberi manfaat kepada Petronas khususnya disebabkan oleh perniagaan antara-rantau yang sedia ada. Usaha sama Petronas dengan Trans Thai Malaysia untuk pengangkutan dan pemrosesan gas dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) dan kepentingannya di Transasia Pipeline Pvt Ltd, Indonesia boleh memungkinkan minyak dan gas dari negara jiran disalurkan melalui Pengerang, meningkatkan kegunaannya sebagai hab serantau. Royal Vopak, rakan usaha sama di RAPID, sebagai syarikat penyimpanan tangki bebas terbesar di dunia (dari segi kapasiti), mungkin juga dapat mempengaruhi transit minyak dan gas di antara kemudahan globalnya. Rangkaian yang luas ini akan menjadi rahmat kepada PIPC sebagai sebuah entiti, serta kepada syarikat-syarikat pelaburannya apabila perniagaan mereka dipacu ke arah fasiliti hiliran yang baru ini.

³ Very large crude carrier dan ultra large crude carrier.

PIPC Sebagai Pemangkin Pembangunan.

PIPC adalah merupakan titik permulaan pembangunan di pantai timur Johor. Bagi mengekalkan hubungan baik antara Pengerang dan sekitarnya beberapa langkah telah diambil. Jalan-jalan sedia ada telah diperluaskan dan jalan-jalan baru telah dibina untuk meningkatkan akses atau memenuhi keperluan kenderaan berat. Pelaburan kerajaan persekutuan dalam infrastruktur untuk PIPC berjumlah RM2.49 bilion. RAPID City Center adalah pembangunan seluas 196 ekar yang dilancarkan pada 2015 di Sungai Rengit yang terdiri daripada rumah kedai dan lot pejabat. Kemudahan baru yang lain terletak di sekitar tapak pemindahan untuk bekas penduduk kampung yang bertujuan untuk memberi manfaat khusus kepada komuniti asal kawasan tersebut.

Dengan skala PIPC yang besar, telah diunjurkan bahawa populasi kawasannya akan lebih ramai daripada 30,008 orang pada tahun 2010 kepada 70,043 orang pada 2020. Permintaan perumahan akan meningkat daripada penginapan yang diperlukan untuk 7,280 keluarga pada tahun 2010 kepada kira-kira 14,000 keluarga pada tahun 2020. Bilangan kakitangan langsung Petronas dijangka meningkat daripada 59 pada 2016 kepada 4,483 orang pada tahun 2020. Oleh kerana kapasiti ruang sewaan tempatan adalah sangat terhad dengan kos sewa yang tinggi wujud keperluan untuk membangunkan kemudahan perumahan dan kemudahan yang berkaitan untuk penduduk dan pekerja PIPC. Justeru, beberapa bandar baru yang memenuhi keperluan pelbagai lapisan masyarakat telah berkembang. Lokasi perbandaran ini ditunjukkan dalam Rajah 4.15.

Juga tidak jauh dari PIPC, perkembangan kawasan-kawasan kediaman baru termasuk Innocity Residence dan Vivo Cove City. Bandar Penawar kini menjadi bandar satelit terdekat dan kini merupakan perbandaran utama di luar Sungai Rengit untuk menyokong keperluan perumahan PIPC. Di Kota Tinggi, Sungai Papan adalah satu kawasan pertumbuhan seluas 3,160 hektar yang dijadikan bandar satelit yang dijangka memenuhi keperluan PIPC. Johor Corporation dijangka membina 60,000 unit perumahan pelbagai jenis serta kemudahan untuk perdagangan, industri marin, pendidikan dan penyelidikan dan pembangunan. Kemudahan juga dibina bagi keluarga-keluarga generasi kedua penduduk yang berpindah dari tujuh kampung yang wujud di kawasan itu sebelum PIPC. Ini adalah juga

untuk memenuhi keperluan penempatan semula masa depan penempatan baru sedang dibina di Kampung Punggai, tidak jauh dari Taman Bayu Damai .

Sebelum PIPC, Pengerang telah dicadangkan untuk dijadikan sebagai destinasi eko-pelancongan dengan merangkumi kawasan di sekitar kampung-kampung pesisir yang tenang yang terkenal dengan restoran-restoran udang dan tempat-tempat melihat dugong. Dengan PIPC yang mengubah sepenuhnya sasaran ekonomi kawasan ini, pelancongan di Desaru dan Pantai Timur yang berhampiran sedang dipertingkatkan. Dengan pusat peranginan dan tarikan sedia ada dipertingkatkan, Khazanah Nasional Bhd memberi tumpuan kepada Desaru sebagai hab pelancongan bersepadu. Kawasan seluas 4,114 ekar di persisiran pantai sepanjang 17 km di sepanjang Laut China Selatan sedang diubah menjadi pusat peranginan lima bintang, padang golf dan taman tema. Dipasarkan di bawah jenama Desaru Coast, padang golf ini sudah dibuka untuk kegunaan pelancong.


KESIMPULAN

Kejayaan sebenar PIPC hanya dapat dilihat selepas tahun 2020 apabila RAPID memulakan operasi dan kemajuan pelaburan di kompleks yang lebih luas dapat dilihat. Dengan perbandaran baru dan Pantai Desaru disiapkan, ekosistem yang lengkap yang boleh menarik dan menyokong modal insan yang berkualiti tinggi akan wujud. Hanya apabila semua bahagiannya siap tersedia barulah penilaian yang tepat mengenai kejayaan PIPC boleh dibuat. Dengan semua ini, dan dengan aliran pelaburan yang meningkat serta permintaan untuk produk PIPC yang meningkat, projek ini akan menjadi suatu cerita kejayaan.

Terdapat kemungkinan besar PIPC akan memperolehi kaedah yang positif untuk bekerjasama dengan atau melengkapi Singapura. PIPC dapat memenuhi keperluan pembuatan, bekalan, ruang dan kos yang lebih rendah yang mungkin tidak dapat diberikan oleh Singapura. Walau apa pun keperluan untuk menyesuaikan dengan trend global mengenai penggunaan plastik yang berkurangan dan pencarian berterusan untuk sumber tenaga mesra alam, mungkin terdapat ruang dalam industri untuk PIPC, Singapura dan lain-lain pihak di ASEAN.

Walau bagaimanapun, pembangunan dan perindustrian sentiasa datang dengan kos. Kos sosioekonomi dan alam sekitar PIPC tidak unik untuk kawasan ini sahaja. Walaupun perubahan besar-besaran seperti ini dilakukan dengan memberi perhatian kepada faedah yang lebih besar kepada negeri dan negara, keseimbangan mesti dicari untuk memastikan manfaat sampai kepada rakyat. Lebih banyak perlu dilakukan untuk memastikan masyarakat setempat tidak ditinggalkan, dilupakan atau hilang dalam usaha mencapai matlamat ekonomi, atau hanya dalam kemasukan pekerja migran yang besar

untuk projek ini. Keutamaan mesti diberi kepada isu kesihatan dan keselamatan tempatan, sama ada yang berkaitan dengan trafik kenderaan berat, kontraktor yang gopoh, peningkatan jenayah dan pencemaran udara dan air. Usaha perlu untuk melahirkan integrasi atau pemisahan di antara pekerja migran dan tempatan untuk memastikan supaya kualiti hidup penduduk tempatan dan pendatang baru tidak merosot di dalam usaha untuk mewujudkan keadaan hidup yang kondusif dengan keuntungan kewangan dan peningkatan hidup masyarakat.



EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2019

LAPORAN EKONOMI 2018/2019 NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

PENGENALAN


Bab ini membincangkan unjuran prestasi ekonomi makro Negeri Johor bagi tahun 2019. Perbincangan dimulakan dengan membentangkan maklumat mengenai prestasi dan arah aliran (*trend*) ekonomi Dunia secara ringkas. Ini akan diikuti oleh perbincangan mengenai arah aliran ekonomi beberapa kawasan negara maju, termasuk Amerika Syarikat (AS), kawasan Euro, China, Jepun dan Singapura. Maklumat ini adalah penting kerana prestasi ekonomi rantau-rantau tersebut memberi kesan kepada ekonomi Malaysia yang amat terbuka.

Seperti di Bab 1, ukuran prestasi utama yang digunakan di dalam perbincangan ini ialah pertumbuhan KDNK. Ini dilengkapi dengan ukuran-ukuran arah aliran ekonomi secara berkategori (*categorical*); di antaranya, naik/turun permintaan/perbelanjaan domestik, naik/turun permintaan/perbelanjaan luar negeri, situasi-situasi pasaran perumahan, pasaran pekerja, pelaburan hartanah, peluang pekerjaan, dan beberapa ukuran lain.

EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2019¹


Aktiviti ekonomi global terus perlahan pada permulaan 2019, dengan aktiviti perdagangan dan pembuatan menunjukkan tanda-tanda kelemahan yang jelas (Rajah-Rajah 5.1). Ketidakpastian dalam polisi yang semakin meningkat dan peningkatan semula ketegangan perdagangan di kalangan negara-negara ekonomi utama, telah disertai oleh penurunan dalam pelaburan global dan kemerosotan keyakinan (Rajah 5.2a). Aktiviti ekonomi di negara-negara maju utama, terutamanya negara-negara Kawasan Euro, serta aktiviti ekonomi di beberapa negara EMDE telah menjadi lebih lemah daripada yang dijangkakan sebelumnya. Beberapa petunjuk memberi bayangan bahawa tempoh kelemahan ini mungkin berkurangan. Walau bagaimanapun aktiviti ekonomi global masih berhadapan dengan tekanan.

Di tengah suasana inflasi global yang rendah dan kemerosotan di dalam prospek pertumbuhan, kemungkinan bahawa *US Federal Reserve* dan bank-bank pusat ekonomi-ekonomi utama akan mengetatkan dasar monetari dalam tempoh terdekat sudah menjadi semakin rendah. Ini meredakan tekanan pembiayaan global dan sedikit memudahkan aliran modal kepada negara-negara EMDE. Walau bagaimanapun, kelemahan permintaan luar telah memuramkan pertumbuhan eksport di seluruh kawasan EMDE. Walaupun permintaan terhadap komoditi perindustrian secara amnya perlahan, harga telah sebahagiannya pulih disebabkan oleh keadaan bekalan yang ketat. Momentum pertumbuhan EMDE secara amnya masih lemah, memandangkan perdagangan global yang perlahan dan keredaan di dalam ketidakpastian polisi yang berterusan dalam ekonomi-ekonomi utama yang hanya sebahagiannya mengalami keadaan yang lebih baik hasil penambahbaikan dalam syarat-syarat pembiayaan luar.



Rajah 5.1a Perbandingan Pertumbuhan Ekonomi Dunia, Negara-Negara Maju dan Kawasan EMDE, 2015-2021.

Sumber : Bank Dunia




Rajah 5.1b Indeks Pembuatan dan Pesanan Eksport Dunia 2016-2019.

Sumber : Bank Dunia

¹ Prospek dan scenario ekonomi pada pertengahan tahun 2019.


² *Emerging markets and developing economies.*

Unjuran pertumbuhan global bagi 2019 telah diturunkan kepada 2.6%, iaitu 0.3 mata peratusan di bawah unjuran sebelumnya. Ini mencerminkan kelemahan pada separuh pertama tahun ini, termasuk kemerosotan pelaburan di tengah-tengah ketegangan perdagangan yang semakin meningkat. Khususnya, unjuran pertumbuhan perdagangan global bagi 2019 telah disemak semula 1.0 mata peratusan, kepada 2.6%, iaitu di bawah kadarnya semasa kelembapan perdagangan pada tempoh 2015-16, dan merupakan yang paling rendah sejak krisis kewangan global.



Rajah 5.2a Keyakinan Perniagaan Global, Negara-Negara Maju dan Kawasan EMDE, 2017-2021.

Sumber : Bank Dunia



Rajah 5.2b Pertumbuhan Per Kapita bagi 6 kumpulan negara-negara EMDE, 2019.

Sumber : Bank Dunia

Apabila kelembapan ini reda, pertumbuhan global dijangka akan meningkat sehingga 2.7% pada tahun 2020 dan kepada 2.8% pada tahun 2021. Aktiviti yang semakin perlahan di kalangan ekonomi maju dan China dijangka akan disertai oleh pemulihan kitaran sederhana di kalangan pengeksport komoditi utama dan di kalangan beberapa EMDE yang terjejas oleh pelbagai tekanan pasaran kewangan atau kekalutan seperti sekatan perdagangan.

Pertumbuhan ekonomi negara-negara EMDE dijangka meningkat dari 4.0% di tahun 2019 kepada 4.6% pada 2020-21. Unjuran pemulihan ini didasarkan pada impak yang semakin berkurangan daripada tekanan kewangan terdahulu yang saat ini sedang menekan aktiviti beberapa negara besar EMDE dan pada keadaan pembiayaan global yang lebih baik daripada yang dijangkakan sebelum ini. Unjuran ini tidak menganggap akan wujud peningkatan dalam sekatan perdagangan antara ekonomi-ekonomi utama dan mengandaikan wujud kestabilan dalam harga komoditi. Walaupun pemulihan dijangka, pertumbuhan per kapita di sebilangan negara-negara EMDE akan kekal rendah, tidak cukup tinggi untuk merapatkan jurang pendapatan dengan ekonomi-ekonomi maju (Rajah 5.2b).

Selain itu, pertumbuhan pelaburan EMDE akan terus perlahan, terutamanya di kalangan negara-negara pengeksport komoditi dan negara-negara yang terjejas oleh tekanan baru-baru ini. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kelemahan pertumbuhan pelaburan EMDE termasuk tahap hutang yang tinggi, ruang fiskal yang terhad, hala tuju polisi yang tidak jelas, dan iklim perniagaan yang kurang memberangsangkan. Pelaburan yang tertekan akan melemahkan prospek pertumbuhan EMDE melalui pengukuhan modal yang perlahan secara langsung dan secara tidak langsung melalui kesannya yang melembapkan produktiviti yang akan menjadikan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan lebih sukar.

Di tengah-tengah suasana kemungkinan yang rendah untuk berlaku penambahbaikan dasar di kalangan ekonomi-ekonomi utama, risiko kekal sederhana tinggi. Keyakinan terhadap pertumbuhan ekonomi dan pelaburan mungkin terjejas oleh peningkatan di dalam ketidakpastian dasar yang diakibatkan oleh, di antara lain, halangan perdagangan baru yang besar di antara ekonomi utama yang mengakibatkan peningkatan kos perdagangan dan kekaburan mengenai peraturan dagangan masa hadapan. Sekiranya peningkatan ini berterusan, kesan ke atas pelaburan dan aktiviti global boleh menjadi parah. Peningkatan ketidakpastian juga boleh berlaku seiring dengan peningkatan kemungkinan keluarnya United Kingdom dari Kesatuan Eropah (EU). Sebaliknya, pelesenan ketidakpastian yang beransur-ansur, contohnya jika berlaku, penyelesaian ketegangan perdagangan menyeluruh antara Amerika Syarikat dan China, boleh mengukuhkan prospek pertumbuhan global dengan ketara. Potensi kebaikan daripada resolusi sedemikian

memberi gambaran betapa besarnya kos peluang (opportunity cost) yang berkaitan dengan apa saja jenis ketegangan perdagangan yang berlaku.

Sentimen pasaran kewangan yang merosot akan membawa kepada kenaikan premium risiko secara tiba-tiba dan diperbesarkan oleh tahap hutang yang tinggi dan meningkat, kelemahan sektor korporat, dan peningkatan dalam tekanan pembiayaan semula di banyak negara-negara EMDE. Risiko berlakunya kelembapan yang di luar jangkaan di kalangan ekonomi utama; seperti Kawasan Euro, Amerika Syarikat atau China, akan mengakibatkan pertumbuhan global dan EMDE yang lebih rendah. Sementara itu, perubahan iklim sentiasa menjadi risiko yang semakin meningkat kepada negara-negara EMDE.

Aktiviti moderasi global yang semakin muram dan risiko kemerosotan pertumbuhan yang lebih tinggi menyerlah keperluan pembuat-pembuat dasar di ekonomi maju dan EMDE untuk mengukuhkan penampakan dasar terhadap kemungkinan berlakunya kejutan dan untuk meningkatkan prospek pertumbuhan jangka pendek dan jangka panjang.

Walaupun prospek pertumbuhan lemah, masih terdapat potensi peningkatan yang ketara hasil pelaksanaan reformasi struktur yang memperbaiki iklim perniagaan dan menggalakkan penajaan pekerjaan. Peningkatan keefsyenan sektor awam yang memupuk suasana pelaburan sektor swasta akan menjadi kunci kepada memenuhi keperluan infrastruktur yang besar bagi tenaga elektrik, pengangkutan, bekalan air dan sanitasi, dan pencegahan dan pengurangan perubahan iklim. Bank Dunia menganggarkan bahawa perbelanjaan infrastruktur yang diperlukan untuk memenuhi Matlamat Pembangunan Lestari di kawasan EMDE menjelang 2030 ialah antara 4.5% hingga 8.2% daripada KDNK, bergantung kepada pilihan dasar. Mempertingkatkan akses kepada tenaga elektrik, meningkatkan kualiti infrastruktur logistik dan pengangkutan, memanfaatkan teknologi digital, dan mempertingkatkan kualiti institusi boleh membantu meningkatkan potensi pertumbuhan dan menyumbang kepada pengurangan kemiskinan.


Meningkatkan produktiviti pertanian juga berpotensi membantu meningkatkan peluang pembangunan dan meningkatkan daya tahan terhadap perubahan cuaca yang melampau di kawasan yang mempunyai ramai penduduk yang terdedah. Memperkukuhkan peranan jaringan keselamatan sosial dan polisi

pasaran buruh juga penting untuk menangani risiko dan meningkatkan akses kepada pekerjaan produktif.

Secara keseluruhannya, di tengah-tengah prospek pertumbuhan yang lemah dan risiko yang semakin tinggi, ekonomi maju dan EMDE perlu bersedia untuk melaksanakan polisi bagi tindakan yang diselaraskan sekiranya berlaku kelembapan global yang memberi ancaman ekonomi dan membantut usaha pengurangan kemiskinan. Pihak Bank Dunia berpendapat koordinasi antarabangsa akan meningkatkan keberkesanan polisi fiskal dan monetari. Institusi-institusi kewangan antarabangsa dan G20 berpotensi memainkan peranan penting dalam mendorong koordinasi sedemikian.


EKONOMI-EKONOMI UTAMA PADA PERTENGAHAN TAHUN 2019

Data sehingga pertengahan tahun 2019 menunjukkan kemuraman aktiviti di kalangan ekonomi-ekonomi maju, terutamanya di Kawasan Euro. Pelaburan telah kehilangan momentum dan pertumbuhan perdagangan telah menurun dengan nyata (Rujuk Rajah 5.3a). Walau bagaimanapun, penggunaan swasta menunjukkan daya tahan, disokong oleh penajaan pekerjaan yang berterusan dan upah benar (real wages) yang lebih tinggi (Rajah 5.3.b). Sebagai bertindak balas kepada inflasi yang lemah dan aktiviti yang semakin perlahan, polisi monetari telah menjadi lebih akomodatif. Aktiviti agregat dalam ekonomi-ekonomi maju dijangka akan menjadi lemah dalam jangka sederhana.



Rajah 5.3a Pertumbuhan Perdagangan dan Pelaburan (%) Di Negara-Negara Maju, 2015-2019.

Sumber : Haver Analytics, Bank Dunia




Rajah 5.3b Pertumbuhan Upah dan Kadar Inflasi bagi AS, Kawasan Euro dan Jepun, April 2019.

Sumber: Bank Dunia


Amerika Syarikat (AS)

Pertumbuhan ekonomi AS kekal kukuh. Akta Cukai dan Pekerjaan dan Akta Belanjawan Bipartisan yang masing-masing diperkenalkan pada akhir tahun 2017 dan awal tahun 2018 memberi kesan positif kepada pertumbuhan jangka terdekat. Walau bagaimanapun kesan sumbangan dua akta ini sudah makin berkurangan (Rajah 5.4a). Pengangguran berada pada tahap terendah dalam tempoh hampir lima dekad, dan inflasi berlegar di bawah sedikit daripada sasaran 2.0%. Pertumbuhan eksport sudah menjadi semakin perlahan, dengan penurunan yang sangat ketara dalam eksport barang-barang ke Kesatuan Eropah dan rantau Asia Timur dan Pasifik. Kenaikan tarif baru-baru ini yang meningkatkan kos ke atas pelbagai barangan telah memberi kesan negatif kepada pendapatan benar AS. Dengan inflasi yang lemah, peningkatkan risiko dari persekitaran luar dan isu polisi yang tidak selesai, pihak Federal Reserve telah sebenarnya memberi petanda rentak pengetatan yang beransur-ansur.



Rajah 5.4a Kadar Pertumbuhan Sukutahun Pelaburan Swasta dan Perbelanjaan Awam, 2017-2019.

Sumber : Biro Analisis Ekonomi, Bank Dunia.



Rajah 5.4b Kadar Pertumbuhan Tahunan Bagi Produktiviti dan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (LFPR) (Perubahan Titik Peratusan) Bagi AS, Jan 2009- Apr 2019.


Sumber : Biro Analisis Ekonomi, Bank Dunia.

Bank Dunia menganggarkan ekonomi AS tumbuh perlahan hingga 2.5% pada tahun 2019 dan seterusnya berkurangan kepada 1.7% pada tahun 2020 dan 1.6% pada tahun 2021, apabila kesan rangsangan fiskal terkini mulai merosot. Unjuran ini tidak berbeza daripada ramalan terdahulu disebabkan oleh kewujudan beberapa faktor pengimbangan. Di satu pihak, kenaikan tarif dan tindak balas yang berkaitan dijangka mengimbangkan aktiviti. Di sisi lain, pertumbuhan disokong oleh polisi monetari yang lebih akomodatif daripada yang diandaikan sebelumnya dan disokong juga oleh peningkatan pertumbuhan produktiviti dan penyertaan tenaga buruh yang berterusan (Rujuk Rajah 5.4b). Kesinambungan trend positif ini boleh menghasilkan pertumbuhan jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi daripada yang diramalkan. Sebaliknya, peningkatan selanjutnya dalam sekatan perdagangan atau ketidakpastian polisi berpotensi menghalang keaktifan ekonomi.

Kawasan Euro


Perkembangan ekonomi di Kawasan Euro telah menjadi lembab dengan agak cepat sejak pertengahan tahun 2018, khususnya dalam sektor pembuatan (Rajah 5.5a). Kelembapan ini mencerminkan terutamanya penurunan dalam eksport, terutamanya ke rantau China dan rantau Eropah dan Asia Tengah. Permintaan dalam negeri juga telah menjadi lemah, walaupun pada tahap yang lebih kecil, kerana penurunan kadar pengangguran yang semakin perlahan dan pertumbuhan gaji benar yang agak mantap.

Sebagai tindak balas terhadap aktiviti yang perlahan, kerajaan-kerajaan Jerman, Perancis, dan Itali telah mengumumkan rancangan pemotongan cukai dan peningkatan perbelanjaan awam yang gabungannya dianggarkan bernilai 0.2% daripada KDNK Kawasan Euro setahun bagi tempoh 2019-21. Di samping itu, European Central Bank (ECB) telah mengumumkan untuk menyediakan bank-bank dengan tambahan kredit berkos rendah, bermula September 2019. Inflasi teras kekal pada 1% dan ECB dijangka tidak akan menaikkan kadar pembiayaan semula utamanya sehingga sekurang-kurangnya 2020.



Rajah 5.5a Kadar Pertumbuhan Bulanan Pengeluaran Industri dan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Bagi Kawasan Euro, Jan 2016- Apr 2019.

Sumber : Biro Analisis Ekonomi, Bank Dunia.



Rajah 5.5b Sumbangan Permintaan Domestik Kepada Pertumbuhan KDNK Kawasan Euro, Suku 1, 2014 - Suku 1, 2019.

Sumber : Biro Analisis Ekonomi, Bank Dunia.

Pertumbuhan dijangka menurun dari 1.8% pada 2018 kepada 1.2% pada tahun 2019 dan meningkat ke 1.4% secara purata pada 2020-21. Relatif kepada unjuran sebelumnya, ini merupakan penurunan sebanyak 0.4

mata peratusan di tahun 2019 dan 0.1 mata peratusan di tahun 2020, mencerminkan kelemahan di dalam permintaan perdagangan dan permintaan domestik yang tidak akan dapat diimbangi sepenuhnya walau pun oleh sokongan daripada polisi fiskal dan monetari yang lebih akomodatif.

Jepun


Aktiviti ekonomi di Jepun mendapat manfaat daripada sokongan kerajaan pada separuh pertama tahun 2019, dan juga pemulihan ekoran bencana alam tahun 2018, tetapi masih kurang memberangsangkan. Dagangan, terutamanya eksport ke China, adalah pada tahap yang sangat lemah. Kenaikan cukai nilai ditambah (VAT) menjelang Oktober berkemungkinan melemahkan lagi aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, pengangguran adalah rendah, penyertaan tenaga buruh terus meningkat dan sektor perkhidmatan kekal aktif.

Pertumbuhan pada 2019 dijangka pada kadar 0.8%, turun daripada unjuran sebelumnya disebabkan oleh permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan. Pelbagai langkah fiskal dijangka akan mengurangkan kesan jangka terdekat kenaikan VAT menjelang akhir tahun ini. Dengan ekonomi yang hampir dengan gunatenaga penuh dan potensi keluaran yang dikekang oleh pertumbuhan tenaga buruh yang rendah, kekangan kapasiti akan memperlambatkan aktiviti. Pertumbuhan diunjur pada 0.7% bagi tahun 2020 dan 0.6% bagi tahun 2021.

China


Berikutan beberapa suku tahun yang menyaksikan kemerosotan yang meluas, pertumbuhan kelihatan mula stabil (Rujuk Rajah 5.6a). Bagaimanapun, aliran perdagangan telah menjadi lemah, diberatkan oleh kelemahan dalam pengeluaran pembuatan, ketegangan perdagangan dengan Amerika Syarikat, dan pertumbuhan global yang lemah.

Aktiviti terdekat telah disokong oleh rangsangan monetari dan fiskal. Kredit bank dan terbitan bon telah mula meningkat, tetapi pinjaman bukan-bank telah menjadi sederhana kerana peraturan yang diketatkan. Harga ekuiti dan nilai renminbi, yang pulih pada awal tahun 2019 hasil langkah sokongan dasar, telah menghadapi tekanan ke bawah di tengah-tengah peningkatan ketegangan perdagangan baru-baru ini. Inflasi harga pengguna mulai meningkat tetapi masih di bawah sasaran.



Rajah 5.6a Kadar Pertumbuhan Tahunan Pengeluaran Industri dan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Bagi Cina, Dis 2017- Apr 2019.

Sumber : Biro Analisis Ekonomi, Bank Dunia.



Rajah 5.6b Pertumbuhan Eksport dan Import, China, Julai 2016 - April, 2019.

Sumber : Biro Analisis Ekonomi, Bank Dunia.

Aktiviti terdekat telah disokong oleh rangsangan monetari dan fiskal. Kredit bank dan terbitan bon telah mula meningkat, tetapi pinjaman bukan-bank telah menjadi sederhana kerana peraturan yang diketatkan. Harga ekuiti dan nilai renminbi, yang pulih pada awal tahun 2019 hasil langkah sokongan dasar, telah menghadapi tekanan ke bawah di tengah-tengah peningkatan ketegangan perdagangan baru-baru ini. Inflasi harga pengguna mulai meningkat tetapi masih di bawah sasaran.


Pertumbuhan diunjur berkurangan daripada 6.6% pada 2018 kepada 6.2% pada tahun 2019, mencerminkan terutamanya kelembapan dalam aktiviti pembuatan dan dalam perdagangan. Peningkatan tarif terhadap perdagangan dengan Amerika Syarikat dijangka memberi sedikit kesan negatif ke atas kadar pertumbuhan pada tahun 2020, yang telah disemak semula menjadi 6.1%. Unjuran ini didasarkan pada andaian akan berlaku peningkatan di dalam pertikaian perdagangan dengan Amerika Syarikat.

³ Indeks Pengurus Pembelian (*Purchasing Manager's Index*) yang dikeluarkan oleh *Purchasing Institute* dan *Singapore Institute of Purchasing and Materials Management (SIPMM)*.

Singapura


Sejak November 2018, prospek permintaan luaran untuk Singapura telah menjadi sedikit lemah. Khususnya, IMF telah menurunkan unjuran pertumbuhan global bagi 2019 sebanyak 0.2 mata peratus kepada 3.5%, dengan penurunan ramalan untuk beberapa pasaran permintaan akhir utama Singapura seperti zon Euro dan ASEAN-5. Berbanding dengan tahun 2018, pertumbuhan kebanyakan ekonomi maju dan serantau utama dijangka sederhana pada tahun 2019.

Ekonomi Singapura sampai ke tahap hampir "tidak bergerak" pada suku kedua 2019, menurut data KDNK awal, diseret oleh pengeluaran pembuatan yang merosot di tengah-tengah perang perdagangan A.S.-China dan permintaan barangan teknologi yang malap. Data-data lain memberi isyarat kewujudan kelemahan dalam ekonomi. PMI³ pembuatan dan elektronik jatuh hampir ke tahap penguncupan pada bulan Jun 2019, disebabkan terutamanya oleh kemerosotan output dan pesanan baru. Selain itu, pada bulan Mei, eksport bukan-minyak mencatatkan penguncupan tahunan paling ketara dalam tempoh tiga tahun, akibat permintaan global yang lebih lemah bagi barangan teknologi di tengah-tengah ketegangan perdagangan. Begitu juga, jualan runcit jatuh kerana pengguna mungkin memberi respons kepada ketidakpastian antarabangsa yang lebih serius yang menjejaskan penggunaan persendirian pada suku ke-2 2019. Ini berlaku selepas prestasi suku pertama yang lemah, yang terkesan oleh penguncupan dalam eksport barangan dan perkhidmatan, walau pun sebahagiannya diimbangi oleh pertumbuhan penggunaan swasta.



Rajah 5.7a Kadar Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pembuatan dan Pembinaan Singapura, 2018-2019.

Sumber Data : Kementerian Perdagangan dan Industri Singapura.



Rajah 5.7b Kadar Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Perkhidmatan Terpilih Singapura, 2018-2019.

Sumber Data : Kementerian Perdagangan dan Industri Singapura.

Ekonomi Singapura kelihatan akan kehilangan dorongan pada tahun 2019 dengan pengeluaran pembuatan dan eksport yang jatuh disebabkan persekitaran luaran yang mencabar. Walau bagaimanapun, pemulihan pelaburan dijangka sedikit memantapkan ekonomi, hasil pemulihan sektor pembinaan, dan kemantapan perbelanjaan pengguna yang didorong oleh pasaran buruh yang kukuh. Ekonomi berkembang 1.8% pada 2019, turun 0.1 mata peratusan daripada anggaran bulan Jun, dan 2.2% pada tahun 2020.

PMI pembuatan meningkat kepada 49.8 mata pada bulan Julai 2019 daripada 49.6 pada bulan Jun. Walau bagaimanapun, indeks tersebut berada di bawah 50 yang memisahkan di antara pengembangan daripada penguncupan dalam sektor pembuatan. Peningkatan kecil dalam indeks didorong oleh pengembangan kecil dalam pesanan dan pengeluaran baru, sementara tahap pekerjaan merosot pada kadar yang lebih rendah pada bulan Julai berbanding bulan sebelumnya. Dari segi harga, inflasi harga input meningkat pada bulan Julai.

PMI elektronik adalah stabil (Julai: 49.3; Jun: 49.2), menandakan bulan kesembilan berturut-turut ia berada di bawah 50.0. Aktiviti pembuatan yang lemah di Singapura adalah disebabkan terutamanya oleh pertikaian perdagangan dan permintaan global yang lebih lemah untuk teknologi. Keputusan Trump untuk menaikkan tarif ke atas produk bernilai 300 bilion dolar AS pada awal bulan Ogos dan perpecahan perdagangan baru-baru ini antara Jepun dan Korea kemungkinan akan terus merendahkan permintaan

barangan pembuatan Singapura pada bulan-bulan mendatang. Pada Julai 2019, pengeluaran pembuatan telah diunjurkan menyusut 0.6% pada tahun 2019, turun 1.2 mata peratusan dari ramalan bulan Jun, sebelum berkembang 2.2% pada tahun 2020.


Eksport domestik⁴ bukan minyak (*Non-Oil Domestic Export -NODX*) merosot 17.3% tahun ke tahun pada Jun 2019, lebih rendah daripada penurunan 16.3% pada bulan Mei. Penurunan ini jauh lebih besar daripada jangkaan pasaran sebanyak 9.9% dan menandakan kemerosotan paling teruk sejak Februari 2013. Kemerosotan ini adalah akibat kejatuhan besar dalam NODX elektronik, selain NODX bukan elektronik yang juga jatuh mendadak. Penguncupan dalam NODX bukan elektronik sebahagian besarnya adalah akibat penurunan eksport emas, petrokimia dan farmaseutikal, di dalam persekitaran permintaan yang lebih rendah dari Hong Kong, China dan EU.

Tenanan ke atas NODX di bulan Jun muncul akibat daripada perang perdagangan A.S.-China dan permintaan global yang lebih lemah bagi teknologi memberi masalah kepada permintaan luar untuk barangan Singapura. Sektor luaran berkemungkinan besar akan menghadapi tekanan dalam jangka pendek di tengah-tengah aktiviti perdagangan dan momentum ekonomi yang lebih lemah di kalangan rakan niaga utama Singapura. Angka-angka perdagangan yang lemah, ditambah dengan tekanan inflasi dan kemerosotan ekonomi pada suku ke-2 2019 berkemungkinan menyebabkan Pihak Berkuasa Monetari Singapura (Monetary Authority of Singapore-MA) mempertimbangkan pendirian polisi monetari yang lebih meluas (*expansionary*). Berdasarkan kepada perkara-perkara ini jumlah eksport nominal keseluruhan diunjurkan menguncup 4.6% di samping import menyusut 4.1% pada 2019, dengan diiringi oleh lebihan perdagangan diunjur berjumlah USD 92.1 bilion. Bagi 2020, eksport dan import diunjurkan masing-masing berkembang 0.3%, dengan lebihan dagangan mencecah USD 92.2 bilion.

Negara-Negara EMDE Secara Keseluruhan


Ekonomi negara-negara EMDE mengalami kelemahan meluas dalam aktiviti pembuatan dan eksport pada awal tahun ini dan kemudiannya diikuti oleh beberapa tanda penstabilan. (Rajah 5.7a). Aktiviti sektor perkhidmatan kekal berdaya tahan, mencerminkan pertumbuhan berterusan dalam perbelanjaan pengguna.

⁴ Eksport komoditi yang dihasilkan atau dikeluarkan di Singapura, termasuk komoditi yang diimport dari luar yang telah banyak berubah atau dipertingkatkan nilai di Singapura.



Rajah 5.8a Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Bagi Pembuatan dan Perkhidmatan bagi EMDE, Mac 2017- Apr 2019.

Sumber : Biro Analisis Ekonomi, Bank Dunia.



Rajah 5.8b Pertumbuhan KDNK bagi Negara-Negara EMDE (tanpa China), 2015 - 2021.

Sumber : Biro Analisis Ekonomi, Bank Dunia.

Negara-negara yang mengalami pelbagai tekanan yang berkaitan dengan pasaran kewangan atau/ dan tekanan yang tidak menentu seperti sekatan perdagangan atau tariff - kumpulan yang terdiri dari pengeksport komoditi - telah mengalami kemerosotan yang bererti (*significant*) dalam aktiviti tahun ini. Pertumbuhan penggunaan swasta kelihatan stabil, tetapi masih lemah. Pertumbuhan pelaburan terus menyederhanakan apabila ketidakpastian dalam polisi berterusan dan menyebabkan kelembapan import. Kelembapan ekonomi kekal tinggi di banyak negara dalam kumpulan ini.

Di kalangan EMDE yang tidak mengalami tekanan di atas- kumpulan yang merangkumi pengimport komoditi dan pengeksport komoditi yang berkepelbagaian- pertumbuhan adalah stabil atau sederhana. Walau bagaimanapun aktiviti ekonomi di negara-negara ini terkekang oleh kekangan kapasiti dan permintaan luaran yang lemah. Akibatnya,

eksport dan permintaan dalam negeri sama-sama merosot. Walaupun penggunaan swasta masih berdaya tahan pertumbuhan pelaburan adalah lemah. Pertumbuhan import di negara-negara ini juga perlahan, sebahagiannya disebabkan oleh sebahagian besar daripada kandungan import adalah barangan modal (*capital goods*). Kelemahan ekonomi dalam kumpulan negara ini secara amnya terhad, dan kadar pertumbuhan adalah menghampiri kadar potensi masing-masing.

Negara-Negara EMDE Pengeksport Komoditi

Pertumbuhan dalam ekonomi negara-negara pengeksport komoditi adalah lebih lemah daripada yang dijangka dan masih tidak menyerlah (Rajah 5.7b). Tanpa mengambil kira pemulihan sederhana dari pertumbuhan yang paling rendah di tahun 2015, pertumbuhan pelaburan di kalangan pengeksport komoditi terus lemah dan berada di bawah purata jangka panjangnya. Terutama sekali, pelaburan telah merosot besar di Argentina, di mana keyakinan dan perbelanjaan awam menjadi mundur selepas tekanan kewangan yang teruk. Di Iran, sekatan-sekatan ekonomi sangat membebaskan perbelanjaan modalnya.

Perlombongan dan pengeluaran minyak yang perlahan daripada jangkaan, diburukkan oleh ketidakpastian polisi domestik, telah membantut pemulihan aktiviti dalam beberapa pengeksport komoditi terbesar di Afrika Sub-Sahara (Angola, Nigeria, Afrika Selatan). Di tengah-tengah pemotongan pengeluaran minyak yang dipersetujui oleh ahli-ahli OPEC dan beberapa pengeluar utama bukan OPEC, pertumbuhan di Arab Saudi dan Rusia sedang menyederhana. Sementara itu sekatan atau krisis politik dijangka membawa kepada penguncupan ketara dalam pertumbuhan ekonomi pengeksport-pengeksport minyak lain (Iran, Sudan).

Sementara itu keadaan sudah semakin baik atau stabil di beberapa negara lain. Momentum di Brazil secara beransur-ansur menjadi semakin kemas, walaupun pada kadar yang lebih perlahan daripada yang dijangkakan sebelumnya. Kenaikan harga komoditi tahun 2019, bersama-sama dengan keyakinan perniagaan yang meningkat telah membantu meningkatkan pelaburan dan penggunaan swasta di beberapa ekonomi besar. Dalam beberapa pengeksport komoditi di Asia Timur dan Pasifik dan Amerika Latin, di mana kejutan terma-terma perdagangan terdahulu kurang memberi masalah, pertumbuhan adalah stabil atau hanya merosot secara perlahan-lahan dari tahap yang tinggi (Chile, Malaysia, Peru).


Negara-Negara EMDE Pengimport Komoditi

Pertumbuhan ekonomi di kalangan negara-negara pengimport komoditi terus menjadi perlahan, mencerminkan permintaan luar negeri yang sederhana, peningkatan kekangan kapasiti, dan kesan tekanan kewangan yang berlarutan (di sesetengah negara, ketaranya di Turki). Di kalangan EMDE Eropah, kelembapan aktiviti ekonomi adalah ketara terutamanya di kalangan ekonomi-ekonomi yang ada hubungan rapat dengan Kawasan Euro atau yang sedang menghadapi pergolakan domestik yang berterusan (Belarus, Serbia). Di sesetengah negara, kemerosotan yang semakin berkurangan memberi kesan ke atas pertumbuhan (Hungary, Poland).

Di Asia, aktiviti ekonomi beransur-ansur menjadi perlahan tetapi kekal teguh, dengan pengeluaran di banyak negara berkembang pada kadar 6-7% (Bangladesh, Kemboja, China, India, Filipina, Vietnam), walaupun pertumbuhan eksport sederhana. Di India, pertumbuhan kekal kukuh, disokong oleh keyakinan yang lebih baik, inflasi yang perlahan dan pelaburan yang masih kukuh. Negara-negara lain terus mendapat manfaat daripada pelaburan infrastruktur pan-Asia dan perdagangan intra-serantau yang meluas (Bhutan, Kemboja, Vietnam). Aktiviti adalah lebih lemah di negara-negara di mana ketidakpastian polisi terus mengganggu pelaburan swasta (Mexico, Sri Lanka) dan juga di negara-negara yang telah mengetatkan polisi fiskal dan monetari untuk mengurangkan defisit akaun fiskal dan akaun semasa (Haiti, Pakistan, Tunisia).

Negara-Negara Berpendapatan Rendah

Pertumbuhan kekal kukuh di negara berpendapatan rendah (LIC). Walau bagaimanapun, ia telah kehilangan beberapa momentum disebabkan permintaan luar yang lemah daripada rakan dagang utama dan peristiwa cuaca yang melampau. Di kalangan negara-negara yang tidak mempunyai sumber, peningkatan dalam pertumbuhan penggunaan serta pelaburan awam untuk infrastruktur yang berterusan membantu meningkatkan aktiviti ekonomi, walaupun dicatatkan oleh kelembapan dalam pengeluaran pertanian (Uganda, Tanzania). Pertumbuhan di kalangan pengeksport komoditi perindustrian telah mengukuh berikutan pelaburan dalam kapasiti pengeluaran sumber (Chad, Republik Demokratik Congo, Guinea). Sebaliknya, Comoros, Malawi, Zimbabwe, dan terutamanya Mozambique menghadapi tekanan yang teruk selepas dua ribut tropika yang dahsyat melanda Selatan dan Timur Afrika pada bulan Mac dan April, mengakibatkan masalah berat dan kerosakan ekonomi yang teruk. Defisit akaun semasa di seluruh LIC telah meluaskan, secara purata, disebabkan oleh import barangan modal yang tinggi yang berkaitan dengan projek pelaburan awam dan pertumbuhan eksport yang lebih perlahan di kalangan beberapa negara pengeksport logam (Guinea, Nepal, Niger). Perbelanjaan pelaburan awam yang tinggi telah, sebahagiannya, mengakibatkan defisit fiskal yang tinggi. Walau bagaimanapun, defisit tersebut telah mengecil di beberapa negara dengan pengukuhan fiskal yang berterusan dan pengumpulan hasil yang lebih baik (Benin, Ethiopia, Sierra Leone).



Rajah 5.9 Kadar Pertumbuhan Min Mengikut Rantau, 2017- 2021
 Sumber : Bank Dunia


Tinjauan Pertumbuhan Ekonomi EMDE

Pertumbuhan negara-negara EMDE dijangka perlahan dari 4.3% pada 2018 kepada 4.0% pada tahun 2019, iaitu 0.3 mata peratusan lebih rendah daripada yang diunjurkan sebelum ini, dengan kepelbagaian merentas rantau. Dianggarkan hampir 40% daripada EMDE dijangka mengalami pertumbuhan yang lebih rendah daripada 2018. Unjuran untuk pertumbuhan 2019 telah diturunkan bagi lebih daripada 40% negara. Di kebanyakan negara, sebahagian besar penurunan unjuran adalah disebabkan oleh kemerosotan pelaburan yang berlarutan, yang masih jauh di bawah purata sejarah.


Pertumbuhan di kalangan negara EMDE menghadapi kesan berlarutan akibat tekanan kewangan (Argentina, Brazil, Nigeria, Afrika Selatan, Turki) dan sekatan (Iran, Rusia) dijangka kekal lemah pada tahun 2019 (Rujuk Rajah 5.9). Unjuran untuk tahun 2019 disemak semula di kebanyakan negara ini, dengan penurunan kadar

pertumbuhan yang agak besar bagi Brazil, Mexico, dan Turki. Ramalan bagi negara-negara yang menghadapi pemotongan pengeluaran minyak tahun ini (Bahrain, Rusia, Arab Saudi, dan Emiriah Arab Bersatu) juga diturunkan. Sebaliknya, pertumbuhan EMDE yang tidak menghadapi tekanan dijangka kekal kukuh.

Pertumbuhan EMDE dijangka teguh kepada 4.6% pada 2020-21, sejajar dengan ramalan sebelumnya. Ini mengandaikan keredaan dari tekanan kewangan di sesetengah negara besar, bahawa keadaan pembiayaan global berterusan lemah, dan kestabilan dalam pertumbuhan perdagangan global. Di Argentina dan Turki, kesan kegawatan pasaran kewangan yang teruk dijangka berkurangan di hujung ufuk ramalan apabila keyakinan pelabur pulih. Di Brazil, Rusia, dan Afrika Selatan, ketidaktentuan yang dikaitkan dengan ketidakpastian polisi yang tinggi juga dijangka mengendur. Di Iran, kesan sekatan AS dijangka meningkat pada tahun ini dan pertumbuhan positif dijangka berlaku semula pada 2020.



Rajah 5.10 Kadar Pertumbuhan KDNK Negara-Negara EMDE, 2018- 2021
 Sumber : Bank Dunia.



Rajah 5.11 Kadar Pertumbuhan Pelaburan Negara-Negara EMDE, 2018-2021
 Sumber : Bank Dunia.

Dalam EMDE yang tidak mengalami tekanan, pertumbuhan dijangka stabil pada tahun 2020-21. Permintaan domestik yang berdaya tahan dan keadaan pembiayaan global yang lebih baik sepatutnya mengimbangi impak negatif kemerosotan eksport. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan keadaan. Pertumbuhan di India dan Indonesia dijangka kekal stabil dan akan berada di atas purata pertumbuhan EMDE, manakala kekangan kapasiti dan penurunan di Kawasan Euro yang dijangka berlaku akan memperlambatkan aktiviti di Poland dan Hungary.

Pertumbuhan pelaburan ke dalam EMDE dijangka mengecil pada 2019, terutamanya disebabkan oleh penguncupandi negara-negara yang terjejas oleh tekanan politik (Rajah 5.10). Walaupun pertumbuhan pelaburan dijangka pulih sedikit pada tahun 2020-21, ia dijangka kekal di bawah purata jangka panjang, mencerminkan tahap hutang yang tinggi, ruang fiskal yang terhad, kekurangan kejelasan mengenai arah polisi, dan iklim perniagaan yang tidak cukup memberangsangkan.


Pertumbuhan di kalangan LIC dijangka pulih dengan purata 6.1% pada 2020-21, daripada 5.4% pada 2019. Di negara-negara yang tidak menggunakan sumber secara intensif, ramalan pemulihan mengandaikan pelaburan swasta yang lebih kukuh di tengah-tengah persekitaran perniagaan yang semakin meningkat (Rwanda, Uganda), perbelanjaan bagi infrastruktur awam yang terus kukuh, pengeluaran pertanian yang mantap (Gambia, Malawi, Tanzania), Zimbabwe). Di kalangan pengeksport komoditi perindustrian, pemulihan ini didasarkan pada peningkatan pengeluaran minyak dan perlombongan di samping pelaburan berterusan dalam kapasiti baru (Chad, Republik Demokratik Congo, Guinea), serta permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Walaupun pertumbuhan pulih, prospek LIC untuk meningkat kepada status berpendapatan pertengahan akan dicabar oleh insiden kerapuhan yang lebih besar; pergantungan berat terhadap pertanian, yang terdedah kepada perubahan iklim dan cuaca yang melampau; dan hakikat bahawa sebahagian daripada negara-negara tiada akses kepada laut, justeru menghadkan skop penglibatan dalam perdagangan global.

Di dalam jangka sederhana, cabaran-cabaran yang berkaitan dengan demografi, produktiviti dan pelaburan menjadi petanda kepada kelemahan potensi pertumbuhan di kalangan negara-negara EMDE. Pertumbuhan tenaga buruh yang semakin perlahan akan menjadi ketara dalam ekonomi-ekonomi utama di Asia Timur dan Pasifik serta di Eropah dan Asia Tengah. Pertumbuhan tenaga buruh diunjurkan sederhana di Amerika Latin dan Caribbean, di Timur Tengah dan Afrika Utara, dan Asia Selatan. Ianya menjadi faktor sokongan di Sub-Sahara Afrika. Kebanyakan penyebab penurunan produktiviti di negara-negara EMDE dalam tempoh selepas krisis berkemungkinan akan terus aktif, walau apa sekali pun jenis teknologi baru yang digunapakai. Sepanjang dekad akan datang, pelaburan dijangka terus lemah dan akan memberi kesan negatif ke atas potensi pertumbuhan melalui pengukuhan modal yang perlahan dan secara tidak langsung melalui kelembapan di dalam produktiviti.

EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2019⁵

Petunjuk-petunjuk terkini menggambarkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia akan berterusan pada kadar yang agak sederhana dalam tempoh terdekat. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI), yang cenderung untuk menjadi tidak menentu, meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada April 2019, iaitu pada 4.0% (Mac 2019: 3.1%). Ini sebahagian besarnya mencerminkan peningkatan pengeluaran output dalam sektor perkilangan dan pemulihan dalam aktiviti perlombongan. Sementara itu, kadar pertumbuhan jualan borong dan runcit menurun kepada 5.3% pada bulan April 2019 (Mac 2019: 5.4%), sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam perdagangan runcit. Indeks komposit Malaysia, yang menggambarkan ukuran prestasi ekonomi keseluruhan pada bulan-bulan ke hadapan, memberi petunjuk bahawa ekonomi akan terus berkembang dengan momentum yang agak sederhana pada suku ke-3 2019. Indeks Perniagaan dan Permintaan Perniagaan dan Indeks Sentimen Pengguna (MIER) bagi suku pertama 2019 juga menunjuk ke arah perkembangan ekonomi yang lebih sederhana dalam tempoh terdekat.

⁵ Analisis di bahagian ini adalah bersumberkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2018 dan laporan-laporan terbitan Bank Dunia hingga Jun 2019.




Rajah 5.12a Pertumbuhan KDNK dan Penggunaan Swasta Malaysia, 2016 - 2019.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Dunia

Pada suku pertama tahun 2019 KDNK Malaysia berkembang pada kadar sederhana 4.5% (suku ke-4 2018: 4.7%) (lihat Rajah 5.11a). Perkembangan ekonomi Malaysia pada suku pertama sebahagian besarnya disokong oleh perbelanjaan penggunaan yang mampan di sektor swasta dan awam, dengan jumlah perbelanjaan penggunaan berkembang 7.4% pada suku tersebut (suku ke-4 2018: 7.4%) dan menyumbang kepada 5.0 mata peratusan pertumbuhan output. Perdagangan bersih menambah lagi 0.9 mata peratusan kepada pertumbuhan. Pertumbuhan eksport yang lemah diimbangi oleh penurunan permintaan import dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, keseluruhan aktiviti ekonomi dikekang oleh pertumbuhan pelaburan yang lebih lemah daripada yang dijangkakan dan penggunaan inventori yang berterusan, yang masing-masing mengurangkan 0.9 dan 0.5 mata peratusan dari kadar pertumbuhan.

Pada suku pertama tahun 2019 Bank Negara Malaysia telah mengunjurkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka tumbuh pada kadar 4.3% – 4.8% bagi tahun 2019 (2018: 4.7%). Sektor luaran dijangka tumbuh sederhana sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan. Aktiviti sektor swasta menjadi teras pertumbuhan dengan diiringi oleh keadaan pasaran pekerja yang menyokong pertumbuhan. Sementara itu inflasi diunjurkan stabil berbanding tahun 2018.

Pertumbuhan ekonomi dijangka disokong oleh pemulihan beransur-ansur sektor komoditi daripada keadaan di luar jangkaan pada tahun 2018 dan dijangka memberikan manfaat kepada aktiviti perkilangan dan perdagangan. Perbelanjaan sektor




Rajah 5.12b Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor Pembuatan, Pembinaan dan Pertanian Malaysia, 2016 - 2019.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Dunia

swasta dijangka terus memacu pertumbuhan. Penggunaan swasta dijangka berkembang sederhana dan kekal pada tahap yang teguh. Perbelanjaan isi rumah dijangka terus mendapat manfaat daripada pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan. Berdasarkan kaji selidik terhadap majikan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, kenaikan gaji dijangka kekal antara 4.9% – 5.2% pada tahun 2019, manakala kadar pengangguran secara relatif diunjurkan antara 3.3% – 3.5% (2018: 3.4%). Beberapa langkah dasar, seperti penetapan harga siling bagi harga runcit bahan api, kenaikan upah minimum dan pindahan tunai bersasaran, akan menambah sokongan kepada perbelanjaan isi rumah.

Perkembangan ekonomi Malaysia sebahagian besarnya disokong oleh perbelanjaan penggunaan yang berterusan di kalangan sektor swasta dan awam. Walau bagaimanapun, aktiviti ekonomi keseluruhannya telah menjadi perlahan akibat pertumbuhan pelaburan yang lemah dari jangkaan dan akibat pengeluaran berterusan barangan dari inventori. Aktiviti pengurangan stok oleh syarikat kepada tahap yang sewajarnya menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2019. Ini sebahagiannya disebabkan oleh penggunaan bekalan stok yang tinggi pada tahun 2018, akibat permintaan tinggi semasa tempoh pelepasan cukai. Pada tahun 2019, pengeluar dijangka menyelaraskan kembali inventori masing-masing. Selain itu, syarikat E&E yang telah banyak mengurangkan bekalan stok pada akhir tahun 2018 kerana menjangkakan permintaan akan menjadi lemah, mungkin tidak lagi melakukan sedemikian pada tahun 2019.




Rajah 5.13a Pertumbuhan KDNK, Nilai Ditambah Sektor Pembuatan dan Sektor Perkhidmatan Malaysia, 2016 - 2019.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Dunia

Penggunaan isi rumah, pemacu utama pertumbuhan permintaan domestik, kekal kukuh. Penggunaan swasta terus berkembang kukuh 7.6% pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2018: 8.4%), merangkumi 4.3 mata peratusan pertumbuhan output agregat dalam tempoh tersebut. Sepanjang dua suku tahun sebelumnya, perbelanjaan isi rumah telah disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam pendapatan sebenar di tengah-tengah pasaran pekerjaan yang stabil dan pertumbuhan dalam upah, dan oleh inflasi harga pengguna yang menyederhana. Sementara itu, penggunaan awam meningkat 6.3% (suku ke-4 2018: 4.0%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan.

Sebaliknya, pelaburan mencatatkan penurunan suku tahunan yang pertama dalam masa hampir empat tahun. Pembentukan modal tetap kasar (GFCF) mencatat penurunan suku tahunan yang pertama sejak suku ke-2 2015, mencerminkan kelemahan pertumbuhan pelaburan perniagaan dan penguncupan dalam pelaburan awam. Pertumbuhan pelaburan memperlambatkan kepada 0.4% pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2019: 5.8%), dengan peningkatan ketidakpastian yang menjejaskan keyakinan perniagaan. Kelemahan dalam perbelanjaan pelaburan terjejas oleh penurunan pelaburan awam yang berterusan berikutan siangnya beberapa projek infrastruktur dan dengan penilaian semula beberapa projek infrastruktur awam utama. Pelaburan awam menguncup sebanyak -13.2% pada suku pertama. Dari segi jenis pelaburan, kelembapan



Rajah 5.13b Pertumbuhan Penggunaan Swasta, Eksport dan Import Malaysia, 2016 - 2019.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Dunia

suku tahunan dalam perbelanjaan modal jelas di kalangan struktur (-1.3%; suku ke-4 2018: 1.3%), jentera dan peralatan (-7.4%; suku ke-4 2018: -1.3%) serta kelompok aset lain (-2.2%; suku ke-4 2018: 4.5%).

Dari aspek penawaran, pertumbuhan menjadi sederhana di kebanyakan sektor ekonomi kecuali pertanian. Kadar pertumbuhan untuk sektor perkhidmatan menyederhana kepada 6.4% pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2018: 6.9%), sebahagian besarnya akibat penstabilan subsektor borong dan runcit berikutan pengembangan cukai pada tahun 2018. Aktiviti pembuatan juga menyederhana dengan tumbuh 4.2% pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2018: 4.7%). Ini mencerminkan, terutamanya, permintaan global yang agak lemah untuk eksport elektrik dan elektronik (E&E), termasuk semikonduktor. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan berkurangan kepada 0.3% pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2018: 2.6%), akibat kelembapan dalam projek-projek infrastruktur besar dan hartanah baru dibina yang tidak terjual. Penguncupan sektor perlombongan menjadi semakin mendalam, iaitu pada kadar di -2.1% pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2018: -0.7%). Ini adalah akibat daripada beberapa penutupan fasiliti minyak dan gas yang tidak terancang. Sementara itu, sektor pertanian melantun semula, dengan kadar pertumbuhan 5.6% pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2018: -0.1%), sebahagiannya hasil pemulihan pengeluaran kelapa sawit, yang terjejas oleh keadaan cuaca yang buruk pada suku sebelumnya.

² Unjuran pada Julai 2019 (World Economic Outlook, July 2019).

Sektor Luaran

Sektor luaran dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana. Walaupun eksport dijangka menjadi sederhana seiring dengan pertumbuhan ekonomi global dan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan, struktur eksport Malaysia yang pelbagai dijangka menyumbang kepada pengembangan eksport kasar yang berterusan pada tahun 2019.

Pada Suku Pertama 2019 pertumbuhan eksport telah menjadi perlahan di tengah-tengah permintaan luaran yang lemah bagi eksport perkilangan. Dengan meningkatnya ketegangan perdagangan AS-China, Malaysia telah memperoleh sedikit syer pasaran bagi beberapa produk yang dikenakan tarif di AS dan China. Walau bagaimanapun, dari segi agregatnya, permintaan global yang lemah mencengkam prestasi eksport keseluruhan Malaysia. Pada suku pertama 2019, eksport kasar merosot buat kali pertama sejak suku ke-3 2016, dengan kadar pertumbuhan -0.7% (suku ke-4 2018: 8.1%). Kesederhanaan ini adalah meluas, dengan berlakunya kemerosotan jumlah eksport barangan dan komoditi utama. Walaupun eksport E&E masih terus memacu momentum pertumbuhan, kadar pengembangan telah menurun dengan ketara, sejajar dengan kelembapan dalam kitaran teknologi global. Eksport perkilangan bukan E&E juga merosot pada suku pertama 2019, sebahagian besarnya akibat permintaan luar yang lembap bagi produk kimia dan logam.

Import kasar menguncup 2.5% pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2018: 5.7%) berikutan permintaan yang lebih rendah bagi import barangan perantara dan barangan modal. Kebanyakan penurunan ini adalah akibat dari pertumbuhan barangan perantaraan yang tertekan (0.0%; suku ke-4 2018: 1.1%), berikutan permintaan yang lemah bagi eksport perkilangan. Import barangan pengguna juga berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu pada kadar 1.1% (suku ke-4 2018: 4.7%), dengan sebahagian besar pertumbuhan ini didorong oleh import barangan tahan lama (durable). Sementara itu, import barangan modal terus berkurangan, iaitu pada kadar -9.8% (suku ke-4 2018: -9.4%), seiring dengan kelembapan aktiviti pelaburan.

Lebihan akaun semasa melebar kepada 4.5% daripada KDNK pada suku pertama 2019, (suku ke-4 2018: 2.9%), terutamanya mencerminkan imbalan perdagangan yang lebih besar dan defisit yang lebih kecil terhadap pendapatan utama. Lebihan barangan meningkat lebih tinggi kepada RM33.8 bilion

(suku ke-4 2018: RM32.7 bilion), bersamaan dengan 9.4% daripada KDNK, dengan penurunan import tidak dapat mengimbangi pertumbuhan eksport barangan. Defisit dalam akaun perkhidmatan adalah lebih kecil pada -RM1.8 bilion pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2018: -RM3.8 bilion), dengan penurunan sebahagiannya disebabkan peningkatan penerimaan hasil pelancongan bersih dan pengurangan bayaran untuk perkhidmatan asing bagi pengangkutan. Defisit ke atas pendapatan utama juga menyempit pada suku pertama 2019 kepada -RM10.1 bilion (suku ke-4 2018: -12.9 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran bersih yang lebih rendah yang berkaitan dengan pelaburan portfolio. Sementara itu, defisit akaun pendapatan sekunder bertahan pada -RM5.5 bilion (suku ke-4 2018: -RM5.2 bilion) dengan kiriman wang luar yang berterusan oleh pekerja asing. Dalam akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) adalah lebih tinggi pada suku pertama 2019, iaitu bernilai RM21.7 bilion (suku ke-4 2018: 12.9 bilion), masuk terutamanya ke sektor perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pembuatan. Pada 2018, FDI yang diluluskan meningkat 48% kepada RM80.5 bilion (2017: RM54.4 bilion).

Pasaran Pekerja

Keadaan pasaran buruh kekal stabil dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada suku pertama 2019, kadar penyertaan tenaga buruh kekal stabil pada 68.5% (suku ke-4 2018: 68.5%). Sementara itu kadar pengangguran kekal pada 3.3%. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran bagi mereka yang berusia antara 15 hingga 24 tahun terus tinggi, iaitu 10.4% pada suku pertama 2019 (suku ke-4 2018: 10.5%). Sebaliknya, bagi kumpulan-kumpulan umur yang lain, kadarnya adalah 3% atau lebih rendah. Kadar penyertaan tenaga buruh di kalangan perempuan meningkat sedikit, daripada 55.6% pada suku ke-4 2018 kepada 55.7% pada suku pertama 2019. Sepanjang suku pertama, upah dalam sektor pembuatan meningkat 7.0% (suku ke-4 2018: 9.8%), jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan upah dalam sektor perkhidmatan, yang meningkat sebanyak 3.8% (suku ke-4 2018: 4.1%).

Harga

Inflasi keseluruhan dijangka kekal stabil secara amnya, dengan purata tahunan antara 0.7% – 1.7% pada tahun 2019. Unjuran inflasi ini mengambil kira kesan pindahan daripada faktor kos dalam negeri yang meningkat. Walau bagaimanapun, impak kenaikan ini diimbangi oleh harga minyak dunia yang dijangka lebih rendah dan pelaksanaan had bagi harga runcit

bahan api dalam negeri. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka mampan dalam keadaan pengembangan aktiviti ekonomi yang berterusan dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar. Inflasi utama (*headline inflation*) bertukar kepada negatif buat seketika, iaitu pada awal 2019, dengan kadar -0.3% di suku pertama 2019 disebabkan oleh beberapa faktor berkaitan dengan polisi. Kesan berterusan harga bahan api yang rendah dan cukai barangan dan perkhidmatan (GST), juga cukai jualan dan perkhidmatan Peralihan (SST) adalah pemacu utama deflasi sementara tersebut. Inflasi harga pengguna telah kembali positif sejak Mac. Inflasi teras kekal positif dan stabil.

Harga bahan api yang lebih rendah adalah disebabkan oleh pengenalan semula mekanisme penetapan harga terapung di tengah-tengah harga minyak global yang rendah. Oleh itu, harga petrol RON95 lebih rendah pada bulan Januari dan Februari 2019 daripada tempoh yang sama tahun 2018, menyumbang kepada IHP negatif dalam tempoh dua bulan tersebut. Inflasi negatif juga mencerminkan kesan asas penyingkiran cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dari tahun 2018. Penurunan harga tidak meluas, dengan hanya 20% item pengguna yang mencatatkan pengurangan harga. IHP kembali positif pada bulan Mac dan April 2019.

Jadual 5.1 Sumbangan Sektor dan Pertumbuhan Ekonomi Malaysia 2018, 2019.

SEKTOR	Sumbangan Kepada KDNK (2018)	Pertumbuhan (%)	
		2018	2019(r)
Pertanian	7.3%	0.1%	2.8%
Perlombongan & Kuari	7.6%	-2.6%	0.8%
Pembuatan	22.4%	5.0%	4.8%
Pembinaan	4.9%	4.2%	3.0%
Perkhidmatan	56.7%	6.8%	5.7%
KDNK (2015=100)		4.7%	4.3% - 4.8%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia/Bank Negara Malaysia; (r) Unjuran pada harga malar 2010.

Unjuran Pertumbuhan Ekonomi Malaysia Bagi Keseluruhan Tahun 2019

Dengan meningkatnya keclaruan ekonomi antara AS dan lain-lain negara, pertumbuhan KDNK Malaysia diramalkan akan sederhana pada 2019. Pihak Bank Dunia mengunjurkan kadar pertumbuhan KDNK Malaysia berkurangan kepada 4.6% pada 2019 (2018: 4.7%), 0.1 mata peratusan lebih rendah daripada ramalan sebelumnya. Penurunan ini sebahagian besarnya mencerminkan aktiviti pelaburan dan eksport yang lebih rendah daripada yang dijangkakan pada suku pertama 2019. Walaupun penggunaan swasta dipertahankan oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan terus menyokong permintaan domestik, pertumbuhannya dijangka menjadi sederhana kepada 6.6% pada tahun 2019 (2018: 8.0%), berikutan pengembangan yang kukuh dalam perbelanjaan isi rumah pada tahun 2018 terutamanya semasa tempoh GST berkadar sifar. Dalam sektor awam, rasionalisasi yang dirancang bagi perbelanjaan mengurus kerajaan akan mengurangkan sumbangan penggunaan kerajaan, dengan pertumbuhan dijangka memperlakan kepada 1.8% pada tahun 2019 (2018: 3.3%).

Pembentukan modal tetap kasar dijangka terus lemah dalam jangka pendek, diperlahankan oleh kelembapan perbelanjaan modal awam dan swasta. Tinjauan jangka pendek bagi aktiviti pelaburan swasta dijangka sedikit lemah daripada yang dijangkakan sebelum ini, berkembang cuma pada kadar 2.9% pada 2019 (2018: 4.3%). Ini mencerminkan terutamanya data pelaburan perniagaan yang lebih lemah daripada jangkaan pada suku pertama 2019, dengan permintaan luaran yang goyah dan sentimen perniagaan yang lemah.

Sementara itu, pelaburan sektor awam dijangka terus mengecut, iaitu sebanyak -7.0% bagi tahun 2019 (2018: -5.0%), dengan beberapa projek prasarana awam yang hampir selesai diiringi oleh pendekatan kerajaan yang lebih berhati-hati dengan pelaburan infrastruktur baru. Walaupun kerajaan telah mengumumkan penerusan semula dua projek infrastruktur utama, ECRL dan Bandar Malaysia, kedua-duanya dijangka membantu meningkatkan pelaburan awam, butir-butir penuh dan rancangan keseluruhan masih belum didedahkan. Oleh itu, limpahan positif kepada ekonomi mungkin terhad dalam tempoh terdekat.

Kelemahan dalam sektor luaran dijangka berterusan dalam masa terdekat, dengan permintaan global yang memberi kesan ke atas pertumbuhan eksport. Pertumbuhan eksport Malaysia dijangka berkurang kepada 0.7% pada 2019 (2018: 2.2%) dalam konteks pertumbuhan global yang lemah dan momentum perdagangan yang goyah, yang diparahkan oleh kekangan bekalan domestik yang berpanjangan dalam sektor-sektor komoditi. Pengembangan eksport dijangka terus sederhana dalam tahun-tahun akan datang, di dalam persekitaran global yang memberangsangkan. Pertumbuhan import dijangka berkurangan dengan anggaran kadar pertumbuhan 0.4% bagi tahun 2019 (2018: 1.3%). Ini sebahagian besarnya mencerminkan pertumbuhan yang lebih rendah bagi eksport barangan perantaraan dan barangan modal, selaras dengan permintaan eksport yang lebih rendah dan kelembapan dalam keseluruhan aktiviti pelaburan.

Ukuran-ukuran sentimen ekonomi yang berasaskan berita menunjuk ke arah ramalan pertumbuhan KDNK yang lebih rendah berbanding dengan ramalan-ramalan oleh peramal profesional. Ukuran-ukuran yang berasaskan berita mengenai sentimen ekonomi mempamerkan persepsi yang lebih lembut terhadap keadaan ekonomi di Malaysia semasa separuh tahun pertama 2019, dengan ramalan pertumbuhan bersentimen pada tahun 2019 berada di bawah ramalan konsensus sepanjang tempoh tersebut. Keyakinan di bawah trend ini amat ketara di seluruh kategori; ekonomi, korporat, perindustrian dan perdagangan sehingga Mac, bertepatan dengan kemerosotan sentimen di sekitar prospek pertumbuhan global. Sentimen keseluruhan telah meningkat sedikit sejak itu, disokong sebahagiannya oleh keputusan BNM untuk menurunkan OPR pada bulan Mei.

Inflasi tonggak (*headline inflation*) dijangka meningkat sederhana pada tahun 2019, dengan kesan sementara faktor-faktor berkaitan polisi yang semakin menghilangkan. Inflasi harga pengguna diunjurkan secara keseluruhan rata-rata kira-kira 1.0% untuk 2019 (2018: 1.0%), terutamanya disebabkan oleh kesan penurunan dasar cukai penggunaan ke arah separuh kedua tahun 2019. Peningkatan inflasi sederhana yang diramal di separuh ke-2 2019 juga diasaskan kepada andaian bahawa mekanisme harga apungan untuk RON95 dan diesel akan diperkenalkan semula pada pertengahan 2019. Ini akan menyebabkan subsidi bahan api menjadi lebih

disasarkan, menyebabkan pelarasan menaik dalam kos bahan api runcit domestik sejajar dengan trend terkini harga minyak global. Inflasi dasar dijangka secara meluas akan terbendung dalam jangka masa terdekat dengan ketiadaan tekanan segera kos domestik.

Pihak Bank Dunia berpendapat bahawa Malaysia sedang terus berada di landasan untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2024. Pendapatan negara kasar negara (GNI) per kapita Malaysia berjumlah USD10,460 pada 2018, USD1,915 di bawah paras ambang USD12,375 yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebagai status negara berpendapatan tinggi. Unjuran staf Bank Dunia terkini menunjukkan bahawa Malaysia dapat melampaui ambang yang ditetapkan pada satu titik antara 2021 dan 2024. Ketika ekonomi Malaysia menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, adalah penting untuk diteliti aspek-aspek pembangunan dan kesejahteraan masyarakat yang lebih luas, seperti kesihatan, pendidikan dan pengagihan kekayaan, yang tidak dapat digambarkan oleh kemajuan dalam istilah pendapatan per kapita.

Unjuran Pertumbuhan KDNK Malaysia Bagi Keseluruhan Tahun 2019

Berlatarkan persekitaran global yang mencabar, Bank Negara Malaysia menjangkakan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia akan berada pada kadar 4.3% – 4.8% pada tahun 2019 (2018: 4.7%). Berdasarkan kepada unjuran pertumbuhan pada kadar 4.7% jumlah nilai ditambah bagi tahun 2019 dianggarkan meningkat ke RM1,424,879 juta (2018: RM1,361,533 juta) dalam harga malar 2015. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM1,517,518 juta (2018: RM1,446,914 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM43,708 pada harga malar 2015 (2018: RM42,046). Dalam harga semasa, KDNK per kapita meningkat ke RM46,550 (2018: RM44,682). Ini membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat 5.9% ke USD31,610 (2018: USD30,042) (Sila rujuk Jadual 5.2). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM1,472,229 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2019 (2018: RM1,395,328). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM45,160 pada harga semasa bagi tahun 2019 (2018: RM43,089). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD30,667 (2018: USD30,042).

Jadual 5.2 Petunjuk Utama Ekonomi Malaysia 2018 -2019.


PETUNJUK	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2018	2019	
Penduduk ('000)	32,382	32,600	0.7%
KDNK (Harga 2015) (RM Juta)	1,361,533	1,424,879	4.7%
KDNK per kapita (Harga 2015) (RM)	42,046	43,708	4.0%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	1,446,914	1,517,518	4.9%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	44,682	46,550	4.2%
KDNK per kapita (Pariti Kuasa Beli)	27,292	28,871	5.8%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2019

Cabaran ketidakpastian persekitaran ekonomi dunia dijangka menjadi faktor utama yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Negeri Johor pada tahun 2019. KDNK Negeri Johor diunjurkan tumbuh di antara 5.2% hingga 5.5% pada tahun 2019 dengan momentum yang sedikit perlahan berbanding pertumbuhan tahun 2018. Pertumbuhan dipacu oleh penggunaan swasta dengan disokong oleh kesan daripada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang sederhana.

Aktiviti perdagangan dijangka terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih sederhana daripada tahun 2018. Trend kemasukan pelaburan ke dalam negeri dijangka berterusan di tahun 2019. Di dalam persekitaran permintaan global yang tidak menentu, sentimen perniagaan dijangka sederhana.



Rajah 5.14 Perbandingan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Negeri Johor (RM Juta): 2018-2019.

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Jadual 5.3 Ringkasan Anggaran Prestasi Ekonomi Johor dalam Tahun 2018 dan 2019.

PETUNJUK	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan %
	2018	2019	
Penduduk ('000)	3,749	3,764	0.4%
KDNK (Harga 2015) (RM Juta)	130,489	137,345	5.3%
KDNK per kapita (Harga 2015) (RM)	34,803	36,486	4.8%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	136,456	146,274	7.2%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	36,394	38,858	6.8%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia/Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Ekonomi Negeri Johor diunjurkan merekod pertumbuhan yang lebih rendah berbanding tahun 2018 dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2019 diunjurkan tumbuh 5.3% pada harga malar 2015 (2018: 5.6%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2019 diunjurkan meningkat ke RM137,345 juta (2018: RM130,489 juta) dalam harga malar 2015. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai

RM146,821 juta (2018: 137,345 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM36,486 pada harga malar 2015 (2018: RM34,803). Dalam harga semasa, KDNK per kapita diunjurkan meningkat ke RM38,858 (2018: RM36,394). Ini dijangka membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli diunjurkan meningkat 7.8% ke USD26,388 (2018: USD24,471).

Unjuran Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi Negeri

Perbandingan nilai-nilai ditambah bagi Sektor Utama, Sektor Industri dan Sektor Perkhidmatan dipamerkan sebagai Rajah 5.14. Nilai-nilai ditambah serta kadar pertumbuhan mengikut sektor dan subsektor pengeluaran dipamerkan sebagai Jadual 5.5.

Nilai ditambah semua sektor ekonomi dijangka tumbuh positif pada tahun 2019. Sektor perkhidmatan dan pembuatan dijangka menjadi sektor penyumbang utama bagi pertumbuhan keseluruhan. Nilai ditambah sektor-sektor kecil dalam dalam sektor

perkhidmatan dijangka berkembang dengan lebih sederhana. Peningkatan upah dan guna tenaga akan menyokong pengembangan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan. Subsektor maklumat dan komunikasi pula dijangka didorong oleh permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan jalur lebar hasil harga langganan yang lebih rendah. Aktiviti pembiayaan yang berterusan dijangka memberikan manfaat kepada subsektor kewangan dan insurans. Walau bagaimanapun, kegiatan perdagangan global yang lebih perlahan memberi sedikit kesan kepada pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan.

Jadual 5.4 Unjuran Nilai-Nilai Ditambah Sektor Pengeluaran Negeri Johor bagi Tahun 2019 (2015=100).

	NILAI DITAMBAH (RM JUTA)		PERTUMBUHAN (%)
	2018	2019	
Sektor Utama	16,937	17,150	1.3%
Pertanian	16,250	16,429	1.1%
Perlombongan dan Pengkuarian	687	722	5.1%
Sektor Perindustrian	47,550	50,200	5.6%
Pembuatan	38,334	40,349	5.3%
Pembinaan	9,216	9,850	6.9%
Sektor Perkhidmatan	64,353	68,246	6.0%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	15,921	17,019	6.9%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	18,909	20,063	6.1%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	12,681	13,480	6.3%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	6,552	6,952	6.1%
Perkhidmatan Kerajaan	10,289	10,732	4.3%
campur Duti import	1,650	1,749	6.0%
KDNK pada Harga Pembeli (2015=100)	130,489	137,345	5.3%
Jumlah Penduduk ('000)	3,669	3,706	1.0%
KDNK Per Kapita (RM)	35,568	37,059	4.2%

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.


Sektor pembuatan diunjurkan mencatat pertumbuhan yang lebih rendah daripada yang dicatatkan pada tahun 2018. Kelompok berkaitan sumber akan mendapat manfaat daripada pemulihan gangguan bekalan komoditi. Loji penapisan minyak dan petrokimia yang besar di Pengerang yang baru memulakan operasi, dijangka meningkatkan pengeluaran produk petroleum yang ditapis dan petrokimia. Walau bagaimanapun, pengeluaran industri E&E dijangka berkembang dengan sederhana susulan permintaan luaran yang lebih rendah terhadap semikonduktor. Walau bagaimanapun, pengeluaran kilang-kilang baharu dan pemodenan kemudahan pengeluaran yang sedia ada dijangka memberikan sokongan yang berterusan kepada pertumbuhan pengeluaran E&E.

Sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan sederhana pada tahun 2019. Ini berikutan siapnya beberapa projek petrokimia yang besar dalam subsektor kejuruteraan awam. Kemajuan yang berterusan dalam pelaksanaan projek-projek pengangkutan dan utiliti dijangka menyokong pertumbuhan. Subsektor kediaman dan bukan kediaman, bagaimanapun, dijangka perlahan berikutan terdapat bekalan yang berlebihan dalam segmen harta tanah kediaman dan komersial.

Pertumbuhan sektor perlombongan dan pertanian diunjurkan kembali pulih pada tahun 2019. Keluaran minyak sawit yang lebih tinggi berikutan pemulihan dalam kadar hasil minyak sawit dan juga pertambahan dalam kawasan tanaman kelapa sawit yang matang, dijangka menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian.

Semua sektor pengeluaran ekonomi Negeri Johor diunjurkan mencatat pertumbuhan positif di dalam nilai ditambah di tahun 2019. Sektor Pertanian diunjurkan mengalami pertumbuhan 1.1% di dalam nilai ditambah manakala sektor Pembinaan diunjurkan tumbuh 6.9%. Sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran diunjurkan mencatatkan peningkatan nilai ditambah sebanyak 6.1% (2018: 7.9%). Sektor-sektor lain yang diunjurkan turut mencatatkan peningkatan di dalam nilai

ditambah pada harga malar 2015 merangkumi sektor Pembuatan (5.3%) (2018: 5.1%), sektor Perlombongan Dan Pengkuarian (5.1%) (2018: 4.8%), sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (6.9%) (2018: 10.1%), sektor Kewangan, Insurans, Hartanah Dan Perkhidmatan Perniagaan (6.3%) (2018: 6.0%), Pembinaan (6.9%) (2018: 9.6%), sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain (6.1%) (2018: 6.2%) serta sektor Perkhidmatan Kerajaan (4.3%) (2018: 4.5%).



Rajah 5.15 Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Kepada KDNK Negeri Johor: 2018 dan 2019.

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran kepada KDNK Negeri

Peratus sumbangan terbesar kepada KDNK Negeri Johor untuk tahun 2019 dijangka dicatatkan oleh sektor perkhidmatan, dengan sumbangan diunjurkan sebanyak 49.7% (2018: 49.3%). Angka-angka yang berkaitan bagi Sektor Perindustrian dan Sektor Utama ialah, masing-masing, 36.6% dan 12.5% (2018: 36.4%, 13.0%).

Jadual 5.4 Negeri Johor: Sumbangan Nilai Ditambah Mengikut Sektor, 2017 dan 2018.

SEKTOR	Nilai Ditambah (RM Juta) (2015=100)		Sumbangan (%)	
	2018	2019	2018	2019
SEKTOR UTAMA	16,937	17,150	13.0%	12.5%
Pertanian	16,250	16,429	12.5%	12.0%
Perlombongan & Kuari	687	722	0.5%	0.5%
SEKTOR PERINDUSTRIAN	47,550	50,200	36.4%	36.6%
Pembuatan	38,334	40,349	29.4%	29.4%
Pembinaan	9,216	9,850	7.1%	7.2%
SEKTOR PERKHIDMATAN	64,353	68,246	49.3%	49.7%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	15,921	17,019	12.2%	12.4%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	18,909	20,063	14.5%	14.6%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	12,681	13,480	9.7%	9.8%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	6,552	6,952	5.0%	5.1%
Perkhidmatan Kerajaan	10,289	10,732	7.9%	7.8%


Sumber : Sumber: Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Perkembangan Sektor Hartanah Negeri Johor Di Tahun 2019


Pada tahun 2019 nilai ditambah sektor pembinaan Negeri Johor diunjurkan tumbuh 6.9%, iaitu meningkat daripada RM9,216 juta pada tahun 2018 kepada RM9,850 juta pada tahun 2019 (2018: 9.6%). Secara keseluruhannya dalam tempoh Jan-Mac 2019 sektor pembinaan Negeri Johor bergerak sederhana dengan mencatat 10,838 transaksi dengan nilai berjumlah RM4.57 billion, masing-masing meningkat 7.8% dan 5.3% berbanding dengan tempoh tempoh Jan-Mac 2018 (Okt-Dis 2018: 10,516 transaksi dengan nilai RM5.56 billion).

Subsektor kediaman menguasai pasaran hartanah keseluruhan (66.9%) dalam tempoh suku pertama 2019. Pergerakan aktiviti pasaran hartanah secara keseluruhannya adalah pelbagai. Bilangan transaksi hartanah komersil, industri dan tanah pembangunan masing-masing tumbuh 20.9%, 93.2% dan 3.2% berbanding suku pertama 2018. Sebaliknya bilangan transaksi hartanah kediaman tumbuh 13.9%.


Secara keseluruhannya tahun 2019 merupakan satu lagi tahun mencabar bagi pasaran hartanah Johor dengan pasaran terus sederhana. Hartanah kediaman dijangka terus memainkan peranan penting disamping pasaran rumah mampu milik yang mengatasi sektor lain. Walau bagaimanapun harga rumah dijangka bertahan.



Rajah 5.16 Bilangan Transaksi Hartanah Kediaman Mengikut Daerah Negeri Johor; Suku 1, 2019.
 Sumber : NAPIC.



Rajah 5.17a Bilangan Transaksi Hartanah Di Negeri Johor Mengikut Harga; Suku 1, 2019.
 Sumber : NAPIC.




Rajah 5.17b Bilangan Transaksi Hartanah Kediaman Di Negeri Johor Mengikut Harga; Suku 1, 2019.

Sumber : NAPIC.

Unjuran Taburan Tenaga Buruh Negeri Johor Di Tahun 2019

Dengan berandaikan pertambahan semula jadi yang sama dan sedikit berlaku penghijrahan masuk ke Negeri Johor maka jumlah Penduduk Negeri Johor pada tahun 2019 di jangka meningkat menjadi 3.80 juta orang daripada 3.74 juta pada tahun 2018. Sehubungan dengan itu, bilangan tenaga buruh

yang bekerja pada tahun 2019 di Negeri Johor juga meningkat dan diunjurkan meningkat kepada 1.77 juta daripada 1.693 juta pada tahun 2018. Unjuran peningkatan yang marginal ini adalah diasaskan kepada jangkaan kasar imbalan bersih hasil dari siasatan Jabatan Perangkaan Malaysia ke atas industri di beberapa sektor ekonomi pada suku tahun pertama tahun 2019.



Rajah 5.18 Imbalan Bersih Berkaitan dengan Keperluan Pekerja Negeri Johor, 2019.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Berdasarkan jangkaan imbalan bersih pada tahun 2018, permintaan terhadap tenaga kerja meningkat pada suk kedua dan seterusnya. Oleh itu anggaran tenaga kerja untuk Negeri Johor dijangka bergerak kearah positif bagi semua subsektor ekonomi terutama subsektor di bawah Sektor Perkhidmatan. Pemulihan ekonomi yang dijangka berlaku pada tahun 2019 menyokong unjuran ini. Pada tahun 2019 keperluan tenaga pekerja akan bertambah


dengan kata lain sektor-sektor ekonomi terserabut akan menambah bilangan pekerja sebagai strategi memenuhi pertambahan permintaan barangan dan perkhidmatan. Di antara subsektor utama yang bakal menambah bilangan pekerja ialah sektor hotel dan penginapan, sektor perdagangan borong dan runcit, sektor perkhidmatan awam dan sosial, pembuatan, kewangan dan insurans. Pecahan Imbalan Bersih bagi setiap sektor digambarkan pada Rajah 5.5.

Kadar Pengangguran dijangka akan berada di dalam keadaan stabil iaitu pada sekitar 2.9%. Situasi ini, mencerminkan keadaan di Negeri Johor yang diunjurkan mengalami gunatenaga penuh, selepas mengalami kadar pengangguran yang secara perbandingannya adalah rendah sedikit pada tahun 2016, 2017, 2018. In menunjukkan negeri Johor akan mengalami gunatenag penuh pada tahun 2019.


Pada tahun 2019 seperti di tahun-tahun sebelumnya, bilangan tenaga buruh yang bekerja di dalam Sektor Utama adalah paling kecil apabila meningkat 0.1 mata peratus berbanding tahun 2018, walaupun mengalami peningkatan bilangan secara fizikal di dalam sektor kecil pertanian dan sektor kecil perlombongan dan kuari. Sektor kecil pertanian lebih meyerlah daripada sektor perlombongan di dalam penyediaan tenaga kerja terutama di Negeri Johor. Keseluruhan sektor ini diunjurkan menyumbang 8.1% kepada keseluruhan bilangan tenaga buruh yang bekerja di Negeri Johor pada tahun 2018 (2017:8.0%). Peningkatan bilangan

tenaga bekerja disektor kecil pengkuarian yang secara tidak langsung mendapat manfaat daripada keaktifan aktiviti pembinaan di kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang dan Kerja kerja pembangunan di sekitar Wilayah Iskandar Malaysia.


Sumbangan Sektor Perindustrian kepada keseluruhan tenaga kerja Negeri Johor diunjurkan stabil. Jumlah tenaga kerja yang bekerja di sektor pembuatan dan pembinaandiunjurkan peningkatan pada tahun 2019 berbanding 2018. Sektor pembuatan merupakan salah satu penyumbang utama kepada tenaga kerja Negeri Johor, iaitu sebanyak 23.1% daripada keseluruhan tenaga kerja negeri (2018: 25.5%). Ia disokong oleh bilangan pertubuhan yang berdaftar di negeri Johor sebanyak 8,046 buah pertubuhan pada tahun 2016 (2010: 5,181 buah). Keaktifan sektor pembuatan dan pembinaan banyak tertumpu di Wilayah Iskandar Malaysia, kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang dan kawasan Hub Pendidikan Pagoh Muar.




Rajah 5.19a Anggaran Taburan Tenaga Kerja Negeri Johor ('000), 2018-2019.



Rajah 5.19b Anggaran Taburan Tenaga Kerja Sektor Utama Negeri Johor ('000), 2018-2019.



Rajah 5.19c Anggaran Taburan Tenaga Kerja Sektor Industri Negeri Johor ('000), 2018-2019.



Rajah 5.19d Anggaran Taburan Tenaga Kerja Sektor Perkhidmatan Negeri Johor ('000), 2018-2019. Sumber data :Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Sektor Perkhidmatan masih menjadi penyumbang utama kepada tenaga buruh Negeri Johor. Adalah diunjurkan bahawa pada tahun 2019 tenaga buruh bekerja di dalam sektor ini meningkat kepada 1,087.5 ribu daripada 1,029 ribu pada tahun 2018. Sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran menjadi penyumbang utama tenaga buruh di dalam sektor perkhidmatan walaupun pada awalnya sektor kecil perdagangan runcit tidak menampakan perubahan yang besar dari segi keperluan tambahan bilangan tenaga kerja. Sektor awam dan sosial pula merupakan penyumbang yang ketiga terbesar daripada keseluruhan tenaga kerja Negeri Johor pada tahun 2019 (21.0%) (Sila rujuk Rajah 5.6). Perbandingan sumbangan mengikut sektor menunjukkan bahawa penyumbang utama ialah perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran (27.9%), sektor pembuatan (23.1%), dengan diikuti oleh sektor perkhidmatan awam dan sosial (21.0%).

EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2019

Pertumbuhan KDNK wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2019 diunjurkan sederhana dengan kadar pertumbuhan di antara 5.8% hingga 6.0%. Tiada sektor ekonomi yang diunjur akan merosot di dalam nilai ditambah.

Lima (5) sektor pengeluaran wilayah Iskandar Malaysia diunjurkan tumbuh dengan kadar melebihi 5.0%, iaitu sektor Pembinaan (6.9%), sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (6.9%), sektor Perkhidmatan Lain (6.1%), serta sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoren (6.1%) dan sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan (6.3%).

Jadual 5.6 Indikator Unjuran Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia di Tahun 2019.

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan
	2018	2019	
Penduduk ('000)	2,160	2,234	3.4%
KDNK* (Harga 2010) (RM Juta)	88,924	94,176	5.9%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	41,174	42,158	2.4%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	94,501	100,298	6.1%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	43,756	44,899	2.6%


Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Empat sektor ini menyumbang 57.1% kepada KDNK Iskandar Malaysia (2018: 57.1%). Selain itu sektor Pembuatan dan sektor Perkhidmatan Kerajaan juga membantu pertumbuhan di tahun 2018 dengan masing-masing tumbuh 4.8% dan 4.3% (2018: 3.7%, 4.2%) dengan jumlah peratus sumbangan yang bernilai 41.4% (2018: 41.8%).

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) wilayah Iskandar Malaysia pada harga malar tahun 2015 untuk tahun 2019 diunjurkan meningkat ke RM94,176 juta dalam harga malar 2015 (2018: RM88,924 juta). Ini diunjur menghasilkan KDNK per kapita wilayah bernilai RM42,158 juta pada harga malar 2015 (2018: RM41,174), iaitu meningkat 2.4%. Dalam harga semasa


KDNK diunjurkan meningkat kepada RM100,298 juta (2018: RM94,501 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita RM44,899 (2018: RM43,7563).

Nilai KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli diunjurkan meningkat 4.3% ke RM31,522 (2018: USD30,220). Unjuran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM95,620 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2019 (2018: RM90,161). Ini diunjur menghasilkan GNI per kapita bernilai RM42,805 pada harga semasa bagi tahun 2019 (2018: RM41,747). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita diunjurkan bernilai USD30,052 (2018: USD28,833).



Rajah 5.20 Perbandingan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia (RM Juta): 2018 - 2019.

Sumber : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.



Rajah 5.21 Unjuran Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Wilayah Iskandar Malaysia (RM Juta), 2019.

Sumber data : Anggaran Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Sumbangan Sektor kepada KDNK Iskandar Malaysia

Peratus sumbangan terbesar kepada KDNK Iskandar Malaysia untuk tahun 2019 dijangka dicatatkan oleh sektor perkhidmatan, dengan sumbangan diunjurkan sebanyak 56.1% (2018: 56.0%). Angka-angka yang berkaitan bagi Sektor Industri ialah 42.4% (2018: 42.5%) (Rujuk Jadual 5.8).

Jadual 5.7 Iskandar Malaysia: Unjuran KDNK Mengikut Sektor, 2019.

SEKTOR	NILAI DITAMBAH (RM JUTA) (2015=100)		PERTUMBUHAN (%)	
	2018	2019	2018	2019
Sektor Perindustrian	37,911	39,912	4.6%	5.6%
Pembuatan	30,863	32,486	3.7%	5.3%
Pembinaan	6,948	7,426	8.8%	6.9%
Sektor Perkhidmatan	49,757	52,799	7.2%	6.1%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	11,992	12,820	9.7%	6.9%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	14,508	15,394	7.9%	6.1%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	11,814	12,559	5.8%	6.3%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	5,165	5,480	6.2%	6.1%
Perkhidmatan Kerajaan	6,276	6,546	4.2%	4.3%
campur Duti import	1,356	1,465	8.0%	8.0%
KDNK pada Harga Pembeli (2000=100)	88,924	94,176	6.1%	5.9%
Jumlah Penduduk ('000)	2,160	2,234	3.4%	3.4%
KDNK Per Kapita (RM)	41,174	42,158	2.5%	2.4%

Sumber : Anggaran bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Risiko ke atas prospek pertumbuhan ekonomi Negeri Johor

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai ekonomi terbuka, Negeri Johor, sama seperti Malaysia, adalah sentiasa terdedah kepada pergolakan ekonomi global. Kemungkinan ketegangan perdagangan dunia yang semakin meningkat, kelembapan yang lebih ketara daripada jangkaan di kalangan negara-negara ekonomi utama dan kitaran teknologi global yang matang boleh memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negeri dalam jangka terdekat. Tahap keterbukaan dagangan dan integrasi rantai nilai Negeri Johor yang tinggi, kecenderungan perlindungan perdagangan di antara negara yang semakin meningkat dan ketegangan perdagangan yang tidak dapat diselesaikan menimbulkan risiko

ketara kepada pertumbuhan domestik Negeri Johor dalam jangka terdekat. Ketegangan perdagangan yang tidak dapat diselesaikan yang berpanjangan dapat diterjemahkan kepada ketidakpastian yang semakin tinggi, yang mengakibatkan penurunan sentimen perniagaan global, seterusnya menjejaskan sebarang potensi keuntungan jangka pendek berikutan pengalihan perdagangan dan pelaburan dari China. Kitaran teknologi global yang matang juga boleh menyumbang kepada ketidakpastian yang semakin meningkat dan pertumbuhan lebih lembap. Penunjuk awal perlambatan telah berlaku dalam penyederhanaan pembuatan E&E berikutan permintaan global yang lemah pada suku pertama 2019, yang mengakibatkan penurunan eksport perkilangan.

Jadual 5.8 Iskandar Malaysia: Sumbangan Sektor Kepada KDNK Negeri, 2018, 2019

SEKTOR	NILAI DITAMBAH (RM JUTA) (2015=100)		SUMBANGAN (%)	
	2018	2019	2018	2019
Sektor Perindustrian	37,811	39,912	42.5%	42.4%
Pembuatan	30,863	32,486	34.7%	34.5%
Pembinaan	6,948	7,426	7.8%	7.9%
Sektor Perkhidmatan	49,757	52,799	56.0%	56.1%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	11,992	12,820	13.5%	13.6%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	14,508	15,394	16.3%	16.3%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	11,814	12,559	13.3%	13.3%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	5,165	5,480	5.8%	5.8%
Perkhidmatan Kerajaan	6,276	6,546	7.1%	7.0%
campur Duti import	1,356	1,465	1.5%	1.6%

Sumber : Anggaran bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Peningkatan ketidakpastian mengenai persekitaran luaran juga boleh membawa kepada sentimen perniagaan yang lebih lemah dan kepada pelaburan yang sederhana secara keseluruhannya. Beberapa indikator sentimen perniagaan memberi petunjuk bahawa pihak peniaga sangat kurang optimis dalam jangka pendek dalam konteks pertumbuhan global yang perlahan dan ketidakpastian dasar yang berpanjangan. Di samping itu, terdapat tanda-tanda firma yang melambatkan pengambilan pekerja, pembinaan kapasiti dan aktiviti pengembangan, yang berpotensi menjeja momentum pertumbuhan ekonomi.

Tahap hutang awam yang agak tinggi akan terus menimbulkan kekangan terhadap ruang polisi fiskal. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kutipan hasil dan mempelbagaikan asas hasil, termasuk penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai dan pengenalan

beberapa cukai baru. Kesan keseluruhan langkah-langkah ini, bagaimanapun, dijangka kecil dalam tempoh terdekat.

Tahap hutang awam yang tinggi tanpa diiringi oleh langkah-langkah memperolehi pendapatan yang berpadanan, akan menghadkan fleksibiliti di dalam langkah-langkah pelarasan fiskal ke atas kejutan makroekonomi yang mungkin berlaku pada masa depan. Di samping itu, terdapat jaminan kerajaan yang telah dikomitkan dan komitmen-komitmen lain yang agak besar oleh kerajaan, seperti yang terwujud oleh perkongsian awam-swasta, yang akan memberi tekanan tambahan terhadap ruang polisi fiskal dalam jangka panjang. Di sektor swasta, hutang isi rumah yang agak tinggi dalam pasaran hartanah akan berterusan kekal sebagai sumber risiko kepada kestabilan kewangan makro, serta bertindak sebagai kekangan ke atas perbelanjaan isi rumah.



BPEN JOHOR

BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

ARAS 1 & 2 BLOK B, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD, KOTA ISKANDAR,
79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR.

TEL : +607 266 6618 FAKS : +607 290 9922

<https://bpen.johor.gov.my>

